

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 24

Selasa

21 Disember 2010

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2011 (Halaman 27)

Rang Undang-undang Agensi Inovasi Malaysia 2010 (Halaman 149)

Rang Undang-undang Fi (Jabatan Meteorologi Malaysia) (Pengesahan) 2010 (Halaman 167)

Rang Undang-undang Pemberi Pinjam Wang (Pindaan) 2010 (Halaman 174)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 47)

20 Disember 2010

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim (Kelantan)
8. “ Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
9. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Luar Negeri I*
10. “ Tan Sri Datuk Amirsham bin A. Aziz (Dilantik)
11. “ Datuk Dr. Awang Adek Hussein (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan II*
12. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
13. “ **Tuan Boon Som a/l Inong (Dilantik)**
14. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
15. “ **Puan Chew Lee Giok (Dilantik)**
16. “ Dato' Daljit Singh Dalliwal (Dilantik)
17. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
18. “ Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik)
19. “ Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
20. “ Datuk Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
21. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
22. “ Tuan Gan Ping Shou @ Gan Ping Sieu (Dilantik)
23. “ Puan Heng Seai Kie (Perak) – *Senator – Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
24. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
25. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
26. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
27. “ Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin (Dilantik)
28. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
29. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
30. “ Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)

31. “ Datuk Maglin a/l Dennis D’Cruz
32. “ Datuk Maijol Mahap (Sabah)
33. “ Dr. Malasingam a/l Muthukumar (Dilantik)
34. “ **Puan Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)**
35. “ Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
36. “ Dato’ Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Sumber Manusia*
37. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
38. “ Dato’ Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
39. “ Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
40. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
41. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
42. “ Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
43. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
44. “ Dato’ Murugiah a/l Thopasamy (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
45. “ Dato’ Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
46. “ Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
47. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
48. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
49. “ Dato’ Palanivel a/l K. Govindasamy (Dilantik)
50. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
51. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
52. “ Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator*
– *Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
53. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
54. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W.P. Kuala Lumpur)
55. “ Dato’ Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Senator*
– *Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
56. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
57. “ Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
58. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
59. “ Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
60. “ Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
61. “ Dato’ Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
62. “ Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
63. “ Dato’ Zaitun binti Mat (Pahang)

64. “ Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Dato' Ngah Senik

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Ikmalrudin bin Ishak

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Hajah Supiah binti Dewak
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Sharifah Zaiton binti Ku Chik
Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Zaidi bin Mahmood
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Hazrul bin Sharif
Nurul Aishah binti Sha'arin
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 21 Disember 2010

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah insentif dan galakan yang diberi kepada syarikat-syarikat tempatan yang membuat pelaburan domestik (DDI) sepertimana yang dinikmati oleh syarikat-syarikat luar multinasional yang membuat Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia selama ini (contoh: *tax holiday*).

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum itu Dewan Negara mengalu-alukan dan ucap terima kasih atas kesudian Yang Berhormat Menteri datang sendiri untuk menjawab soalan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam 1Malaysia Yang Berhormat Senator, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat. Terima kasih saya diberikan peluang untuk menjawab soalan pertama. Soalan ini adalah berkaitan dengan galakan yang diberikan kepada syarikat-syarikat tempatan dan syarikat-syarikat dari luar negara dengan ringkasnya DDI dan FDI. DDI merujuk kepada *Domestic Direct Investment*, FDI ialah *Foreign Direct Investment*.

Soalannya Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat ingin mengetahui sama ada galakan yang diberikan kepada pelabur-pelabur dalam negara itu adalah setara ataupun sama dengan galakan-galakan yang diberikan kepada pelabur asing. Saya ingin maklumkan Yang Berhormat Senator bahawa ada beberapa bentuk galakan yang diberikan. Bentuk utama ialah dalam pengecualian cukai pendapatan yang mana syarikat-syarikat yang layak akan diberikan pengecualian cukai antara lima tahun sehingga sepuluh tahun untuk 70% ataupun 100% juga akan diberikan. Ini bergantung pada industri ataupun sektor-sektor yang digalakkan. Secara umumnya di bawah perancangan kerajaan ada 12 sektor dalam sektor pembuatan, lapan dalam sektor perkhidmatan dan di bawah satu kelompok itu banyak lagi sektor-sektor. Senarai produk dan projek yang digalakkan ini dikaji oleh kerajaan dari semasa ke semasa. Liputannya amat luas. Itu bentuk yang pertama iaitu dalam bentuk *tax holiday* ataupun dalam bentuk pengecualian cukai.

Keduanya ialah dalam bentuk pengecualian duti import. Jika sekiranya pelabur hendak mengimport sama ada mesin ataupun bahan mentah *raw material* bagi digunakan dalam proses pengeluarannya, maka syarikat-syarikat sama ada dalam ataupun luar negara, layak untuk mendapat pengecualian cukai. Begitu jugalah cukai jualan, bergantung pada produk tertentu, syarikat-syarikat layak untuk memohonnya. Jadi, secara ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, kita tidak membezakan insentif yang diberikan kepada pelabur dalam luar negara, tidak dibezakan. Sama sahaja. Apa yang diberikan kepada syarikat-syarikat asing FDI, juga layak diberikan kepada syarikat-syarikat dalam negeri. Ini penting.

Kita tidak boleh membezakan *treatment* ataupun cara kita melayan syarikat-syarikat ini khusus dalam konteks Program Transformasi Ekonomi, *Economic Transformation Programme* (ETP) yang mana 73% daripada pelaburan dijangka datang daripada sektor domestik. Lebih-lebih lagi kita perlu beri galakan. Cuma 27% daripada pelaburan dalam tempoh sekarang sehingga 2020 dijangka datang dari luar negara, 73% dijangka datang daripada sumber dalam negara. Oleh kerana tumpuan utama adalah pada DDI ataupun pelaburan dalam negara adalah wajar kita berikan tumpuan yang sama.

Saya ingin maklumkan juga bahawa kerajaan sedang mengkaji secara menyeluruh insentif ini. Kita sedang melihat bagaimana boleh kita galakkan lagi pelaburan domestik dalam konteks 73% sumber pelaburan akan datang adalah daripada sumber dalam negeri, 27% luar negara dalam konteks untuk kita meningkatkan peranan pelaburan dalam negara ataupun syarikat-syarikat tempatan. Maka kerajaan sedang melihat semula pada insentif-insentif bagaimana boleh kita galakkan Pelaburan Dalam Negara (*Domestic Direct Investment*).

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa menggulung perbahasan, setakat ini iaitu kalau kita ambil dalam tempoh 12 tahun dari tahun 1998 sehingga sekarang, pecahan *Domestic Direct Investment* ialah kira-kira 40% / 60% berbanding dengan 60% daripada projek-projek yang diluluskan datang dari luar negara, Cuma 40% dalam negara. Jadi, inilah cabaran yang kita hadapi. Sekarang ini nisbahnya 60:40, 60 luar dan 40 dalam negara. Dalam tempoh 10 tahun akan datang, nisbah ini akan berubah yang mana 73% akan datang daripada sumber-sumber dalam negara dan 27% daripada FDI. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri untuk menjawab soalan dengan jelas. Cuma soalan tambahan saya memandangkan kerajaan bersungguh-sungguh menggalakkan pelabur-pelabur domestik ini melabur di dalam negeri, apakah pelabur-pelabur ini ataupun pihak kerajaan memantau pelabur-pelabur tempatan kita ini menggunakan ataupun memanfaatkan sumber-sumber tempatan yang utamanya seperti tenaga pekerja daripada semua peringkat,

kontraktor dan subkontraktor, *consultancy* dan sebagainya agar masyarakat tempatan dapat bersama-sama membangunkan sektor-sektor yang disebutkan.

■1010

Kedua sehubungan dengan perkara yang sama juga, apakah peranan pelabur-pelabur tempatan ini tadi dapat memenuhi dari sudut *corporate social responsibility* ataupun tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dan negara ini untuk sama-sama menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan? Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Ahamat. Ada dua soalan, pertama setakat mana pelabur-pelabur ini menggunakan sumber tempatan. Kedua soalan berkaitan dengan tanggungjawab sosial. Mengenai soalan pertama, memanglah menjadi hasrat kerajaan untuk memastikan bahawa setiap pelaburan asing khususnya memberi impak yang maksimum kepada ekonomi tempatan. Yang Berhormat Tuan Ahamat tadi sebut tentang tiga perkara iaitu sumber tenaga ataupun *human resources*, konsultasi, dan kontrak.

Saya mulakan dengan sumber tenaga dahulu. Jikalau saya mengambil contoh sektor pembuatan, setahun dahulu kita ada lebih 700 ribu pekerja asing dalam sektor pembuatan dan hari ini kita ada lebih kurang 430 ribu. Ada pengurangan kira-kira 300 ribu dalam tempoh setahun. Ini ada kaitan dengan usaha-usaha yang telah kita lakukan iaitu beberapa syarikat telah *automate* menggunakan mesin dengan menggantikan sumber manusia tenaga asing.

Di ladang-ladang kelapa sawit umpamanya telah diperkenalkan satu jenis kaedah baru untuk menuai kelapa sawit. Saya difahamkan sekarang ini kira-kira lima ribu daripada alat ini telah pun dijual kepada pengusaha-pengusaha kelapa sawit. Jikalau dahulunya mungkin kerja yang perlu tenaga kerja tiga orang, sekarang perlu seorang sahaja dengan penggunaan alat baru ini. Jadi kerajaan amat sedar setiap pelaburan yang kita dapat dari luar negara ataupun dalam negara kerana kita tahu juga pelabur-pelabur tempatan pun memerlukan pekerja asing, jadi kita cuba sedaya upaya.

Dalam pada itu saya ingin maklumkan bahawa kita tidak boleh hendak menggantikan sepenuhnya dengan izin *total replacement* kerana rakyat Malaysia sesetengah pekerjaan itu mereka kurang berminat umpamanya dalam sektor pembinaan, perladangan dan begitu juga dalam sektor *domestic help* umpamanya pembantu rumah. Jadi kita menyedari bahawa kita akan perlu terus menggunakan tenaga kerja asing dan itu hakikatnya. Dalam pada itu kita akan cuba sedaya upaya dalam memastikan bahawa rakyat Malaysia akan mendapat faedah sepenuhnya daripada pelaburan asing yang datang ke dalam negara supaya memberi kesan yang maksimum kepada penggunaan sumber tenaga tempatan.

Berkaitan dengan kontrak dan juga konsultasi ini kita cuba memastikan apabila kilang atau syarikat yang melabur mereka perlukan bangunan sama ada di Melaka, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama Yang Berhormat Ketua Menteri Melaka merasmikan kilang solar di Melaka. Yang Berhormat Datuk Akbar pun hadir di mana SunPower ini sebuah

syarikat solar bercadang untuk tambah pelaburan. Dalam pembinaan bangunan-bangunannya sudah pasti melibatkan kontraktor tempatan.

Berkaitan dengan bahagian kedua iaitu tanggungjawab sosial. Ini juga sudah menjadi sebahagian dan sudah pun diintegrasikan dalam kegiatan-kegiatan syarikat. Ini sudah menjadi satu keperluan, jika dahulu banyak syarikat yang mungkin enggan dan hari ini ada di antara mereka seolah-olah berlumba-lumba tetapi kita belum lagi berpuas hati. Umpamanya beberapa syarikat multinasional memberikan biasiswa, tiga minggu lepas saya menyampaikan dua biasiswa kepada dua orang pelajar tempatan yang diberikan oleh sebuah syarikat Jepun untuk belajar *Masters* di sana.

Kita tengok umpamanya dalam akhbar hari ini pun ada sebuah syarikat multinasional antarabangsa yang menawarkan – sudah dua tiga hari dan saya tidak mahu sebut nama syarikatnya yang menawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar tempatan untuk belajar di luar negara juga.

Jadi pendidikan merupakan bidang utama yang diceburi oleh syarikat-syarikat dalam dan luar negara untuk menunaikan tanggungjawab sosial mereka. Syarikat-syarikat di bawah kumpulan Khazanah banyak memberikan sumbangan umpamanya Malaysia Airlines System ada program untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di beberapa sekolah di seluruh negara. Jadi ini satu perkara yang baru jika lima tahun dahulu ada tetapi jarang-jarang sangat. Akan tetapi sejak akhir-akhir ini kita dapati agenda ini sudah dijadikan sebagai agenda dengan izin *integral part of the agenda of companies in Malaysia*, jadi kita ucap terima kasih. Namun belum lagi mencukupi dan kerajaan sentiasa menggalakkan.

Apabila mereka mengeluarkan *annual report* atau laporan tahunan, semua syarikat umpamanya yang disenaraikan di bursa saham, mereka diwajibkan untuk mengeluarkan laporan tahunan. Dalam laporan tahunan mereka menceritakan dengan agak terperinci segala bentuk CSR yang dilaksanakan oleh mereka. Jadi ini satu perbezaan kerana kalau dahulu tidak ada langsung disebut tentang CSR dalam laporan tahunan mereka dan hari ini mereka memberi perhatian. Malah ada beberapa syarikat yang mengambil *senior staff* untuk menjaga CSR ini dalam memastikan syarikat menunaikan tanggungjawab. Jadi kita ucapkan terima kasih tetapi kita belum lagi berpuas hati dan kita berharap lebih banyak lagi syarikat-syarikat dalam dan luar negara yang akan melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat Malaysia.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri kerana hadir sendiri di Dewan yang mulia ini. Salah satu prasyarat untuk melonjakkan negara kita ke tahap berpendapatan tinggi dari segi GNI per kapita ialah menarik pelaburan swasta DDI dan FDI sebanyak RM115 bilion setahun. Bolehkah kita berkongsi dengan Yang Berhormat Menteri di Dewan yang mulia ini apakah prakarsa-prakarsa baru di luar kotak atau alaf *blue ocean strategy* untuk menarik pelaburan sebanyak itu yang akan

bermula dalam masa 10 hari lagi terutama di bawah landskap geopolitik dan ekonomi global yang *hostile* dengan izin? Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Akbar. Pertamanya saya ingin memberikan sedikit penjelasan tentang angka RM115 bilion itu. Ini adalah angka purata bagi tempoh lima tahun, maknanya kadang-kadang turun dan naik. Namun dalam tempoh tahun 2011 tahun depan sehingga tahun 2015 puratanya ialah RM115 bilion.

Sebenarnya pada tahun hadapan 2011, anggaran kita ialah RM83 bilion dan itu jangkaan kita. Akan tetapi di mana hujungnya angka purata lebih tinggi setahun RM115 bilion. Itu sebagai penjelasan kepada Yang Berhormat iaitu *target* kita untuk pelaburan tahun depan ialah RM83 bilion.

Jadi soalnya apakah kaedah baru, bagaimana kita hendak pastikan bahawa *target* ini tidak kiralah RM115 bilion atau RM83 bilion dicapai. Saya hendak maklumkan Yang Berhormat bahawa kerajaan telah memperkenalkan beberapa pembaharuan. Ini sebahagian daripada agenda transformasi yang telah diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di mana bukan sahaja kita ada perancangan ataupun program yang terperinci – 131 EPP, projek-projek yang telah pun dikenal pasti yang akan menjana GNI sebanyak USD444 bilion dalam tempoh 10 tahun, itu program atau pelan. Akan tetapi yang berbeza hari ini satu *action plan* atau pelan tindakan yang terperinci di mana ada satu mekanisme dalam kerajaan di mana setiap kami ada 12 *lab* yang meliputi beberapa sektor – saya sendiri mengepalai satu *lab* iaitu *electrical and electronic lab* diwajibkan bermesyuarat sebulan sekali untuk memantau kemajuan projek-projek yang dilaksanakan.

Selain itu ada satu jawatankuasa di bawah saya dan Yang Berhormat Menteri CEO PEMANDU Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala di panggil Jawatankuasa Pelaburan yang bermesyuarat dua minggu sekali. Jadi segala masalah dan halangan akan kita tangani dan kita akan cuba selesaikan.

▪1020

Jadi saya hendak berkongsi dengan Ahli Yang Berhormat bahawa kaedahnya bukan sahaja perancangan, bukan sahaja pelan, bagus ada pelan tetapi pelan tindakan yang begitu terperinci dua minggu sekali bermesyuarat Jawatankuasa Pelaburan, sebulan sekali mesyuarat jawatankuasa, *Steering Committee*, Jawatankuasa PEMANDU mengenai 12 lab tadi dan sebulan sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan pelaksanaan projek-projek ini.

Dua pengumuman telah pun dibuat semasa dilancarkan pada bulan Oktober. Yang Berhormat mengumumkan di PWTC sembilan projek EPP yang sudah pun dilaksanakan, Schlumberger sebagai contoh telah menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau untuk *better processing and services* dan telah pun beroperasi. Itu adalah pengumuman sembilan projek besar yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri pada bulan Oktober dan pada bulan November sembilan lagi diumumkan, manakala pada bulan Disember oleh sebab mungkin ramai

yang bercuti, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat keputusan supaya kita berehat pada bulan Disember dan akan diadakan pengumuman pada bulan Januari.

Jadi Perdana Menteri telah menetapkan bahawa setiap bulan akan dibuat pengumuman dan kita ada 131 ETP, yang baik, elok dan berbeza dan akan diberikan *star* iaitu 5 *star*, 4 *star* dan 5 *star*, itu bermakna *ready to take-off* dengan izin, manakala 1 *star* adalah bermasalah dan ini adalah tugas kami selaku Pengerusi Jawatankuasa PEMANDU ini, 12 kesemuanya untuk memantau setiap bulan, maka jika terdapat masalah dengan imigresen umpamanya, ada ketua eksekutif pelabur asing yang diperlukan ada lambat dengan imigresen, maka jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah dan ini adalah pendekatan baru.

Satu lagi pendekatan baru di mana pihak PEMANDU telah menulis surat kepada 8,000 buah syarikat di dalam negara kita, 8,000 dituliskan surat besar dan kecil diminta, disebut serta dinyatakan apa perancangan pada 2011, yang mana belum pernah dilakukan sebelum ini. Dahulu dia datang kepada kami untuk meminta insentif, kita respons tetapi hari ini kita proaktif menulis surat 8,000 surat kepada semua syarikat di dalam dan luar negara, syarikat kecil dan besar dan banyak daripada mereka sudah pun menghantar respons jawapan dan ini juga akan dijadikan panduan. Maknanya mereka jawab surat ini, menyatakan berapa pelaburan termasuk syarikat-syarikat berkaitan kerajaan, berapakah pelaburan yang hendak dilaksanakan dan kita akan *follow up*, ini kaedah-kaedah baru dan tiga, empat hari yang lalu Yang Amat Berhormat telah mengumumkan tentang projek baru MRT di Kuala Lumpur. Ini melibatkan pelaburan dalam negara dan ada kaitan dengan soalan Tuan Ahmad tadi, iaitu pelaburan ini untuk mengadakan satu sistem pengangkutan awam yang canggih di Kuala Lumpur ini, yang mana kebanyakannya melibatkan pelaburan domestik.

Jadi ini juga Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa pembinaannya akan bermula pada bulan Julai. Ada *targets*, ada *dateline* yang tetap dan kaedahnya begitu mantap sekali dan kita cukup yakin dengan *approach* yang *hands on* ini, dengan pemantauan yang begitu rapi, maka apa juga pelan dan program yang telah diumumkan itu baik untuk pelaburan asing mahupun pelaburan dalam negara akan dapat kita laksanakan seperti mana yang kita rancang. Terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri, mengikut laporan PBB, pelaburan FDI 2010 Malaysia mencapai kadar penurunan yang begitu ketara, di mana pada tahun 2008 sebanyak RM23.47 bilion tetapi pada tahun 2009 cuma RM19.04 bilion. Ini menunjukkan kepada kita bahawa tidak boleh lagi selamanya bergantung kepada FDI, seperti pandangan banyak pihak termasuk mantan Perdana Menteri bahawa kita juga patut memberikan ruang dan memastikan DDI dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyebut bahawa insentif yang diberikan kepada FDI dan DDI adalah sama, pertanyaan tambahan saya, adakah kerajaan tidak bercadang untuk insentif kepada DDI ini diberikan lebih daripada apa yang diberikan kepada FDI.

Yang keduanya bagaimanakah tindakan akan dilakukan oleh kerajaan untuk mengawal pengaliran wang keluar apabila sektor sama ada FDI atau DDI ini terlalu banyak mengambil pekerja asing, di mana menyebabkan aliran wang ke luar negara begitu banyak. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad, saya hendak membuat sedikit penjelasan. Memang benar angka-angka pelaburan FDI tahun 2009 menurun, tetapi saya telah mengeluarkan kenyataan dua minggu yang lalu, bahawa untuk tempoh sembilan bulan pertama tahun ini sudah pun meningkat tiga kali ganda jumlah FDI daripada tahun lepas. Jadi keseluruhan pada tahun lepas angkanya kira-kira RM5 bilion untuk seluruh Januari hingga Disember, tetapi untuk sembilan bulan tahun ini sudah melebihi RM17 bilion, peningkatan lebih tiga kali ganda. Jadi ini adalah putar belit pembangkang dalam Dewan Rakyat dan medan-medan lain, saya rasa bertanggungjawab untuk menjawab dan saya sudah pun menjawabnya, tetapi saya berdukacita kerana tidak ada sedikit pun di dalam blog-blog yang dahulunya kuat menghentam saya dan kerajaan agar berhenti serta meletak jawatan sebagainya. Manakala apabila angka telah meningkat tiga kali ganda, semuanya senyap sahaja dan itu adalah biasa, saya hanya hendak memperbetulkan angka-angka.

Sebenarnya sembilan bulan pertama tahun ini peningkatan lebih tiga kali ganda, sembilan bulan telah lebih tiga kali ganda dibandingkan dengan seluruh tahun lepas, itu sebagai penerangan dan penjelasan. Soalan Yang Berhormat tadi yang pertama berkaitan dengan insentif sama ada kita hendak memberi lebih, saya telah memaklumkan tadi. Jadi, daripada sekarang hingga 2020, di bawah Program Transformasi Ekonomi, kita semua telah membaca buku ini dan semua Ahli Yang Berhormat mempunyai buku ini, buku ringkas dan yang tebal itu ada juga dan di dalam ini sudah pun dijelaskan, bahawa seperti yang saya sebutkan di dalam jawapan tadi 73/27.

Maknanya 73% kita jangka datang daripada pelaburan di dalam negara dan 27% daripada luar negara, ini telah menjawab soalan Yang Berhormat iaitu pelaburan asing tetap relevan, tetap penting. Kita sebagai sebuah negara terbuka perlu pelaburan asing tetapi kita hendak meningkatkan peranan pelaburan swasta. Jadi hampir 73% adalah daripada dalam negara dan memanglah kita akan, termasuklah saranan mantan Perdana Menteri Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir, kita sudah ambil kira saranan Yang Amat Berbahagia Tun supaya kita memberikan tumpuan lebih kepada pelaburan domestik dan telah pun kita ambil kira iaitu 73%. Di dalam jawapan saya tadi Tuan Yang di-Pertua telah menyebut kerajaan memandang peri pentingnya pelaburan domestik, ini kerajaan sedang dalam proses untuk mengkaji apa lagi yang perlu kita lakukan dan sekarang ini sama. Maknanya apa yang kita berikan kepada

pelaburan asing juga kita berikan kepada pelabur-pelabur tempatan, itu keadaan sekarang. Jadi oleh sebab pelaburan dalam negara ini akan memainkan satu peranan penting, kita sedang mengkaji apa lagi yang boleh kita lakukan dan perlu kita lakukan untuk menggalakkan pelaburan domestik.

Di dalam dialog kita dengan pelabur-pelabur domestik antara perkara yang mereka bangkitkan ialah kerenah birokrasi, lambat untuk kita bertindak dan ini kita telah tangani melalui PEMUDAH, banyak tindakan yang telah kita ambil dan kita akan terus memperbaiki iklim pelaburan supaya pelabur-pelabur tempatan lebih berminat untuk melabur di dalam negara kita. Soal yang kedua ialah aliran keluar wang, setahun lalu kita ada dua juta pekerja asing dan sekarang ini sekitar 1.2 atau 1.3, penurunan yang ketara.

Jadi saya maklumkan Yang Berhormat angka-angka ini mungkin diberikan oleh kementerian yang berkenaan, tetapi dalam setahun lalu terdapat penurunan yang ketara dalam bilangan pekerja asing di negara kita. Jadi ini kita tidak boleh hendak elakkan, kalau pembantu rumah bekerja di Malaysia maka mereka sudah pasti datang untuk membantu keluarga mereka, mereka hantar balik wang ke Indonesia dan negara-negara lain. Begitu juga pekerja Malaysia yang bekerja di Arab Saudi, Qatar umpamanya ada 3,000 rakyat Malaysia yang bekerja di Qatar dan kita ada 7,000 rakyat Malaysia yang bekerja di UAE, di Timur Tengah, Arau Saudi mungkin 5,000-6,000. Jadi mereka juga menghantar wang kepada keluarga masing-masing, ini satu *phenomenon* yang tidak boleh kita elakkan. Jadi rakyat Malaysia bekerja di Qatar, mereka seorang diri dan anak bersekolah di Malaysia, dan isteri juga di Malaysia, maka mereka akan menghantar wang. Dan pekerja Indonesia pun datang ke Malaysia, mereka ada keluarga di Indonesia, maka mereka akan menghantar wang ke Indonesia, itu *phenomenon* yang kita tidak boleh elakkan. Tetapi yang pentingnya kerajaan, faedah daripada kehadiran pekerja asing itu melebihi dalam lain perkataan pendapatan yang kita jana, hasil daripada kehadiran pendatang asing itu hendaklah melebihi wang yang keluar.

■1030

Pada pandangan kerajaan, manfaat daripada kehadiran pekerja asing adalah jauh melebihi pada kosnya. Kosnya termasuklah pengaliran wang keluar. Jadi yang pentingnya bukan berapa keluar akan tetapi yang penting kita lihat dari segi keseluruhannya. Kita harus ambil pendekatan holistik. Jadi kalau secara keseluruhannya ia memberi manfaat kepada negara maka kita akan teruskan dasar.

Maka itu dasar kerajaan hari ini ialah terus untuk mengambil pekerja asing, perlu cuma bilangannya kita akan kaji semasa ke semasa. Jadi itulah jawapan daripada soalan Yang Berhormat. Pengaliran wang keluar ini tidak boleh kita elakkan. Macam mana juga rakyat Malaysia bekerja di Qatar, yang memandu kapal terbang kah, yang bekerja dengan Qatar Petroleum kah, yang bekerja di Saudi Arab Co. kah, anak bini di Malaysia, mereka hantar wang ke Malaysia.

Jadi Arab Saudi Qatar itu pengaliran wang keluar daripada Qatar ke Malaysia. Maka fenomena yang sama juga berlaku bagi pekerja asing di Malaysia. Akan tetapi yang penting secara keseluruhannya semua ini kita rasa akan membantu, akan menjana pendapatan yang lebih untuk negara kita, terima kasih.

2. Tuan Lee Cheam Choon minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh kementerian atau pihak kerajaan untuk menangani masalah pemegang visa pelancong dan juga pelajar luar yang menggunakan visa pelancong atau pelajar untuk masuk ke Malaysia tetapi terlibat dengan masalah sosial seperti penipuan, pelacuran dan menjadi pelayan di pusat-pusat hiburan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat kerana pertanyaan soalan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan komited dalam membanteras jenayah yang berlaku di Malaysia terutamanya yang membabitkan warga asing. Bagi mengawal penyalahgunaan pas di kalangan warga asing, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mengguna pakai beberapa mekanisme pemantauan terhadap kehadiran mereka di Malaysia.

Sewaktu kemasukan Malaysia, maklumat seperti tujuan kemasukan dan alamat perhubungan direkodkan melalui penggunaan kad ketibaan pelepasan, *arrival and departure card*. Bagi warganegara asing yang berada di Malaysia untuk tempoh jangka masa panjang JIM akan melakukan pemantauan apabila warga negara asing yang ingin memperbaharui pas mereka. Ini membolehkan maklumat-maklumat warga asing dapat di kemas kini.

Selain daripada itu, JIM juga melakukan naziran secara berkala terhadap pemegang pas termasuklah operasi-operasi penguatkuasaan bersama agensi-agensi yang berkaitan. Kementerian Dalam Negeri juga sedang mengkaji untuk mewajibkan semua hotel dan institut pengajian tinggi swasta menyerahkan senarai nama pelancong dan pelajar antarabangsa yang berada di Malaysia kepada balai-balai polis berhampiran bagi memantapkan lagi kaedah pemantauan golongan ini.

KDN juga sentiasa menguatkuasakan undang-undang dengan tegas bagi memastikan warga asing yang melakukan kesalahan tidak mengulanginya di samping memberi pengajaran kepada yang lain. Dalam hal ini warga asing termasuklah pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan 39(b), Peraturan-peraturan Imigresen 1963 iaitu kesalahan penyalahgunaan pas dan di bawah seksyen 15(4) Akta Imigresen 1959 iaitu kesalahan tinggal lebih masa, boleh didakwa dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda, di penjara, boleh disenaraihitamkan dan diusir ke negara asal mereka. Terima kasih.

Tuan Lee Cheam Choon: Terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapannya. Seterusnya soalan tambahan saya adalah begini. Adakah kementerian sedari bahawa warganegara asing sebagai pemegang visa pelancong yang datang menjadi pelayan di pusat-

pusat hiburan sering boleh memasuki ataupun boleh memasuki negara kita berulang kali tanpa menghadapi apa-apa masalah.

Mereka dapat berbuat demikian adalah kerana ada *lane* atau lorong pemeriksaan imigresen ataupun *check point* yang tertentu bagi kemudahan kepada mereka. Mereka hanya membayar RM500 setiap kali, itu yang soalan pertama. Keduanya, jikalau dapat kesan perkara ini apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian untuk mencegah perkara sedemikian, terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat menitikberatkan keselamatan negara dan tidak teragak-agak ambil tindakan keras ke atas anggota ataupun pegawai yang didapati melanggar undang-undang. Sehingga Oktober 2010, 11 orang kakitangan imigresen dan lapan orang awam telah ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia kerana disyaki terbabit kegiatan rasuah sehingga menyebabkan pintu keluar masuk negara mudah dibolosi pendatang asing tanpa izin.

Daripada jumlah tersebut, seramai 10 individu termasuk lapan kakitangan Jabatan Imigresen dan dua warga asing telah ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana disyaki terbabit dalam kegiatan penyeludupan warga asing ke negara ini. Selain daripada itu kementerian juga telah menukarkan 20 anggota dan pegawai Imigresen di Pelabuhan Klang ke cawangan lain.

Kementerian ini juga bersedia untuk menerima sebarang aduan ataupun maklumat mengenai sebarang kes salah laku pegawai-pegawai Imigresen. Siasatan lanjut akan diadakan bagi memastikan kes-kes sedemikian dapat dibendung. Terima kasih.

3. Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd Nor minta Perdana Menteri menyatakan berkenaan Biro Bantuan Guaman:-

- (a) berapakah jumlah laporan kes yang diterima untuk tiga tahun terakhir; dan
- (b) berapakah kes yang berjaya diselesaikan daripada tiga tahun terakhir itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Hajah Wan Hazani atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua Biro Bantuan Guaman yang telah ditubuhkan pada September 1970 telah pun dinaiktarafkan pada 16 Januari 2010 dan kini dikenali sebagai Jabatan Bantuan Guaman (JBG) bukan lagi sebagai sebuah biro.

JBG seperti yang dikenali mengendalikan kes syariah, kes sivil dan kes jenayah. Jumlah kes yang didaftar dan diselesaikan oleh JBG bagi tahun-tahun 2007, 2008 dan 2009 adalah seperti berikut.

Pada tahun 2007 bilangan kes yang didaftarkan bagi kes syariah ialah 7,914 kes. Bagi kes sivil ialah 2,256 manakala bagi kes jenayah ialah 476. Bilangan kes yang telah pun selesai bagi tahun 2007, bagi kes syariah ialah 6,379, kes sivil adalah 1,631 manakala kes jenayah adalah 377.

Untuk makluman Yang Berhormat kes-kes bilangan yang telah pun selesai yang saya sebut tadi termasuk kes-kes yang telah dibawa ke hadapan daripada tahun-tahun sebelumnya, di *carry forward* kan. Jadi bagi tahun 2008, bilangan kes yang didaftarkan di bawah kes syariah ialah 8,208 kes, kes sivil ialah 2,252, kes jenayah 838.

■1040

Manakala bilangan kes yang selesai ialah 10,226, lebih daripada kes yang telah pun didaftar. Ini kerana seperti yang saya katakan tadi, kes-kes yang telah dibawa ke hadapan daripada tahun-tahun sebelumnya. Bagi kes sivil yang telah pun selesai bagi tahun 2008 ialah 2,511, bagi kes jenayah ialah 777.

Bagi kes pada tahun 2009 ialah kes syariah 8,973 yang didaftarkan, bagi kes sivil ialah 2,686 dan bagi kes jenayah ialah 979. Manakala kes yang telah pun selesai ialah 7,295 bagi kes syariah bagi kes sivil ialah 2,309 dan bagi kes jenayah ialah 811. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya ialah berapakah peruntukan yang diberikan kerajaan untuk digunakan oleh Jabatan Bantuan Guaman agar perkhidmatan-perkhidmatan jabatan ini dapat diketahui oleh penduduk-penduduk di pedalaman dan luar bandar khususnya? Kenapakah Jabatan Bantuan Guaman tidak menggunakan saluran NGO's atau penghulu-penghulu atau media massa untuk memberitahu kewujudan jabatan ini terutamanya di kawasan luar bandar. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Jabatan Bantuan Guaman yang telah pun ditubuh sejak tahun 1970 lagi sentiasa mengadakan program-program dan juga aktiviti-aktiviti kesedaran kepada penduduk-penduduk mengenai perkhidmatan yang diberikan kepada penduduk-penduduk ataupun mereka yang memerlukan perkhidmatan.

Bagi kes-kes seperti ini sentiasa diadakan program-program melalui radio, televisyen. Apabila mengadakan program di daerah-daerah berkenaan, saya telah pun sendiri terlibat dengan perkhidmatan kepada kampung-kampung dan juga kepada daerah-daerah berkenaan di mana majlis daerah apabila mengadakan program, mereka juga sering menjemput Jabatan Bantuan Guaman ataupun jabatan ini terlibat dengan program-program mereka.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bahawa mereka yang berkelayakan untuk mendapatkan bantuan ini ialah kepada mereka yang mengadakan pendapatan kurang daripada RM25,000 setahun di mana mereka akan mendapatkan bantuan secara percuma. Mereka yang berpendapatan di antara RM25,000 ke atas sampai RM30,000, mereka perlu bayar perkhidmatan

fi sebanyak RM300 sahaja untuk pihak Jabatan Bantuan Guaman untuk memberikan perkhidmatan percuma sekiranya mereka terlibat dalam kes seperti syariah, sivil dan juga jenayah.

Untuk makluman Yang Berhormat juga bahawa peruntukan yang diberikan kepada Jabatan Bantuan Guaman ialah RM16 juta, belanja keseluruhan bagi tahun 2010. Kerjasama untuk NGO untuk klinik guaman ini sentiasa dipromotekan dan promosi ini sentiasa dijalankan di seluruh negara. Sekian.

4. Dr. Malasingam a/l Muthukumar minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah kadar bantuan yang digariskan kepada ibu tunggal dan keluarga miskin. Apakah kadar ini seimbang dengan pembangunan pesat ekonomi penempatan mereka dan adakah bantuan ini benar-benar meringankan bebanan penerima.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Heng Seai Kie]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan pelbagai skim bantuan kebajikan kepada golongan yang memerlukan termasuk ibu tunggal dan keluarga miskin berdasarkan kriteria kelayakan yang ditetapkan. Bagi ibu tunggal yang mempunyai anak di bawah tanggungannya, skim bantuan kanak-kanak dengan kadar RM100 hingga RM450 sebulan dipertimbangkan mengikut bilangan anak yang dipeliharanya. Bagi keluarga miskin yang tidak mempunyai anak pula, skim bantuan am dengan kadar RM80 hingga RM350 sebulan dipertimbangkan mengikut keperluan keluarga selepas siasatan lapangan dijalankan.

Walau bagaimanapun, bagi kedua-dua kategori penerima bantuan ini yang masih produktif dan berupaya menjalankan aktiviti yang boleh menjana pendapatan kepada keluarga, maka kementerian juga menggalakkan mereka melibatkan diri dalam kegiatan yang boleh menghasilkan pendapatan. Bagi maksud tersebut, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan skim bantuan geran pelancaran dengan kadar RM2,700 sekali gus sebagai modal awal memulakan projek dan aktiviti yang bersesuaian dengan kemampuan klien.

Di samping itu, kementerian juga melalui NKRA turut menawarkan Projek 1AZAM seperti AZAM Tani, AZAM Niaga, AZAM Kerja dan AZAM Khidmat mengikut kesesuaian serta minat KIR yang berdaftar di bawah senarai e-Kasih. Projek 1AZAM ini merupakan pendekatan kementerian untuk menggalakkan dengan izin, *productive welfare*.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menemukan kadar bantuan dan kelayakan, pertimbangan bantuan diselaraskan dengan pembangunan ekonomi. Maka, kementerian juga menjalankan kaji semula pengurusan bantuan kebajikan dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, mulai tahun 2009, kadar kelayakan pendapatan keluarga pemohon bantuan telah dinaikkan daripada RM400 sebulan kepada pendapatan garis kemiskinan semasa iaitu RM720 sebulan bagi Semenanjung Malaysia, RM830 untuk Sarawak, RM960 untuk Sabah. Perkembangan ini dapat membantu

golongan yang memerlukan bantuan meringankan bebanan hidup mereka dan dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan selesa. Sekian, terima kasih.

Dr. Malasingam a/l Muthukumar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerajaan akan menimbangkan satu sistem seperti mana yang dilaksanakan oleh negara-negara maju, sebagai contoh *coupon system* atau *social security system*, dengan izin, bagi menyara dan membantu keluarga yang tidak berpendapatan. Memandangkan kementerian mempunyai banyak program-program yang membantu golongan sedemikian, apakah kementerian membuat sebarang kajian penambahbaikan dalam memastikan keberkesanan program ini serta mencapai hasrat dalam mengurangkan kadar kemiskinan. Jika ada, apakah masalah yang dikenal pasti yang menyebabkan bantuan ini sukar disampaikan? Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya *coupon system* ini adalah satu sistem yang diamalkan oleh negara kebajikan –negara maju, seperti UK, US, dan Sweden dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, Malaysia – walaupun kita mempunyai sebuah kerajaan yang amat prihatin terhadap kebajikan dan kepentingan rakyat, kita bukanlah sebuah negara kebajikan tetapi kita mengutamakan kebajikan rakyat.

■1050

Jadi, walaupun kita tidak mengamalkan kupon sistem di mana yang membolehkan klien itu mendapatkan bekalan makanan harian melalui NGO seperti yang diadakan di US tetapi untuk ibu-ibu tunggal dan juga golongan miskin kita berikan bantuan dalam bentuk kewangan. Contohnya seperti batuan kanak-kanak, orang tua, bantuan am, dan sebagainya.

Di sini juga saya ingin mengadakan konsep yang kita mengamalkan di Malaysia ialah semua segala bantuan ini adalah diberikan untuk tujuan sementara kerana kita tidak menggalakkan rakyat kita untuk bergantung pada kerajaan semata-mata ataupun buat selamanya. Apa yang kita pentingkan ialah apa yang kita panggil *productive welfare* dengan izin di mana semua golongan yang diberi bantuan itu akan kita cuba berikan latihan kemahiran hidup ke arah membantu mereka untuk meningkatkan pendapatan sekeluarga dan berdikari supaya satu hari nanti mereka boleh bebaskan diri daripada kepompong kemiskinan. Sekian, terima kasih.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya apakah langkah kementerian dalam menjalankan kerjasama dengan kerajaan negeri supaya tidak berlaku *overlap* dan golongan sasaran yang diberikan dapat bantuan yang sama rata? Apakah bantuan keutamaan yang diberikan juga kepada golongan miskin bandar dan diperincikan sejajar dengan arus ekonomi dan juga golongan yang semakin meningkat jumlahnya? Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang dikemukakan. Sebenarnya, Kerajaan Persekutuan sememangnya bekerjasama dengan semua

kerajaan Negeri di mana sesiapa yang mendapat bantuan kebajikan di peringkat negeri tidak akan diberi bantuan daripada Kerajaan Persekutuan dari jenis bantuan yang sama. Selain daripada itu, sebagai sokongan kepada kerajaan negeri, kita juga ada memberikan peruntukan kepada negeri-negeri umpamanya seperti negeri yang kerap dilanda bencana untuk bekalan di depot bencana sebanyak RM250,000. Contohnya kepada negeri Selangor, Kelantan, Kedah, Johor, dan Terengganu bagi belian keperluan alat-alat bencana.

Isu yang ketiga iaitu tentang kemiskinan bandar. Dalam kita memberi segala bantuan kebajikan sebenarnya kita tidak membezakan sama ada klien itu tinggal di kawasan bandar atau pun luar bandar. Siapa yang miskin dan siapa yang memerlukan bantuan akan dibantu tanpa mengambil kira latar belakang mereka. Okey, sekian terima kasih.

5. Tuan Muhammad Olian bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan mengapakah bajet RMKe-10 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) cuma diluluskan sebanyak RM9.4 juta bagi tahun 2011-2012 berbanding dengan peruntukan yang diluluskan di dalam RMK-9 iaitu sebanyak RM377.3 juta sedangkan keperluan pembangunan masyarakat Orang Asli ini semakin meningkat. Adakah ini menunjukkan kerajaan sudah berpuas hati dengan tahap pembangunan yang telah dinikmati oleh masyarakat Orang Asli?

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Haji Hasan bin Malek]:
Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Olian yang bertanyakan soalan berkenaan dengan masyarakat Orang Asli. Terima kasih. Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui Jabatan Hal Ehwal orang Asli atau pun JHEOA telah merangka pelbagai program serta projek yang akan dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dan telah mengemukakan permohonan peruntukan pembangunan sebanyak RM333.5 juta bagi tahun 2011 dan 2012.

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, JHEOA telah diluluskan peruntukan sebanyak RM9.4 juta dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu untuk tahun 2011 dan 2012. Peruntukan tersebut hanya tertumpu pada pelaksanaan projek pembangunan dan ekonomi iaitu sebanyak RM4.1 juta meliputi Projek Tanaman Kontan, Bantuan Input Pertanian, Kebun Dapur, Ternakan Ikan, dan sebagainya. Manakala sebanyak RM5.3 juta pula di peruntukan bagi kerja-kerja ukur di kawasan penempatan Orang Asli.

Pihak kementerian mengakui bahawa masih banyak lagi peruntukan yang diperlukan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk meneruskan kesinambungan pembangunan masyarakat Orang Asli seperti penyediaan kemudahan prasarana dan infrastruktur, pembangunan tanah Orang Asli menerusi Projek Perladangan, Kursus dan Latihan, Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan, Program Pembangun Pendidikan, dan sebagainya. Walaupun peruntukannya disediakan bagi tahun 2011/2012 agak kecil JHEOA difahamkan bahawa peruntukan tambahan boleh dikemukakan kepada Unit Perancangan Ekonomi dalam Rancangan *Rolling Plan* mereka untuk dipertimbangkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian telah mengemukakan permohonan peruntukan tambahan Rancangan Malaysia Kesepuluh daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli berjumlah RM142.4 juta bagi tahun 2011 dan 2012. Namun begitu, permohonan peruntukan yang telah dikemukakan oleh pihak kementerian tersebut adalah tertakluk kepada bidang kuasa Kementerian kewangan dan Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri untuk memberi pertimbangan dan kelulusan. Sememangnya pihak kerajaan masih belum berpuas hati terhadap pembangunan masyarakat Orang Asli.

Oleh kerana itu, kita lihat pihak kementerian menerusi JHEOA ini terus mempergiatkan usaha-usaha ke arah kesejahteraan dan kemajuan golongan ini. Kita mengakui terdapat beberapa kejayaan telah dicapai melalui rancangan-rancangan Malaysia yang terdahulu sebelum ini dalam bidang pendidikan, keusahawanan, ekonomi, infrastruktur, dan kesihatan di kalangan mereka. Namun begitu, kita juga mengakui masih lagi terdapat banyak ruang penambahbaikan yang perlu kita laksanakan demi memastikan masyarakat Orang Asli ini terus terbela.

Oleh sebab itu, pihak kementerian sedang berunding dengan pihak Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri bagi mendapatkan peruntukan tambahan dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesepuluh sebagaimana hasrat Yang Berhormat Tuan Senator sendiri. Peruntukan yang diluluskan hari ini hanyalah untuk tempoh dua tahun iaitu 2011 dan 2012 sahaja. Pihak kementerian yakin permohonan peruntukan tambahan ini akan diberikan pertimbangan sewajarnya selaras dengan slogan 1Malaysia, '*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*'. Terima kasih.

Tuan Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, saya merasa agak hairan kenapa soalan ini sebenarnya saya tujukan kepada Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Jadi, kenapa soalnya dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah?

Tuan Yang di-Pertua, selaku wakil kepada masyarakat Orang Asli, saya masih mempunyai keyakinan dan kepercayaan bahawa pihak kerajaan akan terus memberikan tumpuan untuk membangunkan masyarakat peribumi ini. Oleh yang demikian, sekiranya peruntukan tambahan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi diluluskan, jadi apakah fokus yang akan diberi tumpuan oleh kementerian Yang Berhormat Dato'?

Dato' Haji Hasan bin Malek: Terima kasih Yang Berhormat. Sesuai dan tepatlah kedudukan yang Berhormat duduk di sini mewakili masyarakat Orang Asli yang sepanjang masa memberikan tumpuan dan perhatian kepada masalah ini. Terima kasih Yang Berhormat. Soalan yang Berhormat tadi sebenarnya kita telah diarahkan untuk menjawab ini dan saya hendak maklumkan bahawa siapa sahaja yang menjawab, semuanya adalah mewakili pihak kerajaan sama ada ia di pihak Unit Perancangan Ekonomi ataupun Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan sebagainya. Oleh kerana itu sama sahaja jawapan dia.

■ 1100

Kita berunding, kita bercakap – dan jawapan ini adalah samalah. Maknanya, mungkin esok EPU Jabatan Perdana Menteri menjawab ataupun Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah jawab, ia punya mauduk, tujuannya adalah sama, sebab kita adalah dalam sebuah kerajaan yang sama iaitu Kerajaan Barisan Nasional. Itu soalan yang pertama.

Kedua tadi ialah beliau yakin bahawa peruntukan tambahan ini akan dapat dipertimbangkan kerana kerajaan kita ini adalah sebuah kerajaan yang cukup prihatin kepada masalah rakyat. Slogan kita, 'Rakyat didahulukan' dan sebab itu keyakinan Yang Berhormat itu saya sambut bersama-samalah. Maknanya, kalau sudah diluluskan esok peruntukan tambahan yang telah pun kita buat ini, penumpuan kita kepada dua iaitu soal hendak membasmi kemiskinan masyarakat Orang Asli dan juga hendak meningkatkan ekonomi masyarakat Orang Asli itu. Maknanya, *dual attack* kepada masalah yang ada di kalangan masyarakat Orang Asli itu.

Untuk tujuan itu – kalau saya hendak *elaborate*kan apa yang akan kita laksanakan mungkin memakan masa, tetapi cukuplah dan memadamailah dengan penerangan saya ini bahawa dalam soal membasmi kemiskinan, daripada rekod kita menunjukkan apa yang kita buat selama ini telah dapat mencapai kejayaan. Hendak membasmi kemiskinan – misalnya tahun 2000 dahulu kemiskinan kita lebih kurang 83%, kita buat beberapa program aktiviti, dan pada tahun 2009 kadar kemiskinan itu telah dapat kita turunkan kepada 49% iaitu lebih kurang penurunan selama sembilan tahun lebih kurang 34.4% iaitu lebih kurang 51% terkeluar daripada golongan miskin tadi. Jadi inilah ia, dan inilah yang kita hendak tumpukan dan ini akan kita tingkatkan lagi pada masa-masa yang akan datang.

Oleh sebab itu peruntukan tambahan ini nanti esok, kita akan tekankan kepada lima fokus. Fokus kita yang pertamanya adalah dalam pendidikan. Kita hendakkan kita buat program memberi biasiswa kepada anak-anak masyarakat Orang Asli belajar dalam negara, luar negeri dan institusi pengajian tinggi.

Begitu juga dalam hal-hal prasarana – *basic infrastructure* ini sedang kita jalankan. Misalnya bekalan air, bekalan api elektrik dan juga jalan-jalan dan begitu juga pembinaan rumah-rumah kepada masyarakat Orang Asli.

Begitu juga dalam hal kesihatan. Misalnya tentang Pusat Transit. Yang Berhormat pun memang sedia maklum tentang Pusat Transit yang kita buat ini. Klinik ini sebenarnya diberikan kepada orang sakit tetapi orang sakit itu boleh bawa keluarga dia sekali bersama-sama di pusat transit ini. Ini kemudahan yang tidak ada terdapat dalam dunia-dunia lain. Inilah dia di Malaysia – hendak tunjukkan kerajaan kita ini prihatin. Kemudian dalam soal klinik bergerak, soal pembasmian cacing dan sebagainya akan kita tingkatkan dalam bidang kesihatan.

Begitu juga dalam bidang perekonomian. Kita cuba menambahkan lagi pembinaan premis-premis yang kita buat di Rengit, Johor misalnya. Ataupun kita hendak wujudkan usahawan-usahawan – misalnya macam ada seorang di Setapak itu yang membuat bengkel

kereta dan sebagainya. Kita hendak tambahkan lagi ini dalam soal peningkatan ekonomi ini. Begitu juga kita hendak membangunkan tanah masyarakat Orang Asli melalui RISDA dan sebagainya. Contoh ialah Projek Perekonomian Agropolitan di Gahai – terlihat, terbukti berjaya dan sebagainya.

Begitu juga fokus kita yang kelima ialah berkenaan dengan pengetahuan tradisional masyarakat Orang Asli ini – *intellectual knowledge* di kalangan masyarakat Orang Asli ini. Soal kepetahan dia dalam soal menguruskan pokok-pokok herba, kraf tangan, kebudayaan mereka, ini juga akan kita tingkatkan. Pendek kata, *insya-Allah*, dengan peruntukan tambahan ini nanti, inilah dia fokus kita yang akan kita laksanakan bersama. Terima kasih.

6. Tuan Ng Fook Heng minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai pembangunan atau rancangan tanah yang dimiliki Keretapi Tanah Melayu (KTM) di Singapura dan berapa luas serta harga tanah itu mengikut pasaran hari ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri II [Datuk Richard Riot anak Jaem]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Ng Fook Heng. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kedua-dua Perdana Menteri Malaysia dan Singapura telah mencapai persetujuan untuk menyelesaikan isu Points of Agreement (POA) 1990.

Di antara lain, Malaysia bersetuju menerima tawaran tanpa prejudis Singapura bagi menukar tiga bidang tanah KTMB di Tanjong Pagar, Kranji dan Woodlands serta tiga keping tanah tambahan di Bukit Timah (*three plus three*) dengan empat keping tanah di Marina South dan dua keping tanah di Ophir-Rochor (*four plus two*) untuk dibangunkan oleh syarikat usaha sama M-S Pte Ltd. Tanah-tanah yang akan dibangunkan ini adalah seluas 5.29 hektar dan bernilai SGD4.182 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara mengenai penubuhan M-S Pte Ltd dan pembangunan tanah-tanah *four plus two* tersebut sedang dirunding oleh Pasukan Pelaksanaan Bersama Malaysia-Singapura iaitu *Malaysia-Singapore Joint Implementation Team (MSJIT)* yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri dan Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri Singapura. MSJIT telah bermesyuarat sebanyak empat kali dan telah mencapai kemajuan berhubung dengan perpindahan stesen KTMB di Tanjong Pagar dan penubuhan M-S Pte Ltd. Mesyuarat MSJIT keempat telah diadakan di Singapura pada 29 dan 30 November yang lalu. Mandat MSJIT akan berakhir pada 31 Disember tahun ini juga. Sekian, terima kasih.

Tuan Ng Fook Heng: Terima kasih atas jawapan tadi. Adakah persetujuan ataupun kerjasama ini akan membawa ke tahap persetujuan yang lebih bermakna seperti kerjasama dalam pembinaan jambatan yang menggantikan *causeway* nanti? Sekian.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertanyaan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Senator Ng Fook Heng adalah bersangkutan dengan

perkataan jambatan dan jambatan ini adalah terkeluar daripada soalan asal, maka saya tidak berhasrat untuk menjawabnya sekarang. Sekian, terima kasih.

7. Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor minta Perdana Menteri menyatakan fungsi Unit Inovasi Khas (UNIK) yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohamad Ezam atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Unit Inovasi Khas (UNIK) di bawah Jabatan Perdana Menteri telah pun diumumkan pada 16 Julai 2010 dan UNIK ini telah mula beroperasi pada 2 Ogos 2010.

UNIK berfungsi untuk memacu agenda inovasi nasional dan menganjak ekonomi negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi. Sasaran inisiatif ini ialah untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam dunia globalisasi, menjana perubahan menyeluruh ke atas ekosistem inovasi negara, memacu agenda inovasi nasional dan mempercepatkan penghasilan produk-produk inovasi yang boleh dikomersialkan. Salah satu inisiatif UNIK ialah penubuhan satu badan berkanun yang khusus berhubung inovasi menerusi Rang Undang-undang Agensi Inovasi Malaysia 2010 bagi mempelopori penambahbaikan ekosistem inovasi negara. Sekian, terima kasih.

■1110

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sedia maklum pemupukan nilai dan semangat inovasi ini harus bermula sejak awal lagi. Jadi saya mohon sedikit penjelasan tentang langkah-langkah yang telah atau akan diambil di peringkat persekolahan rendah, menengah dan universiti untuk memupuk semangat dan nilai inovasi di kalangan masyarakat. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohamad Ezam atas soalan tambahan ini. Sememangnya UNIK ini merupakan sebuah unit kecil yang disertai oleh profesional-profesional daripada sektor swasta dan juga daripada sektor awam yang bertanggungjawab untuk membentuk satu ekosistem yang kondusif bagi memacu penubuhan inovasi di negara kita.

Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa pendidikan awal perlu diberikan kepada penuntut-penuntut yang terlibat dalam pendidikan tersebut. Ini adalah satu cabaran untuk merangsang inovasi ini, bukan sahaja dalam pendidikan awal tetapi di universiti dan juga sistem pendidikan negara ini. Oleh kerana unit ini mengendali komponen-komponen yang memerlukan pengetahuan yang tinggi seperti dalam isu mengenai spesialis yang memerlukan *specialty* seperti hak harta intelek, pembangunan ekosistem, ekonomi dan sebagainya. Jadi pentinglah inovasi dan juga kreativiti masyarakat dimulakan dari peringkat awal lagi.

Kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah untuk menarik pelajar-pelajar-pelajar universiti dan ini telah pun diambil kira oleh Agensi Inovasi Malaysia ataupun dikenali sebagai AIM yang akan ditubuhkan dan akan melaksanakan beberapa program, strategi untuk mendedahkan pelajar-pelajar universiti kepada subjek inovasi. Program-program berupa interaksi antara universiti-universiti dan juga industri-industri berkenaan akan terus dijalankan untuk menarik perhatian pelajar-pelajar sedemikian. Terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah jaminan yang boleh diberikan dan kaedah UNIK untuk menjana kekayaan negara melalui pengkomersialan hasil R&D. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, seperti yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua bahawa UNIK merupakan sebuah unit yang kecil dan melibatkan isu-isu atau komponen-komponen yang amat spesifik untuk mengadakan pemacuan terhadap satu negara yang lebih maju. R&D seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator memang adalah satu komponen yang amat penting bagi UNIK ini mengadakan rangsangan, menarik perhatian spesialis daripada profesional, swasta dan juga daripada awam untuk memberikan mereka peluang merangsang mengenai isu dan perkara yang dibangkitkan tadi.

Saya akan memberikan jawapan yang lebih jelas kepada Yang Berhormat Senator nanti apabila saya mendapat maklumat yang lebih. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum itu Dewan Negara mengalu-alukan dan ucap terima kasih atas kehadiran Ahli-ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Rasah, Negeri Sembilan. *[Tepuk]*

8. Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah tindakan kementerian terhadap Laporan Ketua Audit Negara 2009 dalam menangani Skim Rancangan Makanan Tambahan (RMT) kerana ia melibatkan pelajar luar bandar dan miskin.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pelajaran Malaysia memandang serius sebarang kelemahan yang berlaku dalam melaksanakan Skim Rancangan Makanan Tambahan terutama yang melibatkan murid luar bandar dan murid miskin. Susulan daripada Laporan Ketua Audit Negara itu, KPM telah mengambil langkah memperkemas perjanjian antara pihak pembekal dengan pihak sekolah melalui surat Pekeliling Bilangan 7 tahun 2010 antaranya;

- (i) mewujudkan satu jawatankuasa di sekolah untuk memantau pelaksanaan RMT; dan
- (ii) memasukkan sebanyak 20 menu yang disediakan oleh KPM bersama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam syarat perjanjian yang wajib dipatuhi oleh pihak pembekal.

Ini adalah berkaitan dengan pembekal di sekolah SK Jenang Batang Padang hanya menyediakan empat menu daripada 20 menu sedangkan syaratnya ialah lima menu. Mhun yang

disediakan itu ialah mihun yang kosong, udang tidak ada, sayur tidak ada, ayam tidak ada dan ajinamoto pun tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada rasalah Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tidak ada rasa. Oleh itu kementerian akan mengambil tindakan tegas terhadap guru besar atau mana-mana pegawai yang gagal memastikan pelaksanaan RMT ini yang dipantau dengan berkesan. Selain itu pihak kementerian termasuk juga JPM dan PPD akan melakukan pemantauan secara *ad hoc* ke sekolah-sekolah bagi memastikan pelaksanaan RMT berjalan dengan baik dan teratur.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mulai tahun 2011 KPM akan menggunakan sepenuhnya data e-Kasih dalam menentukan murid penerima yang layak. Ini adalah bagi memastikan penerima hanya terdiri daripada murid-murid miskin dan miskin tegar. Oleh yang demikian saya menyeru supaya semua ibu bapa, penjaga yang layak menerima skim ini termasuklah dengan bantuan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator mendaftar, dengan program e-Kasih di bawah seliaan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri. Ini adalah untuk memastikan murid-murid yang layak tidak tercicir daripada menerima skim ini. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada pihak kerajaan yang memperjelaskan serta janji kerajaan untuk menangani masalah ini. Soalan tambahannya Tuan Yang di-Pertua ialah apakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan lagi skim bantuan ini? Keduanya ialah apakah kerajaan boleh menerima pandangan saya sekiranya data e-Kasih itu diguna pakai? Implikasi akan dihadapi ialah kelewatan kerana data e-Kasih juga digunakan untuk Program SUBUR tetapi pembahagian beras juga tidak dapat dilaksanakan dan sekarang ini sudah hampir setahun. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama ialah soal memperluaskan Skim RMT ini. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya RMT ini disediakan pertama untuk membantu pelajar-pelajar yang datang daripada keluarga miskin untuk mendapat makanan-makanan yang berzat ataupun protein yang baik supaya ini membantu perkembangan otak mereka dan mereka dapat belajar dengan baik.

Kedua, ada juga kebaikan RMT ini khususnya kalau kita lihat di sekolah-sekolah di pedalaman, masyarakat Orang Asli, Penan dan sebagainya. Ini menyebabkan mereka rajin datang ke sekolah sebab disediakan makanan berbanding kalau dia duduk di rumah, mungkin dia tidak makan. Oleh kerana kita memang merancang supaya program seperti ini diperluaskan walaupun pada dasarnya RMT ini disediakan untuk pelajar miskin tetapi kalau untuk pedalaman mungkin kita boleh pertimbangkan untuk keseluruhan pelajar itu menerima bantuan RMT ini.

Cuma apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai e-Kasih, kita melaksanakan RMT mulai tahun 2011 ini menggunakan data e-Kasih ialah untuk mengelakkan

berlaku ketirisan iaitu mereka yang tidak layak akan mendapat kemudahan bantuan makanan RMT ini.

■1120

Kita juga sebenarnya mematuhi kepada apa yang telah diputuskan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang memutuskan bahawa semua kementerian ataupun agensi dan sebagainya, bantuan-bantuan mereka mestilah menggunakan daftar e-Kasih berdasarkan kepada Surat Pekeliling Bil. 1 2010 bertarikh 7 Januari 2010. Maka sebab itulah kita juga di Kementerian Pelajaran dalam memberikan bantuan ini termasuk RMT ini kita menggunakan daftar e-Kasih. Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya untuk mengelakkan mereka yang layak ini tercicir, maka wakil-wakil rakyat, ketua-ketua kampung, penghulu termasuklah tuan-tuan yang menjadi Senator ini membantu mendaftarkan mereka yang layak.

Apa yang berlaku, saya hendak beritahu Yang Berhormat ialah daftar e-Kasih ini dilakukan selain daripada kita menerima borang permohonan tetapi pihak ICU akan turun ke bawah untuk melihat sendiri betul atau tidak mereka ini pendapatannya bawah daripada RM720. Ini menyebabkan kita dapat memastikan bahawa tidak berlaku maklumat-maklumat yang salah. Oleh sebab itulah pada kita daftar e-kasih ini adalah cara yang terbaik untuk kita menyelamatkan wang rakyat supaya tidak berlaku ketirisan. Terima kasih.

9. **Puan Doris Sophia ak Brodi** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) status penyerahan projek Empangan Bakun kepada Kerajaan Negeri Sarawak; dan
- (b) harga yang dipersetujui dari transaksi, tarikh sebenar bakal beroperasi sepenuh masa dan faedah yang bakal dinikmati oleh rakyat Sarawak.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, status penyerahan projek Empangan Bakun masih dalam rundingan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak dan harga pengambilalihan projek empangan yang dimiliki oleh Sarawak Hidro Sdn. Bhd. anak syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan masih belum diputuskan. Ini adalah kerana proses *due diligence* masih belum dimuktamadkan sepenuhnya terutamanya di peringkat Kerajaan Persekutuan yang akan melaksanakan *financial due diligence* ke atas SHSB bagi membolehkan kerajaan memperoleh harga pertimbangan yang wajar ditetapkan bagi pengambilalihan tersebut. Manakala proses *due diligence* oleh Kerajaan Negeri Sarawak telah pun selesai pada November 2010.

Proses *empowerment* takungan air bagi Empangan Bakun telah dimulakan pada bulan Oktober 2010 setelah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri Sarawak. Berikutan itu projek Empangan Bakun memerlukan enam hingga tujuh bulan bagi mendapatkan paras takungan minimum untuk menggerakkan *turbinnya* dan sekurang-kurangnya tiga bulan untuk

menjalankan proses *testing* dan *commissioning*. Berdasarkan jangka masa tersebut, projek Empangan Bakun dijangka akan bermula beroperasi secara komersial pada bulan Julai 2011.

Pelbagai faedah yang bakal dinikmati oleh rakyat Sarawak, antaranya jaminan tenaga elektrik yang stabil yang dijana daripada projek Empangan Bakun. Bekalan elektrik Bakun yang juga dijangka dapat menjana kegiatan ekonomi koridor SCORE di Sarawak di mana beribu-ribu pekerjaan baru akan dapat diwujudkan. Selain itu terdapat juga peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan secara langsung daripada projek Bakun tersebut. Antaranya seperti kakitangan penyelenggaraan, pemandu bot, penyelamat haiwan liar dan kakitangan bidang teknikal dan teknologi maklumat. Terima kasih.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Terima kasih atas jawapan ataupun penjelasan yang telah diberi oleh pihak Timbalan Menteri sebentar tadi. Saya ingin mengajukan soalan tambahan bagi mendapatkan peranan daripada pihak Timbalan Menteri. Seperti yang kita sedia maklum, projek Empangan Bakun ini telah mengambil masa yang begitu lama, hampir dua dekad.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat ya.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Saya beri pandangan sedikit Tuan Yang di-Pertua. Semenjak ia ditubuhkan pada tahun 1983 dan telah mengambil belanja begitu banyak, mungkin hampir dua kali ganda dari kos asal yang berjumlah RM3.95 bilion.

Jadi soalan tambahan saya ialah adakah empat elemen penting akan diambil perhatian ataupun diambil kira di dalam memuktamadkan perjanjian antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak jika negeri Sarawak membeli projek ini nanti kerana saya bimbang masalah sama iaitu *cost overrun* dengan izin bakal berlaku jika ianya tidak diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri Sarawak selepas pengambilalihan. Mohon pandangan kementerian, terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Saya rasa *cost overrun* yang dibimbangkan tersebut daripada awal projek ini dimulakan memang telah berlaku kerana projek ini telah memakan masa yang panjang. Akan tetapi hari ini sehinggalah Julai 2011, masanya sudah tidak lama dan saya rasa soalan kos boleh dikatakan kebanyakannya telah diselesaikan. Bahkan hari ini projek ini sudah pun 97% siap, hanya sedikit kerja-kerja *commissioning* dan juga memenuhi keperluan untuk melaksanakan operasi projek ini. Jadi soal *cost overrun* ini buat masa ini saya rasa tidak menjadi masalah. Apa yang penting ialah mencari satu harga yang adil untuk kedua-dua pihak, Kerajaan Negeri Sarawak dan juga Kerajaan Persekutuan. Oleh sebab itulah *due diligence* yang akan dilaksanakan oleh pakar-pakar supaya tidak ada masalah yang tidak telus. Ini semua perlu dilakukan dengan proses dan cara yang telus dan saya yakin bahawa proses ini akan dapat disempurnakan tidak lama lagi. Terima kasih.

10. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan pesara-pesara tentera mengikut pangkat dan apakah langkah-langkah yang dilaksanakan untuk memantau keadaan sosio-ekonomi mereka dan apakah usaha-usaha yang diambil untuk mengekalkan hubungan baik dengan mereka.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan Yang Berhormat daripada guru saya. Berdasarkan kepada statistik Kementerian Pertahanan, jumlah pesara tentera kini berjumlah 90,991 iaitu anggota tentera yang bersara mulai 1941 hingga 2010 yang terdiri daripada pelbagai pangkat, daripada pangkat jeneral sehingga kepada prebet. Secara terperinci saya akan jawab secara bertulis, panjang sangat.

Untuk mengekalkan hubungan yang baik dengan veteran ATM, Jabatan Hal Ehwal Veteran atau JHEV telah mengambil beberapa langkah seperti berikut iaitu menganjurkan pelbagai majlis bersama veteran termasuk dengan persatuan-persatuan yang begitu banyak mengikut bidang masing-masing bagi membincangkan isu-isu dan masalah-masalah yang berkaitan dengan hal ehwal veteran. Kita juga mewujudkan sembilan buah pejabat cawangan di seluruh negara iaitu dengan mewujudkan pusat hentian setempat atau dengan izin *one stop center* bagi memudahkan veteran memohon bantuan dan mengemukakan masalah-masalah mereka. Tidak cukup dengan itu, Kementerian Pertahanan juga mengadakan kaunter-kaunter bergerak ke bandar-bandar kecil ataupun di kawasan-kawasan pedalaman khususnya di Sabah dan Sarawak bagi mendekati veteran yang tinggal jauh daripada pejabat-pejabat ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Oleh sebab perangkaan yang lebih *detail* akan diberikan kemudian oleh kementerian, oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri seperti dijanjikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya juga mengharapkan supaya dalam angka yang lebih *detail* itu nanti disekalikan julat umurnya sebab dikatakan mereka mula bersara pada tahun 1941. Jadi saya berminat tentang julat umur mereka, yang saya rasa ini patut diketahui.

■1130

Satu lagi yang saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua ialah sama ada, ada atau tidak umpama sejenis surat sebaran atau *regular newsletter* dengan izin, untuk menghubungi mereka untuk memastikan bahawa silaturahim antara mereka dan pihak kerajaan dan kementerian dan sesama mereka tetap terjalin. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah agak soalan dari guru saya ini. Sebagai seorang penulis - untuk pengetahuan Dewan yang mulia, buletin Jabatan Hal Ehwal Veteran ini memang kita keluarkan tiga kali setahun. Tiap-tiap empat bulan kita akan keluarkan dan ia mengandungi maklumat-maklumat terkini mengenai polisi-polisi Kerajaan Barisan Nasional yang begitu prihatin terhadap veteran supaya tidak seorang pun mereka tertinggal. Konsep *inclusive* ini kita betul-betul amati dan sebagai contoh, kali terakhir Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melakukan lawatan ke Sarawak. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun merasmikan atau menghadiahkan rumah kepada salah seorang veteran *Iban Trackers* di Sarawak yang umurnya saya kira 80 tahun. Terima kasih.

11. **Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid** minta Perdana Menteri menyatakan kenapakah terlalu banyak rungutan kaedah pemberian tempat bagi mengerjakan haji yang tidak telus dan tidak saksama. Ada yang menunggu lama tetapi yang daftar kemudian dapat dahulu dan ada yang dapat peluang beberapa kali. Apakah kaedah yang digunakan dan masalah sebenar yang dihadapi oleh Tabung Haji.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, Tabung Haji telah mengadakan sistem pendaftaran dan pemilihan jemaah haji iaitu Sistem Pendaftaran Haji Terbuka. Di bawah sistem ini, umat Islam digalakkan merancang pemergian haji mereka dengan mendaftar lebih awal. Sistem ini telah berjalan dengan baik di mana mereka yang mendaftar lebih awal telah terpilih lebih awal daripada mereka yang mendaftar lewat. Cuma yang sering diperkatakan ialah isu rayuan. Bagi musim Haji 1431 Hijrah, Tabung Haji telah menerima hampir 60,000 rayuan sahaja sedangkan tempat yang boleh diberi pertimbangan amatlah terhad. Kekosongan tempat ini adalah hasil daripada penolakan oleh mereka yang telah terpilih untuk menunaikan haji atas pelbagai sebab dan sudah tentu dalam hal ini jumlah rayuan yang dapat dipertimbangkan amatlah sedikit.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dalam menimbangkan rayuan tersebut, Tabung Haji memberi keutamaan yang mengiringi *mahram* yang sudah terpilih ataupun yang menghadapi masalah kesihatan serta golongan kurang upaya. Dalam masa yang sama terdapat sejumlah mereka yang terpilih terdiri daripada mereka yang telah menunaikan fardu haji walaupun nisbah mereka agak kecil. Dalam usaha untuk memperketatkan syarat ini maka Tabung Haji memperkenalkan sistem bahawa mereka yang baru sahaja balik daripada haji tidak boleh membuat pendaftaran haji yang baru kecuali setelah tempoh lima tahun. Terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tersebut. Soalan tambahan saya, benarkah Tabung Haji sentiasa mengutamakan jemaah haji yang lanjut usia iaitu melebihi 70 tahun ke atas dan ini membolehkan tambahan kuota untuk kuota seorang pengiring. Persoalannya, tidakkah Tabung Haji sedar bahawa pengiring ini mempunyai anak lelaki atau anak perempuan yang mempunyai suami atau isteri. Kenapa Tabung Haji tidak memberi tambahan kuota pengiring untuk dua orang? Apakah ia selalu menjadi rungutan setiap kali musim haji? Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya permohonan dari warga emas sahaja - kalau kita tengok pada tahun ini sahaja Yang Berhormat, warga emas yang berumur 70 tahun ke atas permohonan mereka berjumlah 20,000 orang. Jika kesemua warga emas ini diberi keutamaan bermakna yang naik haji tahun ini semua warga emas sahaja Yang Berhormat. Yang lain tidak dapat, itu tidak termasuk pengiring. Sekarang ini

dibenarkan pengiring seorang sahaja. Kalau kita benarkan dua orang, kita terpaksa *triple* lagi daripada jumlah yang sebenar. Jadi apa yang kita dapat buat untuk warga emas ini kita hadkan bilangannya kepada 2,000 orang dan kita membenarkan seorang pengiring untuk membantu dari segi membereskan urusan-urusan haji dengan pengiring tersebut. Terima kasih.

12. Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) usaha-usaha yang diambil bagi melicinkan proses membayar tol di plaza tol tanpa bersesak-sesak terlalu lama; dan
- (b) mengapa rebat 20 peratus yang diberi oleh '*Touch n Go*' tidak dikredit terus ke akaun pemegang kad.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai isu kesesakan yang berlaku di plaza-plaza tol khususnya pada waktu puncak. Sehubungan itu, bagi mengurangkan masalah kesesakan tersebut Lembaga Lebuhraya Malaysia dengan kerjasama syarikat konsesi lebuhraya telah melaksanakan pelbagai langkah dan inisiatif mengikut situasi masa, profil lokasi dan tahap kesesakan di plaza-plaza tol yang terlibat terutamanya di kawasan Lembah Klang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah kesesakan trafik di plaza tol pada waktu puncak dan musim cuti dapat dikurangkan melalui beberapa tindakan yang telah pun dilaksanakan oleh syarikat konsesi. Antaranya ialah dengan membuka dan memaksimumkan penggunaan semua *booth* tol di plaza tol bagi kemudahan pengguna membuat transaksi bayaran tol. Bagi plaza-plaza tol yang mencatatkan jumlah trafik yang tinggi seperti di Jalan Duta dan Lebuhraya Sungai Besi, usaha telah juga dilaksanakan oleh syarikat konsesi dengan menambah bilangan lorong transaksi tol iaitu menerusi sistem *booth* tol berlapis dan menambah bilangan kakitangan untuk melaksanakan transaksi secara manual menggunakan peralatan mudah alih atau *portable*.

Di samping itu, bagi memastikan situasi trafik sentiasa terkawal di plaza-plaza tol, syarikat konsesi lebuhraya juga telah menempatkan kakitangan tambahan di luar *booth* tol untuk memberikan bantuan segera kepada pengguna yang menghadapi masalah transaksi pembayaran tol lorong tol elektronik. Syarikat-syarikat konsesi lebuhraya juga sentiasa bekerjasama dengan pihak keselamatan seperti Polis Diraja Malaysia dan RELA untuk melancarkan aliran trafik terutama pada musim perayaan dan hari cuti umum.

Selain itu juga bagi melicinkan transaksi pembayaran di plaza tol, kerajaan telah melancarkan program untuk menggalakkan pengguna untuk menggunakan mod bayaran tol secara elektronik dengan menggunakan kad *Touch 'n Go* dan *device SmartTAG* yang lebih mudah dan selesa. Antara program tersebut yang telah dilaksanakan ialah promosi diskaun harga *SmartTAG*, mengurangkan deposit kad *Touch 'n Go* dari RM15 kepada RM10. Promosi

pemberian kad *Touch 'n Go* secara percuma kepada pengguna terpilih dan insentif memberikan ganjaran kepada pelanggan-pelanggan yang setia menggunakan perkhidmatan lebuhraya seperti program *loyalty PLUSMiles* dan memberi rebat 20% kepada pengguna lebuhraya yang membuat transaksi tol melebihi 80 kali sebulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program pemberian rebat 20% kepada pengguna yang membuat transaksi melebihi 80 kali sebulan ialah merupakan salah satu bentuk subsidi yang ditanggung oleh kerajaan bagi menggalakkan penggunaan transaksi tol secara elektronik. Pemberian rebat ini selaras dengan dasar keprihatinan kerajaan untuk meringankan beban ditanggung rakyat khususnya kepada pengguna lebuhraya. Nilai rebat berkenaan boleh dituntut oleh pengguna yang layak pada bulan berikutnya di kaunter-kaunter jualan *Touch 'n Go* dan nilai rebat akan dikreditkan serta-merta.

■1140

Walau bagaimanapun, kerajaan bersedia untuk mengkaji cadangan Yang Berhormat supaya nilai rebat tersebut dikreditkan secara automatik ke akaun kad pengguna pada masa hadapan tanpa perlu ke kaunter *Touch n Go*. Pada masa kini kajian dan perbincangan mengenai isu rebat ini masih sedang diperhalusi oleh Kementerian Kerja Raya dan syarikat yang terlibat. Sekian terima kasih.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan jawapan tadi. Kita tahu bahawa *Touch n Go* telah beroperasi sejak 1996 selaku pemudah cara dalam mengutip bayaran tol di semua konsesi tol di Malaysia. Akan tetapi tidak banyak cara-cara kaedah baru yang telah diperkenalkan bagi meningkatkan prestasi kutipan. Itu sebabnya kita masih menghadapi kesesakan di jalan raya. Jadi soalnya adakah kita bersedia untuk mempertimbangkan pemudah cara atau syarikat-syarikat yang lain yang berminat, satu.

Kedua adakah pihak *Touch n Go* sendiri bercadang untuk memperkenalkan kaedah-kaedah yang baru dalam masa terdekat ini. Umpamanya ada satu kaedah baru di sebuah negara Tuan Yang di-Pertua di Australia yang mana kita boleh letak sahaja duit dalam bekas itu sudah boleh jalan sudah mesin itu sudah boleh baca berapa jumlah tol yang sebenarnya ataupun kutipan yang dibuat. Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Yang Berhormat. Memang ini adalah satu cara walaupun kad *Touch n Go* dan *Smart Tag* telah pun diguna selama 15 tahun sekarang. Dalam Kementerian Kerja Raya kita telah pun mengadakan satu kajian di mana kita boleh gunakan alat atau cara yang lebih canggih iaitu dipanggil *multiland free floor*. Iaitu sejenis alat *microwave 5.9 megahertz*. Itu sudah pun dijalankan ujian ini di dua tempat, satu di Batu Tiga dan satu lagi di Penchala. Kita sedang membuat penilaian atas kajian ini, kerana ia boleh mempercepatkan sistem kutipan tol ini dengan cara yang lebih cepat.

Ini kerana ianya boleh bergerak dan caj ini boleh masuk dalam – tidak perlu kita adakan macam plaza-plaza tol. Kita boleh gunakan alat ini dengan *free* dan kereta pun boleh laju sedikit

boleh terus masuk dalam tangkapan kad elektronik itu. Itu yang kita sedang buat kajian dan membuat penilaian. Ianya adalah satu yang boleh dikatakan satu teknologi yang lebih berkesan untuk kita mengutip tol di jalan-jalan raya yang penuh dengan kenderaan. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Maka setakat itu sahajalah soalan-soalan pertanyaan-pertanyaan lisan pada hari ini dan kita teruskan Dewan kita dalam sidang yang seterusnya.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2011

Bacaan Kali Yang Kedua

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita seterusnya pergi kepada Kementerian Pelancongan. Silakan Yang Berhormat.

11.44 pg.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengutarakan perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan Malaysia. Kementerian menghargai semua pandangan, saranan dan cadangan Ahli Yang Berhormat demi untuk memajukan lagi industri pelancongan negara. Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn menyentuh tentang pelancongan golf iaitu:

- (i) Usaha Kementerian Pelancongan dalam mempromosikan golf di luar negara;
- (ii) peranan pelancongan golf ini ke atas pelancongan domestik negara; dan
- (iii) kaedah dan cara untuk mengatasi syarikat pelancongan tempatan yang lebih mempromosikan kelab golf luar negara berbanding tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn berkenaan pelancongan golf. Kementerian Pelancongan telah mengenal pasti pelancongan golf sebagai salah satu produk pelancongan minat khas ataupun *niche* yang perlu diberi keutamaan untuk diperkenalkan dan dipromosikan ke pasaran luar negara demi mencapai matlamat tersebut. Pelancongan golf bukan sahaja didapati mempunyai permintaan yang tinggi malah mampu menarik minat para pelancong yang

berpendapatan tinggi atau *affluent tourist* dari luar negara. Sekali gus meningkatkan lagi kemasukan pelancong asing dan sumber pendapatan ke negara ini.

Di antara usaha-usaha Kementerian Pelancongan untuk mempromosi pelancongan golf ke Malaysia adalah dengan mengadakan seminar-seminar kepada wakil agensi-agensi pelancongan luar negara di pasaran-pasaran yang telah dikenal pasti. Objektif seminar ini adalah untuk memperkenalkan dan mempertingkatkan lagi pengetahuan mereka mengenai produk-produk golf bertaraf antarabangsa yang terdapat di Malaysia. Seminar ini juga diadakan untuk mendorong dan memberi keyakinan kepada agensi-agensi pelancongan luar negara untuk membangunkan pakej-pakej golf ke Malaysia. Wakil-wakil agensi pelancongan dari Malaysia juga turut dijemput ke seminar-seminar bagi membina dan mengadakan hubungan rangkaian dengan wakil-wakil agensi pelancongan luar negara.

Selain daripada itu Kementerian Pelancongan melalui Tourism Malaysia telah menyertai beberapa acara promosi golf antarabangsa seperti International Golf Troublemaker, London Golf Show, Japan Golf Show, Paris Golf Show dan sebagainya. Bagi memperkenalkan dan mempromosikan produk pelancongan golf negara. Kementerian juga turut menjemput para pengusaha pelancongan tempatan bagi menyertai acara-acara promosi tersebut agar impak mempromosikan pelancongan golf negara dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, menyeluruh dan bersepadu. Kementerian juga turut menjemput wakil-wakil agensi pelancongan serta media-media luar negara yang khusus di dalam pelancongan golf untuk menyertai lawatan suai kenal atau megaferm trip dengan izin ke Malaysia.

Ini adalah untuk membolehkan wakil-wakil agensi pelancongan dan media luar negara menyaksikan sendiri standard serta kualiti lapangan-lapangan golf yang terdapat di Malaysia dan meuar-uarkannya di negara masing-masing. Usaha ini telah banyak membantu menggalakkan agensi-agensi pelancongan luar negara untuk membangunkan pakej-pakej golf ke Malaysia. Lawatan suai kenal ini juga telah memberi keyakinan kepada pihak media luar negara untuk membuat publisiti-publisiti mengenai produk-produk golf di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, usaha Kementerian Pelancongan untuk mempromosi pelancongan golf Malaysia juga mendapat anjakan apabila pihak swasta turut membantu dengan penganjuran kejohanan-kejohanan golf antarabangsa. Seperti CIMB Asia Pasifik, Sime Darby LPGA, Iskandar Johor Open dan Maybank Malaysia Open.

■1150

Kejohanan-kejohanan yang melibatkan pemain-pemain golf profesional terbaik dunia ini telah mendapat publisiti yang meluas di seluruh dunia. Penganjuran acara-acara ini telah berupaya membantu meletakkan Malaysia antara destinasi golf utama di rantau ini. Selain itu Kementerian Pelancongan melalui Tourism Malaysia juga turut mempromosi pelancongan golf negara melalui acara kejohanan *World Amateur Inter-Team Golf Championship* yang mana pada tahun 2010 ia telah melibatkan seramai 616 orang pemain golf antarabangsa daripada negara-

negara seperti Australia, Indonesia, Singapura, Brunei Darussalam, Hong Kong, Jepun, India, Perancis, United Kingdom, Timur Tengah, Amerika Syarikat, Pakistan dan Nepal.

Usaha Kementerian Pelancongan dalam mempromosikan pelancongan golf juga mendapat sokongan dari pihak Persatuan-persatuan Golf di Malaysia. Sebagai contoh, Persatuan Golf Malaysia (MGA) telah dengan jayanya mengadakan acara *Malaysia International Golf Fair* yang telah diadakan buat pertama kalinya pada bulan Oktober tahun ini. Kejayaan penganjuran acara ini juga berupaya memperkenalkan Malaysia sebagai pilihan destinasi pelancongan golf yang utama di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mewujudkan keseragaman dalam usaha mempromosikan pelancongan golf Malaysia di luar negara, Kementerian Pelancongan turut membantu dalam usaha menubuhkan Persatuan Pelancongan Golf Malaysia. Persatuan ini akan dianggotai oleh pengusaha-pengusaha pelancongan, kelab-kelab golf, hotel-hotel, persatuan-persatuan dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan termasuklah Tourism Malaysia. Antara peranan persatuan ini adalah bagi membantu Kementerian Pelancongan merangka pelan pemasaran dan mengutarakan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mempertingkatkan perkhidmatan industri golf Malaysia.

Pelancongan golf juga turut membantu dengan merencanakan industri pelancongan domestik negara. Keinginan untuk menerokai lapangan-lapangan golf yang terdapat di seluruh negara, mendorong peminat-peminat golf mengunjungi destinasi-destinasi dalam negara, manakala ramai peminat golf tempatan akan mengambil kesempatan untuk bermain golf dan membawa keluarga mereka untuk bercuti bersama. Semasa mereka bermain golf, keluarga mereka pula akan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti membeli belah, melawat tempat-tempat menarik dan sebagainya. Ini sekali gus telah menyumbang bukan sahaja kepada industri golf malah kepada industri pelancongan domestik secara keseluruhannya.

Di samping itu penganjuran kejohanan-kejohanan besar yang melibatkan pemain-pemain golf terkemuka juga berperanan mendorong penggalakan pelancongan domestik terutamanya penggemar-penggemar golf tempatan. Selain daripada menyaksikan acara kejohanan yang diadakan sama ada di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak, mereka juga akan mengambil kesempatan untuk bermain di lapangan-lapangan golf yang berdekatan dengan lokasi acara kejohanan tersebut. Ini sekali gus membantu menggalakkan pertumbuhan pelancongan domestik negara.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian tidak menafikan bahawa terdapat syarikat-syarikat pelancongan tempatan yang mempromosikan destinasi-destinasi dan kelab-kelab golf di luar negara melalui pakej-pakej yang ditawarkan. Ini adalah kerana setiap destinasi pelancongan sama ada dalam mahupun di luar negara mempunyai tarikannya tersendiri. Fenomena ini juga bergantung kepada permintaan pasaran ataupun *market forces*, dengan izin yang boleh mendatangkan keuntungan kepada syarikat-syarikat pelancongan yang mempromosikan pakej-

pakej ini. Walau bagaimanapun kementerian sentiasa berusaha menggalakkan syarikat-syarikat pelancongan tempatan agar memberi keutamaan untuk mempromosikan produk-produk pelancongan negara.

Usaha-usaha mempromosikan negara sebagai destinasi pelancongan golf yang utama adalah penting bukan sahaja boleh menarik minat rakyat Malaysia untuk melancong di dalam negara malah bagi memastikan kemasukan pelancong asing dapat terus dipertingkatkan. Oleh yang demikian, program-program bagi menggalakkan syarikat-syarikat tempatan membangunkan pakej-pakej menarik telah dan sedang giat dijalankan oleh pihak Kementerian Pelancongan bersama jalinan kerjasama dengan persatuan-persatuan golf serta agensi-agensi pelancongan yang berkaitan seperti seminar, bengkel, jalinan hubungan strategi dan sebagainya. Acara *Malaysia International Golf Fair* umpamanya merupakan salah satu kerjasama Kementerian Pelancongan dengan pihak Persatuan Golf Malaysia bagi menggalakkan pembangunan pelancongan golf di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan juga turut membantu syarikat-syarikat pelancongan tempatan untuk mengadakan jalinan hubungan strategi dengan syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal pelancongan di luar negara khasnya melalui pejabat-pejabat Tourism Malaysia di luar negara. Selain daripada itu Kementerian Pelancongan juga memberi bantuan dan sokongan sama ada dari segi memberi peluang menyertai dalam acara-acara promosi golf antarabangsa yang utama seperti *International Golf Travel Mart*, *London Golf Show* dan *Japan Golf Show* mahupun menyertai seminar-seminar, bengkel, acara *golf day* dan *road show* yang dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan di pasaran-pasaran terpilih antarabangsa.

Selain daripada itu Persatuan Pelancongan Golf Malaysia yang akan ditubuhkan tidak lama lagi juga merupakan satu lagi usaha penting bagi membangunkan dan mempromosikan pelancongan golf di negara ini. Kementerian bersama-sama para pengusaha pelancongan tempatan, pertubuhan-pertubuhan dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan akan bekerjasama dalam membangunkan industri pelancongan golf secara bersepadu dan strategik demi menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelancongan golf di rantau ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hasil daripada promosi efektif yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan, pada tahun 2009 seramai 885,244 orang pemain golf antarabangsa telah bermain di Malaysia di mana adalah dianggarkan setiap pemain membelanjakan sejumlah RM1,732.50 sen untuk kos permainan termasuk *green fee* dan makanan. Dengan itu jumlah pendapatan daripada pelancongan golf bagi tahun 2009 adalah RM1.5 bilion.

■ 1200

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim
...

Datuk Akbar bin Ali: Mohon mencelah Tuan Yang di Pertua.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua orang.

Dato Dr. James Dawos Mamit: Ini yang berkaitan dengan golfkah?

Datuk Akbar bin Ali: Ya.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Ya, ya. Saya nak bertanya mengenai golf juga ini, sedikit sahaja. Terima kasih di atas keterangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai *tourism* golf. Saya rasa memang jawapannya cukup lengkap dan saya terima dengan seadanya. Cuma saya ingin tahu dengan pulangan yang begitu banyak yang diterima oleh kerajaan dan juga peringkat *tourism*, saya nak tahu berapa banyak kementerian ataupun ada tak bantuan ataupun dana khas yang diberikan kepada mereka-mereka yang menjayakan golf secara swasta ini bagi menaikkan lagi nama Malaysia ke luar negara. Terima kasih.

Dato Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: Datuk, boleh saya tambah soalan dengan izin Tuan Yang di-Pertua?

Dato Dr. James Dawos Mamit: Okey.

Datuk Akbar bin Ali: Pertamanya saya ucapkan tahniahlah di atas usaha-usaha kementerian dalam mempromosikan produk pelancongan Malaysia. Saya ada tiga soalan buat pertama kalinya saya berdiri. Pertama sekali dalam konteks *global warming* dan juga *greening the world* dengan izin, apakah usaha kerajaan khususnya Kementerian Pelancongan untuk menggalakkan apa yang dipanggil *green tourism* khususnya dalam bidang golf ini seperti mana yang sedang dilakukan di Amerika Syarikat. Apakah usaha ke arah itu kerana golf adalah kalau boleh saya kata inti *green economy, green environment*.

Kedua soalan saya, oleh kerana golf ini juga bertaraf antarabangsa, boleh tidak Yang Berhormat Datuk berkongsi dengan Dewan yang mulia ini *calendar of event* yang telah direncana sejak tahun ini sehinggalah dua tahun akan datang, semua *event* yang bertaraf antarabangsa untuk kita sama-sama lihat dan kita kaji bersama, itu yang kedua.

Ketiga, tolong berikan satu *indicator* yang mencerminkan sesungguhnya kejayaan promosi Tourism Malaysia bagi semua produk pelancongan yang mana salah satu *indicator* untuk mengukur kejayaannya ialah RevPAR (*revenue per available room*). Tolong tunjukkan peningkatannya berbanding tahun 2009 dan 2010. Terima kasih.

Dato Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat Senator atas soalan itu. Pertamanya Datin Paduka Datuk Nor Hayati yang bertanya tentang bantuan untuk kementerian yang lain ataupun agensi-agensi pelancongan untuk membantu mereka mempromosikan *golf tourism* ke luar negara dan justeru itu mungkin boleh menarik lebih ramai lagi pelancong-pelancong asing untuk datang bermain golf di negara kita.

Kementerian kalau ada permintaan daripada kementerian yang lain di mana mereka telah pun dan akan pun juga membuat promosi, kita akan bantu daripada segi memberi maklumat yang terperinci supaya mereka boleh membuat promosi dengan berkesan. Untuk bantuan agensi-agensi pelancongan, kita tidak terus memberikan bantuan kewangan yang *direct* tetapi semasa kita membuat promosi di luar negara, kita minta mereka menyertai rombongan kita untuk membuat promosi di luar negara juga dan dengan usaha mereka dan usaha kementerian, kita sama-sama membuat promosi dan pemasaran tentang golf di negara kita.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk Akbar sahabat saya ini, ada tiga soalan dia tanya. Pertamanya tentang *global warming and greening the world* yang merujuk kepada *greening tourism* dalam bidang golf. Apabila kita promosikan lapangan-lapangan golf, kita memang menyebut perkara sebegini bahawa permainan golf adalah satu permainan di mana kita menjaga kualiti alam sekitar kerana di lapangan-lapangan golf kita, selain daripada rumput kita melihat bahawa banyak pokok yang telah pun ditanam. Akan tetapi pada tahun ini, kita sudah pun membuat satu *survey* yang berkaitan dengan kualiti lapangan-lapangan golf di negara kita dan daripada hasil *survey* inilah nanti kita akan buat *branding* seperti *eco golf coast*. Saya boleh sebut satu *eco golf coast* yang saya sudah lihat di negeri Melaka iaitu Air Keroh Golf Club.

Apabila kita main waktu pagi, kita lihat burung-burung berterbangan di situ. Saya telah pun melihatnya dan menilai bahawa sekurang-kurangnya 50 spesies burung-burung yang berterbangan itu. Selain daripada itu, kita juga melihat kera ataupun monyet yang berada di situ. Kenapa mereka ada di situ kerana hutan yang tebal ada di situ, di Air Keroh. Saya telah pun membuat bandingan Golf Coast Ayer Keroh dengan Botanical Garden di Melaka. Nilanya lebih baik lagi daripada Botanical Garden daripada segi kepunyaan kepelbagaian biologi ataupun *the contents of biodiversity* di Ayer Keroh Golf Coast. Itulah sebabnya kita buat satu *survey* pada tahun ini untuk menilaikan dan seterusnya untuk menjenamakan *golf-golf coast* di seluruh negara nanti supaya boleh menarik minat pemain-pemain golf daripada luar negara. Ini kerana di dalam fenomena *global warming* dan *climate change* ini, sememangnya mewujudkan lapangan-lapangan golf adalah satu di antara cara yang kita oleh menangani *global warming*. Ini kerana di negara kita *absorption of carbon dioxide* oleh bandar raya-bandar raya di negara kita hanya 1.5% sahaja walhal di hutan tropika boleh menyerap 27% gas karbon dioksida.

Oleh itu mewujudkan lebih banyak lagi lapangan-lapangan golf termasuk tanam lagi pokok lebih banyak supaya *golf coast* itu lebih *exciting* lagi kepada pemain-pemain adalah usaha yang di baik nanti oleh pengusaha-pengusaha. Untuk menjawab soalan nombor dua, golf antarabangsa. Kita memang sudah pun merancang *calendar of events* untuk **WAEGC iaitu World Amateur Entertains Golf Competition** di negara kita.

Kita sudah pun merancang itu dan ianya sudah pun masuk di dalam kalender. Pada tahun 2011, sudah terdapat banyak negara yang tidak main pada tahun ini tetapi sudah masuk sebagai contoh dari Perancis sudah tujuh pasukan telah mendaftarkan untuk main di dalam

competition tersebut iaitu World Amateur Entertain Golf Competition itu. Jadi itu adalah amat penting bagi kita untuk mengadakan kalender.

■ 1210

Ketiga, *indicator* promosi produk-produk. Kementerian Pelancongan tidak menggunakan *indicator revenue per available room* untuk *indicator*. Sebaliknya Kementerian Pelancongan menggunakan jumlah kedatangan pelancongan serta pendapatan sebagai petunjuk prestasi sektor pelancongan negara. Kita menggunakan juga *per capita painting* untuk membuat promosi. Sebagai contoh, daripada Timur Tengah, perbelanjaan per kapita pelancong ialah RM6,500. Daripada Iran, RM7,000. Daripada Australia dan New Zealand...

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat..

Dato' Dr. James Dawos Mamit: RM5,000.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, biar Yang Berhormat Menteri jawab yang di hadapan itu dahulu. Selepas itu Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Sebagai *indicator* kita. Okey, sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada soalan Yang Berhormat Tan Sri Jins?

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mencadangkan, tidakkah Kementerian Pelancongan mengadakan peruntukan khusus bagi menerbitkan filem-filem dokumentari mengenai padang-padang golf di seluruh Malaysia di mana kita mempunyai barang padang golf yang agak luar biasa jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

Jadi kalau dapat kita membuat filem dokumentari, mempromosikan padang golf di seluruh Malaysia ini keluar negara mungkin kita dapat ramai lagi pelancong yang akan datang dari luar negara untuk bermain golf di negara kita ini *[Tepuk]* Ada di antara padang golf kita yang boleh bermain pada waktu malam. Ada lampu pada waktu malam dan jarang kita lihat di luar negara ada padang golf waktu malam. Di negara kita ada. Jadi tidakkah kementerian dan apakah pandangan Yang Berhormat supaya kita adakan peruntukan khas bagi membuat filem dokumentari mengenai padang golf ini?

Datuk Akbar bin Ali: *[Bangun]*

Dr. Syed Husin Ali: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Biar bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab dahulu. Silakan Yang Berhormat. Kalau boleh jawab jangan panjang-panjang sangat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambut baik cadangan Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin tentang filem dokumentari ini kerana ianya adalah satu perkara yang kita boleh gunakan untuk mempromosikan lagi kerana visual adalah lebih baik daripada kita yang bercakap seperti ini yang senang orang faham lagi. Saya ambil maklum tentang cadangan itu Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Satu lagi agaknya, ya.

Datuk Akbar bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang jawapan-jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi saya amat berterima kasih. Cuma saya hendak kata tadi, dalam konteks menangani *global warming*, ia *equal to* dengan izin *clean environment*. Jadi di sini terima kasih kerana memberikan penghormatan kepada Melaka tadi itu. akan tetapi dalam konteks yang saya hendak cakapkan Tuan Yang di-Pertua, *green field* dalam permainan golf adalah tidak mesra alam. Contohnya ia menggunakan banyak *in organic fertilizer*, *pesticide* dan sebagainya dan menggunakan banyak air. Ini semua tidak selaras dengan *conservation of the environment*. Jadi adakah kita hendak menghala kepada *brown field instead of the green field* seperti mana yang diamalkan sebagai contoh di Chambers Bay Washington, USA, itu satu. Tentang kalendar tadi, kalaulah ada bersama-sama dengan *event-event* yang lain bertaraf antarabangsa tolong edarkan..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Di Dewan ini esok. Ketiga, saya setuju *per capita expenditure*, *per day expenditure*, FFE adalah antara *indicator* mengukur kemajuan industri pelancongan. Cuma antara *indicator* ini, yang lebih baik ialah *ref par*. Kalaulah kementerian belum buat, saya cadangkan juga diambil kira *indicator* ini. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali. Lagi tentang *global warming* yang berkaitan dengan *green field*. Walaupun ia begitu Yang Berhormat, ada lapangan-lapangan golf yang menggunakan *organic fertilizer*, itu satu.

Keduanya, kegunaan air untuk menyiram rumput-rumput supaya ia sentiasa hijau dan sebagainya ialah daripada kolam yang ada di lapangan-lapangan terbang. Ini kerana jika *organic fertilizer* digunakan dengan ada pengairan balik ataupun *surface run off* kepada kolam-kolam itu, maka air itu juga boleh digunakan sebagai sumber *fertilizer*. So, ia ada satu *cycle* dan sebagainya. Untuk *rest spa* itu, saya ambil maklum kerana kita juga memang ada *spa* sebagai tarikan pelancongan dan tahun hadapan kita akan buat *star rating spa*. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti dahulu. Saya minta semua Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri agaknya ada panjang lagi tak hendak jawab dari segi kementerian itu? Berapa panjang lagi?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Saya ada dua ..

Tuan Yang di-Pertua: Kalau dibiarkan semua hendak bertanya, panjang cerita dia. Berapa panjang lagi tentang jawapan daripada kementerian untuk dijawab dalam sesi yang dahulu. Berapakah agaknya hendak dibentangkan.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Sepuluh minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa muka lagi?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Sepuluh minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dua muka?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Dalam sepuluh minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta kalau boleh, beri peluang Yang Berhormat Timbalan Menteri ini selesaikan jawab dahulu. Kalau isu-isu dibangkitkan itu ada, boleh tanya berkenaan isu yang berkenaan. Kalau tidak nanti agaknya terlalu panjang sangatlah. Silakan Yang Berhormat dahulu. Kalau sekiranya Yang Berhormat di sini ada hendak bertanya, kalau ada isu-isu yang berkaitan apa hendak dijawab nanti ataupun Yang Berhormat ada bangkitkan dahulu, itu kita cuba bagi *priority* dahulu. Selepas kalau ada bangkitkan perkara itu, Yang Berhormat minta penjelasan dan tambahan. Kalau hal-hal baru, saya rasa tidak payah masuklah dahulu. Isu-isu baru kalau ada berkaitan dengan tajuk yang dibangkitkan itu boleh bangkitkan.

Dr. Syed Husin Ali: Ini dengan tajuk golf tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, golf! Panjang sangat dah golf ini sudah [*Ketawa*]

Dr. Syed Husin Ali: Soalannya pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Pendek tidak mengapa.

Dr. Syed Husin Ali: Pertama sekali saya agak bimbang dengan keghairahan golf ini. Ini kerana golf untuk hanya segelintir orang menggunakannya. Padahal ramai anak muda yang melepak di merata tempat. Lebih baik dibanyakkan *park* misalnya untuk anak muda dan orang tua ber*exercise* dan sebagainya.

Keduanya ialah tanah diutamakan untuk golf tetapi rakyat terbanyak memerlukan tanah untuk bangunan, rumah murah dan sebagainya. Jadi di manakah harus keutamaan kita? Golongan susah yang hendakkan rumah dan tanah ini ataupun golongan segelintir yang berkedudukan ini untuk main golf? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, contohnya ada *pros and con* dengan izin. So sekarang ini kalau kita hendak membuka isu ini, saya rasa sampai malam tidak habis. Saya cadangkan jawab, kalau boleh jawab ringkaskan tentang itu, di hadapan Yang Berhormat. Selepas itu *concentrate* dan khusus serta fokus kepada soalan-soalan Yang Berhormat terpaksa jawab. Silakan.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, perkara sebegini ini diambil timbang oleh kerajaan sebagai *direction for development* tetapi memangnya rakyat seharusnya didahulukan. Jika mereka memerlukan rumah, jadi perumahanlah yang sepatutnya boleh dibangunkan bukan hanya semata-mata untuk golf.

Biar saya teruskan dengan jawapan yang lain. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahaim bertanya mengapa pengeluaran lesen *out bound* dibekukan dan apakah rancangan kementerian untuk tidak membekukannya lagi pada masa hadapan?

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim, Kementerian Pelancongan telah menguatkuasakan dasar pembekuan sementara lesen *outbound* mulai 24 Jun 2010. Dasar pembekuan ini dilaksanakan kerana berlakunya peningkatan kes-kes penipuan serius dan aduan yang melibatkan syarikat pelancongan yang menawarkan pakej pelancongan ke luar negara. Berdasarkan statistik, sebanyak 180 aduan telah diterima dan lima kes penipuan serius bagi tahun 2009.

■1220

Sehingga 30Oktober 2010, sebanyak 159 aduan telah diterima dan enam kes penipuan serius. Jumlah ini menunjukkan bahawa terdapat syarikat-syarikat pengendalian pelancongan yang mengendalikan bidang *outbound* telah menyalahgunakan lesen yang diberikan dan telah menjejaskan imej industri pelancongan negara.

Kementerian ini telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi kegiatan tidak bertanggungjawab syarikat-syarikat pengendalian pelancong berkenaan termasuklah mengambil tindakan tegas dengan membatalkan lesen mereka. Walaupun lesen *outbound* telah dibekukan sementara, namun kementerian masih menimbangkan semula permohonan lesen pelancongan dalam negeri *inbound* dan agensi pengembaraan *ticketing* yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. Syarikat-syarikat yang diluluskan kedua-dua lesen ini dijangka akan dapat menimba pengalaman dalam pengurusan pengendalian pelancongan dalam negeri ataupun domestik dan seterusnya membolehkan mereka meningkatkan keupayaan serta berdaya saing apabila dasar pembekuan lesen *outbound* ditarik balik pada masa hadapan.

Sehubungan itu, sebagai langkah dalam memastikan dasar pembekuan ini dapat dielakkan pada masa hadapan, kementerian sedang mengkaji dan merangka program latihan khusus kepada pengusaha-pengusaha syarikat pengendalian pelancongan yang baru dan sedia ada. Antara tujuan program latihan ini diwujudkan adalah bagi memastikan syarikat-syarikat pengendalian pelancongan terutamanya yang diluluskan lesen perniagaan pengendalian luar negara mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang mencukupi agar membendung kes-kes penipuan berulang kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawli bertanya sama ada 8.4 juta orang pelancong dari China yang datang ke Malaysia adalah untuk melancong atau bekerja. Kedua, sistem atau kaedah pembelian tiket pergi dan balik yang boleh diamalkan bagi mengira jumlah kedatangan pelancong asing ke Malaysia dan ketiga jumlah pelancong asing yang datang ke Malaysia adalah tidak sama dengan jumlah yang pulang setelah melancong di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz berkenaan kedatangan pelancong dari negara China. Ingin dimaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa jumlah ketibaan pelancong dari China ke Malaysia bagi tahun 2008 adalah sebanyak 849,864 orang manakala bagi tahun 2009 adalah seramai 1,019,756 orang iaitu

peningkatan sebanyak 7.4%. Data kedatangan ini telah diperoleh daripada Jabatan Imigresen Malaysia dan ia adalah bertujuan untuk melancong.

Mengenai pertanyaan jumlah pelancong asing yang datang ke Malaysia adalah tidak sama dengan jumlah pelancong yang pulang, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Pelancongan tidak mengumpul atau mengeluarkan statistik pelancong asing yang pulang ke negara mereka. Ini memandangkan bahawa sebarang statistik berhubung data keluar dan masuk setiap warga asing ke Malaysia termasuk pelancong adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Imigresen Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat untuk mengira jumlah kedatangan pelancong melalui kaedah pembelian tiket penerbangan. Ingin dimaklumkan bahawa kaedah ini adalah tidak sesuai untuk dilaksanakan kerana mekanisme pembelian tiket oleh pelancong ini dilaksanakan dengan pelbagai cara termasuk melalui ejen-ejen pelancong asing, ejen-ejen pelancong tempatan, pembelian daripada syarikat-syarikat penerbangan serta pembelian secara terus oleh pelancong melalui internet.

Data pembelian tiket ini juga perlu diasingkan mengikut:

- (i) rakyat tempatan dan asing;
- (ii) kerakyatan negara-negara asal; dan
- (iii) tujuan lawatan sama ada untuk melancong, belajar, melaksanakan perniagaan dan sebagainya.

Data-data terperinci seperti ini tidak dapat dikumpulkan atau disahkan melalui kaedah pembelian tiket penerbangan terutama apabila ia bergantung kepada sumber pihak swasta. Tambahan pula kedatangan para pelancong asing ke Malaysia tidak terhad kepada melalui kapal terbang sahaja. Ada pelancong yang datang dengan jalan darat terutama daripada Singapura, Thailand dan Indonesia. Ada juga pelancong yang datang melalui jalan air seperti kapal *cruise* dan kapal layar.

Untuk makluman Yang Berhormat juga kebanyakan negara menggunakan data kedatangan pelancong yang dibekalkan oleh Jabatan Imigresen masing-masing dan Malaysia juga menggunakan kaedah yang sama.

Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawî: Saya pohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawî: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab soalan yang telah saya kemukakan.

Berdasarkan kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa tidak praktikal untuk kita amalkan dasar untuk membeli tiket pergi dan balik. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada soalan yang dikemukakan di Dewan Rakyat mahupun di Dewan Negara berkenaan dengan kedatangan pelancong terutamanya daripada China yang

kerap menjadi kalau kita kira mangsa kepada anti pemerdagangan manusia ataupun menjadi pelacur-pelacur. Saya rasa sudah sampai masanya kerajaan kita menguatkuasakan satu sistem yang lebih praktikal untuk kita mengawal kedatangan dan baliknya pelancong-pelancong muda yang datang ke negara kita ini. Ini kerana bukan sahaja mengundang masalah jenayah tetapi masalah sosial kepada masyarakat. Itu yang pertama.

Yang kedua, dalam konteks ini bagaimana kerajaan boleh menggunakan polis pelancong yang mungkin sebelum ini tidak digunakan untuk faktor keselamatan pelancong untuk memastikan mereka ini akan balik ke negara masing-masing. Dalam kes ini saya rasa kita boleh dikategorikan negara-negara yang selalu menjadi ejen ataupun menjadi pelacur-pelacur kepada – maksiat kepada negara kita. Jadi kalau boleh – kalau kita ada macam *visa on arrival* untuk negara tertentu dan kemudian kita batalkan, sekarang ini untuk kedatangan pelancong-pelancong bagi sektor tertentu, mungkin kita boleh kuatkuasakan sistem yang tertentu. Itu yang pertama.

Yang ketiga berkaitan dengan *departing visitor survey*. Tadi segala kemasukan data diambil daripada Jabatan Imigresen. Sekarang ini bila pelancong kita pulang, pelancong jarang-jarang dan ada kadang-kadang dibekalkan dengan *departing visitor survey*. Dalam konteks ini kita lihat, dalam konteks bajet terdapat dua perkara yang diumumkan dalam bajet berkaitan langsung dengan Kementerian Pelancongan. Yang pertama berkaitan dengan pengecualian 300 barangan yang melibatkan barangan-barangan seperti beg kulit, segala-galanya kerana dikatakan ini perkara akan memberikan pulangan kepada negara hasil daripada kedatangan pelancong. Saya ingin tanya kepada pihak kementerian, atas dasar apakah perkara ini dicadangkan kepada pihak Kerajaan Malaysia untuk mengecualikan barangan-barangan yang dikira agak mewah ini sedangkan dalam masa yang sama kita membatalkan subsidi kepada rakyat kita sendiri. Itu yang pertama.

Yang kedua dalam kes bajet ini tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang ketiga itu, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Yang ketiga. Dalam kes ini juga kita lihat kepada cadangan untuk membina tujuh buah kelab malam bagi menampung keperluan pelancong asing untuk berhibur pada waktu malam. Bila saya tanya kepada kementerian, jawapan rasmi yang diberikan bahawa daripada *survey* yang dibuat oleh pihak kerajaan, 18.4% mengatakan datang ke Malaysia kerana tempat-tempat sejarah. 14.6% mengatakan kerana negara kita ada pantai yang cantik. Tidak ada data yang mengatakan bahawa mereka datang ke Malaysia untuk berhibur dan memerlukan kelab malam seperti ini.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Atas dasar apakah perancangan untuk membina kelab-kelab malam ini di lokasi-lokasi strategik dibuat kepada kerajaan dan dimasukkan ke dalam bajet sedangkan ini tidak diminta oleh pelancong. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan-soalan tambahan. Yang pertamanya tentang kedatangan pelancong-pelancong daripada negara-negara China yang telah pun kita tahu ramai daripada antara mereka yang telah pun di*exploit* oleh mana-mana pihak.

■1230

Kita pun tidak tahu kerana kalaulah mereka telah pun di *exploit* oleh mana-mana pihak, maka ini di bawah tanggungjawab kementerian yang lain atau pun Kementerian Dalam Negeri. Ini kerana, kita tidak memantau perkara-perkara seperti ini.

Kedua, gunakan polis-polis pelancong. Saya menyambut baik tentang cadangan Yang Berhormat tentang penggunaan polis-polis pelancong. Akan tetapi, polis-polis pelancong ini juga di bawah kementerian yang lain iaitu KDN kerana pengagihan mereka nanti bagaimanakah mereka boleh diagihkan untuk bertanggungjawab kepada mengawal pelancong-pelancong sama ada pelancong-pelancong yang datang juga membuat kecoh dan *commit* pelbagai kesalahan. Jadi, ini di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Untuk *departing visitors survey*, kita buat *departing visitors survey* kerana kita mahu tahu perbelanjaan pelancong-pelancong asing di dalam negara kita. Walaupun ianya dibuat sebegini tetapi daripada statistik *departing visitors survey* itu, kita membuat penganalisa daripada segi *analysis of variants* atau pun *stepwise regression analysis* untuk melihat *correlation* dan sebagainya.

Pengecualian barang-barangan itu adalah untuk menggalakkan pelancong-pelancong asing datang ke negara kita untuk membeli belah. Kita tidak dapat nafikan bahawa ramai daripada pelancong yang datang ke negara kita untuk membeli belah. Itulah sebabnya pelancong-pelancong datang dari Timur Tengah dengan per kapita perbelanjaan RM6,500 – itu amat tinggi kerana mereka datang ke negara kita untuk membeli belah. Setakat ini, pelancong yang melancong ke negara kita berbelanja lebih kurang 28% daripada perbelanjaan mereka untuk membeli belah. Kalau dibandingkan dengan Singapura – 35%, Hong Kong – 55%. Jadi, itulah yang kita mahu buat dengan pengecualian barang.

Seterusnya, tujuh kelab malam. Ini di bawah kementerian lain lagilah kerana kita tidak mengawal kelab malam. Jadi, kita tidak tahu di manakah kelab malam ini berada dan sebagainya. Kita tidak menganggapkan bahawa kelab malam adalah satu tarikan untuk pelancong-pelancong asing datang ke negara kita, kerana kita tidak buat *survey* mengenai kelab malam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah habis belum kementerian Yang Berhormat? Sudah habis sudah?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Bacalah habis. Teruskan.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn bertanya adakah terdapat cadangan untuk membina laluan berbumbung seperti di KLCC ke Bukit Bintang di tempat-tempat lain seperti di Pulau Pinang, Melaka dan Johor Bahru.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada masa ini, menerusi dua inisiatif yang dicadangkan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) pelancongan, belum ada cadangan untuk membina laluan berbumbung di Pulau Pinang, Melaka dan Johor Bahru seperti di KLCC ke Bukit Bintang. Namun, Kementerian Pelancongan menyambut baik sekiranya kerajaan negeri ingin mengambil inisiatif yang sama untuk mewujudkan laluan berbumbung seperti yang dicadangkan di bawah NKEA ini dengan kerjasama pihak swasta. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada soalan saya tidak berjawab lagi. Satu, mengenai cadangan Legoland, taman tema ala-ala Disneyland di Johor dan satu lagi mengenai Melaka iaitu peruntukan untuk membuat – lebih kurang Disneyland jugalah. Ada juga penerangan terakhir mengenai Nexus Resort Karambunai yang telah diperuntukkan sebanyak RM33 bilion untuk pembangunan pelancongan di sana.

Datuk Akbar bin Ali: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Adakah jawapan Yang Berhormat? Yang Berhormat, ada tidak jawapan? Kalau tidak ada jawapan, agaknya...

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Legoland telah pun dijawab semalam oleh kementerian yang lain dan semuanya ini adalah di bawah kementerian yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapalah Yang Berhormat. Agaknya ambil kira sahajalah tentang perkara itu tadi. Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati pun kalau fikir-fikirnya ada, cuba kemukakan dengan cara bertulis kalau hendak jawapan dan sebagainya.

Baiklah Yang Berhormat, saya hendak beri peringatan semua kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita ada 13 lagi kementerian selepas ini. Kalau sekiranya tiap-tiap satu kementerian ambil dekat satu jam, saya rasa kita kena terpaksa menyelesaikan semua jawapan kementerian itu pada hari ini.

Oleh itu, saya memohon kerjasama semua pihak, kalau boleh kementerian-kementerian, jawapan itu ringkas, tepat dan padat. Kalau sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat ingin bertanya, mana yang ada dibangkitkan dalam perbahasan itu tetapi jawapan itu tidak kena, boleh minta penjelasan. Jangan bawa isu-isu baru. Kalau isu baru dibangkitkan, nanti rasanya akan berpanjangan. Kalau boleh, dengan adanya kerjasama itu, dapat kita selesaikan 13 kementerian selepas ini akan menjawab pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Dipersilakan sekarang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Silakan.

12.36 tgh.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani semasa perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2011 di peringkat dasar di dalam Dewan Negara kali ini. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan memastikan segala program dan projek melalui Bajet 2011 yang telah dibentangkan akan dilaksanakan secara menyeluruh dengan sempurna agar memberi impak yang positif dalam memajukan sektor pertanian di negara ini.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah Mahat membangkitkan berkenaan dengan menambah baik industri ikan air tawar dan menambah pengusaha ikan air tawar. Jabatan Pertanian menyediakan pelbagai input bagi membantu persatuan nelayan, persatuan penternak ikan air tawar, persatuan ikan hiasan dan sebagainya. Bantuan disediakan kepada individu, kelompok kecil dan juga persatuan yang berkelayakan. Wakil-wakil persatuan tersebut juga dilantik untuk menganggotai Majlis Perundingan Industri Akuakultur yang bertujuan untuk mengenal pasti isu dan masalah semasa industri, menyelaras pembangunan industri akuakultur dan memantau perkembangannya.

Bantuan-bantuan yang disediakan oleh Jabatan Pertanian Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) Khidmat nasihat dan bantuan teknikal;
- (ii) bantuan benih dan makanan ikan;
- (iii) bantuan peralatan;
- (iv) latihan seminar dan bengkel;
- (v) pemindahan teknologi akuakultur;
- (vi) latihan sangkut; dan
- (vii) projek inkubator.

Yang Berhormat Senator Tuan Yusof Husin membangkitkan tentang kawasan tanah tanaman padi yang diancam oleh pembangunan perumahan yang menjejaskan keluasan kawasan sawah padi. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kementerian telah membentangkan kertas bertajuk 'Kawasan Tanam Padi Bagi Keperluan Program Pengeluaran Padi Negara' semasa mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri pada 9 Februari 2010. Pembentangan kertas tersebut bertujuan untuk menyarankan kepada kerajaan negeri supaya menggazet atau mewartakan kawasan-kawasan penanaman padi yang sedia ada sebagai kawasan kekal tanaman padi.

Kuasa untuk mewartakan tanah adalah di bawah kerajaan negeri. Pihak kementerian mengalu-alukan tindakan kerajaan negeri untuk mewartakan kawasan tanaman padi. Sebarang penukaran kawasan tanaman padi sedia ada kepada sektor lain perlu diganti dengan kawasan yang sesuai bagi memastikan pengeluaran padi negara tidak terjejas.

■ 1240

Yang Berhormat Senator Tuan Husin telah membangkitkan tentang bantuan kemarau bagi tanaman padi. Sebarang bantuan mengenai bencana seperti banjir dan kemarau adalah di bawah tanggung jawab dan bidang kuasa Majlis Keselamatan Negara. Jadi kita hanya membuat *assessment*, jadi segala-galanya bergantung kepada MKN sama ada bayaran akan ditentukan.

Yang Berhormat Senator Tuan Husin juga membangkitkan tentang pengeluaran benih padi sah. Kuota pengeluaran benih padi sah tidak pernah dikeluarkan kepada mana-mana negeri, sebaliknya ia telah dikeluarkan kepada 13 syarikat yang telah dilantik dengan kuota sebanyak 85,000 tan metrik bagi tahun 2010.

Syarikat-syarikat yang dilantik mesti mempunyai syarat yang telah ditetapkan iaitu memiliki loji dan peralatan dan mempunyai kemampuan untuk mengeluarkan benih padi. Kita tidak kiralah kepada PPK dan sebagainya. Umpamanya untuk PPK Lahar Bubu. Ia telah diberi kuota sebanyak 7,680 tan metrik bagi tahun 2010. Ini adalah kerana PPK ini mempunyai kemampuan dan mereka mempunyai loji sendiri dan mereka mempunyai kemampuan mengeluarkan kuota tersebut. Kuota pengeluaran bagi tahun 2011 termasuk Sabah dan Sarawak sedang dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Kuota pengeluaran yang ditetapkan adalah diambil kira kemampuan semasa ke semasa pada masa kecemasan seperti banjir bagi memastikan bekalan benih padi sah mencukupi bagi semua petani.

Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin mencadangkan kepada kerajaan untuk mengambil balik BERNAS, tempoh konsesi penswastaan Syarikat Padi Beras Nasional (BERNAS) sejak 12 Januari 1996 akan tamat pada 11 Januari 2011.

Kerajaan telah mengkaji dan membuat penilaian terhadap prestasi BERNAS dan akan membuat keputusan sama ada untuk menyambung atau menamatkan konsesi tersebut pada tahun 2011. Kajian dan penilaian prestasi sedang dibuat oleh pihak UKAS, Jabatan Perdana Menteri dan akan diangkat untuk keputusan Jemaah Menteri. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah membangkitkan tentang Dasar Pertanian Negara dan Program Rice Efficient untuk negara. Dalam dasar Pertanian negara ketiga telah ditetapkan bahawa tahap sara diri *self-sufficient level* (SSL/SSR) bagi tanaman padi ialah padak 70% dan baki 30% bekalan beras negara akan diimport. Dalam masa yang sama juga, kementerian menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia melabur di luar negara iaitu *reverse investment* bagi mengeluarkan beras. Ini adalah untuk menjimatkan peruntukan kewangan negara berbanding dengan kita membuka jelapang padi baru yang akan menelan belanja yang begitu banyak sekali.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sebenarnya saya timbulkan mengenai Dasar Pertanian Negara ialah sejauh mana Dasar Pertanian Negara itu dimasyarakatkan dan diamalkan. Antara contoh yang saya berikan ialah antara perkara yang patut diberi perhatian oleh Dasar Pertanian Negara itu adalah supaya mengurangkan kebergantungan kita terhadap produk-produk pertanian dari luar negeri.

Jadi ini yang saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana Kementerian memanfaatkan Dasar Pertanian Negara itu untuk betul-betul dijadikan panduan dalam merancang dan melaksanakan kegiatan-kegiatan pertanian negara untuk manfaat rakyat seluruhnya. Terima kasih.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Tidak dapat dinafikan bahawa kita dalam bidang pertanian ini masih bergantung kepada pengimportan bahan-bahan makanan yang begitu banyak sekali.

Walau bagaimanapun, usaha kita, kita telah menjalankan pelbagai usaha untuk kita mengurangkan pengimportan daripada program-program yang telah kita rancang melalui persatuan-persatuan nelayan melalui petani dan sebagainya. Kita sekarang ini dengan bekalan benih-benih baru, *research* daripada MARDI dan sebagainya, iaitu daripada industri asas tani dan sebagainya. Banyak lagi perkara-perkara yang kita laksanakan dan perkara-perkara ini sedang berjalan. Saya nampak bahawa akhir-akhir ini kita telah banyak mendapat *improvement* daripada usaha yang akan kita jalankan.

Walau bagaimanapun secara terperinci saya rasa saya tidak dapat beri kepada Yang Berhormat di sini. Saya mungkin akan beri dengan cara bertulis usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh kerajaan, kalau tidak ia akan memakan masa yang panjang, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Husin juga membangkitkan mengenai penanaman padi dan sistem rehat tanah, setakat ini pihak Kementerian masih belum membuat kajian mengenai sistem merehat tanah seperti yang dicadangkan. Ini kerana penanaman padi di Malaysia dijalankan sebanyak dua kali setahun kecuali di kawasan yang tiada infrastruktur, pengairan dan '*rain fed*' area atau '*grain fed* area'. Jika sistem merehat tanah dijalankan, dikhuatiri ianya akan menjejaskan tahap sara diri negara dan seterusnya tidak mampu untuk menampung permintaan beras tempatan, dan akhirnya menjurus kepada pengimportan beras yang berlebihan.

Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad bertanya mengenai SUBUR dan status perlaksanaannya. Program SUBUR adalah singkatan kepada Subsidi Beras Untuk Rakyat yang bertujuan untuk membantu golongan miskin tegar, miskin dan mudah miskin yang telah dikenal pasti mendapat bekalan beras tempatan dengan menggunakan baucar. Setakat ini program ini masih belum dilaksanakan, senarai terkini permohonan baru SUBUR telah diterima sehingga November 2010 daripada Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen (MPPP) ialah sejumlah 524,765 orang. Senarai ini telah dihantar kepada ICU, Jabatan Perdana Menteri untuk

dibuat tapisan dengan senarai e-Kasih yang sedia ada bagi mengelak pertindihan dan didapati sejumlah 76,654 orang telah pun disenaraikan dalam sistem e-Kasih. Ini menjadikan jumlah pemohon yang dikenal pasti bagi pemohon baru adalah seramai 451,111 orang.

Program ini akan dilaksanakan setelah senarai penerima dimuktamadkan. Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat membangkitkan tentang burung walit. Jabatan Perkhidmatan Veterinar di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyediakan garis panduan Industri Burung Walit Negara atau 1GP bagi menyeragamkan pelbagai undang-undang dan peraturan yang diamalkan oleh pelbagai agensi. 1GP ini meliputi aspek perladangan, pemprosesan import eksport, daya jejak dan pendaftaran serta pelesenan premis sarang burung walit.

Kedua, aspek-aspek legislatif bagi urusan pelesenan dan pendaftaran premis peladang, perladangan dan pemprosesan. Ketiga, aspek amalan baik penternakan haiwan GAHP, MS20, MS2273 iaitu tatacara pengurusan premis dan ternakan daya jejak dan kebajikan haiwan.

Keempat, tatacara pemprosesan burung walit mengikut amalan baik pengilang atau Good Manufacturing Practice (GMP MS2333) merangkumi pemilihan, pembersihan, pembungkusan dan pelabelan mengikut spesifikasi yang digariskan. 1GP telah dibentangkan kepada mesyuarat Majlis Negara bagi kerajaan tempatan kali yang ke-63 pada 2 September 2010 untuk diterima pakai oleh semua pihak berkuasa tempatan dan pelaksanaan aktiviti penternakan dan pemprosesan sarang burung walit.

■1250

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Buku Garis panduan 1GP telah dicetak dan akan diedarkan mulai minggu ini dengan harga senaskah sebanyak RM15. Hasil daripada banciaan rumah burung walit yang ada setakat ini sehingga Ogos 2010 berjumlah 6,048 buah di seluruh negara.

Yang Berhormat Senator Tuan Lee Cheam Choon membangkitkan tentang ternakan babi. Strategi jangka panjang penternakan babi secara berkelompok oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ditumpukan kepada permohonan *pig farming area and modern pig farming* selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 25 Julai 2007. Bantuan yang diberi oleh kerajaan kepada penternak secara berkelompok ini melibatkan khidmat nasihat, pemantauan kualiti, kumbahan, akreditasi ladang dan Skim Amalan Ladang Ternakan di bawah JPV. Pada masa ini tiada lebihan pengeluaran untuk dieksport ke luar negara. Tumpuan diberi kepada pengeluaran babi bagi memenuhi keperluan tempatan dan kekurangan diimport daripada luar negara.

Yang Berhormat Senator juga telah membangkitkan tentang tanah terbiar. Sehingga kini terdapat sebanyak 705 projek tanah terbiar telah dibangunkan dengan melibatkan 6,859 peserta dengan keluasan yang dibangunkan sebanyak 8,105.9 hektar. Jumlah pengeluaran adalah sebanyak 22,000 tan metrik dengan nilai pengeluaran sebanyak RM21 juta.

Projek pembangunan tanah terbiar hanya melibatkan tanah-tanah persendirian. Tuan Yang di-Pertua sebagai mengakhiri penggulungan Rang Undang-undang Perbekalan 2011 di peringkat dasar kali ini, saya ingin ucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah memberi pandangan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada seorang bangun, sebelum apa tu... Silakan

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam ucapan saya, saya juga ada menyentuh mengenai perlindungan petani-petani di Malaysia bila kerajaan Malaysia berjanji dengan EU – Perjanjian Perdagangan Bebas. Pada pandangan saya petani mungkin akan terjejas. Adakah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ada wakil dalam kumpulan perbincangan? Terima kasih.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta maaf, mungkin saya *overlook* jadi saya akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, seorang lagi, silakan Yang Berhormat.

Tuan Lee Cheam Choon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam ucapan saya pun, saya pun ada sentuh mengenai sara diri untuk buah-buahan dan sayur-sayuran. Jadi di dalam usaha-usaha untuk membangunkan dan memulihkan tanah-tanah terbiar, ada tidak ia terlibat makanan, sayur-sayuran dan buah-buahan?

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Jadi mengenai pembangunan tanah terbiar ini, ia macam-macam, ada yang buat ternakan dan buah-buahan. Jadi dia berbagai-bagai mengikut pengusaha yang mengusahakan. Ada juga yang mengusahakan ikan air tawar, ada yang buat ternakan dan buah-buahan. Jadi dia pelbagai la. Secara *detail* tiada saya bersama-sama dengan saya. Kalau Yang Berhormat berminat, saya boleh bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Jadi sekali saya ucap berbilang-bersang terima kasih dan penghargaan kepada semua yang mengambil bahagian dalam perbincangan ini dan mudah-mudahan ia akan bagi faedah yang besar kepada negara kita. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya persilakan Kementerian Pertahanan.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hanya seorang beri cadangan dan komen kepada Kementerian Pertahanan. Saya merujuk kepada Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor yang membangkitkan isu jumlah pesara tentera yang produktif untuk sektor perkilangan negara.

Untuk makluman Dewan, kementerian tidak ada angka yang tepat, yang boleh menjelaskan jumlah pesara yang produktif dalam sektor perkilangan. Ini kerana sektor perkilangan di kalangan pesara dan veteran adalah profesion yang mungkin terakhir yang mereka berminat kerana majoriti daripada mereka lebih daripada 70% berminat untuk berniaga ataupun bekerja sendiri.

Walau bagaimanapun, sekarang kementerian sudah mula merangka satu *software* supaya kita dapat *trace*, menjejaki setiap pesara tentera dan berbagai-bagai program dan projek telah kita susun atur bagi memastikan semua pesara-pesara tentera jadi produktif dan mereka tidak tergolong dalam golongan yang mudah miskin atau termiskin. Saya akan berikan kepada Yang Berhormat Senator mengenai jumlah perangkaan khususnya bagi mereka, pesara tentera yang tidak menjadi pekerja kilang tetapi mengusahakan industri kecil dan sederhana seperti produksi pemakanan ringan atau sebagainya bagi mengisi masa mereka selepas bersara.

Saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat senator kerana mengutarakan cadangan tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, agaknya sesiapa yang ada di Dewan ini, kalau ada masa berbahas dan ada soalan yang menyentuh perkara itu, kalau ada boleh soal. Akan tetapi kalau Yang Berhormat semua tidak ada bangkitkan apa-apa dan nampaknya sekarang ini, Dato' Dr. Firdaus ada...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya tentang *software* yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Kata sedang merangka *software*, yang sebenarnya adalah menjawab juga soalan yang saya kemukakan pagi tadi. Saya hendak tahu *software* yang sedang dirangka itu, bilakah agaknya akan siap? Boleh tidak untuk sidang Dewan yang akan datang kita bertanya balik kemajuan pembinaan *software* itu dan pelaksanaannya? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Dia begini, boleh saya terangkan Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya data-data yang ada dalam kementerian khususnya daripada Unit Gaji Angkatan Tentera (UGAT). Kita perlu kongsi data tersebut yang mempunyai segala angkatan tentera yang berkhidmat dan juga yang hendak bersara, kita perlu cantumkan ia dengan Jabatan Hal Ehwal Veteran. Untuk cantumkan ini, banyak bergantung kepada polisi dengan izin *the... providers*.

Dulu mereka beranggapan bahawa perlu kita berkongsi data tetapi kemudian diubah polisi supaya tiap jabatan-jabatan itu mempunyai data yang tersendiri, ia tidak hendak kongsi. Jadi bila tidak dikongsi data tersebut, data ini hanya menjadi *tools* atau menjadi *powerful* jika kita dapat menganalisis data-data tersebut. Oleh sebab itu Yang Berhormat Menteri telah berbincang dengan bahagian perkhidmatan supaya kita berkongsi data. Bila kita berkongsi data, selepas mereka pencen, kita *trace* dia lagi, sebab kebanyakan mereka, 90% adalah yang berpencen.

Ada yang tidak berpencen dan ini sedang, *insya-Allah* dalam persidangan bulan tiga agaknya, kita akan membentangkan Akta Veteran yang telah pun diluluskan oleh Kabinet baru-baru ini, di mana kita mengambil kira juga mereka-mereka yang tidak berpencen. Jadi bila

mereka pencen, sama ada mereka tergolong bawah paras kemiskinan umpamanya, bawah daripada RM720.00, pencen mereka dulu, sekarang kita dah *streamline* kan.

Kita kemaskinikan supaya mereka pun dapat pencen minimum RM720 untuk prebet umpamanya, kita hendak *trace*, yang *tracing* ini tidak ada. Umpamanya Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Pilah, berapa orang pencen kita tahu tetapi kita hendak *trace* mereka, berapa anak mereka, apa masalah mereka, ini kita tidak ada dalam data. Kalau diizinkan dan bergantung kepada keperluan dana, *insya-Allah* saya boleh jawab semua data-data ini terkumpul dengan hanya menekan satu jari kita dapat mengesan di mana juga pesara ATM berada dan apa yang mereka buat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini sahajalah sesi sebelah pagi ini. Kita akan tangguh sekarang dan akan bersidang semula pada pukul 2.30 hari ini.

Mesyuarat ditinggalkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingin memberikan laluan kepada Yang Berhormat Menteri untuk membaca Usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.33 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai, diputuskan:

- (i) Rang Undang-undang Perbekalan 2011;
- (ii) Rang Undang-undang Agensi Inovasi Malaysia 2011;
- (iii) Rang Undang-undang Fi (Jabatan Meteorologi Malaysia)(Pengesahan) 2010; dan
- (iv) Rang Undang-undang Pemberi Pinjam Wang (Pindaan) 2010.

Selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 22 Disember 2010.”

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato’ Tan Lian Hoe]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Kementerian Kerja Raya untuk menjawab.

2.35 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada lapan orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Dr. Malasingam a/l Muthukumar; Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah binti Hamat; Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn; Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Chai Thiam; Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah; Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung; Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang; dan Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad yang sudi berkongsi pandangan dan cadangan menyentuh bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya semasa mengambil bahagian dalam sesi perbincangan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 2011 di Dewan Negara ini.

Pelbagai isu dan cadangan bernas telah diutarakan dalam sesi perbincangan. Saya ucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu berkaitan dengan kementerian ini semasa sesi perbincangan tersebut. Secara keseluruhannya, antara isu-isu berkaitan kementerian yang telah menarik minat Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau boleh saya rumuskan dalam merangkumi isu penyelenggaraan jalan persekutuan, status cadangan projek jalan persekutuan dan isu tol.

Penyelenggaraan jalan persekutuan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dr. Malasingam dan Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Chai Thiam telah mencadangkan supaya lampu jalan diperbanyakkan khususnya di Jalan Cameron Highlands ke Gua Musang melalui Lojing dan dilengkapi dengan kemudahan awam seperti tandas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini mengambil maklum akan cadangan mengenai pemasangan lampu jalan di sepanjang laluan tersebut. Pemasangan lampu-lampu jalan di jalan-jalan persekutuan adalah terhad pada lokasi-lokasi strategik dan berisiko kemalangan seperti di persimpangan jalan dan selekoh serta kawasan-kawasan tumpuan orang ramai. Ini menepati keperluan reka bentuk pembinaan sesuatu jalan yang turut mengambil kira faktor analisa kos, faedah projek secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerja Raya sentiasa memastikan jalan-jalan persekutuan di seluruh negara ini termasuk di laluan ini sentiasa berada dalam keadaan yang selamat dan selesa menerusi pelaksanaan program-program audit keselamatan dan program penyelenggaraan diadakan pada setiap tahun.

Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM16 juta untuk tahun 2010 bagi tujuan

pemasangan baru dan penyelenggaraan lampu-lampu jalan di seluruh negara secara keseluruhannya. Sehubungan itu, cadangan pemasangan lampu jalan di lokasi-lokasi strategik di sepanjang simpang jalan di Jalan Cameron Highlands-Lojing-Gua Musang akan diberikan pertimbangan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Berhubung dengan cadangan pembinaan tandas awam ini di Jalan Cameron Highlands ke Gua Musang melalui Lojing, ia akan diperhalusi dan dipertimbangkan mengikut keperluan dan kesesuaian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah binti Hamat mohon dinyatakan langkah kerajaan bagi memastikan jalan persekutuan dan lebuhraya bertol yang baru dibina tidak mudah rosak dan memerlukan penyelenggaraan yang kerap, khususnya dari segi turapan semula permukaan jalan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memastikan agar jalan raya dan lebuhraya yang dibina sentiasa mematuhi piawaian dan spesifikasi sedia ada seperti arahan teknik jalan dan spesifikasi pembinaan jalan selaras dengan piawaian antarabangsa seperti *American Association of State Highway and Transportation Officials* dengan izin, *British Standards Institution* dengan izin, dan *Road Engineering Association of Malaysia*.

■1450

Piawaian ini telah sedia digunakan di negara-negara maju. Pada masa yang sama projek pembinaan jalan raya yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya juga perlu mematuhi sistem pengurusan kualiti JKR selaras dengan imej MSO9001. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ketebalan turapan jalan-jalan persekutuan di negara ini direka bentuk berdasarkan tempoh ketahanan atau *design life* dengan izin selama tujuh sehingga 10 tahun. Tempoh tersebut mengambil kira faktor penggunaan sumber kewangan kerajaan secara optimum dan faktor-faktor teknikal yang lain seperti beban ganda piawai, purata trafik harian, kekuatan lapisan tapak dan sub tapak jalan di samping kadar pertumbuhan trafik di sesebuah kawasan atau laluan.

Sebagai langkah untuk meningkatkan ketahanan dan kualiti turapan jalan, beberapa inovasi dan teknologi baru telah dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Antaranya menerusi penggunaan kaedah turapan oleh *polymer modified asphaltic concrete* (PMA) dengan *izin stone mastic asphalt* (SMA) dan turapan simen konkrit yang terbukti mempunyai kelebihan berbanding kaedah konvensional, khususnya dari segi kemampuan menampung beban ganda dan *life cycle cost* yang lebih rendah. Selain itu Kementerian juga mengadakan audit penerimaan ke atas projek yang siap dibina dan meningkatkan sistem pelaksanaan dan pemantauan kerja-kerja penyelenggaraan jalan di seluruh negara berdasarkan sistem pengurusan aset menyeluruh. Tuan Yang di-Pertua...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menyatakan spesifikasi tentang turapan jalan.

Saya ingin tahu berdasarkan kepada piawaian yang diguna pakai di negara berdasarkan kepada Amerika Syarikat dan juga England, negara mereka tidak mengalami kekerapan hujan seperti di negara kita. Melihat kepada faktor-faktor yang telah pun dinyatakan tadi tidak faktor cuaca yang disebutkan. Jadi saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan apakah polisi yang diguna pakai, kerana kita lihat di kedua-dua lebuhraya negara kita pada masa ini, pada masa hujan sedang turun banyak jalan lebuhraya yang sedang diturap semula.

Di dalam kes ini bila mana turapan itu dibuat pada masa hujan sebagaimana sekarang, berapakah daya ketahanan turapan itu, adakah ia kekal sebagaimana yang dikatakan 10 sehingga 13 tahun tadi ataupun bagaimana turapan itu diguna pakai dan kenapakah ia tetap diturap walaupun pada masa hujan tengah melanda negara kita sebagaimana hari ini, terima kasih.

Dato' Yong Khoo Seng: Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun kita mengikut spesifikasi serta piawai yang digunakan di Amerika Syarikat dan England, namun kita juga ada spesifikasi sendiri di mana seperti yang dikatakan oleh pihak RIM. Berkenaan masa hayat digunakan untuk jalan-jalan yang diturap, memang jika dibandingkan dengan kos, kita boleh bertahan sehingga 10 tahun, antara tujuh hingga 10 tahun dan kita boleh turap semula. Ini sebab kini telah pun menggunakan cara yang baru, teknologi yang baru yang saya sebutkan tadi, SMA dan beberapa kaedah PMA yang kita berharap ia akan memenuhi situasi yang kita ada dari segi cuaca juga, terima kasih.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Yeow Chai Thiam dan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad membangkitkan isu peruntukan baik pulih dan penyelenggaraan Jalan Persekutuan serta lebuhraya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa menguruskan peruntukan penyelenggaraan Jalan Persekutuan secara berhemah agar ia dapat dibelanjakan secara optimum dan sebaik mungkin. Bagi memantau melaksanakan tanggungjawab ini kerajaan telah melantik syarikat-syarikat konsesi penyelenggaraan jalan-jalan persekutuan dan lebuhraya untuk melaksanakan penyelenggaraan Jalan Persekutuan dan lebuhraya di negara ini.

Terdapat tiga jenis kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya iaitu rutin, berkala dan kecemasan. Bagi penyelenggaraan rutin, kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Persekutuan dibuat berdasarkan kepada pusingan kerja atau *cyclic based*. Peruntukan pembayaran bagi penyelenggaraan ini dilakukan pada setiap bulan mengikut kadar harga per kilometer sebagaimana yang telah di maktub di dalam kontrak penswastan dan penyelenggaraan Jalan Persekutuan. Manakala bagi penyelenggaraan berkala dan kecemasan memerlukan peruntukan khas kepada agensi pusat memandangkan kerja-kerja ini tidak termaktub dalam kontrak penswastan penyelenggaraan Jalan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak kementerian telah memperuntukkan secara purata RM623 juta setahun sejak tahun 2006 untuk melaksanakan kerja-kerja

penyelenggaraan Jalan Persekutuan secara berkala dan yang sebahagian besarnya digunakan untuk membaik pulih jalan yang dikenal pasti mengalami kemerosotan kualiti yang ketara. Walau bagaimanapun kerja-kerja pembaikan terhadap semua Jalan Persekutuan yang mengalami kerosakan kualiti ini perlu dilaksanakan secara berperingkat-peringkat kerana melibatkan kos yang tinggi.

Antara jenis-jenis rawatan jalan yang telah dilaksanakan ialah menerusi kaedah turapan *cold in-place recycling* (CIPR), penurapan semula *resurfacing* dan penampalan *road hole*. Kementerian juga telah mengambil langkah dengan memberikan keutamaan kepada jalan yang perlu di baik pulih melalui sistem pengurusan turapan yang dikenali sebagai *Road Asset Management System* atau *Highway Development and Management version 4*, dengan izin bagi membantu perancangan program pembaikpulihan semula Jalan Persekutuan.

Antara program baik pulih yang dilaksanakan termasuk aktiviti membaikkan turapan, kerja-kerja pengukuhan, meninggikan aras jalan dan menaik taraf sistem saliran serta pembetung. Bagi memastikan syarikat-syarikat konsesi penyelenggaraan jalan ini sentiasa melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sebagaimana termaktub di dalam kontrak, pihak JKR sentiasa mengadakan audit kualiti penyelenggaranya Jalan Persekutuan pada setiap bulan. Sekiranya berlaku sebarang ketidakpatuhan amaran dalam bentuk *non compliance report* akan dikeluarkan dan pemotongan bayaran akan dikenakan jika syarikat gagal mengambil tindakan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan dalam *non compliance report* tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung memohon dinyatakan peruntukan penyelenggaraan dan keutamaan Jalan Persekutuan di Sarawak bagi tahun 2011. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi tahun 2011, Kementerian Kerja Raya akan memperuntukkan sebanyak RM76.94 juta bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan di Negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM45.22 juta ialah bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin.

■1450

Manakala sebanyak RM31.72 juta diperuntukkan bagi kerja-kerja penyelenggaraan berkala. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga jalan-jalan yang akan diberikan keutamaan dan di antaranya adalah seperti Jalan Persekutuan 803, Jalan Bakun dan Jalan Persekutuan Sibul – Bintulu. Jalan-jalan ini diberikan keutamaan memandangkan keadaan jalan tersebut yang sering mengalami kerosakan yang serius dan memerlukan tindakan baik pulih yang segera.

Tuan Yang di-Pertua, untuk cadangan Projek Jalan Persekutuan, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat juga memohon penjelasan mengenai pembangunan jalan raya secara komprehensif dapat disediakan melalui Highway Network Development Plan (HNDP). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah mengadakan Kajian Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalanraya atau Highway Network Development

Plan (HNDP), iaitu fasa satu bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia pada tahun 2007. Manakala HNDP fasa dua bagi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2010. HNDP ini digunakan sebagai rujukan utama di dalam Rancangan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya dan Lebu Raya di negara ini.

Perancangan ini dibuat dengan mengambil kira projek-projek yang boleh memberi impak dan kesan berganda kepada sosioekonomi. Hasil kajian HNDP fasa satu Semenanjung Malaysia telah pun mengenal pasti sebanyak 180 projek dengan anggaran panjang jalan 6,120 kilometer yang melibatkan kos sebanyak RM81.9 bilion dicadangkan untuk pelaksanaan sehingga tahun 2020.

Manakala HNDP fasa dua bagi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan telah mengenal pasti pelan pembangunan rangkaian jalan raya di negeri-negeri tersebut. Hasil kajian HNDP fasa dua telah mengenal pasti sebanyak 76 projek dengan anggaran panjang jalan 4,586 kilometer yang melibatkan kos sebanyak RM25.5 bilion dicadangkan untuk pelaksanaan sehingga tahun 2025.

Setakat ini kerajaan telah melaksanakan 42% rangkaian jalan raya di Malaysia seperti mana yang dicadangkan oleh HNDP.

Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang dan Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung mohon cadangkan menaik taraf Lebuhraya Pasir Gudang dan jalan dari Bintulu ke kawasan Perindustrian Samalaju. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya peka dan prihatin terhadap masalah kesesakan trafik yang dihadapi oleh pengguna Lebuhraya Pasir Gudang iaitu Federal Highway 017 terutama sekali pada waktu puncak.

Sehubungan itu projek menaik taraf Lebuhraya Pasir Gudang daripada empat lorong sedia ada kepada enam lorong sepanjang 32 kilometer telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Manakala bagi cadangan menaik taraf jalan raya dari Bintulu ke Perindustrian Samalaju akan dipertimbangkan semasa memohon *rolling plan* kedua Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Walau bagaimanapun permohonan itu tertakluk kepada kelulusan dari agensi pusat. Mengenai isu tol, Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah dan Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati telah membangkitkan isu berkaitan dengan kadar tol di lebu raya di negara ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini kerajaan sememangnya amat prihatin dengan beban yang ditanggung oleh rakyat berikutan daripada kos sara hidup yang semakin meningkat, dan ini termasuklah kos bayaran tol yang perlu ditanggung oleh orang ramai yang menggunakan perkhidmatan lebu raya di negara ini.

Sehubungan dengan itu kerajaan telah mengambil beberapa langkah proaktif dan melaksanakan inisiatif tertentu bagi meringankan beban yang ditanggung oleh pengguna di lebu raya. Di antaranya adalah keputusan kerajaan untuk menanggukkan kenaikan kadar tol di empat

lebuhraya milik PLUS Expressway Berhad bagi tempoh lima tahun bermula dari tahun 2011. Di samping itu kerajaan juga sebelum ini telah bersetuju untuk mengurangkan kadar tol di Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura atau dikenali sebagai Link Kedua sebanyak 30% mulai dari 1 Ogos 2010.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama syarikat konsesi lebuhraya menerusi tanggungjawab sosial korporat CSR telah memperkenalkan pemberian insentif diskaun dan pengecualian bayaran tol kepada pengguna lebuhraya sempena hari-hari perayaan tertentu di negara ini.

Kementerian juga sentiasa berunding dengan syarikat-syarikat konsesi lebuhraya terbabit untuk memberikan kadar diskaun yang lebih tinggi dan menarik kepada pengguna lebuhraya. Ini termasuk insentif memberikan ganjaran kepada pelanggan-pelanggan yang setia menggunakan perkhidmatan lebuhraya seperti Program Loyalty PLUS Miles oleh PLUS Expressway Berhad. Di samping itu kerajaan juga telah melancarkan pemberian rebat 20% kepada pengguna lebuhraya yang membuat transaksi tol melebihi 80 kali sebulan dengan menggunakan Touch n' Go dan Smart Tag. Pemberian rebat ini ditanggung oleh kerajaan dan ia selaras dengan dasar keprihatinan kerajaan untuk meringankan beban yang ditanggung rakyat khususnya para pengguna lebuhraya di negara ini.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih ke atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkara-perkara menyentuh Kementerian Kerja Raya. Kementerian ini akan sentiasa mengambil perhatian terhadap sebarang teguran dan pandangan-pandangan yang membina dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya terhadap isu yang telah ditimbulkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan untuk menjawab.

Puan Chew Lee Giok: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tidak dijawab. Boleh saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Minta maaf.

Puan Chew Lee Giok: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang dibincangkan pada hari itu ialah MAJU Expressway yang dahulunya bernama KL-Putrajaya Expressway menghubungkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, adakah rancangan untuk menambahkan satu lagi *interchange* di Jalan Putra Permai, Seri Kembangan dalam masa yang singkat bagi mengurangkan kesesakan jalan raya untuk penduduk sekitar Bandar Putra Permai, Seri Kembangan. Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya terlepas apa yang saya ingat dibincangkan. Saya pun ada duduk di sini membincangkan mengenai hal ini. Selepas ini saya akan mencari jawapan dan akan memberi kepada Yang Berhormat secara bertulis.

2.59 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbincangan berkaitan Belanjawan 2011 yang menyentuh bidang kuasa serta usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

■ 1500

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2011 memberikan tumpuan kepada beberapa strategi yang di antaranya menggariskan usaha menyejahterakan hidup rakyat serta pemantapan penyampaian perkhidmatan awam. Pihak kementerian sedar bahawa amanat dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan bagi memastikan strategi berkenaan menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumar dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar membangkitkan pertanyaan berkenaan dengan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan bekalan ubat di hospital dan klinik kerajaan sentiasa mencukupi. Untuk makluman semua, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memastikan peruntukan ubat diberi keutamaan untuk menjamin penyampaian penjagaan kesihatan rakyat.

Langkah-langkah yang diambil untuk menjamin stok ubat mencukupi adalah melalui kaedah kawalan pembelian, pemantauan stok dan kawalan penggunaan ubat-ubatan. Kementerian sentiasa memantau rapi kedudukan kewangan setiap negeri supaya agihan peruntukan selaras dengan keperluan terkini. Semakan peruntukan dibuat secara berkala dan ada kalanya ada keperluan agihan semula peruntukan akan dibuat bagi menampung keperluan tersebut.

Perolehan ubat dibuat berdasarkan kepada pemantauan berterusan terhadap kedudukan stok dan keperluan semasa. Bagi memastikan keperluan stok semua ubat sentiasa mencukupi, pelaksanaan garis panduan seperti yang telah dinyatakan dalam tatacara pengurusan stor sentiasa diamalkan. Sekiranya terjadi gangguan bekalan ubat ataupun peningkatan keperluan yang berubah beberapa langkah diambil untuk mengatasi masalah kekurangan ubat seperti berikut:

- (i) Mendapatkan bekalan ubat yang diperlukan dari sumber lain seperti pembekal alternatif atau mendapatkan bekalan daripada fasiliti kesihatan yang masih mempunyai stok; dan
- (ii) menggantikan rawatan sedia ada dengan ubat yang mempunyai kesan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, pesakit-pesakit yang menghadapi penyakit kronik seperti darah tinggi dan kencing manis dibekalkan ubat secara bulanan dengan tujuan untuk meningkatkan kepatuhan pesakit terhadap kaedah pengambilan ubat yang betul di samping menjamin keselamatan pesakit seterusnya dapat mengelakkan pembaziran.

Pesakit turut diberikan khidmat nasihat, pengambilan ubat mengikut penyakit yang dihadapi melalui perkhidmatan *Medication Therapy Adherence Clinic* (MTAC) untuk memantapkan lagi kefahaman pesakit terhadap ubat yang diterima dan mencapai matlamat rawatan secara menyeluruh. Kementerian telah memulakan perkhidmatan seperti Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu (SPUB) dan ubat melalui Pos 1Malaysia atau UMP 1Malaysia untuk memudahkan pesakit mendapat bekalan ubat susulan.

Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu (SPUB) membolehkan pesakit mendapat bekalan ubat susulan mereka di fasiliti kesihatan yang berdekatan dengan tempat tinggal melalui kaedah rujukan yang seragam. Ubat melalui Pos 1Malaysia ataupun UMP 1Malaysia memberi kemudahan kepada pesakit untuk mendapat bekalan ubat susulan di mana ubat terus di pos ke lokasi pilihan mereka dalam kawasan serahan dan pungutan pos laju UMP 1Malaysia yang telah dimulakan di beberapa hospital utama negeri-negeri seluruh Malaysia. Perkhidmatan ini diperkenalkan untuk memudahkan pesakit terutama pada mereka yang tinggal di kawasan pedalaman untuk mendapat bekalan ubat susulan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dakwaan bahawa mutu ubat yang dibekalkan di hospital kerajaan adalah kurang berkualiti serta langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan kualiti ubat terjamin. Kementerian ingin menjelaskan bahawa semua ubat yang dibekalkan oleh hospital dan juga klinik kerajaan adalah produk yang telah didaftarkan dengan pihak berkuasa kawalan dadah ataupun PBKD di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah Dan Kosmetik 1984 setelah produk itu dinilai selamat, berkualiti dan berkesan.

Bagi ubat generik PBKD mewujudkan keperluan *bio equivalents* bagi memastikan keberkesanan produk-produk ubat tersebut. *Bio equivalents* bermaksud sesuatu produk yang mempunyai paras ubat dalam darah sama dengan ubat asal ataupun *innovator product* dengan izin. Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai program kawalan mutu di pasaran untuk memastikan produk di pasaran menepati ciri-ciri keselamatan, kualiti dan keberkesanan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab persoalan Yang Berhormat Senator Hajah Zainun binti A. Bakar berkenaan dengan kos rawatan dan harga ubat-ubatan semakin meningkat. Di perelaskan bahawa pada masa ini kos harga ubat ditentukan oleh kuasa pasaran. Kementerian Kesihatan telah menjalankan kajian harga ubat-ubatan secara berterusan di setiap peringkat pengedaran dari pengilang serta pengimport sehinggalah kepada pengguna untuk mendapatkan data-data asas bagi digunakan sebagai persediaan ke arah penstrukturan dan kawalan harga ubat-ubatan.

Maklumat harga runcit yang dicadangkan bagi sebilangan ubat-ubatan boleh dicapai oleh rakyat melalui laman web farmasi iaitu www.farmasi.gov.my. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap masalah rakyat dan sentiasa memastikan bahawa rakyat mendapat perkhidmatan terbaik pada kos yang paling optimum serta mampu dicapai oleh rakyat. Selain daripada itu, dalam konteks

kos perkhidmatan serta bekalan ubat daripada sektor swasta, pengguna juga berhak menggunakan kuasa mereka...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada Ahli Yang Berhormat minta laluan.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita faham dengan keprihatinan kerajaan berhubung kait dengan harga ubat dan kita juga faham bahawa penentuan harga ubat itu bergantung pada *supply and demand* iaitu harga pasaran, *market process* dengan izin. Apakah kerajaan bersedia untuk campur tangan setelah mengadakan satu unit pemantauan ini bagi memastikan sebahagian daripada ubat-ubatan yang berada di pasaran sekarang telah dijual dengan harga yang cukup tinggi.

Sedangkan apabila kita meneliti sebahagian daripada ubatan ini yang diimport oleh pihak-pihak berkenaan dengan harga yang cukup rendah. Ini akan membebaskan kepada rakyat kerana kebanyakan daripada ubat-ubatan ini telah dibekalkan kepada rakyat dan pesakit akan memerlukan rawatan secara berterusan. Pohon izin, terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan, untuk pengetahuan Yang Berhormat bahagian farmasi kita mempunyai *enforcement team* dengan izin, yang akan mengambil tindakan untuk memastikan bahawa ubat-ubatan yang dipasarkan di negara kita bukan sahaja berkualiti akan tetapi juga memenuhi tuntutan harga yang dibenarkan.

Jadi oleh itu, Yang Berhormat sebenarnya selain daripada tindakan yang kita ambil, kita juga meminta masyarakat selaku pengguna, kerana mereka berhak untuk menggunakan kuasa sebagai pengguna, untuk membuat pilihan bagi mendapatkan sumber bekalan alternatif sekiranya didapati bahawa harga sejenis ubat itu agak mahal Yang Berhormat. Di samping tindakan *enforcement* kita juga sering memberitahu orang ramai supaya untuk *exercise* dengan izin, mereka punya hak sebagai pengguna. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, manakala dari segi kawalan kos perkhidmatan kesihatan dan rawatan di hospital swasta serta klinik pakar swasta di kawal selaras dengan kehendak Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 iaitu Akta 586 dan peraturan-peraturannya. Pada masa ini kos rawatan yang dikawal adalah yang berkaitan dengan *fee* profesional seperti berikut.

Pertama, *fee* profesional di hospital swasta seperti mana yang digariskan di bawah jadual 13 Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta ataupun Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain 2006.

■1510

Manakala *fi* profesional di klinik pakar swasta pula adalah sebagaimana yang digariskan di bawah Jadual 7 Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta, Klinik Perubatan Swasta dan Klinik Pergigian Swasta 2006.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar turut prihatin tentang isu perkhidmatan hemodialisis yang dikendalikan oleh sektor swasta. Untuk makluman semua, pada masa ini terdapat 151 pusat dialisis kerajaan iaitu 136 Kementerian Kesihatan, 7 universiti dan 8 angkatan tentera. Manakala terdapat 257 pusat dialisis swasta dan 130 pusat hemodialisis badan bukan kerajaan atau NGO di seluruh negara.

Jumlah pesakit buah pinggan yang menjalani rawatan dialisis di seluruh negara adalah seramai 21,543 orang di mana 19,607 orang menjalani rawatan hemodialisis dan 1,936 orang menjalani rawatan *peritoneal dialysis*. Daripada jumlah pesakit tersebut, 33% menjalani dialisis di *facility* kerajaan, 39% di pusat hemodialisis swasta dan 28% di pusat hemodialisis NGO.

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha untuk menyediakan perkhidmatan hemodialisis yang bermutu tinggi. Kementerian bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan hemodialisis ke semua hospital Kementerian Kesihatan Malaysia. Sehingga Disember 2009, perkhidmatan hemodialisis terdapat di 122 buah hospital Kementerian Kesihatan Malaysia.

Kerajaan juga menggalakkan badan-badan bukan kerajaan ataupun NGO untuk menubuhkan pusat-pusat hemodialisis. Mereka boleh memohon bantuan kewangan untuk penubuhan pusat hemodialisis baru atau menaik taraf pusat hemodialisis yang sedia ada. Bantuan kewangan ini adalah untuk pembelian peralatan perubatan dan kelengkapan bukan perubatan yang berkaitan dengan rawatan pesakit. Jumlah maksimum pemberian bantuan kewangan adalah berdasarkan kepada bilangan tidak melebihi 10 mesin dialisis.

Kementerian juga memberikan bantuan kewangan kepada pembelian peralatan perubatan dan bukan perubatan yang ada kaitan dengan rawatan dialisis. Bantuan kewangan ini adalah pada kadar 50% daripada jumlah yang dibeli oleh NGO berkenaan dan tidak melebihi had maksimum sebanyak RM338,500 dan setiap pembelian mestilah disertakan dengan resit pembelian.

Tuan Yang di-Pertua, bantuan ini diberikan kepada NGO yang menyediakan perkhidmatan hemodialisis kepada pesakit miskin dan kurang mampu dalam bentuk *capital grant*, dengan izin dengan syarat NGO berkenaan adalah berdaftar dengan pendaftaran pertubuhan atau ROS atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Ia merupakan *non profit company* atau syarikat dengan izin, memberikan perkhidmatan berasaskan kesihatan, mempunyai kepentingan kebajikan serta kemasyarakatan.

Kementerian Kesihatan Malaysia turut menyediakan bantuan subsidi kepada pesakit miskin dan kurang mampu menjalani rawatan hemodialisis serta suntikan *Erythropoietin* di pusat-pusat dialisis yang dikendalikan oleh badan-badan bukan kerajaan. Jumlah subsidi yang diberikan ialah RM50 bagi setiap rawatan hemodialisis dan juga RM30 bagi suntikan *Erythropoietin*. Pusat dialisis tidak boleh mengenakan caj rawatan hemodialisis melebihi RM110. Bagi tahun 2010 sehingga November, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memberikan subsidi kepada sejumlah 4,111 pesakit miskin dan kurang mampu yang berjumlah RM29.6 juta

dan sejumlah 57 NGO yang mengendalikan 112 pusat dialisis menerima subsidi yang diberikan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab persoalan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumaru berkenaan dengan jumlah hutang bil hospital yang masih belum dibayar oleh pesakit kepada kerajaan. Dimaklumkan bahawa jumlah bil hospital tertunggak sehingga tahun 2009 adalah sebanyak RM145.46 juta iaitu RM64.5 juta bagi warganegara dan RM80.96 juta bagi warganegara asing. Manakala pada tahun 2010 sehingga bulan Oktober, jumlah bil hospital yang tertunggak adalah sebanyak RM34.75 juta iaitu RM19.78 juta bagi warganegara dan RM14.97 juta bagi warganegara asing. Kementerian sedang meningkatkan usaha bagi mengurangkan kes-kes tunggakan bayaran bil hospital di samping memperkemas lagi mekanisme kutipan hasil.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat telah membangkitkan persoalan mengenai tindakan dan pemantauan ke atas pembiakan nyamuk aedes dan wabak denggi. Dari pemantauan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan bagi tahun 2010, jumlah kes yang dilaporkan dari bulan Januari sehinggalah 19 Disember ialah sebanyak 45,165 kes dengan 133 kematian berbanding dengan 39,794 kes dengan 84 kematian yang dilaporkan bagi tempoh yang sama bagi tahun 2009.

Negeri Selangor yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi menyumbang bilangan kes tertinggi iaitu 35% dan diikuti oleh negeri Johor iaitu 19%, manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya serta negeri Sarawak, masing-masing 9%. Kementerian Kesihatan memantau situasi kes wabak denggi, aktiviti kawalan, aktiviti pendidikan kesihatan dan keberkesanan setiap aktiviti ini pada setiap hari di semua peringkat termasuklah peringkat daerah, peringkat negeri serta peringkat kebangsaan. Pemantauan dibuat melalui bilik gerakan yang beroperasi di peringkat daerah dan negeri. Manakan di peringkat kebangsaan, bilik gerakan kebangsaan denggi dibuka setiap hari bagi memantau situasi denggi.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi aktiviti kawalan denggi, pemeriksaan premis dari bulan Januari sehinggalah 4 Disember 2010, mencatatkan sejumlah 3,577,972 premis telah diperiksa dan 56,234 daripadanya mempunyai pembiakan aedes. Pada tahun 2010, Malaysia telah mengalami peningkatan kes denggi terutama pada Januari hingga Mac dan Jun hingga September. Peningkatan ini merupakan satu fenomena serantau dan bukan terhad kepada negara ini sahaja. Ia berkaitan dengan fenomena El Nino yang dikaitkan dengan peningkatan suhu dan taburan hujan yang merupakan faktor yang sangat mempengaruhi perkembangan virus dan nyamuk vektor dan seterusnya meningkatkan tahap penularan jangkitan tersebut.

Negara-negara jiran yang lain juga mengalami peningkatan kes denggi pada tahun 2010. Sehingga bulan Oktober, negara Lao PDR mencatatkan peningkatan sebanyak 175%; negara Thailand meningkat sebanyak 117%; Singapura – 15% dan Filipina – 90%.

Peningkatan sejagat penyakit denggi yang tiada sempadan sudah pastinya memberikan kesan yang sama kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan persoalan ini telah saya jawab dalam sesi soal jawab sebelum ini, saya akan hanya menerangkan mengenai tindakan Kementerian Kesihatan di dalam menangani penyakit denggi.

Pihak Kementerian Kesihatan sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan di dalam meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat tentang bahaya denggi. Di samping melaksanakan aktiviti-aktiviti kawalan denggi secara bersama, usaha mempertingkatkan kesedaran masyarakat di kawasan bermasalah denggi juga turut dilaksanakan seperti aktiviti-aktiviti gotong-royong dan program menggerakkan masyarakat seperti COMBI.

Di samping itu, aktiviti berikut juga turut dilaksanakan iaitu:

- (i) Membina 30 unit papan iklan di lokaliti *hot spot* denggi di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Selain daripada itu, sebanyak 50 unit papan iklan juga akan dibina di kawasan sekolah rendah dalam lokaliti *hot spot* di Lembah Klang; dan
- (ii) menempatkan iklan denggi di 22 perhentian bas di daerah Hulu Langat dan Klang.

Mengenai nyamuk jantan aedes GM Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah menjawab persoalan ini semasa sesi soal jawab yang lepas. Memandangkan atas isu masa, saya mohon izin untuk menjawab persoalan yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Akan tetapi sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai persoalan mengenai perkara tersebut, saya akan menjawabnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat telah menyentuh tentang isu kekurangan pegawai perubatan dan pakar perubatan di klinik kerajaan serta menyarankan proses baik pulih serta naik taraf *facilities* kesihatan berkaitan.

Sebelum itu, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha untuk meningkatkan taraf kesihatan masyarakat luar bandar melalui penyampaian perkhidmatan yang komprehensif di 808 buah klinik kesihatan, 1,920 buah klinik desa dan 90 buah klinik kesihatan ibu dan anak yang terdapat di seluruh negara. Daripada 808 buah klinik kesihatan, 478 buah klinik kesihatan memberikan perkhidmatan masyarakat di luar bandar.

Untuk memastikan penyampaian perkhidmatan perubatan di kawasan luar bandar mendapat pengawasan dan rawatan daripada pegawai perubatan, langkah-langkah berikut telah diambil:

- (i) Semua klinik desa yang terdapat di kawasan luar bandar adalah di bawah pengawasan klinik kesihatan yang mempunyai pegawai

perubatan. Ini untuk memastikan bahawa semua kawasan mendapat perkhidmatan pegawai perubatan;

- (ii) sistem rujukan kes di mana penolong pegawai perubatan dan jururawat desa yang bertugas di klinik kesihatan yang tidak mempunyai pegawai perubatan telah dilatih untuk mengesan awal dan mengenal pasti kes-kes yang memerlukan rawatan daripada pegawai perubatan dan seterusnya merujuk pesakit-pesakit tersebut ke klinik kesihatan yang mempunyai pegawai perubatan atau hospital yang terdekat; dan
- (iii) lawatan berkala oleh pegawai perubatan dan pakar perubatan keluarga ke klinik kesihatan dan klinik desa. Kekekapan lawatan ini bergantung kepada keupayaan setempat dan tertakluk kepada bilangan pakar perubatan keluarga dan pegawai perubatan di setiap daerah dan klinik kesihatan.

Sehingga kini Tuan Yang di-Pertua, seramai 177 orang pakar perubatan keluarga, 1,289 orang pegawai perubatan, 6,103 orang jururawat, 10,950 orang jururawat masyarakat dan 2,605 orang penolong pegawai perubatan ditempatkan di klinik-klinik di seluruh negara bagi memberikan perkhidmatan kepada semua lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, bagi masyarakat yang tinggal jauh di kawasan pedalaman pula, Kementerian Kesihatan menyediakan sebanyak 196 pasukan klinik bergerak yang beroperasi melalui darat, air, dan udara untuk memberikan perkhidmatan kesihatan iaitu 86 pasukan di semenanjung, 8 pasukan di Sabah, dan 102 pasukan di Sarawak.

Bagi meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat luar bandar dan di kawasan pedalaman, Kementerian telah melancarkan perkhidmatan Klinik Bergerak 1Malaysia (KB1M) dengan perkhidmatan pegawai perubatan. Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa menaik taraf *facilities* kesihatan untuk memastikan keselesaan pesakit dan anggota kesihatan serta menjamin *privacy* dengan izin, pesakit dengan membina klinik baru dan menaik taraf klinik lama.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah *rolling plan* yang pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh, iaitu daripada tahun 2011 hingga 2012 bagi Kementerian Kesihatan Malaysia, terdapat 194 projek melibatkan pembinaan baru klinik kesihatan dan klinik desa di seluruh negara. Ini melibatkan sebanyak 177 projek sambungan daripada Rancangan Malaysia Kesembilan dan 17 projek baru. Di bawah 177 projek sambungan Rancangan Malaysia Kesembilan, terdapat 69 buah klinik kesihatan dan 108 buah klinik desa sedang dibina. Sementara bagi 17 projek baru di bawah *rolling plan* pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu bagi tahun 2011 hingga 2012 pula melibatkan pembinaan 13 buah klinik kesihatan dan 4 buah klinik desa di seluruh negara.

Kementerian Kesihatan Malaysia juga menjalankan pembaikan dan menaik taraf klinik kesihatan dan klinik desa. Sehingga tahun 2010, sebanyak 296 projek melibatkan naik taraf 209 klinik kesihatan dan 87 klinik desa telah dijalankan di seluruh negara. Dua belas projek lagi di bawah naik taraf klinik kesihatan dan klinik desa sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2011.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg mencadangkan pelaksanaan Klinik Bergerak 1Malaysia dengan menggunakan bot dan bot ekspres untuk memberi perkhidmatan rawatan kepada penduduk rumah panjang di sepanjang tepian sungai.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Klinik Bergerak 1Malaysia (KB1M) adalah sejajar dengan komitmen kementerian ini untuk meningkatkan liputan perkhidmatan kesihatan di luar bandar dengan meningkatkan akses dan memperkukuhkan perkhidmatan klinik bergerak yang sedia ada. Pada masa ini, terdapat 171 klinik bergerak di seluruh negara dan daripada itu, 98 daripadanya terdapat di negeri Sarawak. Untuk meningkatkan skop perkhidmatan klinik bergerak tersebut, KB1M telah diperkenalkan dengan perkhidmatan pegawai perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Yayasan 1Malaysia Development Berhad...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berminat dengan isu yang dikemukakan sekarang oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan klinik bergerak. Sekiranya sekarang ini kita membenarkan atau pun mengusulkan untuk membuat klinik bergerak berdasarkan kepada perkhidmatan bot, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah insurans tambahan yang telah pun dibayar atau pun diperkenalkan untuk memastikan keselamatan keseluruhan tenaga-tenaga doktor perubatan kita dan juga mungkin jururawat-jururawat yang akan mengiringi – bilamana kita melaksanakan klinik bergerak di seluruh Malaysia, mungkin ada yang bergerak dengan bas dan mungkin dengan *hilux* dan ada yang bergerak dengan bot. Ini kerana, sebelum ini Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia Brodi ada mengatakan tentang masalah keselamatan bot-bot yang berada di negeri Sarawak.

■1530

Jadi saya mohon diberikan perlindungan insurans yang tambahan ataupun diberikan jaminan dari pihak kerajaan agar tidak berlaku masalah kemalangan-kemalangan maut yang mungkin melibatkan pegawai-pegawai kita, itu yang pertama.

Kedua, tadi disebut tentang isu bagaimana kawalan sekarang dan pemantauan dibuat kepada harga barang-barang ataupun ubat-ubat yang dibekalkan di seluruh negara sebagai langkah untuk kita membuat kawalan harga pada masa akan datang. Saya ingin bertanya

kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, bilakah dicadangkan untuk dibuat kawalan kepada harga ubat-ubatan ini? Jikalau hendak dibuat sekarang, sudah ada kawalan jadi bila kalau ada cadangan untuk dibuat kawalan harga ubat-ubatan di seluruh negara? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas pertanyaan yang dikemukakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya di samping kita menjaga keselamatan dan memberikan penekanan kepada rawatan pesakit. Kita di peringkat kementerian juga mementingkan keselamatan dan juga komitmen yang ditunjukkan oleh warga kerja kita terutama sekali mereka yang bekerja di kawasan-kawasan yang berisiko.

Jadi dari segi perlindungan tambahan itu, kita memang laksanakan Yang Berhormat. Untuk menjawab persoalan mengenai pemantauan kepada harga-harga ubat. Seperti yang saya nyatakan lebih awal semasa saya menjawab ataupun semasa saya menggulung tadi Yang Berhormat, sebenarnya ia di bawah kementerian, di bawah Bahagian Farmasi kita memperuntukkan kawalan ubat-ubatan walaupun saya nyatakan tadi kebanyakan ubat-ubat yang ada di pasaran adalah mengikut kepada kadar harga pasaran. Akan tetapi terdapat ubat-ubat di mana di bawah kawalan kita, kita memastikan ia bukan sahaja selamat tetapi dari segi harga kita akan pastikan ia menepati kepada pelaksanaan peruntukan yang kita ada.

Jadi seperti yang saya katakan tadi kita akan pastikan di peringkat kementerian semua ubat terutama sekali ubat-ubat yang dibekalkan di hospital-hospital dan klinik-klinik kerajaan. Kita akan memastikan bahawa produk tersebut didaftarkan dengan pihak berkuasa kawalan dadah di bawah Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik dan begitu juga produk yang ada di pasaran.

Kita melaksanakan beberapa tindakan, antara tindakan yang kita laksanakan, sekiranya ubat itu tidak menepati mutu kawalan kita dan juga memenuhi beberapa tuntutan di bawah akta ini, kita akan melaksanakan tindakan merampas dan juga menasihatkan, *facility*. Sama ada kedai ataupun pembekal sendiri untuk mengambil langkah-langkah bagi memastikan bahawa apa yang dibekalkan terutama sekali kepada orang ramai bukan sahaja selamat tetapi juga adalah produk yang didaftarkan di akta yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada isu mengenai KB1M dengan izin, Kementerian Kesihatan dan Yayasan 1Malaysia Development (1MDB) dengan izin, bekerjasama untuk menyediakan bot KB1M pertama, yang akan beroperasi di Sungai Baram, Sarawak. Kita jangka ia akan beroperasi bermula pada akhir bulan Januari tahun depan Yang Berhormat Senator. Kementerian juga telah mengenal pasti sepuluh kampung di tebing Sungai Baram untuk dilawat oleh pasukan KB1M ini.

Jika bot Klinik Bergerak 1Malaysia di Sungai Baram ini didapati munasabah, kementerian bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan bot Klinik Bergerak 1Malaysia (KB1M) ini di tempat-tempat yang lain Yang Berhormat, yang memerlukan perkhidmatan ini. Perkhidmatan yang disediakan oleh Klinik Bergerak 1Malaysia merangkumi:

- (i) perkhidmatan rawatan pesakit luar termasuklah bantuan kecemasan;

- (ii) perkhidmatan kesihatan ibu dan anak termasuklah *antenatal*, *postnatal*, imunisasi dan perancang keluarga;
- (iii) perkhidmatan warga sihat yang memberikan pendidikan kesihatan, khidmat nasihat, saringan dan aktiviti promosi kesihatan;
- (iv) rawatan susulan kes penyakit kronik;
- (v) membuat rujukan untuk kes-kes yang difikirkan perlu;
- (vi) melakukan prosedur rawatan ringan;
- (vii) membuat *notification* sekiranya ada berlaku penyakit berjangkit;
- (viii) memberikan perkhidmatan sokongan asas makmal patologi; dan
- (ix) untuk pendispensan ubat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram telah menyentuh berkenaan dengan pencegahan kanser payudara dan kanser serviks. Untuk makluman semua, kanser payudara adalah merupakan kanser yang utama di kalangan wanita di Malaysia, diikuti oleh kanser pangkal rahim. Daftar Kanser Kebangsaan 2006 melaporkan kadar insiden kanser payudara di Malaysia adalah 39.3% bagi setiap 100,000 wanita dan 12.2% bagi setiap 100,000 wanita bagi kes kanser pangkal rahim.

Kementerian telah menjalankan kempen pencegahan kanser payudara sejak tahun 1995 berikutan Kempen Cara Hidup Sihat yang bertemakan kanser melalui promosi Pemeriksaan Sendiri Payudara (PSP) dan Pemeriksaan Klinikal Payudara (PKP) secara berkala oleh penjawat kesihatan terlatih. Ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada wanita mengenai kesihatan payudara.

Pada masa ini hospital kementerian hanya memberikan perkhidmatan ujian mamografi untuk saringan kanser payudara di kalangan wanita yang berisiko tinggi dan untuk tujuan diagnostik. Terdapat 34 pusat ujian hospital-hospital kerajaan dan hospital universiti di seluruh negara.

Di samping itu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga melaksanakan Program Subsidi Mamogram, di mana subsidi sebanyak RM50 diberikan bagi setiap ujian mamogram yang dijalankan oleh wanita di pusat-pusat mamogram swasta yang berdaftar dengan LPPKN. Tujuan pemberian subsidi ini adalah untuk menggalakkan wanita dalam kategori layak melakukan ujian mamogram bagi pengesanan awal kanser payudara.

Bagi tujuan pencegahan kanser serviks pula, Program Saringan Pap Smear Kebangsaan telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan sejak tahun 1969. Semua klinik kesihatan kementerian di seluruh negara ada menawarkan perkhidmatan saringan *pap smear* secara percuma kepada semua wanita yang layak yang berumur di antara 20-65 tahun. Pihak swasta

dan agensi kerajaan lain juga menyediakan perkhidmatan ini dan kadar insiden boleh dikurangkan sekiranya lebih ramai wanita tampil melakukan ujian *pap smear*.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Ogos 2010 kementerian telah memperkenalkan Program Imunisasi Human Papillomavirus (HPV) juga bagi tujuan pencegahan kanser serviks. Imunisasi ini diberi secara percuma kepada murid-murid perempuan yang berusia 13 tahun pada tahun semasa. Program imunisasi ini dijalankan melalui perkhidmatan kesihatan sekolah manakala bagi remaja yang tidak bersekolah imunisasi yang sama boleh didapati di klinik kesihatan kerajaan.

Sehingga kini Tuan Yang di-Pertua, sebanyak lapan negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perlis, Melaka, Kelantan, Johor, Perak, Negeri Sembilan dan Selangor telah menjalankan program imunisasi ini.

■1540

Seramai 99% daripada remaja yang mendapat kebenaran daripada ibu bapa telah mendapat imunisasi iaitu seramai 127,946 orang bagi dos pertama dan 125,471 orang bagi dos yang kedua.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Yang Berhormat Timbalan Menteri, agaknya dos ini boleh diberi kepada wanita macam kami agaknya - selain remaja dan kanak-kanak sekolah.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, mengapa kita memilih untuk memberikan dos ini atau imunisasi ini kepada remaja berusia 13 tahun. Ini kerana kita melihat bahawa secara saintifiknya kita boleh mencegah wanita ini daripada risiko untuk wanita berusia 13 tahun untuk mendapat penyakit ini pada usia selepas 40 tahun adalah pada tahap minimum, sekiranya kita *addressed* imunisasi ini pada usia 13 tahun. Jadi itu antara sebab mengapa kementerian mengambil langkah. Akan tetapi menyentuh mengenai keberkesanannya, risikonya masih ada Yang Berhormat walaupun dalam usia mungkin Yang Berhormat masih muda lagi - 18 tahun atau berapa?

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Saya cuma ingin tanya boleh atau tidak.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Boleh, tetapi risiko untuk mendapatkan penyakit ini masih ada Yang Berhormat.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Jadi kalau kami boleh diberi maknanya kami bolehlah minta bantuan daripada kementerian. Kalau boleh kami dicucuk dahulu sebelum orang lain dicucuk. Terima kasih.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Akan tetapi dari segi kesan Yang Berhormat, kesannya agak tidak begitu membantu dari segi risiko untuk kita mendapat penyakit ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Usha Nandhini a/p S. Jeyaram juga turut meminta diwujudkan kempen kesihatan khas bagi kaum wanita di luar bandar serta ditubuhkan pasukan khas ataupun *mobile team* yang mengendalikan rawatan dan kempen kesihatan secara serentak ataupun *integrated team* dengan izin. Sememangnya Kementerian sentiasa prihatin dan berusaha untuk meningkatkan kualiti kesihatan wanita terutamanya di luar bandar. Ini dilakukan melalui perkhidmatan kesihatan yang komprehensif bagi semua kumpulan umur termasuklah ibu hamil, wanita dewasa dan warga emas wanita.

Kementerian juga telah melaksanakan pelbagai perkhidmatan untuk meningkatkan lagi status kesihatan wanita di antaranya ialah penjagaan ibu hamil, perkhidmatan saringan risiko kesihatan bagi penyakit-penyakit kronik, pemeriksaan kesihatan payu dara dan saringan kanser serviks. Perkhidmatan ini disampaikan melalui klinik-klinik statik dan juga klinik bergerak. Kajian menunjukkan bahawa 85% daripada fasiliti kesihatan terletak dalam jarak lima kilometer dari kediaman penduduk.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, Kementerian juga menjalankan aktiviti promosi kesihatan, fasiliti kesihatan dan komuniti juga diberi penekanan agar tahap kesedaran mengenai kesihatan diri dan keluarga dan masyarakat dapat dipertingkatkan. Aktiviti seperti ceramah, pameran kesihatan, edaran risalah, poster, tunjuk cara, khidmat nasihat dan aktiviti melalui media masa antara aktiviti yang dijalankan secara berterusan oleh Kementerian. Ia disampaikan oleh anggota kesihatan secara terus kepada wanita atau melalui agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Kementerian sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi lain termasuklah panel penasihat klinik dan pemimpin masyarakat bagi memperkasakan golongan wanita dalam penjagaan kesihatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Chai Thiam turut melahirkan kebimbangan berkenaan keengganan pegawai perubatan yang berkhidmat di kawasan luar bandar serta mencadangkan untuk mewajibkan perkhidmatan pegawai perubatan di kawasan luar bandar untuk tempoh sekurang-kurangnya dua tahun.

Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia menyedari akan kekurangan pegawai perubatan di kawasan luar bandar memandangkan jumlah keseluruhan pegawai perubatan masih belum mencukupi untuk menampung keperluan semasa. Walau bagaimanapun Yang Berhormat mulai daripada tahun 2010, Kementerian telah melaksanakan penempatan pegawai yang selesai mengikuti *houseman* dengan izin, di hospital-hospital sekitar Lembah Klang akan dibuat penempatan keluar daripada kawasan Lembah Klang dan ditempatkan di seluruh negara termasuklah di kawasan luar bandar di semenanjung Sabah dan juga Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Chai Thiam juga turut mencadangkan agar setiap hospital daerah mempunyai kepakaran neurologi dan neurosurgeri serta ditempatkan pakar-pakar ini di setiap negeri untuk tempoh lima tahun. Pada masa ini perkhidmatan kepakaran neurologi dan neurosurgeri disediakan mengikut wilayah perkhidmatan

ataupun *zone* dengan izin, memandangkan bilangan pakar neurologi dan pakar neurosurgeri adalah kecil.

Hospital-hospital Kementerian Kesihatan yang menyediakan perkhidmatan kepakaran neurologi adalah Hospital Pulau Pinang, Hospital Seberang Jaya, Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu. Kes-kes neurologi di hospital yang tiada pakar neurologi ataupun tiada pakar neurologi residen dirawat oleh pakar perubatan am ataupun *general physician* dengan izin. Pesakit yang memerlukan perkhidmatan kepakaran neurologi akan dirujuk ke hospital-hospital yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, manakala hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menyediakan perkhidmatan kepakaran neurosurgeri adalah Hospital Pulau Pinang, Hospital Kuala Lumpur, Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, Hospital Umum Sarawak Kuching, Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu, Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh dan Hospital Sungai Buloh.

Perkhidmatan kepakaran neurosurgeri di Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan diperoleh daripada pakar neurosurgeri Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Bagi hospital pakar yang tiada pakar neurosurgeri residen, perkhidmatan kepakaran disediakan oleh pakar bedah am. Perkhidmatan kepakaran juga diberikan melalui lawatan pakar oleh pakar neurologi dan pakar neurosurgeri ke hospital-hospital kementerian yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan Disember 2010 terdapat 23 orang pakar neurologi dan 26 pakar neurosurgeri berkhidmat dengan kementerian. Dalam Rancangan Malaysia Ke-10, kementerian merancang untuk menyediakan perkhidmatan kepakaran neurologi dan neurosurgeri ke lebih banyak hospital kementerian apabila bilangan pakar neurologi dan pakar neurosurgeri mencukupi selaras dengan usaha-usaha menambah bilangan pakar yang sedang dilaksanakan pada masa ini seperti pengambilan pakar kontrak dan juga penambahan slot latihan kepakaran sarjana perubatan di universiti tempatan semenjak sesi tahun 2008-2009, daripada 450 pegawai perubatan kepada 600 orang.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu pegawai perubatan pakar, Yang Berhormat Dr. Malasingam a/l Muthukumaru juga telah membangkitkan persoalan tentang nisbah pegawai perubatan tempatan berbanding dengan pakar daripada luar negara.

Untuk makluman semua, jumlah pegawai perubatan pakar warganegara Malaysia yang sedang berkhidmat di kementerian ialah seramai 2396 orang, manakala jumlah pegawai perubatan pakar iaitu warganegara asing yang sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan ialah hanya lebih kurang 162 orang. Nisbah pegawai perubatan pakar warganegara Malaysia berbanding dengan pegawai perubatan pakar warganegara asing yang sedang berkhidmat di kementerian ialah 1:15 - satu warganegara asing kepada 15 warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani masalah kekurangan pegawai perubatan pakar di dalam negara, kerajaan telah dan sedang melaksanakan usaha-usaha seperti berikut:

- (i) Meningkatkan bilangan pegawai perubatan untuk mengikuti latihan kepakaran daripada 450 orang kepada 600 orang setahun pada tahun 2008 dan akan ditambah sebanyak 200 orang lagi menjadikan 800 orang dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh;
- (ii) pelantikan secara tetap dan kontrak bagi pegawai perubatan pakar di kalangan warganegara;
- (iii) pelantikan secara kontrak pegawai perubatan pakar bukan warganegara;
- (iv) pengambilan pegawai perubatan pakar swasta dan kementerian untuk berkhidmat secara *seasonal*, lokum dan prosedur dan pembedahan elektif di fasiliti-fasiliti kementerian; dan
- (v) dengan mengadakan lawatan pakar daripada fasiliti kesihatan yang mempunyai kepakaran tertentu ke fasiliti kesihatan yang tidak mempunyai ataupun kurang kepakaran bagi membolehkan perkhidmatan kepakaran dapat diberikan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Malasingam a/l Muthukumar telah turut menyentuh tentang isu kualiti penyeliaan pegawai perubatan siswazah ataupun *houseman*. Kementerian Kesihatan memang prihatin tentang keperluan penyeliaan pegawai perubatan siswazah oleh pakar perubatan bagi memastikan program latihan siswazah dapat mencapai objektif dalam menghasilkan pegawai perubatan yang berkualiti dan boleh mengamal dengan selamat. Bagi meningkatkan kualiti pegawai perubatan siswazah, tempoh latihan siswazah telah dilanjutkan dari satu tahun kepada dua tahun mulai tahun 2008. Dalam tempoh ini, pegawai perubatan siswazah perlu menjalani latihan dalam enam disiplin asas iaitu:

- (i) Perubatan;
- (ii) pembedahan;
- (iii) obstetrik dan ginekologi;
- (iv) pediatrik;
- (v) ortopedik; dan
- (vi) perubatan kecemasan atau trauma atau anestesia. Selama sekurang-kurangnya empat bulan bagi setiap *posting* dengan izin.

Semasa menjalani latihan ini, mereka akan dibimbing oleh pakar perubatan dalam memberikan perawatan kepada pesakit meliputi semua aspek yang turut dibantu oleh pegawai perubatan senior dengan izin. Prestasi mereka meliputi pengetahuan, kemahiran dan sikap akan dipantau secara berterusan dan penilaian dibuat secara berkala berdasarkan pemerhatian semasa mereka melaksanakan tugas-tugas rutin di wad, klinik, bilik bedah dan lain-lain

termasuklah prosedur-prosedur yang perlu dilakukan mengikut keperluan yang ditetapkan dalam buku log.

Bagi pegawai perubatan siswazah yang tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan, tempoh latihan mereka akan dilanjutkan sehingga maksimum selama setahun. Bagi pegawai perubatan siswazah yang memerlukan pelanjutan melebihi enam bulan, mereka akan ditukarkan ke hospital lain untuk penilaian kedua di jabatan yang sama bagi memberikan mereka peluang untuk meningkatkan prestasi dan memberikan persekitaran baru serta mengelakkan timbulnya bias dengan izin. Sekiranya penilaian kedua juga mendapati prestasi mereka masih tidak memuaskan, latihan siswazah mereka boleh ditamatkan dan mereka tidak dibenarkan untuk mengamal sebagai pegawai perubatan. Semua proses ini dilaksanakan demi memastikan hanya pegawai perubatan yang layak dan berkualiti serta selamat sahaja yang dibenarkan mengamal.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan yang mengatakan bahawa pakar perubatan lebih memberi fokus kepada khidmat dengan pihak swasta dan mengabaikan penyeliaan pelatih adalah tidak benar. Penglibatan pakar perubatan untuk berkhidmat dengan pihak swasta ataupun lokum telah dibenarkan mulai daripada 1 Disember 2006, berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 5 Tahun 2006 dan dimantapkan melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 2 2010 yang dikeluarkan pada 12 Mac 2010. Bagaimanapun ini adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan seperti yang digariskan dalam pekeliling yang berkaitan antara lain, adalah:

- (i) Mendapat kebenaran secara bertulis daripada ketua jabatan;
- (ii) khidmat dengan pihak swasta ataupun lokum dilaksanakan di luar waktu pejabat, hari kelepasan am, cuti hujung minggu, cuti tahunan ataupun semasa cuti belajar;
- (iii) doktor ataupun pegawai pakar dan juga pakar hendaklah mendahulukan khidmat dengan kerajaan; dan
- (iv) ianya tidak menjejaskan tugas hakiki pegawai tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, jelas sekali pelbagai usaha dan langkah proaktif yang telah dijalankan oleh kementerian bagi menjamin penyampaian perkhidmatan yang efektif serta mendahulukan keperluan serta kesejahteraan rakyat. Walau bagaimanapun segala usaha ini tidak akan memberi makna tanpa sokongan padu serta timbal balas daripada rakyat sendiri selaku penerima perkhidmatan. Dalam Dewan yang mulia ini, saya menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat agar turut serta seiring dengan pihak kementerian demi merealisasikan segala usaha yang telah dinyatakan.

Akhir sekali, saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan positif serta sokongan dalam sesi perbahasan pada kali ini. Kementerian akan berusaha untuk mengatasi segala permasalahan yang telah dibangkitkan bagi memastikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik dapat diberikan kepada

rakyat negara ini. Sekian, *wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi jawapan yang agak panjang. Hampir kurang tiga minit satu jam ya. Saya pun bimbang tengok teks dia tebal lagi. Minta Kementerian Belia dan Sukan untuk menjawab.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Ada perubahan, Kementerian Luar Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Kementerian Luar Negeri untuk menjawab. Minta maaf ya, tidak tercatat di sini.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Terima kasih di atas pembetulan itu Tuan Yang di-Pertua.

3.57 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri II [Datuk Richard Riot anak Jaem]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Bajet 2011 di Dewan yang mulia ini yang berlangsung dari 14 hingga 16 Disember 2010. Izinkan saya memberikan penjelasan terhadap perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Luar Negeri yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati telah menyentuh mengenai isu konflik di Selatan Thailand dan seterusnya meminta penjelasan mengenai usaha atau program yang telah dijalankan untuk mengatasi masalah tersebut. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum Kerajaan Malaysia sentiasa prihatin dan mengambil berat mengenai masalah di Selatan Thailand.

Kerajaan Malaysia sentiasa membangkitkan isu berkenaan semasa pertemuan dan perbincangan peringkat tertinggi di antara kedua-dua Perdana Menteri Malaysia dan Thailand dan juga di peringkat Menteri Luar Negeri kedua-dua buah negara. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan inisiatif 3E, iaitu singkatan kepada kerjasama dalam bidang *education*, *entrepreneurship* dan *employment* dengan izin sebagai langkah-langkah membina keyakinan atau dengan izin *confidence building measures* untuk membantu menyelesaikan masalah-masalah di wilayah Selatan Thailand secara bersama dengan Kerajaan Thailand. Di bawah inisiatif 3E ini, sebanyak tiga kumpulan kerjasama telah dibentuk bagi menyelaras kerjasama dalam bidang-bidang berkenaan.

■1600

Pelbagai program telah diadakan di bawah kerjasama pendidikan, keusahawanan dan bidang pembangunan sumber manusia. Selain daripada inisiatif 3E yang dijelaskan tadi, Kerajaan Malaysia turut memastikan agar jalinan pengangkutan dan infrastruktur di kawasan sempadan ditingkatkan bagi tujuan memastikan penduduk di kawasan sempadan dapat

menikmati pertumbuhan ekonomi yang baik. Antara projek-projek tersebut ialah pembinaan jambatan persahabatan menghubungkan Bukit Bunga dan Ban Buketa yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Perdana Menteri Thailand pada 9 Disember 2009.

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek infrastruktur lain yang sedang dijalankan ialah pembinaan dua jambatan yang menghubungkan Sungai Golok dengan Rantau Panjang dan Pengkalan Kubur dengan Tak Bai dan pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Ban Prakob-Durian Burong dan Bukit Kayu Hitam Sadau serta projek untuk menaik taraf jalan raya di kaki Bukit Wang Kelian.

Tuan Yang di-Pertua, isu KTMB di Singapura telah juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati semasa perbahasan. Oleh kerana isu ini telah dijawab oleh saya di sesi soal jawab lisan di Dewan yang mulia ini pada pagi tadi dan Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati telah berada di Dewan, saya tidak bercadang untuk mengulang jawapan tersebut.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, isu pembentukan Komuniti ASEAN menjelang tahun 2015, Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah telah membangkitkan isu pembentukan Komuniti ASEAN menjelang tahun 2015. Untuk makluman Dewan yang mulia ini Kerajaan Malaysia bersama-sama dengan negara-negara anggota ASEAN yang lain telah mengambil langkah-langkah mengukuh dan memantapkan kerjasama ASEAN ke arah pembentukan Komuniti ASEAN menjelang tahun 2015. Tindakan kerjasama ini melibatkan komitmen bersama melaksanakan rangka-rangka tindakan atau dengan izin, *blueprints* bagi setiap tonggak Komuniti ASEAN iaitu komuniti politik dan keselamatan, komuniti ekonomi dan komuniti sosiobudaya.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan komitmen tersebut Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti di bawah ketiga-tiga rangka tindakan tersebut mengikut sasaran dan ketetapan semasa. Usaha-usaha pembangunan serantau secara menyeluruh akan menjurus ke arah pembentukan Komuniti ASEAN yang mapan dapat dilaksanakan. Dalam memastikan pembangunan infrastruktur di rantau ini terus berkembang negara-negara anggota ASEAN pada 8 April 2010 telah bersetuju untuk menubuhkan dana infrastruktur ASEAN dengan izin, ASEAN Infrastructure Fund. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah mengumumkan sumbangan sebanyak USD150 juta kepada dana tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan hak asasi manusia di rantau ASEAN, suruhanjaya antara kerajaan...

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Datuk Richard Riot anak Jaem: *Allow me to finish this sentence first.*

Tuan Yang di-Pertua: Biar dia sudahkan *sentence* itu dahulu. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan hak asasi manusia di rantau ASEAN, suruhanjaya antara Kerajaan ASEAN mengenai hak asasi manusia dengan izin, ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights dan Suruhanjaya ASEAN untuk penggalakan dan perlindungan hak wanita dan kanak-kanak dengan izin, ASEAN Commission for the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children telah ditubuhkan. Suruhanjaya-suruhanjaya tersebut bertujuan merangka dasar mekanisme dan strategi yang inovatif untuk menggalakkan dan melindungi hak asasi manusia, wanita dan kanak-kanak di samping merancang program peningkatan pengetahuan, pengalaman dan keupayaan pihak-pihak berkaitan dari negara-negara anggota ASEAN. Sila.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam soalan ataupun isu yang saya bangkitkan dalam perbahasan tempoh hari ialah berhubung dengan *roadmap* untuk ASEAN Community. Persoalannya isunya ialah apakah tindakan kerajaan bagi meningkatkan kesedaran (*awareness*) di kalangan rakyat bagi kita bersedia pada tahun 2015 tentang bebas perkhidmatan aliran, bebas pelaburan dan bebas modal insan yang berkemahiran. Terima kasih.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya soalan itu memang baik dan untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini sebenarnya saya bernasib baik kerana saya sendiri telah menghadiri ASEAN Summit yang telah dianggotai dan disertai oleh kesemua, kesepuluh negara ASEAN yang telah diadakan di Hanoi baru-baru ini. Dalam *summit* itu memang ASEAN Community tajuk atau tema *summit* itu adalah menjurus kepada penubuhan ASEAN Community dan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi memang terkandung dalam *summit* tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Minta maaf. Saya ingat sudah habis. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya kerajaan menjangkakan bahawa pembentukan Komuniti ASEAN menjelang tahun 2015 akan mendatangkan manfaat kepada negara termasuk di dalam bidang ekonomi. Proses integrasi ekonomi ASEAN akan memberi peluang kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk bergiat secara aktif di dalam pasaran negara-negara ASEAN yang berjumlah 600 juta orang. Pada masa yang sama pelabur-pelabur luar negara akan lebih tertarik untuk melabur di dalam negara-negara anggota ASEAN memandangkan bahawa proses integrasi ekonomi akan mewujudkan ekonomi yang lebih dinamik dan kompetitif.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perkara-perkara di atas saya ingin menegaskan bahawa proses integrasi ekonomi ASEAN yang menjadi salah satu tunjang utama Komuniti ASEAN harus dilihat sebagai perkembangan positif dalam konteks pergerakan tenaga

profesional. Saya percaya bahawa tenaga profesional di Malaysia pada masa ini mampu bersaing dengan negara-negara anggota ASEAN yang lain serta mampu meraih peluang perniagaan yang bakal timbul.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menjelaskan bahawa untuk memastikan bahawa ASEAN lebih berdaya saing dan diintegrasikan ke dalam sistem perdagangan dan ekonomi dunia ASEAN telah memuktamadkan pelbagai perjanjian ekonomi dengan rakan-rakan dialog yang merupakan penggerak ekonomi dunia. Setakat ini ASEAN telah mengadakan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dengan negara China, Australia, Jepun, Republik Korea, India dan New Zealand.

Maklumat mengenai potensi serta manfaat yang ada hasil dari progress integrasi ekonomi ASEAN dan juga dari hubungan ekonomi yang lebih rapat dengan negara-negara dialog telah dan akan terus disebar kepada sektor swasta dan industri Malaysia melalui sesi mesyuarat, dialog dan juga taklimat.

■ 1610

Tuan Yang di-Pertua usaha untuk memastikan terbentuknya Komuniti Asean menjelang tahun 2015 semestinya memerlukan penglibatan semua lapisan masyarakat serta agensi-agensi kerajaan. Untuk memantapkan lagi koordinasi di antara agensi-agensi kerajaan, Kementerian Luar Negeri akan memainkan peranannya untuk memastikan koordinasi yang lebih berkesan antara kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan. Antaranya dengan mengadakan mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa antara agensi secara berkala. Kesedaran di kalangan masyarakat Malaysia mengenai Komuniti Asean akan ditingkatkan melalui program-program serantau anjuran Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (MICC).

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua isu WikiLeaks. Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad telah menyentuh isu pembocoran dan pendedahan rahsia kerajaan dalam laman web WikiLeaks dan mempersoalkan kesan pendedahan tersebut dan tindakan yang diambil oleh kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri, kementerian-kementerian dan juga agensi-agensi kerajaan yang lain sedang memantau laporan-laporan media yang berdasarkan kepada pembocoran dan pendedahan maklumat-maklumat terperinci kerajaan Amerika Syarikat yang dihebahkan secara berperingkat. Walau bagaimanapun perlu diambil kira bahawa maklumat-maklumat yang didedahkan oleh pihak ketiga tersebut perlu saya ulang, perlu dipastikan kesahihannya dan ketetapanannya terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum lagi nampak pendedahan WikiLeaks yang menunjukkan kesan yang boleh menjejaskan hubungan diplomatik antara negara-negara yang terlibat secara langsung. Dalam konteks hubungan antarabangsa ianya perlu ditangani melalui saluran diplomatik negara-negara yang berkaitan dalam satu-satu isu yang didedahkan. Bagi Malaysia kerajaan telah menyampaikan rasa kesal dan tersinggung kepada kerajaan Singapura

terhadap komen-komen tidak berasas yang dibuat oleh pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar Negara tersebut, berhubung dengan pemimpin-pemimpin Malaysia dan keadaan dalam negara yang didedahkan oleh WikiLeaks dan seterusnya disiarkan. Kita juga menyampaikan nota bantahan kepada kerajaan Singapura berhubung perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua mengenai pengendalian maklumat terperinci Kementerian Luar Negeri dan secara keseluruhannya pihak kerajaan sentiasa memandang serius mengenai pengendalian maklumat-maklumat terperinci kerajaan. Kementerian Luar Negeri akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan termasuk agensi penguatkuasaan, dalam memperkukuhkan lagi langkah-langkah keselamatan yang sedia ada mengambil kira fenomena baru berikutan pendedahan WikiLeaks. Mengenai keselamatan perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negara Kementerian Luar Negeri sentiasa berwaspada dan akan terus bekerjasama dengan negara-negara tuan rumah, di mana perwakilan kita ditempatkan untuk memastikan bahawa keselamatan kakitangan dan bangunan Kedutaan Malaysia di negara-negara berkenaan akan terus terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya ingin merakamkan setinggi-tinggi sekali lagi...

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada seorang yang bangun.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Okey.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada pihak Menteri yang telah menjawab urusan tadi. Dalam perbincangan itu saya juga menyebut tentang dalam menjaga dan memupuk nilai kerjasama dan keharmonian dan kesefahaman di antara negara-negara berjiran ini. Saya juga bangkitkan tentang isu sebaran maklumat yang dikeluarkan oleh kabel WikiLeaks tadi. Tadi saya dengar jawapan kita cuma ada menghantar nota diplomatik kepada Singapura. Apakah kita ada juga menghantar nota diplomatik ini kepada negara-negara selain Singapura?

Ini kerana media kita juga selain daripada mencetak kenyataan yang berkaitan Malaysia media tempatan kita juga telah mencetak kenyataan yang berkaitan Myanmar, Korea Utara dan juga beberapa yang lain. Jadi saya mohon penjelasan.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Mengenai soalan itu satu, saya masih menggunakan perkataan saya menegaskan iaitu kesahihan dan ketepatan apa yang tersebar di WikiLeaks itu hendaklah dipastikan. Dalam perkara ini walaupun negara kita telah memberi nota bantahan terhadap Singapura dan sebenarnya kita juga telah dengan izin menggunakan perkataan Inggeris kita telah *summon* Duta Besar Singapura ke Wisma Putra. Kita berpendapat bahawa memadailah kita hanya untuk memberi nota bantahan terhadap negara Singapura sahaja. Saya harap jawapan itu memadai. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Maka dengan itu ...

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Yang Berhormat mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat ada hendak soal, tanyakah?

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua saya mungkin tersilap pandang ada soalan saya mungkin tidak dijawab, tindakan kepada individu yang telah memburukkan imej negara kita di luar negara itu siapa yang perlu menjawab? Terima kasih.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya masih berpegang teguh dengan perkataan kesahihan dan ketetapan. Jadi oleh yang demikian walaupun soalan itu telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator maka kesahihan, ketetapan itu adalah jawapannya. Oleh yang demikian saya tidak bercadang untuk menjawab jawapan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua akhir sekali saya ingin merakamkan sekali lagi ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Luar Negeri semasa perbahasan Bajet 2011. Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa Kementerian Luar Negeri akan sentiasa mengambil perhatian ke atas pandangan dan cadangan yang bernas yang telah diutarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Sekian terima kasih. Sebelum itu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada yang beragama Kristian. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya pun mewakili semua Ahli-ahli Dewan ini mengucapkan Hari Krismas khususnya kepada Yang Berhormat juga dan semua Ahli-ahli yang beragama Kristian. Seterusnya saya persilakan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

4.19 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah binti Kasnon]: *Bismillaahhir Rahmaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada lapan orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian membahaskan beberapa perkara dan isu yang menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air semasa sesi perbahasan Bajet 2011 peringkat dasar di Dewan yang mulia ini.

Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk memberi penjelasan berhubung perkara-perkara yang telah dibangkitkan mengikut sektor iaitu sektor tenaga, teknologi hijau dan air. Sektor tenaga. Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff telah membangkitkan isu mengenai pembinaan loji jana kuasa elektrik berasaskan gas di Kimanis, Sabah.

■1620

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada unjuran permintaan bekalan elektrik di Sabah, Stesen Janakuasa Kimanis (KPSB) ini adalah diperlukan untuk memenuhi permintaan elektrik di Sabah. Tidak terdapat persamaan yang boleh diberikan di antara projek tersebut dan Projek Hidro Elektrik Bakun yang dibimbangi menjadi gajah putih. Projek Bakun kini adalah 95% siap. Bekalan elektrik yang sepatutnya disalurkan ke Semenanjung Malaysia telah dibatalkan ekoran kehendak Kerajaan Negeri Sarawak untuk menggunakan bekalan elektrik daripada Bakun untuk membangunkan *Sarawak Corridor On Renewable Energy (SCORE)* dengan izin.

Kajian semula Perjanjian IPPs. Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali berhubung perjanjian dengan Independent Power Producers (IPPs), saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan sedang mengadakan rundingan dengan pihak IPP generasi pertama yang bertujuan memperbetulkan kepincangan-kepincangan yang wujud dalam perjanjian dan dalam industri bekalan elektrik pada masa ini. Sebuah agensi khas yang bertanggungjawab untuk melaksanakan langkah-langkah melihat semula terma PPA ke arah mewujudkan industri bekalan elektrik yang mapan iaitu My Power Corporation telah ditubuhkan pada awal tahun ini dan diharapkan agar ianya dapat dimuktamadkan dengan segera.

Isu seterusnya berkenaan dengan sektor tenaga adalah tenaga solar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Khalid bin Ahmad dan Yang Berhormat Senator Datuk Mohamad Najeib bin Abdullah, antara langkah-langkah kerajaan dalam menggalakkan penggunaan tenaga solar adalah dengan pelancaran Program Suria Seribu di bawah projek Malaysia Building Integrated Photovoltaic (MBIPV) yang telah diperkenalkan pada bulan Jun 2007 untuk memberi peluang penglibatan sektor domestik dan komersial di dalam bidang teknologi boleh diperbaharui atau *renewable energy* dengan menggunakan sistem solar photovoltaic (PV) dengan izin. Program ini melibatkan pemberian diskaun terhadap kos keseluruhan photovoltaic yang dipasang kepada pemohon-pemohon yang berjaya. Kerajaan juga menyediakan insentif-insentif fiskal bagi penjanaan elektrik daripada tenaga solar serta peralatan solar.

Selain daripada itu kementerian juga akan melaksanakan Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Diperbaharui atau dikenali sebagai *renewable energy* dengan izin di mana Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang bekerjasama dengan kementerian ini untuk menghasilkan *renewable technology road map* dengan izin, yang akan menjadi asas pembangunan inisiatif-inisiatif penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang inovatif dan praktikal dalam menyumbang ke arah pembangunan sektor ini yang telah dikenal pasti sebagai bidang baru pertumbuhan negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kos bagi penjanaan elektrik daripada sumber penggunaan tenaga solar seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan juga, buat pada masa ini ianya adalah masih tinggi kerana teknologi solar tempatan yang ada pada masa kini adalah amat terhad dan penggunaan solar bergantung kepada teknologi yang diimport. Keadaan ini juga menyebabkan golongan yang berminat sukar untuk mendapatkan pembiayaan jangka panjang pada kadar yang berpatutan dari institusi kewangan atau perbankan yang beranggapan ia merupakan satu pelaburan yang berisiko tinggi.

Justeru kementerian saya akan melaksanakan dasar dan pelan tindakan RE yang antara lain akan memperuntukkan *fit in tariff* (FIT) dengan izin, yang dijangka akan mewujudkan permintaan perhebat teknologi dan komponen-komponen tempatan di mana ia akan turut mewujudkan industri tempatan yang secara langsung akan mengurangkan kos sistem solar. Di bawah dasar dan pelan tindakan ini juga usaha R&D dalam bidang tenaga boleh diperbaharui tempatan akan ditingkatkan bagi memenuhi keperluan industri solar di samping dapat menurunkan kos teknologi yang masih tinggi pada masa ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, mengenai penetapan kadar pengurangan karbon intensiti dengan izin, sebanyak 40% menjelang tahun 2020, kementerian saya dengan kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengenal pasti potensi aplikasi *renewable energy* (RE) dan kecekapan tenaga (EE) dengan izin, untuk mengurangkan intensiti karbon dioksida kepada *gross domestic production* (GDP) dengan izin, sehingga 40% pada tahun 2020 berbanding dengan tahap tahun 2005 seperti yang ditetapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mesyuarat mengenai perubahan iklim di Copenhagen pada tahun 2009 yang lalu.

Di bawah Bajet 2011 pula kerajaan akan meneruskan insentif-insentif fiskal yang telah diberikan pada Rancangan Malaysia Kesembilan untuk meningkatkan pembangunan RE dan Kecekapan Tenaga (EE), dengan izin. Ini adalah bertujuan supaya pelaksanaan dasar dan pelan tindakan tenaga boleh diperbaharui (RE) yang menyasarkan pengurangan sebanyak 42.2 juta tan karbon dioksida (CO₂) dengan izin, dijangka dapat dicapai menjelang tahun 2020. Untuk inisiatif kecekapan tenaga, kerajaan sedang dalam proses memuktamadkan pelan induk kecekapan tenaga yang telah menetapkan sasaran pengurangan karbon dioksida yang akan menyumbang secara signifikan kepada komitmen oleh Kerajaan Malaysia di Copenhagen pada tahun 2009.

Sektor seterusnya Tuan Yang di-Pertua adalah sektor teknologi hijau. Penerapan teknologi hijau di sekolah. Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Siang dan Ahli Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai kesedaran dalam mempraktikkan konsep teknologi hijau bermula di sekolah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, integrasi elemen hijau pada setiap peringkat sekolah merupakan satu langkah yang

amat penting dalam pembangunan modal insan bagi teknologi hijau pada masa hadapan di negara kita.

Dengan ini satu analisis topik-topik teknologi hijau dalam sukatan dan kokurikulum yang sedia ada pada peringkat sekolah, pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah telah dikenal pasti dalam pelbagai bidang khususnya bidang tenaga, alam sekitar, bio kepelbagaian, pencemaran dan pengurusan bahan-bahan buangan. Namun begitu tahap integrasi elemen hijau tersebut adalah tidak menyeluruh dan perlu dikemaskinikan mengikut peringkat dan tahap pemahaman. Ini adalah supaya kandungan pembelajaran yang sedia ada akan dapat diselaraskan dengan Dasar Teknologi Hijau Negara.

Justeru kementerian saya akan bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran dalam menyelaraskan topik-topik serta aktiviti-aktiviti amalan hijau bagi tujuan penerapan amalan hijau serta memberi kesedaran awam di peringkat umur yang lebih awal lagi. Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya juga mengambil maklum dan amat berterima kasih di atas cadangan mengenai SPAH ataupun sistem pengumpulan ataupun penuaian air hujan seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Siang. Kementerian saya berharap supaya cadangan ini akan mendapat kerjasama dari pihak sekolah khasnya Kementerian Pelajaran Malaysia untuk dilaksanakan kelak khasnya kepada bangunan-bangunan sekolah yang baru.

Mengenai cadangan untuk mempraktikkan supaya had suhu penghawa dingin kepada 26°C seperti di negara China, ingin saya maklumkan Tuan Yang di-Pertua bahawa kementerian sedang dalam proses membangunkan dasar dan garis panduan kecekapan tenaga di bangunan-bangunan kerajaan. Di bawah dasar ini akan dicadangkan penetapan suhu di semua bangunan kerajaan yang sesuai adalah pada paras 24°C di mana suhu ini adalah sesuai bagi iklim tropika di Malaysia.

Datuk Akbar bin Ali: Mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Berkenaan dengan *green technology* dan juga usaha-usaha *to green the environment* Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya semua itu perlu dikira dan salah satu ukurannya ialah seperti mana pernah saya tanya di Dewan ini dan saya ingin tahu statusnya sekarang, apakah usaha mengukur apa yang dipanggil *green GDP* supaya kita tahu kedudukannya sekarang dan mungkin lima atau sepuluh tahun akan datang. Itu pertama.

Keduanya, saya pernah timbulkan berkenaan dengan *green technology* ini merentasi semua sektor. Dahulu difahamkan atau diakui tidak meliputi *green financial services*. Adakah sekarang sudah dimasukkan? Ini yang saya ingin tahu bagi dua isu yang saya bangkitkan. Terima kasih.

Puan Noriah binti Kasnon: Minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, saya kira Yang Berhormat sahabat saya ini, dia tidak berhujah semasa perbincangan bajet di peringkat dasar. Namun, apa yang boleh saya nyatakan secara ringkas di sini Tuan Yang di-Pertua, sememangnya usaha-usaha untuk memberi kesedaran kepada *public* ataupun kepada awam adalah merentasi semua sektor, khasnya empat yang diberikan penekanan di bawah Dasar Teknologi Hijau ini iaitu pengangkutan, bangunan, *waste and water management* dengan izin, dan juga tenaga.

Akan tetapi di peringkat sekolah, ianya akan merentasi pelbagai bidang yang bersesuaian yang mempunyai elemen unsur-unsur teknologi hijau ini. Kita pun sudah bermula Yang Berhormat Senator, khususnya melalui jelajah-jelajah ataupun *road show* teknologi hijau yang dibuat di beberapa buah negeri melalui pameran, forum, seminar dan sebagainya yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah dan juga pelajar-pelajar siswa-siswi universiti kita.

Mengenai dengan *green financial services* ini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sudah ada beberapa buah bank tempatan dan juga asing yang beroperasi di negara kita ini yang telah mula mengeluarkan ataupun memberi tawaran skim-skim pinjaman yang berbentuk hijau – dikatakan *green loan*. Akan tetapi bagi pihak kementerian, kita ada *Green Technology Financing Scheme (GTFS)* yang masih lagi terbuka yang pada peringkat awalnya kita diberikan sebanyak RM1.5 bilion, ditunjangi ataupun diberikan amanah itu untuk diselia kepada Pusat Teknologi Hijau Negara. Saya kira masih banyak lagi ruang yang boleh – sama ada syarikat pengguna ataupun syarikat pengeluar untuk memohon *Green Technology Financing Scheme* ini. Saya kira masih ada baki dan walaupun peruntukan yang diberikan iaitu dana yang diberikan itu sudah habis, kita akan sentiasa membuat permohonan secara berterusan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai sektor air yang mungkin hangat diperkatakan lewat mutakhir ini. Berhubung dengan isu penstrukturan air negeri Selangor seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Ahli Yang Berhormat Senator Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn dan Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah, ingin saya maklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan untuk menstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air negara bagi meningkatkan tahap kecekapan industri tersebut agar rakyat akan dapat terus menikmati bekalan air yang bersih dan mampan pada harga yang berpatutan secara berterusan dan paling penting, pada kadar yang tidak membebankan rakyat jelata.

Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan masih lagi meneruskan rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor ini termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Putrajaya. Terbaru, Kerajaan Negeri Selangor telah memaklumkan kepada pihak kementerian bahawa mereka yakin akan dapat membuat tawaran pengambilalihan baru kepada

syarikat-syarikat konsesi air di negeri Selangor dalam waktu yang terdekat sebagai usaha untuk memuktamadkan perbincangan selama – yang telah berlangsung lebih dua tahun ini.

Mengenai cadangan tersebut, Kerajaan Persekutuan sentiasa bersikap terbuka dengan sebarang cadangan untuk menyusun semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor ini. Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan tiada halangan jika Kerajaan Negeri Selangor ikhlas ingin mengambil alih keempat-empat syarikat konsesi air di negeri Selangor tersebut secara *willing buyer willing seller* dengan izin, dan dengan menghormati perjanjian konsesi sedia ada yang masih sah dan berkuat kuasa.

Oleh itu, saya berharap benar Kerajaan Negeri Selangor pada kali ini akan betul-betul ikhlas dan segera membuat tawaran ini demi kesejahteraan rakyat dan kemapanan industri perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor khasnya untuk pengguna-pengguna di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Putrajaya.

Seterusnya tentang kenaikan tarif air bagi negeri Selangor. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab kenyataan Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah pula, ingin saya maklumkan juga bahawa pengguna sebenarnya membayar untuk perkhidmatan merawat air dan penghantaran air terus ke kediaman masing-masing 24 jam supaya pengguna dapat menikmati bekalan air terawat yang bersih dan mematuhi garis panduan air minum yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Pembekalan air terawat ini melibatkan kos yang perlu ditanggung oleh operator seperti kos elektrik bagi mengepam air mentah dan air terawat, penggunaan bahan-bahan kimia yang bersesuaian, menyediakan tenaga kerja, perkhidmatan pelanggan dan kos penyelenggaraan loji, pam, tangki dan paip-paip air. Selain itu, prasarana air juga perlu dibaik pulih dan dinaik taraf supaya sentiasa berupaya membekal air terawat seperti yang dikehendaki oleh pengguna.

Kos-kos inilah yang diambil kira oleh pihak operator air dalam menentukan tarif air yang perlu dibayar oleh pengguna yang menikmati kemudahan ini – dan ia bukanlah percuma. Memang air mentah itu percuma. Orang kata turun dari langit, dari sungai, tetapi bagaimana keadaan sumber air tersebut?

Walau bagaimanapun, para pengguna tidak perlu khuatir akan kemungkinan operator air mengenakan kadar tarif yang tidak munasabah kerana di bawah skim penstrukturan semula industri perkhidmatan air yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan, sebarang kenaikan tarif air perlulah dikemukakan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang akan menyemak dan memperakukan kepada kerajaan kadar tarif yang wajar ditetapkan berdasarkan pencapaian *key performance indicators (KPI)* dengan izin, oleh operator-operator air.

Saya sememangnya mengalu-alukan perbandingan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bagi tarif di negeri Pulau Pinang dan Kedah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negeri-negeri ini pun telah menaikkan tarif air di negeri masing-masing pada 1 Oktober 2010 kerana kerajaan negeri sedar bahawa operator air memerlukan kenaikan tarif – tidak dapat dielak

ya – untuk menampung kos rawatan air yang semakin meningkat. Melalui kenaikan tarif ini, operator air dapat menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada para pengguna supaya mereka akan dapat terus menikmati perkhidmatan bekalan air yang berkualiti secara berterusan.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya berharap agar Kerajaan Negeri Selangor mengambil langkah yang sama dengan Kerajaan Negeri Kedah dan Pulau Pinang untuk membenarkan operator di negeri Selangor menaikkan kadar tarif air bagi memastikan para pengguna di negeri Selangor akan dapat terus menikmati perkhidmatan bekalan air terawat yang memenuhi kehendak pengguna.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: *[Bangun]*

Puan Noriah binti Kasnon: Isu kenaikan tarif air...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada seorang Ahli Yang Berhormat bangun.

Puan Noriah binti Kasnon: Boleh saya habiskan tentang isu tarif ini?

Tuan Yang di-Pertua: Habiskan jawab itu dahulu Yang Berhormat.

Puan Noriah binti Kasnon: Isu kenaikan tarif air ini sebenarnya tidak mempunyai kaitan sama ada operator air di sesebuah negeri itu diswastakan atau dikorporatkan. Tidak kira sama ada operator air di negeri-negeri tersebut – seperti yang saya nyatakan tadi swasta ataupun korporat atau secara holistik dipegang oleh negeri, kenaikan tarif air sememangnya tidak dapat dielakkan bagi memastikan keamanan industri air di negeri-negeri tersebut. Silakan.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Masalah yang sama berlaku di Kedah apabila tarif air ini dinaikkan daripada 40 sen ke 50 sen satu meter padu tetapi perjanjian dengan syarikat swasta yang membekalkan air yang dirawat ini – saya ambil contoh di Kedah iaitu Teleworks Sdn Bhd di Langkawi yang mengenakan caj kepada operator Syarikat Air Darul Aman sebanyak RM1.92 satu meter padu dan satu lagi Syarikat Air Utara Indah mengenakan 86.3 sen sedangkan SADA ini terpaksa mengutip kepada pengguna hanya 50 sen satu meter padu. Ini adalah kerana perjanjian berat sebelah yang dibuat pada akhir tahun 2007 yang mana perjanjian itu memakan masa –kalau tak silap saya 20 tahun.

Jadi persoalannya sekarang, apabila kita ada SPAN (Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara) yang mengawal selia dan mengeluarkan lesen, dan kita ada PAAB (Perbadanan Aset Air Berhad) yang mengambil alih semua aset air di negeri ini, adakah SPAN ataupun kerajaan sendiri boleh berunding dengan loji swasta ini agar kadar itu munasabah supaya kerajaan negeri tidak menanggung kos kenaikan ataupun subsidi yang terpaksa diberi kepada pengguna di mana selagi ramai yang menggunakan air, semakin banyak subsidi terpaksa dikeluarkan? Terima kasih.

■1640

Puan Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya untuk makluman semua, sebarang kenaikan tarif air adalah mesti dengan persetujuan kerajaan negeri,

dengan perbincangan bersama syarikat-syarikat operator berkenaan sama ada swasta ataupun dikorporatkan. Ia juga mesti mendapat persetujuan daripada SPAN dan juga juruaudit yang telah dilantik bersama. Bukan maknanya apabila telah ditentukan sekian-sekian peratus, maka itu yang mesti dinaikkan. Akan tetapi mesti atas persetujuan, perbincangan dan persetujuan kerajaan negeri khususnya.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Sedikit lagi penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya persetujuan itu 2007. Maknanya perjanjian itu memang berat sebelah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, *don't go to detail*. Ini dasar dan spesifik itu boleh berbincang agaknya di luar nanti.

Puan Noriah binti Kasnon: Seperti di Selangor juga Yang Berhormat Senator, walaupun ia telah termaktub dalam *Concession Agreement*, kadar kenaikan-kenaikan tertentu tetapi masih boleh dipersetujui secara bersama kadar mana yang terbaik dan menggunakan laporan juruaudit yang telah dilantik bersama, yang akan menentukan berapakah sebenarnya yang wajar, tertakluk kepada KPI yang telah ditentukan oleh SPAN. Sama ada berapa yang telah dapat dicapai antara KPI yang telah ditentukan oleh SPAN dan sebagainya. Akhir sekali, yang muktamadnya adalah daripada cadangan laporan juruaudit ataupun peringkat dasar ataupun...

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, itu sudah jelas.

Puan Noriah binti Kasnon: Sudah jelas, ya? Oleh sebab masa tidak mengizinkan, ada satu, dua isu sahaja. Untuk di negeri Selangor, sama juga kedudukan seperti mana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi. Kenaikan tarif air bagi Selangor adalah merupakan sebahagian daripada terma dalam perjanjian konsesi yang telah ditandatangani pada 15 Disember 2004 antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan juga SYABAS, di mana tarif air dinaikkan tiga tahun sekali. Itu banyak silap, bukan setahun sekali.

Saya yakin bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sememangnya sedia maklum dengan jadual tersebut yang sering dijadikan isu oleh kerajaan negeri Selangor. Cuma yang ingin saya ingatkan di sini adalah bahawa tarif yang ditetapkan di dalam jadual itu adalah merupakan tarif kenaikan maksimum yang dibenarkan. Kenaikan tarif sebenarnya akan ditetapkan oleh Jabatan Audit Negara berdasarkan formula yang telah dipersetujui dalam perjanjian tersebut, mengambil kira prestasi operator ataupun SYABAS di sini dalam beberapa aspek seperti jumlah kutipan sebenar atau *total revenue collected* dengan izin, perbelanjaan kapital (CAPEX), perbelanjaan operasi (OPEX), pembelian air terawat dan kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW). Itu antara yang mesti dipatuhi.

Perjanjian konsesi tersebut telah ditandatangani oleh tiga pihak iaitu Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan juga syarikat konsesi. Oleh itu pendedahan perjanjian tersebut hanya boleh dibuat jika ketiga-tiga pihak bersetuju untuk mendedahkannya. Mengenai laporan audit pula, kerajaan negeri Selangor sebenarnya mempunyai akses kepada laporan tersebut. Malah kerajaan negeri Selangor sering memetik kandungan laporan tersebut dan

memaklukkannya kepada media. Jadi tidak timbul isu kementerian untuk mewajibkan pendedahan laporan audit tersebut buat masa ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang pencemaran sungai dan juga pengurusan sisa pepejal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad, kementerian ini amat mengambil berat mengenai isu pencemaran sungai kerana pencemaran sungai yang teruk akan menyebabkan loji rawatan air tidak boleh beroperasi dan seterusnya menjejaskan perkhidmatan bekalan air kepada pengguna. Sehubungan dengan itu, kementerian sentiasa memberi kerjasama kepada kerajaan negeri dan agensi yang berkaitan yang bertanggungjawab ke atas sumber air dalam melaksanakan program-program bagi menangani isu-isu pencemaran sungai.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat berhubung peranan Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, saya ingin maklumkan bahawa jabatan ini bertanggungjawab melaksanakan projek pembangunan pembetungan negara dan pengurusan sisa pepejal pula adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Pengurusan Sisa pepejal Negara yang bertanggungjawab mengenai pengurusan sisa pepejal.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira setakat itu sahaja penjelasan yang dapat saya berikan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi jutaan terima kasih ke atas keprihatinan semua rakan-rakan Ahli Yang Berhormat Senator terhadap perkara-perkara yang telah disentuh di bawah bidang tugas kementerian ini.

Saya berjanji kementerian ini akan sentiasa mengambil perhatian terhadap sebarang teguran dan cadangan yang membina dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya untuk menangani semua masalah yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai selaras dengan Gagasan 1Malaysia '*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*'. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Dipersilakan.

4.46 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat Senator iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat dan Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram yang terlibat dalam memberikan pandangan dan mengutarakan isu-isu yang berkait rapat dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan semasa perbahasan Bajet 2011 ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan maklum balas kepada persoalan pertama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat berhubung isu subsidi gula, sama ada ia wajar diteruskan ataupun tidak. Tuan Yang di-Pertua,

tujuan utama subsidi gula diperkenalkan adalah bagi mengekalkan harga gula di pasaran tempatan akibat kenaikan harga komoditi di pasaran global. Selain itu ia juga bertujuan bagi memastikan bekalan gula sentiasa mencukupi dan memenuhi permintaan pasaran. Kerajaan pada masa ini sedang melaksanakan penstrukturan semula subsidi secara berperingkat-peringkat bermula pada tahun 2010 dan dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang, bagi meliberalisasikan sepenuhnya harga semasa.

Selain itu kerajaan juga telah mewujudkan Makmal Rasionalisasi Subsidi bagi mengkaji pelaksanaan penyelarasan semula subsidi dan pada masa yang sama memutuskan untuk meneruskan pemberian subsidi barang kawalan termasuk, gula, tepung, minyak masak dan beras. Pelaksanaan penyelarasan subsidi gula akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Pendekatan ini diambil agar:-

- (i) rakyat tidak terbeban dengan kenaikan harga secara mendadak di samping memastikan bekalan gula sentiasa mencukupi di pasaran;
- (ii) tidak berlakunya keadaan ketidakseimbangan pasaran akibat wujudnya persekitaran yang tidak sihat dan bagi menggalakkan persaingan di antara industri;
- (iii) pemberian subsidi tidak menggambarkan harga sebenar barangan di mana harga barang bersubsidi jauh lebih rendah berbanding harga sebenarnya;
- (iv) mengelakkan berlakunya aktiviti penyelewengan dan penyeludupan dengan merapatkan jurang perbezaan harga antara negara-negara jiran;
- (v) mengurangkan berlakunya ketirisan gula di kawasan-kawasan sempadan; dan
- (vi) gula dianggap bukannya makanan asasi seperti mana beras dan gandum di mana pengambilan gula yang berlebihan hanya akan membawa mudarat dengan peningkatan penyakit diabetes, obesiti, jantung dan lain-lain.

Penjimatan perbelanjaan kerajaan hasil daripada pengurangan subsidi gula membolehkan kerajaan melaksanakan pelbagai projek lain untuk kesejahteraan hidup rakyat seperti membina infrastruktur luar bandar, pengurangan jumlah golongan miskin tegar, peningkatan penyertaan kanak-kanak dalam pendidikan prasekolah dan projek-projek pembangunan serta sosial yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi maklum balas kepada persoalan yang kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah lagi iaitu berkaitan isu bagaimana kerajaan menangani masalah ketirisan gula.

Kementerian melalui bahagian penguat kuasa sentiasa memberi tumpuan dan fokus terhadap segala bentuk penyelewengan di bawah perundangan yang dikawal selia oleh kementerian.

Bagi mengatasi masalah ketirisan gula, kementerian telah meningkatkan aktiviti penguatkuasaan melalui kerjasama bersama agensi-agensi penguat kuasa lain seperti Kastam Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP). Di antara langkah-langkah proaktif yang telah diambil oleh kementerian bagi menangani isu ketirisan gula ialah:

- (i) menguatkuasakan lesen runcit gula bagi peniaga runcit supaya bekalan sentiasa ada dan dapat membantu pihak penguat kuasa dalam mengawal dan memantau peruncit yang menyimpan gula secara berlebihan;
- (ii) menarik balik serta-merta lesen borong atau runcit gula bagi pemborong atau peruncit yang didapati mempunyai niat menyorok gula;
- (iii) semua pejabat PDNKK di negeri dan cawangan di minta memantau perjalanan lori atau kapal yang membawa bekalan gula untuk memastikan bekalan yang dihantar sampai ke destinasi; dan
- (iv) syarikat yang menggunakan gula bagi menghasilkan produk untuk eksport adalah dilarang membeli gula daripada pemborong atau mana-mana pihak selain daripada kilang gula yang dilesenkan. Gula yang digunakan untuk menghasilkan produk eksport hendaklah dibeli mengikut harga gula pasaran sedunia.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Wan Hazani iaitu mengenai langkah kerajaan bagi menangani kesan kenaikan harga gula di dalam pasaran. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa membuat pemantauan dan pemeriksaan ke atas harga barangan seluruh negara sama ada secara berkala, mengejut atau berasaskan kepada aduan pengguna.

Kementerian telah dan sedang melaksanakan beberapa langkah kawalan bagi memastikan barangan keperluan asas tidak dinaikkan sesuka hati oleh para peniaga, antaranya ialah:

- (i) penetapan harga barang secara undang-undang sama ada di peringkat borong dan runcit di bawah Akta Kawalan Harga 1946 seperti gula pasir, putih, bertapis, halus dan kasar;
- (ii) meningkatkan pemantauan harga ke atas premis-premis menjual makanan sedia masak bagi menentukan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga makanan atau minuman berikutan dengan kenaikan harga gula;

- (iii) mewajibkan peniaga meletakkan tanda harga ke atas barangan yang dipamerkan untuk jualan runcit bagi membolehkan pengguna membuat perbandingan harga sebelum membeli barangan berkenaan seperti mana yang tertakluk di bawah Perintah Kawalan Harga Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit (1993);
- (iv) mengambil tindakan tegas terhadap aduan pengguna mengenai peniaga yang menaikkan harga barangan secara melampau atau tidak asas kukuhnya;
- (v) membuat pemantauan setiap minggu di pasar awam, kedai runcit, pasar raya, *hypermarket* dan juga ke atas kedai menjual makanan sedia masak bertujuan untuk mendapatkan *trend* perubahan harga ekoran daripada kenaikan harga gula;
- (vi) mengadakan program kesedaran pengguna dan peniaga bagi meningkatkan kesedaran terhadap hal serta peranan masing-masing di dalam menangani isu kenaikan harga barang; dan
- (vii) mengadakan perbincangan secara berkala dengan industri makanan dan minuman supaya tidak menaikkan harga produk akhir sekiranya berlaku kenaikan harga barang kawalan terutamanya gula.

Tuan Yang di-Pertua, soalan terakhir dari Yang Berhormat Puan Hajah Fatimah berkaitan dengan soalan sama ada *government-linked company* (GLC) akan dijadikan pemborong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembekuan lesen borong gula baru telah berkuat kuasa pada 11 Ogos 2009. Walau bagaimanapun, pengecualian diberikan kepada koperasi untuk menjadi pemborong gula.

Pada masa ini, Program Pemborongan Barang Kawalan dan Peruncitan Melalui Koperasi dilaksanakan dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Koperasi Permodalan Felda Berhad (KPFB) yang telah dilantik sebagai mentor kepada koperasi-koperasi yang baru berkecimpung dalam pemborongan barang kawalan. Pelaksanaan ini dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut negeri terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi maklum balas kepada persoalan pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Usha Nandhini berkaitan dengan persoalan bagaimana kerajaan akan mengagihkan atau mengedarkan barangan perlu agar sampai ke kawasan pedalaman. Projek pengedaran barang-barang perlu dilaksanakan bertujuan untuk memastikan barang kawalan dan keperluan asas penduduk seperti minyak masak, gula, tepung dan bahan api dapat diperolehi pada harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Bagi memastikan usaha untuk mengedarkan barangan keperluan sampai ke kawasan pedalaman, kerajaan telah melantik *transporter* atau pengedar tempatan untuk membawa barangan keperluan seperti gula, tepung gandum, minyak masak, gas petroleum cecair (LPG),

petrol dan diesel ke kawasan pedalaman yang telah dikenal pasti. Kerajaan akan menanggung kos pengangkutan untuk membawa barangan keperluan ke kawasan tersebut. Pelaksanaan program pengedaran barang kawalan ke sesuatu kawasan dibuat berdasarkan kepada kajian profil mengenai keperluan penduduk di kawasan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk persoalan yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Usha Nandhini, berkaitan dengan program pengedaran ini sama ada ia memberikan manfaat kepada penduduk pedalaman. Projek pengedaran barang perlu penyeragaman harga LPG serta penyeragaman harga petrol dan diesel melalui konsep *community drumming* bertujuan memastikan penduduk di pedalaman dapat membeli barang keperluan pada harga yang ditetapkan oleh kerajaan. Sebelum pelaksanaan projek ini, rata-rata penduduk di pedalaman terpaksa mengeluarkan belanja yang lebih tinggi untuk memperoleh barang keperluan kerana kos pengangkutan yang tinggi disebabkan oleh faktor muka bumi kawasan tersebut.

Dengan pelaksanaan projek ini, penduduk di pedalaman dapat membeli barang keperluan pada harga yang ditetapkan oleh kerajaan seperti contohnya di Bario. Beras sebelum penyeragaman harga ialah sekampit RM43 dan selepas penyeragaman, penduduk di sana dapat membeli dengan harga RM18 sekampit. Begitu juga dengan LPG di Bario - RM110 satu tong dan setelah projek penyeragaman, hari ini penduduk di Bario boleh membeli dengan harga RM26.60 satu tong. Selain itu, penduduk di kawasan tersebut juga akan turut mendapat faedah penjimatan perbelanjaan harian dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan boleh belanja atau *disposable income* dengan izin, penduduk di kawasan berkenaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah penduduk pedalaman yang mendapat manfaat daripada projek pengedaran di seluruh negara ialah seramai 3.3 juta orang dengan penjimatan pendapatan boleh belanja penduduk pedalaman iaitu sebanyak RM354.3 juta. Justeru, boleh terbuktilah bahawa program pengedaran ini banyak memberi manfaat dan bantuan kepada penduduk terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman.

Akhir kata, saya sekali lagi hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dua orang, yang telah pun menyumbangkan pandangan dan saranan terhadap tugas, peranan dan tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan secara khusus dan dalam pembangunan ekonomi negara amnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Kementerian Pengangkutan.

4.58 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat di dalam perbincangan berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan.

Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi telah membangkitkan berkaitan dengan isu bot. Keadaan bot ekspres dan bot penumpang yang digunakan di sungai-sungai Sarawak yang dikatakan kurang ciri-ciri keselamatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya Jabatan Laut Persekutuan Sarawak, Persekutuan di Negeri Sarawak dengan kerjasama Lembaga Sungai-sungai Sarawak memang sentiasa memantau perkhidmatan bot ekspres supaya ia menjadi selamat. Di antara tindakan-tindakan yang diambil ialah:

- (i) pemeriksaan secara *random* bagi memastikan semua bot ekspres dan bot penumpang dilengkapi peralatan keselamatan seperti jaket keselamatan dan alat pemadam api dan radar tempoh sah penggunaannya;
- (ii) pemeriksaan berkala atau pemeriksaan tahunan bagi memastikan bot ekspres tersebut selamat dan untuk mendapatkan sijil penumpang;

■1700

- (iii) pemeriksaan dan penguatkuasaan oleh pegawai jabatan laut bagi memastikan bot ekspres dan bot penumpang membawa penumpang mengikut had yang ditetapkan seperti yang terkandung dalam sijil penumpang;
- (iv) menganjurkan kempen keselamatan iaitu Kempen Keselamatan Pelayaran iaitu kempen yang memfokuskan kepada keselamatan bot ekspres dan bot penumpang bagi maksud pendidikan seperti yang diadakan di Marudi dan Kuala Baram;
- (v) kita juga memastikan jurumudi haruslah mengikut kursus khas bagi mengendali bot ekspres dan bot penumpang; dan
- (vi) terakhir sekali ialah menentukan reka bentuk bot memenuhi piawaian keselamatan yang ditetapkan oleh jabatan laut berdasarkan kepada peraturan bukan konvensyen kapal penumpang domestik.

Ahli Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang ada membangkitkan berkaitan dengan mencadangkan supaya kadar kelajuan di lebuh raya dinaikkan daripada 110 kilometer kepada 130 kilometer atau 140 kilometer. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan setakat ini belum bercadang untuk mengubah kadar kelajuan di lebuh raya seperti yang diminta memandangkan didapati bahawa kelajuan adalah dikenal pasti sebagai punca kemalangan utama iaitu menurut kajian MIROS sebanyak 60% daripada kemalangan di negara ini adalah berpunca daripada kelajuan.

Bagaimanapun mengikut seksyen pindaan seksyen 69 Akta Pengangkutan Jalan akan dipinda untuk memberi kuasa kepada Menteri Kerja Raya untuk membuat satu keputusan mengenai penentuan had laju di lebuh raya sekiranya terdapat keperluan. Yang Berhormat Senator Pau Chiong Ung ada membangkitkan berkaitan dengan kelewatan Lapangan Terbang

Antarabangsa Kuching, Miri dan Kota Kinabalu. Untuk makluman Yang Berhormat, memang kita mengenal pasti bahawa wujud kelewatan di dalam pelaksanaan projek tersebut, tetapi projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching ianya kelewatan tersebut ialah tidak melibatkan kerja-kerja di bagi kompleks TUDM dan tindakan-tindakan telah pun diambil.

Di antara punca yang menyebabkan berlakunya kelewatan itu adalah disebabkan kekurangan bahan mentah iaitu bekalan kuari untuk baki kerja di *taxiway* 4A dan *peak* 07 dan *parking* di TUDM dan selain daripada masalah yang dihadapi oleh syarikat pelaksana tersebut. Bagi Kota Kinabalu Lapangan Terbang suka saya ingin nyatakan di sini bahawa pakej pertama iaitu pembinaan terminal dan juga infra bagi lapangan terbang tersebut telah pun siap sepenuhnya. Cuma ada kelewatan sedikit di pakej kedua iaitu lebih kurang 11.59% yang kita telah pun memberikan *extension of time*.

Berdasarkan kepada masalah-masalah seperti kelewatan untuk penyerahan *possession of site* daripada Royal Sabah Turf Club (RSTC) kepada kontraktor selain daripada *window works* ataupun *close hours* yang sedikit bagi melaksanakan kerja-kerja landasan khususnya permintaan *carter flight* dan *delayed flight* yang berlaku di Kota Kinabalu. Selain daripada itu, ada juga masalah akses kepada *approach light* yang menyebabkan sedikit kelewatan. Kita sedang mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan supaya kontraktor ini dapat menyiapkan dan kita telah mengadakan pelbagai mesyuarat dan perundingan untuk pastikan syarikat ini dapat menjalankan kerja-kerja yang masih lagi belum disiapkan.

Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini Jayaram telah pun membangkitkan berkaitan dengan perlunya penambahbaikan kurikulum memandu untuk sekolah memandu. Memang Yang Berhormat kita mengenal pasti masalah ini sebenarnya JPJ memang sedang dalam proses untuk melaksanakan kurikulum baru sekolah memandu yang akan berikan penekanan bukan sahaja kepada peningkatan pengetahuan dan kemahiran seseorang pemandu tersebut tetapi juga adalah untuk menambahbaikkan dari segi sikap pemandu supaya ianya lebih berhemah, lebih berdisiplin dan bertimbang rasa seperti mana yang dikenal pasti sebagai salah satu daripada punca yang menyebabkan berlakunya kemalangan di jalan raya yang begitu meningkat.

Untuk itu sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, JPJ masih lagi menunggu kelulusan peruntukan daripada pihak kerajaan bagi melaksanakan kurikulum baru ini. Peruntukan yang diperlukan bagi melaksanakannya ialah lebih kurang RM10 juta. Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Khalid Ahmad membangkitkan berkaitan cadangan beliau untuk mencadangkan penguatkuasaan yang lebih berkesan terhadap penggunaan cermin gelap. Kementerian memang menyambut baik cadangan Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, statistik kesalahan cermin gelap sehingga bulan Oktober 2010 adalah seperti berikut iaitu pada tahun 2007 bilangan saman yang dikeluarkan ialah 2,280, tahun 2008 1,107, tahun 2009 1,330 sehingga Oktober 2010 2,395.

Sebagai usaha untuk meningkatkan penguatkuasaan terhadap kesalahan cermin gelap, pada tahun 2007 JPJ juga telah membeli alat pengukur ketelusan cahaya seperti Auto Light Plus sebanyak 150 unit untuk kegunaan di seluruh negara dan untuk menggantikan 74 alat pengukur ketelusan cahaya TOPCON's IM3 Luminance yang diperolehi pada tahun 1995. Alat yang baru ini boleh digunakan pada bila-bila masa walaupun pada malam hari kerana ianya menggunakan cahaya yang terdapat di dalam alat tersebut tanpa menggunakan cahaya dari luar.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz Md. Nawi ada membangkitkan tentang persoalan kenapa Kelantan tidak mempunyai lapangan terbang antarabangsa. Untuk maklum Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Pengangkutan tidak ada halangan sekiranya ada permintaan dari mana-mana syarikat penerbangan tempatan untuk mengadakan perkhidmatan dari Kota Kinabalu ke destinasi antarabangsa ataupun terdapat permohonan dari syarikat antarabangsa asing untuk perkhidmatan ke Kota Bharu. Kemudian, kementerian bersedia untuk mempertimbangkan. Untuk makluman Yang Berhormat, baru-baru ini juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan insentif bagi syarikat-syarikat yang terbang terus ke *secondary airport* dengan memberikan insentif *airport tax* atau PAC ataupun *passenger service tax* dikurangkan kepada RM26 bagi terpakai untuk semua *secondary airport* di negara ini termasuklah Lapangan Terbang Kota Bharu, Kelantan.

Yang Berhormat juga ada membangkitkan berkaitan dengan keperluan untuk pelabuhan di Kelantan. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 1997 memang Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah memberikan kelulusan kepada sebuah syarikat bagi membina dan membangunkan Pelabuhan Tumpat. Walau bagaimanapun, kajian oleh syarikat perunding bersama dengan syarikat terbabit mendapati bahawa kos pembinaan Pelabuhan Tumpat adalah tinggi berbanding dengan pulangan yang akan diterima maknanya tiada sokongan daripada ekonomi *hinterland* yang boleh menyumbang kepada perkembangan pelabuhan.

Selain daripada itu, pada tahun 2006 terdapat juga cadangan membina Pelabuhan Tok Bali Pasir Puteh, Kelantan. Walau bagaimanapun, kajian syarikat tersebut mendapati bahawa tempat yang dicadangkan adalah terdedah kepada monsun timur laut, di samping perairannya yang cetek iaitu hanya sekitar satu hingga lima meter bagi kawasan pantai hingga ke satu batu nautika dan kedalaman 10 meter bermula dari kawasan tiga batu nautika dari pantai. Kajian juga mendapati bahawa kadar pemendapan yang tinggi di kawasan yang telah dicadangkan. Untuk makluman Yang Berhormat juga, terdapat dua Pelabuhan Persekutuan di pantai timur iaitu di Pelabuhan Kemaman dan Pelabuhan Kuantan.

Bagi tahun 2009, adalah didapati bahawa pengendalian kargo dan kontena di kedua-dua pelabuhan tersebut masing-masing adalah hanya 8.5% dan 0.8% daripada keseluruhan jumlah kendalian kargo dan kontena negara ini. Selain itu, peratus penggunaan dermaga kargo konvensional di Pelabuhan Kuantan dan Kemaman juga masih lagi di kadar 5% dan 22%.

Pembinaan sebuah pelabuhan sememangnya melibatkan satu perbelanjaan yang besar dan sekiranya ada keperluan di masa-masa akan datang kerajaan akan bersedia untuk mempertimbangkannya. Sekiranya keadaan ekonomi di masa-masa akan datang ataupun peningkatan di dalam aktiviti-aktiviti *hinterland* kita akan bersedia untuk mempertimbangkannya demi untuk kebaikan bukan sahaja negeri Kelantan tetapi negara ini. Yang Berhormat Senator...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan pertanyaan saya berkaitan dengan pelabuhan dan juga lapangan terbang antarabangsa tadi saya mengucapkan terima kasih sekiranya diberi peluang sebegitu rupa untuk menjadikan pelabuhan – Lapangan Terbang Kota Bharu sebagai lapangan terbang antarabangsa. Kedua, berkaitan dengan tadi disebut kita ada pelabuhan di Kuantan, ada pelabuhan di Kemaman. Jadi untuk pelaksanaan ECER, adakah pihak Kerajaan Pusat bersedia untuk mempertimbangkan dengan kadar segera agar dibuat pelabuhan.

Walaupun kita telah tahu tadi jumlah perbelanjaan yang diperlukan untuk pelabuhan tadi tinggi tetapi demi untuk menjadikan koridor itu satu kenyataan adakah pihak Kerajaan Pusat dalam masa terdekat bersedia untuk membantu kerajaan negeri bagi membina sebuah pelabuhan di Kelantan.

■1710

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ahli Yang Berhormat, seperti mana yang saya jelaskan tadi bahawa kerajaan tidak ada halangan untuk membina apa jua kemudahan-kemudahan awam bagi kepentingan negeri-negeri, tetapi apa yang menjadi masalah di sini ialah dari segi *throughput container* yang boleh disediakan kerana aktiviti-aktiviti ekonomi dan *hinterland* di situ masih belum begitu mencukupi. Seperti mana yang saya jelaskan tadi juga bahawa Pelabuhan Kuantan dan Kemaman sendiri pun, kapasitinya masih lagi begitu banyak dan saya – dalam perancangan ECER ini, saya tidak pasti apa yang dirancang oleh agensi tersebut, tetapi saya percaya sekiranya terdapat keperluan pada masa-masa akan datang, kerajaan tidak ada masalah untuk mewujudkannya berdasarkan kepada keadaan dan keperluan pada ketika itu.

Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf ada membangkitkan berkaitan dengan Malaysia Airlines, mendedahkan jumlah kerugian Malaysia Airlines. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2008 Malaysia Airlines telah pun mencatatkan keuntungan sebanyak RM244 juta dan pada tahun 2009, RM490 juta dan pada tahun 2010 untuk makluman Yang Berhormat, pada *first quarter* telah mencapai keuntungan sebanyak RM310 juta, tetapi pada *second quarter* ia telah rugi pada RM535 juta dan *third quarter* kita untung pada RM233 juta. Kita berharap sekiranya keadaan industri penerbangan ini tidak terganggu, pada tahun ini

iaitu *fourth quarter* kita boleh mencatat keuntungan dan kita berharap MAS akan sentiasa menjadi satu syarikat penerbangan yang *viable* dan akan mencatat keuntungan.

Faktor-faktor yang menyebabkan kerugian pada *second quarter* ialah disebabkan oleh – yang penting ialah peningkatan harga minyak di pasaran dunia dan peningkatan kos operasi yang lain. Kos minyak telah meningkat pada RM1.1 bilion dan kos-kos lain juga meningkat sebanyak 9% iaitu seperti *maintenance cost, handling, landing charges* dan *sales incentive commission* dan juga kos yang melibatkan staf. Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan...

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Sedikit penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ucapkan terima kasih di atas penjelasan oleh pihak Timbalan Menteri tadi tentang bagaimana MAS yang telah membuat beberapa tindakan drastik, dan perubahan-perubahan terakhir sehingga menyebabkan keuntungan. Saya juga sebut dalam perbahasan itu dan saya minta sedikit penjelasan ialah bagaimana MAS juga telah kenal pasti kerugian yang besar berlaku sebelum ini, sehinggakan MAS membuat laporan yang begitu tebal dihantar kepada pihak berkuasa, khususnya SPRM. Apakah MAS akan *proceed* untuk mendapatkan kembali hak yang telah hilang sekian banyak itu. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat, kes ini telah pun dilaporkan kepada SPRM ...

Datuk Maijol Mahap: Boleh mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap biar dia jawab dahulu Yang Berhormat. Selepas ini.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Dan kerugian ini berlaku lama dahulu mungkin bertahun-tahun yang lalu dan pihak SPRM telah melakukan siasatan terhadap kes ini dan mungkin Yang Berhormat sendiri pun sedar tentang apa yang dibangkitkan oleh Pengerusi Lembaga Penilai SPRM baru-baru ini, bahawa ada beberapa perkara yang sedang diteliti untuk memastikan supaya sekiranya terdapat bukti yang sahih, mungkin satu tindakan boleh diambil. Memandangkan ianya dalam proses siasatan, saya tidak akan membuat apa-apa kenyataan supaya ia tidak mengganggu proses siasatan yang sedang berlaku. Sila Yang Berhormat.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai dengan MAS kami memang berterima kasih kepada MAS kerana sentiasa prihatin terhadap Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara kerana MAS ini memberikan potongan 25% tambang bagi Ahli Dewan Negara dan juga Ahli Dewan Rakyat, walaupun rasa terkilan sedikit sebab baru-baru ini MAS telah menaikkan tambang domestik dan memberikan satu bebanan sedikit kepada rakyat. Namun demikian apa yang saya ingin bangkitkan di sini ialah mengenai AirAsia yang juga satu syarikat penerbangan di Malaysia. Saya difahamkan bahawa AirAsia ini telah memberikan potongan 50% kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat untuk membeli tiket, tetapi Tuan Yang di-Pertua,

malangnya keistimewaan ini tidak dipanjangkan kepada Ahli-ahli Dewan Negara, hanya diberikan kepada Ahli Dewan Rakyat sahaja. Jadi ini *double standard*. [Tepuk]

Kita mahu supaya ia juga dipanjangkan kepada Ahli Yang Berhormat di sini. Jadi saya harap Timbalan Menteri boleh *pressure* AirAsia ini untuk memberikan keistimewaan juga kepada kami. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat di atas maklumat tersebut, saya akan mengambil maklum pandangan Yang Berhormat dan saya akan panjangkan kepada syarikat tersebut untuk memastikan bahawa *equal treatment* dapat diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Sebagai tambahan Yang Berhormat, untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, sebenarnya dua orang pemimpin ataupun Pengarah CEO AirAsia, salah seorang telah cuba hendak berjumpa saya, dah tulis surat dan dia bagi dia punya tarikh temu janji, sebelum tarikh berkenaan saya dah tunggu, dia pula menukar tarikh itu. Ini bermakna saya minta beritahulah Yang Berhormat Timbalan Menteri, jangan anggap AirAsia ini – dia agak Ahli Parlimen meliputi juga Ahli Dewan Negara, tidak ada bezanya. [Tepuk] Oleh yang demikian, saya minta pengurusan AirAsia ini prihatin sedikit, jangan pula dia yang menentukan tarikh, dia tukar ikut kehendak hati dia sahaja, *have respect to the House*, dengan izin. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya berkongsi pendapat dengan Tuan Yang di-Pertua dan saya akan menyampaikan perkara ini kepada pihak kementerian dan saya berharap satu tindakan yang segera dapat diambil untuk menyelesaikannya. Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak tambah lagi, saya dengar dalam Dewan Rakyat hari itu sibuk juga, kalau AirAsia punya pentadbiran dah maju, janganlah bersikap angkuh, dan minta mereka beri pertimbangan dan jangan apabila buat temu janji, dia pula yang menentukan, dia tidak dapat pergi ke sana pergi ke sini dan dia diam sahaja. Saya hendak perkara ini direkodkan, saya minta Yang Berhormat sendiri beritahu yang berkenaan. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil tindakan terhadap perkara ini...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Teruskan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah ada membangkitkan berkaitan dengan sistem pengangkutan awam yang lebih berintegrasi. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) pengangkutan awam, kerajaan telah mengenal pasti lima inisiatif bagi memastikan sistem pengangkutan awam kita yang lebih berintegrasi. Inisiatif yang pertama ialah berkaitan dengan mewujudkan Integrated Terminal yang telah pun diwujudkan dan telah pun siap di Tasik Selatan dan sedang dalam pembinaan iaitu ITT Gombak.

Kedua kita juga sedang mewujudkan Inter Urban Transport Terminal iaitu yang diwujudkan di Puduraya, Hentian Putra dan juga Integrated Urban Transport Terminal di Pasarama Kota ataupun dahulunya dikenali sebagai Bus Stand Klang.

Ketiga IUTT ini adalah bertindak sebagai terminal bas jangka sederhana. Selain daripada itu kita juga mewujudkan dan mengintegrasikan sistem pengangkutan awam. Dalam perkara ini, kerajaan sudah bersetuju menggunakan Touch n' Go sebagai platform bagi menyeragamkan tiket yang merupakan salah satu rungutan yang sentiasa dikemukakan oleh ramai Ahli Yang Berhormat.

Keempat, kita juga mengintegrasikan stesen-stesen LRT iaitu Stesen LRT Masjid Jamek, Stesen LRT KL Sentral, Stesen LRT Hang Tuah dan juga Titiwangsa. Integrasi ini sedang dilakukan bertujuan untuk memastikan aliran penumpang bagi laluan LRT ini dengan lebih cekap, selamat dan pantas.

Selain daripada itu, kita juga akan mewujudkan Hentian Akhir Bandar ataupun Bigger Bus Stop di 12 lokasi di seluruh – khususnya di Lembah Klang dan terakhir kita juga mewujudkan Park n Ride di 14 Stesen LRT Komuter iaitu kemudahan Park n Ride ini mengintegrasikan di antara kenderaan peribadi, ... kepada pengangkutan rel. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum juga, selain daripada projek-projek tersebut, kerajaan juga sedang melaksanakan projek LRT sambungan Ampang-Kelana Jaya sejauh 35 kilometer yang akan berjalan dalam masa yang terdekat ini, dan juga rancangan melalui Economic Transformation Programme (ETP) yang sedang dicadangkan dan akan dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat iaitu pelaksanaan Projek MRT.

■ 1720

Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok ada membangkitkan berkaitan dengan jumlah stesen baru LRT yang akan dibina. Untuk makluman Yang Berhormat kita akan membina 13 stesen LRT bagi laluan Ampang - Putra Height, *extension line* dan juga 13 stesen bagi laluan Kelana Jaya Putra Height, dan bagi MRT Sungai Buloh – Kajang yang dicadangkan, walau pun belum dimuktamadkan tetapi rancangan untuk membina 43 stesen.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, tidakkah Kementerian bercadang untuk menyambung LRT ke Zoo Negara, kerana di sana ramai pelancong daripada luar negeri kadang-kadang menghadapi masalah kerana tidak ada pengangkutan awam ke Zoo Negara. Jadi tidakkah kementerian bercadang untuk menyambung LRT ke Zoo Negara? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat. Saya tidak begitu pasti tentang rancangan tersebut. Apa yang kita lihat ada satu rancangan yang sedang dibuat oleh kerajaan untuk laluan Sungai Buloh ke Kajang laluan MRT yang sedang dicadangkan untuk dilaksanakan. Saya tidak pasti sama ada laluan ini akan melalui Zoo

Negara. Walau bagaimana pun saya akan mengambil maklum untuk disampaikan kepada pihak-pihak yang berwajib.

Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok juga ada membangkitkan mengenai jumlah letak kereta yang terdapat di stesen LRT dan komuter. Jumlah yang sedia ada adalah lebih kurang 6,200 petak dan juga langkah-langkah bagi untuk menyelesaikan masalah kekurangan tempat letak kereta di stesen LRT dan komuter, kerajaan memang sedang dalam proses melalui NKRA, membina 7,000 tempat letak kereta tambahan di semua stesen kereta api dan komuter di Lembah Kelang.

Saya berharap, dengan pembinaan ini akan dapat memberikan kemudahan kepada pengangkutan awam di negara kita kerana seperti mana kita tahu kerajaan sedang berhasrat untuk meningkatkan kecekapan pengangkutan awam kita ke tahap yang memuaskan sekurang-kurangnya 25% pada tahun 2012.

Yang Berhormat juga ada membangkitkan berkaitan dengan kelebihan dan kekurangan *inter-change* IT Bandar Tasik Selatan. Untuk makluman Yang Berhormat Integrated Terminal Bandar Tasik Selatan sememangnya mempunyai kemudahan untuk mengintergrasikan pelbagai mod pengangkutan rel dan bas khususnya bas ke Selatan dan ia akan menjadi hab pengangkutan selain terminal sedia ada di Putrajaya dan juga IT Gombak yang sedang dibina. Jumlah letak kereta di IT Bandar Tasik Selatan akan disediakan dalam 1,000 petak. Itu sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya terdapat yang belum dibangkitkan....

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri, saya ada

Tuan Yang di-Pertua: Ini yang terakhir ya? Terakhir?

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Ya. Saya ada bangkitkan persoalan mengenai dengan di bawah Kementerian Pengangkutan, berkenaan pembinaan MRT. Mungkin sudah banyak disebut di luar Dewan, tidak dijawabkan di dalam Dewan ini. Ini kerana saya sebutkan di situ, bagaimana prasarana ini menelan belanja begitu besar, diberikan hak yang begitu besar kepada Gamuda MMC itu. Sedangkan saya nyatakan, projek RM36 bilion ini, dibandingkan LRT yang hanya kos di bawah RM8 bilion pun masih belum mendapat pulangan modal.

Jadi saya tanyakan persoalan itu, kerana dalam persidangan Dewan ini sebelum ini, empat bulan yang lalu, disebut tidak ada langsung perancangan untuk mengadakan MRT di Malaysia dan diberikan pantun, mendengar guruh di langit, air tempayan dicurahkan. Akan tetapi sekarang memang benar-benar dilaksanakan, sedangkan SPAD sendiri belum lagi memberikan laporan komprehensif tentang urusan pengangkutan awam darat ini. Jadi saya minta penjelasan atau pun komen daripada Kementerian Pengangkutan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri. Untuk makluman Yang Berhormat, memang kerajaan sebelum ini, projek MRT ini sebenarnya adalah projek yang telah dibuat, inisiatif yang dibuat melalui *Economic Transformation Programme* dan kita percaya projek ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kapasiti pengangkutan awam di negara ini, seperti mana yang kita tahu ia telah pun di tahap yang begitu rendah *on the declining rate* kepada lebih kurang 11% dan kita berhasrat untuk meningkatkannya ke satu tahap yang memuaskan kerana kita tahu bahawa jalan-jalan raya di negara kita semakin sesak. Setiap tahun tidak kurang hampir satu juta kenderaan yang didaftarkan dan ini telah menimbulkan banyak masalah khususnya kepada orang ramai dari segi kesesakan dan tidak ketidakselesaan. Oleh sebab itu sistem pengangkutan awam ini adalah satu inisiatif yang penting khususnya di *greater* Kuala Lumpur kerana kita tahu bahawa di *greater* Kuala Lumpur terdapat lebih kurang lima juta penduduk yang menjadi pengguna kepada sistem pengangkutan ini.

Oleh sebab itu, bagaimanapun walau pun pada apa yang saya diberitahu bahawa pelaksanaan projek ini adalah dilaksanakan melalui *open tender* dan walau pun MMC Gamuda akan terlibat sebagai rakan pelaksana projek ini, tetapi yang penting di sini ialah kerana MMC Gamuda khususnya adalah merupakan syarikat tempatan mempunyai pembinaan LRT kerana seperti mana yang kita tahu bahawa Syarikat Gamuda ini khususnya pernah melaksanakan kerja-kerja terowong yang melibatkan pembinaan LRT di Kaohsiung Taiwan dan atas pengalaman sebegini dan juga pembinaan *Smart Tunnel*, itu juga dibina oleh Gamuda.

Oleh sebab kebolehan inilah maka mereka diberikan peluang, tetapi bagi kerja-kerja yang lain ia diberikan *open tender*. Akan tetapi saya ingin nyatakan di sini bahawa kita haruslah berpandangan positif terhadap projek ini kerana seperti mana yang kita tahu bahawa Kuala Lumpur menjadi sebuah kota kosmopolitan, bukan sahaja digunakan untuk penduduk-penduduk tempatan di kawasan *greater* Kuala Lumpur tetapi juga pelancong-pelancong yang datang.

Saya lihat bahawa negara kita masih lagi ketinggalan dalam bidang pengangkutan awam, berbanding dengan bandar-bandar lain. Kalau Yang Berhormat dapat berkunjung ke bandar-bandar utama, kita tidak payah pergi ke Eropah tapi dekat dengan negara kita, seperti Singapura, Hong Kong, Taiwan, malah negara China, negara komunis pun, mereka melaksanakan sistem pengangkutan LRT, MRT dan juga *high speed rail* ini dengan pelaburan yang begitu banyak. Misalnya, mereka telah membina laluan *high speed train*, *bullet train* daripada *city to city* daripada Shanghai ke Beijing dan juga Guangzhou ke Wuhan, baru-baru ini telah pun mencatatkan rekod yang luar biasa.

Saya pernah menaiki satu *high speed rail* daripada menghubungi Beijing ke Tianjin yang hanya memakan masa 30 minit iaitu satu perjalanan yang menggunakan kelajuan hampir 350km sejam. Jadi ini adalah kemajuan-kemajuan yang telah berlaku dalam negara-negara yang lain. Kalau kita tidak buat sekarang, *we still have to do it later because* kita punya *population*

expending dan kesesakan akan bertambah. Kita tidak ada pilihan lain, kalau kita *delay*, kita akan menelan belanja yang lebih banyak.

Soal pembiayaan itu akan dibuat oleh Bank Negara dan EPU akan membuat kajian cara bagaimana untuk membiayai projek ini dan kita haruslah memberikan sokongan dan *respective of political view* kerana ini akan memberikan kebaikan kepada negara kita. Percayalah kerana negara-negara lain telah pun banyak melakukannya. Negara-negara Eropah, mereka telah pun ada sistem MRT mungkin lima, enam dekad yang lalu. Mungkin ini dan hari ini ianya merupakan satu sistem yang *viable* untuk kepentingan rakyat. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sebelum itu saya ingin merakamkan dan mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri sendiri, hadir. Ini satu petanda dan keprihatinan beliau, dan Dewan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan berharap ramai lagi menteri-menteri mengikut teladan yang dibuat Yang Berhormat Menteri ini, dipersilakan Yang Berhormat.

5.29 ptg.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kami daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat menghormati semua Ahli Dewan Negara terutama Tuan Yang di-Pertua [*Tepuk*]

■1730

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membuat ucapan penggulungan, bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa kemalangan di Cameron Highlands yang begitu mengerikan. Kami berdoa supaya *insya-Allah* roh-roh mereka itu akan dicucuri rahmat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pelbagai perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2011.

Kementerian amat menghargai segala pandangan, saranan, cadangan serta teguran khususnya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat, Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumar, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi, Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn, Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Yeow Chai Thiam.

Pada keseluruhannya isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat meliputi isu berhubung peningkatan penyertaan wanita dalam bidang ekonomi, bantuan kepada ibu tunggal, bantuan kebajikan di Sarawak, pengiktirafan kepada warga emas dan Program Satu Azam di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara bagi isi berpendapatan rendah. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat, pengupayaan ekonomi wanita merupakan antara agenda-agenda yang menjadi fokus kerajaan khususnya di bawah kementerian saya. Ini kerana kerajaan percaya bahawa pelaburan ke atas wanita adalah pelaburan yang paling bijak dengan izin, *investing in women is smart economics*.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Untuk mencapai hasrat tersebut, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan menasarkankan peningkatan daripada 46.4% penyertaan wanita dalam tenaga buruh kepada 55% pada tahun 2015. Selain itu, Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA) turut memberikan fokus pada peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga buruh negara. Antaranya memberikan fokus pada langkah-langkah untuk menyediakan graduan wanita untuk memasuki pasaran pekerjaan dalam sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang ekonomi direalisasikan melalui langkah-langkah yang dibuat oleh pelbagai agensi kerajaan yang terlibat ataupun dengan izin, *multi-sectoral approach*. Dalam hal ini, Kementerian Sumber Manusia misalnya telah mengubah peraturan kerja separa masa ataupun *part time regulations* yang memberikan fleksibiliti dan beberapa faedah bagi kerja secara separa masa dan dipermudahkan - dengan izin Tuan Yang di-Pertua, peraturan kerja separa masa yang memberikan fleksibiliti dan beberapa faedah bagi kerja secara separa masa memudahkan proses pencarian peluang pekerjaan melalui portal JobsMalaysia. Program bekerja dari rumah seperti *home working* dan *teleworking* turut diperkenalkan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Selain daripada itu, untuk menggalakkan wanita menceburi bidang perniagaan, bantuan kewangan disediakan melalui pelbagai skim bantuan yang disediakan misalnya oleh agensi kerajaan seperti Skim Pembangunan Francais Wanita di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, skim bantuan khas untuk usahawan wanita di bawah SME Corporations, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Sehingga Disember 2008, sejumlah RM111.26 juta telah diluluskan oleh SME Corporations di bawah skim bantuan khas untuk usahawan wanita kepada 1,576 buah syarikat milik wanita.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pula terus memberikan fokus pengupayaan ekonomi wanita dengan menjalankan program peningkatan kemahiran wanita dalam bidang keusahawanan. Di bawah inisiatif NKRA misalnya yang diterajui oleh kementerian iaitu isi rumah berpendapatan rendah seramai 4,993 orang usahawan wanita telah berjaya dilahirkan dengan kerjasama Amanah Ikhtiar Malaysia. Ada dalam kalangan mereka

telah berjaya mencipta pendapatan sehingga dan melebihi RM3,500 sebulan. Manakala program latihan kemahiran keusahawanan yang sedia ada di bawah Jabatan Pembangunan Wanita seperti Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal, Jejari Bestari, IQnita dan Pengurus Kediaman diteruskan.

Secara keseluruhannya, seramai 30,777 orang wanita telah berjaya dilatih dan mereka mampu menjana pendapatan sama ada dengan menjalankan perniagaan sendiri ataupun mendapat pekerjaan dengan kemahiran yang telah diperolehi. Bagi tahun 2011, *insya-Allah* kerajaan yang telah memperuntukkan sejumlah RM30 juta bagi meneruskan program-program pengupayaan wanita termasuklah pemerikasaan ekonomi wanita. Melalui inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan bagi menggalakkan wanita bagi menceburi bidang keusahawanan, pada tahun 2009 16% ataupun 82,911 daripada bilangan *enterprise* kecil dan sederhana (SMEs) adalah *enterprise* yang dimiliki oleh wanita di mana 89.5% adalah dalam sektor perkhidmatan, 7.5% dalam sektor pembuatan dan 3% dalam sektor pertanian.

Berhubung dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Puan Usha Nandhini mengenai perancangan kementerian untuk meningkatkan bilangan wanita yang menyertai i-Kids, suka saya memaklumkan bahawa JPW telah diperuntukkan untuk tahun 2011 sejumlah RM4 juta untuk melaksanakan Program i-Kids tersebut Rancangan Malaysia Kesepuluh. Dengan peruntukan tersebut, Program i-Kids di peringkat negeri dapat diperluaskan untuk semua wanita bagi memastikan lebih ramai terutamanya ibu tunggal mendapat manfaat.

Berhubung dengan isu cuti bersalin secara *flexible* tertakluk pada maksimum 30 hari sepanjang perkhidmatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati, suka dimaklumkan kementerian menyatakan bahawa kerajaan merupakan majikan kepada paling ramai pekerja wanita. Data Jabatan Perkhidmatan Awam menunjukkan terdapat seramai 315,166 orang pekerja wanita pada tahun 2009. Ini tidak termasuk polis, tentera dan guru. Daripada bilangan ini, seramai 213,325 orang adalah dalam kumpulan umur antara 18 tahun sehingga 40 tahun yang berpotensi untuk mengambil cuti bersalin ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam meminta kerajaan mengkaji semula kadar bantuan bagi ibu tunggal dan menaikkan kadar tersebut. Yang Berhormat turut mencadangkan kerajaan menyediakan dan mengemas kini garis bantuan kepada ibu-ibu tunggal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan pelbagai skim bantuan kebajikan kepada golongan yang memerlukan termasuklah ibu tunggal berdasarkan kriteria kelayakan yang ditetapkan dan tidak berdasarkan status seorang pemohon.

Antara skim bantuan kebajikan yang boleh dipertimbangkan untuk semua ibu tunggal yang memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan termasuklah skim bantuan kanak-kanak, skim bantuan negeri, skim bantuan orang tua, skim elaun pekerja cacat dan skim bantuan geran pelancaran untuk membolehkan mereka memulakan perniagaan kecil-kecilan. Kadar bantuan kebajikan sentiasa dikaji berdasarkan keadaan ekonomi semasa.

Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati juga turut menyarankan untuk mewajibkan potongan EPF dan SOCSO daripada bekas suami bagi meringankan beban ibu tunggal dan anak-anaknya dan menubuhkan Yayasan Ibu Tunggal dan Yayasan Anak Angkat. Dalam hal ini kementerian berpandangan saranan ini adalah baik untuk menjamin kebajikan wanita dan anak-anak. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu diteliti dengan mendalam sebelum sebarang cadangan mengenainya diperakukan oleh kementerian dan kerajaan.

Di samping itu, saya ingin tekankan kepada semua pihak yang memainkan peranan masing-masing dan memelihara kebajikan wanita dan anak-anak. Bagi pihak kementerian dan kerajaan, saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada semua orang perseorangan, NGO dan juga *civil society* yang telah pun menjalankan banyak kerja kemasyarakatan dan kebajikan untuk kumpulan sasar kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung telah membangkitkan isu sama ada pegawai kebajikan turun padang kerana masih ramai rakyat Sarawak miskin. Kerajaan komited menangani isu kemiskinan di kalangan golongan berpendapatan rendah di seluruh negara termasuklah di Sarawak.

■1740

Bagi memastikan golongan isi rumah berpendapatan rendah tidak terpinggir atau tercicir daripada Jaringan Keselamatan Sosial kerajaan, pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa mengamalkan konsep turun padang yang menjadi rutin kerja pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat terutama bagi mengesan dan menjalankan siasatan ke atas semua kes yang dirujuk untuk mendapat bantuan.

Program pendampingan sosial atau dengan izin, *social outreach* melalui Program Unit Khidmat Penyayang turut dijalankan bagi mengesan golongan yang memerlukan bantuan. Di peringkat umbi, beberapa jentera sama ada melalui kementerian mahupun NGO-NGO, Ahli-ahli Yang Berhormat dan pemimpin-pemimpin tempatan turut bantu mengesan kes-kes yang memerlukan bantuan.

Untuk makluman Yang Berhormat, JKM juga dibantu oleh kakitangan sambilan di bawah Projek CARI bagi mengesan kes-kes bantuan. Atas keprihatinan terhadap kebajikan golongan yang berpendapatan rendah, saya ingin maklumkan bahawa pada 17 Disember ini, kerajaan telah bersetuju untuk menyambung perkhidmatan seramai 543 orang kakitangan sambilan ini bagi tempoh setahun lagi termasuklah 115 orang di Sarawak untuk membantu semua pihak terutama pegawai dan kakitangan di JKM untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan.

Selain daripada itu, kementerian juga telah menyerahkan peruntukan sejumlah RM40 juta kepada Kerajaan Negeri Sarawak pada 12 Julai 2010 yang memberi manfaat kepada seramai 24,313 ketua isi rumah miskin iaitu mereka yang berpendapatan RM830 ke bawah di Sarawak dan miskin tegar yang berpendapatan RM520 ke bawah di Sarawak yang berdaftar di bawah senarai e-Kasih di Sarawak.

Kementerian juga sedang mengedarkan sebanyak 9,093 bakul nutrisi iaitu makanan yang berkhasiat kepada penerima yang berdaftar dalam senarai e-Kasih di bawah ICU Jabatan Perdana Menteri dari kategori miskin tegar. Manakala 3,453 set uniform telah diagihkan kepada pelajar-pelajar di dalam senarai Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin dan sejumlah 8,467 unit tilam dan bantal diagihkan kepada penerima yang memerlukan di bawah skim 1 Azam pelaburan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya dua soalan. Pertama, berkaitan dengan 90 hari waktu ibu bersalin diberi cuti. Saya ingin tanya kepada pihak kerajaan, setakat ini berapa ramai penjawat awam wanita yang telah pun memohon cuti bersalin selama 60 hari? Adakah setakat ini dengan pelaksanaan cuti 60 hari itu menjejaskan aktiviti kerajaan sehingga kita tidak boleh membenarkan lanjutan masa 90 hari sekarang ini diberi pilihan? Maknanya kita masih lagi beri opsyen. Jadi kalaulah 60 hari pun telah diambil semua penjawat wanita yang berkahwin, mungkin saya rasa itu rasional tetapi pada masa sekarang saya rasa tidak ramai. Saya pohon sekiranya ada fakta dengan Yang Berhormat Menteri.

Kedua, berkaitan dengan data e-Kasih. Data e-Kasih ini sudah lama dibuat tetapi jumlahnya asyik berkembang dan tidak pernah ada kata putus penamatnya berapa. Jadi saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah sebarang alternatif lain dibuat selain daripada dibuat pemantauan – mungkin di bawah JPM dan juga di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat – ada tidak kemungkinan kita selaraskan data e-Kasih ini terus *direct* di bawah Jabatan Pendaftaran Negara? Bererti, jika dilaporkan kematian kepada mana-mana suami, secara automatiknya data anak-anak serta pasangannya akan dapat masuk ke data e-Kasih ini supaya masalah pendaftaran bertindan ini dapat diselesaikan dalam jangka masa yang lebih singkat. Saya mohon pandangan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, ICU menjadi pangkalan utama untuk pengutipan semua data mengenai semua ketua isi rumah dan ahli rumah yang miskin tegar, miskin dan mudah miskin. Jadi, semua data daripada semua kementerian dan agensi termasuklah – misal kata daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan juga Jabatan Pendaftaran Negara, semua informasi yang ada dan bantuan yang telah diberikan dimasukkan ke dalam *database* yang diselenggarakan oleh ICU.

Oleh sebab itu, sistem e-Kasih ini diletakkan di bawah penyelenggaraan Jabatan Perdana Menteri dengan harapan bahawa sebaik-baiknya pengutipan dan pengumpulan data ini akan di bawah pengawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dengan harapan bahawa data ini adalah data yang terbaik.

Namun begitu, saya hendak maklumkan bahawa untuk program-program di bawah NKRA seperti mana yang kita tahu, data untuk mereka yang miskin tegar, miskin dan mudah

miskin adalah satu data yang dinamik dan progresif. Ia sentiasa menghadapi perubahan daripada miskin tegar – apabila kita sudah bantu, ia akan turun masuk kepada *basket* miskin misal kata. Kita sudah bantu daripada miskin, ia turun kepada *basket* mudah miskin. Jadi dengan izin, *it is always evolving – the numbers will be changing*.

Akan tetapi yang mustahaknya, di bawah program NKRA, kita memberi bantuan secara *headcount* dan ia bukan rambang lagi. Misal kata, yang diserahkan kepada kementerian untuk kita semua jaga dengan izin, *4-4-6-4-3 numbers* yang diberikan kepada kita. Okey, dalam masa setahun kita mesti beri tumpuan kepada keluarga ini untuk membantu keluaran mereka daripada kepompong kemiskinan. Jadi apa yang cantik dan indah mengenai program NKRA ini adalah *headcount* yang kita buat dan ICU melalui e-Kasih, mereka mempunyai semua maklumat yang diperlukan.

Akan tetapi saya percaya bahawa sepertimana sistem yang lain, kita sentiasa mesti memperbaikinya. Saya harap bahawa pada tahun akan datang, mungkin saluran data-data yang diberikan kepada ICU akan lebih mantap lagi daripada apa yang ada pada hari ini.

Bagi menjawab tentang cuti bersalin ini Yang Berhormat, sepertimana Yang Berhormat tahu, bahawa pihak kementerian sebelum mendapat keputusan ini, kita memikirkannya dengan panjang. Ini kerana dalam isu cuti bersalin ini, ia ada dua *argument*. Ada yang pro cuti bersalin lama dan ada yang tidak bersetuju. Kebanyakan majikan tidak setuju tetapi secara umumnya, oleh sebab kita pun membuat beberapa program, bengkel dan kita berbincang dengan semua pihak – sebab, kita kerajaan adalah majikan yang terbesar dan kita berhati-hati. Ramai daripada pegawai dan kakitangan kerajaan adalah wanita dan sepertimana yang saya katakan tadi, ramai daripada mereka ini adalah di bawah kumpulan produktif.

Maka dengan itu, modul ini dipersetujui – modul 90 hari ini daripada 30 hari cuti sebelum ini – kerana apabila kita lihat – kementerian berpandangan bahawa pemberian fleksibiliti cuti bersalin 90 hari ini tertakluk kepada kelayakan maksimum 30 hari sepanjang perkhidmatan atau bagi tiga kelahiran adalah wajar dan berpatutan dengan mengambil kira kadar kesuburan (*fertility rate*) dengan izin pada hari ini iaitu 2.2 dan purata bilangan anak dalam sesebuah keluarga ialah 3.3. Maknanya lebih kurang tiga atau empat anak. Jadi, kita ambil *average* itu. Saya rasa percaya bahawa dengan keputusan ini, kita tidak akan menjejaskan perkhidmatan sepertimana Yang Berhormat sendiri pun rasa bimbang.

Sebelum keputusan ini dibuat, pihak kementerian telah berbincang dengan semua pihak terutama Kementerian Pelajaran – misal kata – kerana ramai daripada guru-gurunya adalah wanita dan Kementerian Kesihatan pula ramai daripada dengan izin, *nurses* mereka adalah wanita. Jadi saya pun kuarir juga bagaimana dengan perkhidmatan. Akan tetapi *Alhamdulillah*, ada satu sistem yang telah diolah oleh Ketua Setiausaha Negara dan saya percaya bahawa apabila ia diimplementasikan pada Januari ini – kita belum lagi dapat faedah daripada polisi ini,

tetapi saya percaya bahawa dengan sistem yang telah disediakan, *insya-Allah* tidak akan ada gangguan dalam perkhidmatan kerajaan yang diberikan kepada rakyat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Chai Thiam mencadangkan supaya kerajaan memberikan elaun atau insentif kepada golongan warga emas berumur 70 tahun ke atas bagi menghargai sumbangan-sumbangan golongan ini dalam pembangunan negara. Kementerian melalui JKM menyediakan Skim Bantuan Orang Tua dengan kadar RM300 sebulan kepada warga emas berdasarkan kepada kriteria dan kelayakan yang ditetapkan.

Pada masa ini, kementerian belum lagi mempunyai sebarang cadangan bagi menyediakan skim bantuan kepada warga emas yang berumur 70 tahun ke atas bagi menghargai sumbangan mereka. Namun begitu, kepada mereka yang layak, silalah hubungi Jabatan Kebajikan Masyarakat dan *insya-Allah*, jika didapati layak, mereka akan dapat bantuan RM300 yang telah pun kita peruntukan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

■1750

Tuan Yang di-Pertua di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara, bagi meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah, antara program yang diberikan tumpuan adalah Program 1AZAM yang mengandungi empat komponen teras iaitu AZAM Kerja, AZAM Tani, AZAM Niaga dan AZAM Khidmat. Program 1AZAM ini ditawarkan kepada ketua isi rumah dan ahli isi rumah...

Datuk Akbar bin Ali: Mohon mencelah Yang Berhormat Menteri, boleh?

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Boleh tidak / habiskan yang ini.

Datuk Akbar bin Ali: Okey.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Tanpa mengira kaum dan jantina untuk mendapatkan latihan yang dibangunkan melalui program penempatan pekerjaan, peluang pertanian dan perniagaan agar mereka keluar daripada kepompong kemiskinan tegar sebelum berakhir tahun 2010. Boleh tidak saya habiskan dengan 1AZAM dan *I will* beri laluan? Konsep utama Program 1AZAM ialah kebajikan produktif ataupun *productive welfare* dengan izin. Inisiatif 1 AZAM lebih ditumpukan kepada pemberian sumber ekonomi untuk membolehkan golongan berpendapatan rendah menjana pendapatan dan seterusnya dapat berdikari dan terkeluar daripada kepompong kemiskinan.

Program 1AZAM akan dipantau secara berterusan dan kajian impak akan dilaksanakan dalam tempoh enam bulan selepas peserta menjalankan projek untuk melihat keberkesanan dan kejayaannya. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ini kalau Yang Berhormat Menteri minta belum cakap lagi pun saya sudah setuju. Apa yang sudah cakap dan belum cakap pun saya setuju. Pertama tahniah Yang Berhormat Menteri atas segala usaha yang telah dibuat dan saya sudah pernah kata di bidang *judiciary* saya cukup gembira kerana tahap kemajuan begitu tinggi dari segi penyertaan wanita,

terutama di peringkat *judicial commissioner*. Apa yang saya hendak katakan Yang Berhormat Menteri, dari segi membantu golongan yang kurang bernasib baik dengan bantuan RM300 sebulan sebagai contoh, saya nampak memang berkesan.

Cuma saya hendak menarik satu perhatian daripada dua perkara yang saya hendak tanya. Golongan OKU Yang Berhormat Menteri, saya pun sudah maklumkan Yang Berhormat Menteri, misal kata orang yang akibat diabetes kena potong kaki dan tangan dan memerlukan gantian *artificial limb* ini. Jikalau dahulu di bawah pendekatan *decentralization* dengan izin, mereka memohon dalam masa tiga bulan dapat. Sekarang agaknya dasar itu sudah berlaku anjakan paradigma kepada *centralization* dan ini telah menyebabkan daripada tiga bulan, sudah lebih enam bulan pun tidak dapat. Boleh tidak Yang Berhormat Menteri lihat dalam konteks GTP, '*Rakyat Didahulukan*' melihat semula perkara ini.

Kedua, kemiskinan adalah pada saya mengikut definisi mungkin sebahagian daripada gejala sosial dan ia harus dilihat secara berintegrasi yang mana boleh melepasi gejala-gejala sosial yang lain termasuklah misal kata melepak dan sebagainya kerana miskin rumah tidak cukup bilik, jadi mereka melepak. Soalan saya, kalau belum wujud, bilakah akan diwujudkan *database* tentang penyakit gejala sosial supaya kita memahami magnitudnya dan dengan ini mudah di *address* isu ini, dengan izin. Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau tidak salah saya Yang Berhormat seorang *statistician*, ya. Oleh sebab itu soalan-soalan Yang Berhormat selalu tepat statistik yang diberi dan kalau Yang Berhormat ada dalam Dewan ini saya sudah tahu Yang Berhormat akan memberi perhatian kepada isu-isu seperti ini. Saya ucapkan terima kasih kerana kedua-dua isu yang Yang Berhormat bawakan dan tentang alat gantian ini dan juga gejala sosial adalah dua isu Yang Berhormat telah berbincang dengan saya dan pegawai-pegawai. Kita sudah mendapat maklum balas daripada Yang Berhormat.

Pertama, memang betul apa Yang Berhormat kata perlu ada anjakan paradigma terutama daripada PLPP Bangi kita, di mana perlu ada program *decentralization*. Apabila Yang Berhormat kemukakan kepada saya masalah itu, saya cepat-cepat mengemukakannya kepada Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan bertanya mengapa perkara ini berlaku. Sebenarnya mengikut *standard operating procedure* yang ada pada hari ini ialah untuk menentukan kualitinya. Itu adalah di antara sebab mengapa semuanya mesti melalui di PLPP.

Akan tetapi saya hendak maklumkan bahawa mungkin masanya sudah tiba untuk kita *decentralize* dengan izin, pada masa yang sama kita mesti *maintain* kualiti yang ada. Sebenarnya perkara ini boleh berlaku dan *alhamdulillah* Ketua Pengarah daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat telah pun mula. Apabila perkara ini berlaku, Yang Berhormat sudah semestinya tahu bahawa Yang Berhormat adalah di antara mereka yang telah menentukan bahawa anjakan paradigma ini berlaku.

Kedua tentang *database*. Yang Berhormat bertanya juga bukan sahaja di dalam Dewan tetapi kepada saya juga, mengapa tidak kita mungkin melalui Institut Sosial Malaysia. Kita mula untuk mengumpul data dengan secara terperinci dan juga secara keseluruhan. Maknanya semua data-data tentang gejala sosial ini diletakkan ataupun kita mesti berusaha supaya Institut Sosial Malaysia mempunyai data-data supaya melalui – dengan izin, *base of the data* kita bolehlah menjalankan program-program yang ada.

Saya juga sudah bincang tentang perkara ini, walaupun di ISM kita mempunyai *collection* data yang agak baik tetapi memang bukan menyeluruh. Ada setengah data kita dapat kumpul dan ada setengah data *it is on demand*. Maknanya misal kata kita hendak tahu pendaftaran macam mana dan kita nanti akan menghubungi agensi berkaitan untuk memohonnya.

Akan tetapi saya juga sudah bawa isu ini kepada Ketua Setiausaha Kementerian dan pihak ISM akan mengambil tindakan seperti mana yang disyorkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat kerana kami di kementerian kita memang suka dengar maklum balas dan idea-idea yang bernas seperti ini. Ini kerana apabila kita dapat idea yang bernas seperti ini, yang profesional, kita juga dapat mengimplementasikan di agensi kerajaan. Saya rasa ini adalah pakatan atau *smart partnership* yang begitu baik sekali. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat mencadangkan kerajaan memberikan insentif atau elaun kepada wanita bekerja yang menghantar anak ke taska. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah pun memberikan subsidi yuran asuhan taska sebanyak RM180 sebulan bagi seorang anak kepada penjawat awam yang berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000 sebulan dan menghantar anak mereka ke taska di tempat kerja sektor awam. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh kementerian, sehingga kini baru 144 orang kanak-kanak sahaja yang mendapat manfaat subsidi yuran pengasuhan taska ini.

Jadi kita perlu lebih ramai ibu bapa menggunakan kemudahan yang diberikan oleh kerajaan. Selain daripada itu, subsidi yuran pengasuhan taska sebanyak RM180 sebulan bagi seorang anak yang juga diberikan kepada keluarga yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM2,000 sebulan di kawasan bandar dan RM1,200 di luar kawasan bandar yang menghantar anak mereka ke taska komuniti. Seramai 651 orang daripada keseluruhan 831 orang kanak-kanak telah mendapat subsidi yuran taska yang tersebut.

Yang Berhormat juga mencadangkan supaya taska diwujudkan di seluruh Projek Perumahan Rakyat Termiskin. Dalam hal ini kerajaan mengambil perhatian serius akan cadangan Yang Berhormat. Sehingga kini sebanyak 36 buah taska komuniti telah ditubuhkan termasuklah di PPR seperti di PPR Kerinchi misalnya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung bertanyakan sama ada kes pembuangan bayi semakin berkurangan dan apakah program atau aktiviti yang dilakukan untuk

menanam kesedaran kepada ibu bapa akan kesalahan buang bayi? Untuk makluman Yang Berhormat, statistik daripada pihak polis menunjukkan jumlah kes pada tahun 2008 ialah sebanyak 102, untuk tahun 2009, 79 kes dan sehingga November 2010 sebanyak 86 kes.

Antara program dan aktiviti yang dilakukan untuk mewujudkan kesedaran kepada ibu bapa berkaitan kesalahan buang bayi termasuklah pelaksanaan program advokasi, pencegahan dan menjalankan kempen-kempen yang bersesuaian. Kementerian melalui LPPKN menganjurkan beberapa kursus kemahiran ibu bapa seperti *Smart Start* dan juga Modul Kasih. Program ini berbentuk pencegahan di mana ia memberi kesedaran serta meningkatkan kemahiran keibubapaan mengenai peranan dan tanggungjawab mereka terhadap anak-anak.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga telah mewujudkan perkhidmatan Talian Nur 15999 yang beroperasi 24 jam, tujuh hari seminggu sejak 5 Disember 2007 bagi membolehkan orang awam mendapatkan khidmat nasihat serta membuat aduan berkaitan isu-isu kebajikan, kemasyarakatan termasuklah isu buang bayi.

■1800

Saya sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat atas pandangan, saranan dan teguran Yang Berhormat...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya dalam perbahasan saya pun ada menyentuh mengenai penderaan seksual kaum Penan, akan tetapi tidak dijawab. Akan tetapi saya boleh ulang sekali lagi iaitu sehingga sekarang tidak seorang pun tidak dibawa ke mahkamah mengenai kes ini, walaupun ada beberapa laporan dan tulisan di surat khabar. Akan tetapi sehingga kini mereka masih menunggu. Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Terima kasih Yang Berhormat kerana mengambil berat tentang isu ini. Sebab kita di dalam kerajaan terutama dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kita pun mengambil berat. Saya sendiri pun telah turun ke Sarawak untuk bersama-sama dengan sekumpulan daripada komuniti kaum Penan dan bersama-sama mereka untuk memahami dengan lebih masalah yang mereka hadapi.

Bersama-sama saya apabila saya turun untuk bersama-sama dengan kaum Penan ini saya bawa bersama-sama wakil daripada pihak NGO, pihak polis dan beberapa agensi yang lain. Di antara masalah yang kami di kementerian dimaklumkan ialah kerana di dalam penyiasatan yang dibuat polis masih menyiasat mengikut mereka. Akan tetapi salah satu daripada masalah yang dihadapi ialah kerana tidak ada saksi. Mungkin salah satu daripada sebabnya adalah sebelum seorang itu boleh di *charged* dengan izin, mesti ada beberapa prosedur dan prosesnya. Saya sudah minta kepada pihak polis bahawa walau apa juga masalah yang mereka hadapi mereka dengan izin, *must never give up*.

Saya harap bahawa mereka akan terus lanjutkan penyiasatan supaya mana-mana daripada ahli komuniti dan keluarga kaum Penan yang menghadapi *sexual exploitation* ini akan dapat dihadapkan ke mahkamah dengan secepat mungkin nanti, *insya-Allah*. Maka dengan itu saya ucapkan terima kasih kepada semua...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Yang Berhormat Menteri, satu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tunggu untuk saksi - saya ingat kita tidak boleh dapat saksi. Saya cadang bahawa tengok *circumstantial evidence* dengan DNA dengan cara-cara begini, saya harap ini digunakan. Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Terima kasih Yang Berhormat, saya akan bawa cadangan ini pada Tan Sri IGP sendiri untuk mereka mengambil tindakan yang selanjutnya. Terima kasih pada semua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan yang bernas dan tepat, sehingga ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sama ada isu itu sudah dijawab atau belum. Tahniah sekali lagi. Minta Kementerian Belia Dan Sukan untuk menjawab. Sebelum itu Dewan Negara sekali lagi mengalu-alukan dan terima kasih atas kesudian dan keprihatinan Yang Berhormat Menteri datang sendiri untuk menjawab. *[Tepuk]*

6.03 ptg.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, terutamanya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang sudi mengambil bahagian dan menimbulkan beberapa perkara yang berkaitan dengan kementerian kami. Terdapat lima Yang Berhormat telah bangun dan mengambil bahagian khusus kepada hal-hal yang berkaitan belia dan sukan. Daripada kelima-lima Yang Berhormat ini, tiga Yang Berhormat menyentuh tentang belia dan dua Yang Berhormat menyentuh tentang sukan.

Saya suka untuk menyimpulkan kesemuanya. Yang Berhormat Dr. Malasingam telah menimbulkan perkara-perkara yang berkaitan dengan soal Rakan Muda, khususnya tentang jawatan penggerak Rakan Muda yang telah berjalan beberapa tahun tetapi dihentikan pada tahun ini. Sukacita saya maklumkan Rakan Muda adalah satu daripada program di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang melibatkan anak-anak muda antara usia 15 tahun hingga 25 tahun sebagai permulaan bagi mereka untuk bergerak dan menjalankan aktiviti sebelum mereka terlibat dengan persatuan-persatuan belia. Untuk memudahkan perjalanannya sebelum ini kementerian telah menyediakan penggerak Rakan Muda setiap kawasan Parlimen.

Akan tetapi pada tahun lepas kerana terdapatnya masalah kekurangan bajet, belanjawan akibat daripada kemelesetan ekonomi dunia berlakunya pemotongan bajet dan penggerak-penggerak Rakan Muda yang diambil sebagai mereka yang diberikan jawatan kontrak adalah antara mereka yang dihentikan kerana jawatan mereka bersifat sementara, bersifat kontrak. Namun begitu, keadaan agak pulih pada tahun ini. Pada tahun akan datang *insya-Allah*, kita akan memikirkan semula sama ada melantik kembali penggerak Rakan Muda sebagaimana yang

pernah dibuat sebelum ini, ataupun kita akan memikirkan satu kaedah baru. Apakah kita akan mengambil di kalangan aktivis belia untuk menjadi penggerak, pembantu kepada bukan sahaja kepada kegiatan Rakan Muda, akan tetapi juga kepada kegiatan-kegiatan belia yang lain.

Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff yang menunjukkan keprihatinan kepada kementerian. Beliau kata saya berkongsi dengan beliau. Belia adalah satu golongan yang penting untuk dibangunkan, akan tetapi bajet yang diperuntukkan kepada Kementerian Belia dan Sukan agak kecil. Antara yang kecil dan mungkin kecil kalau dibandingkan dengan beberapa jabatan dalam kementerian-kementerian lain.

Namun begitu, saya ingin maklumkan ini tidak bermakna bahawa kerajaan tidak menganggap belia itu adalah satu kumpulan yang penting. Kita sedar bahawa kalau didefinisikan dalam Malaysia ini yang dimaksudkan belia ialah mereka yang berusia antara 15 tahun hingga 40 tahun. Jumlah mereka lebih kurang 12 juta orang iaitu kira-kira 41% daripada penduduk kita. Kalau kita gunakan iktiraf pentakrifan *United Nation* atau Bangsa-bangsa Bersatu mungkin sedikit, kerana usia Bangsa-bangsa Bersatu ialah sehingga usia 24 tahun. Akan tetapi kalau kita ambil daripada jumlah 15 tahun hingga 40 tahun, jumlahnya 12 juta - dari segi peratusan 41 juta. Kenapakah dari segi bajetnya kira-kira hanya 1% daripada keseluruhan. Sudah tentulah ramai yang menganggap ini satu perkara yang tidak begitu seimbang.

Akan tetapi sebenarnya kalau dilihat, seluruh program kerajaan yang berkaitan dengan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi itu adalah semuanya berkaitan dengan pembangunan belia. Begitu juga dengan Kementerian Pertahanan misalnya, bajet yang besar misalnya dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang melibatkan perbelanjaan antara RM400 hingga RM600 juta setahun. Ini juga adalah besar. Ini adalah antara program yang dahulunya dilihat program-program latihan menaikkan semangat patriotisme dan sebagainya, yang dikaitkan dengan Kementerian Belia dan Sukan akan tetapi sebahagiannya telah dilaksanakan di dalam kementerian lain.

Ini tidaklah bermakna kita simpulkan bahawa dengan dilihat bajet yang ada di kalangan Kementerian Belia dan Sukan yang begitu kecil, ertinya kerajaan tidak memberikan perhatian yang besar kepada golongan belia. Jadi sebab itulah berdasarkan kepada peruntukan yang ada, Kementerian Belia dan Sukan sukacita untuk memainkan peranannya lebih dalam pembentukan kerja-kerja bersifat koordinasi - *coordinating ministry* bersama dengan kementerian-kementerian lain yang berkaitan dengan pembangunan belia. Misalnya tahun ini buat pertama kalinya ditubuhkan Jawatankuasa Kabinet mengenai pembangunan belia. Mesyuarat yang kedua diadakan pada pagi tadi.

Antara lainnya membincangkan hasil daripada perbincangan yang mendalam di kalangan anak-anak muda kita di dalam makmal transformasi belia yang mengemukakan pelbagai perkara yang melibatkan pelbagai kementerian. Ini kerana yang menganggotai Jawatankuasa Kabinet mengenai pembangunan belia ini adalah 12 kementerian kesemuanya

dan Kementerian Belia dan Sukan adalah sebagai kementerian yang mengkoordinasikan kementerian-kementerian yang lain. Jadi mungkin dilihat bajetnya kecil, akan tetapi kalau peranan mengkoordinasikan itu adalah besar, maka dirangkumkan dengan semua bajet yang diberikan kepada kementerian lain, sebenarnya apa yang dapat digerakkan untuk kepentingan belia adalah sangat besar sekali.

Saya terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Muhammad Olian bin Abdullah yang menimbulkan tentang soal Orang Asli.

■1810

Saya terima ini sebagai satu pandangan bahawa kegiatan belia di kalangan Orang Asli secara formal dan tidak formal tidak begitu boleh dibanggakan. Melalui Kementerian Belia dan Sukan misalnya kita gerakkan beberapa program melalui penubuhan kelab-kelab Rakan Muda Desa Wawasan di mana 26 kelab ada di kawasan-kawasan Orang Asli. Pada tahun ini hanya tujuh program diadakan dan *insya-Allah* kita berjanji akan menambahkan lagi program-program untuk mereka.

Insya-Allah saya akan berbincang dengan pihak Majlis Belia Malaysia kerana mereka juga mencadangkan supaya diadakan Majlis Belia Orang Asli. Melalui Majlis Belia Orang Asli akan menggabungkan pelbagai persatuan-persatuan belia Orang Asli dan mereka dapat mengemukakan bukan sahaja pandangan program mereka yang perlu diberikan perhatian yang lebih besar oleh pihak kementerian. Kami akan terus bekerja dengan agensi lain termasuk Jabatan Orang Asli dan sebagainya.

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim yang banyak bercakap tentang sukan bersama dengan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Yeow Chai Thiam yang juga menimbulkan perkara-perkara yang berkaitan dengan sukan. Di mana Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim menimbulkan apakah kita akan memberikan tumpuan sukan yang tertentu. Sudah pun ada. Sudah lama disebutkan, tumpuan Malaysia hanya kepada – setakat ini kita ada beberapa sukan teras, yang dipanggil sukan teras ada 19 sukan teras.

Pertamanya, sukan teras ini berdasarkan kepada sukan yang Malaysia ada kemampuan untuk mencapai keputusan yang baik di peringkat Olimpik. Misalnya, sekarang ini Olimpik yang ada potensi sebagai contohnya, badminton, memanah. Sekarang ini kita masukkan beberapa sukan yang lain seperti basikal, seperti menembak. Hoki juga telah kita masukkan sebagai salah satu daripada acara yang dikaitkan dengan *Road to London*, dengan izin. Satu lagi yang telah menunjukkan potensi yang besar ialah bidang terjun di mana baru-baru ini kita lihat kita mendapat pingat emas di sukan Komanwel, kita mendapat empat pingat perak di sukan Asia dan lima lagi pingat gangsa di sukan Asia di mana kita tahu bahawa pingat perak di sukan Asia, kita hanya kalah di belakang penerjun China yang menjadi juara Olimpik, juara dunia. Seolah-olah kita merasakan bahawa ia hampir sama dengan pingat perak di Sukan Olimpik dan sebagainya.

Ada juga sukan-sukan lain yang kita lihat kerana saiznya rakyat Malaysia boleh pergi jauh. Sebagaimana kita kata seperti menembak, tidak ada isu dari segi saiz. Seperti boksing misalnya, ada kategori tertentu. Angkat berat ada kategori yang tertentu. Jadi, ada 19 sukan teras yang ada dalam negara kita dan sudah pun kita ada program ini.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Terlebih dahulu saya juga suka menyuarakan ucapan terima kasih di atas kehadiran Yang Berhormat sendiri untuk menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan. Juga saya mengucapkan tahniah di atas kejayaan bola sepak yang telah layak ke pertandingan *final* dalam Piala Suzuki. Kita berharap bola sepak negara akan terus berjaya dengan penubuhan akademi bola nanti.

Komen saya ialah berhubung dengan penubuhan akademi ini. Ia bersangkutan paut dengan pemilihan sukan-sukan yang telah dikatakan akan mendapat peluang untuk menang di peringkat antarabangsa. Saya hendak bangkitkan tentang sukan golf dan tenis. Kita semua tahu seperti Yang Berhormat kata tadi, oleh sebab bentuk badan kita ini, kita tidak ada kemungkinan untuk menyerlah dalam sukan seperti ragbi dan *basketball* misalannya.

Akan tetapi dalam *sport* tenis dan golf ini, yang mendapat *attraction* ataupun *attract prime-times* di CNN dan ESPN di seluruh dunia. Saya tidak faham mengapa kita tidak boleh menyerlah seperti K.J Choi misalannya ataupun Tong Chai ataupun Vijay Singh. Sungguhpun kita mempunyai kalau tidak salah sekurang-kurangnya 40 golf *courses in around* KL sahaja, dengan izin. Bahkan pertandingan yang dianjurkan baru-baru ini kalau tidak salah di dalam LPGA, pemain kita mendapat nombor 50 dan USPGA yang telah dianjurkan oleh CIMB baru-baru ini, pemain kita telah mendapat nombor yang ke belakang sekali.

Soalan saya ialah adakah kementerian membuat apa-apa? Misalannya untuk menubuhkan akademi yang betul-betul efektif terhadap dua *sport* ini supaya dalam masa 10 hingga 20 tahun yang akan datang, kita dapat *produce world class players* yang dapat kebanggaan, yang dapat laporan *prime-times* CNN, di ESPN misalannya dan menjadi kebanggaan kepada rakyat. Bayangkanlah apa *exposure* yang negara akan dapat kalau kita dapat johan dalam *British Open* ataupun *the top ten in the US Master* misalannya. Jadi, istimewa pula apabila golf ini akan dijadikan salah satu sukan di Brazil nanti dalam tahun 2016. Saya minta komen Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan yang dikemukakan. Saya berkongsi bahawa kita sepatutnya maju dalam sukan golf. Pertamanya sukan golf ialah sukan yang tidak ditentukan dengan saiz badan. Ada yang kecil seperti daripada Thailand, daripada Korea dan sebagainya. Tidaklah begitu besar kalau berbanding dengan kita

katakan, ia memerlukan saiz yang besar dan malah juara-juara besar seperti Luke Donald dan sebagainya bukanlah terlalu besar saiznya.

Saya percaya, saya juga bersetuju bahawa yang keduanya kerana di Malaysia mempunyai banyak *courses* ataupun lapangan golf. Ada 220 lapangan golf seluruh negara. Jadi, malah kalau dikira dalam – berbanding dengan negara-negara ASEAN lain, walaupun dikatakan Thailand, Indonesia terkenal dengan banyak padang golf yang cantik, orang pergi ke sana. Jumlah padang golf di Malaysia juga sebenarnya lebih banyak kalau dibandingkan dengan Thailand ataupun di Indonesia. Jadi, ini adalah satu perkara yang sepatutnya menjadi kelebihan kepada Malaysia.

Akan tetapi, ada beberapa perkara yang perlu saya maklumkan yang dikaitkan dengan soal ketidakjayaan kita. Ini kerana pertamanya, golf belum lagi dilihat sebagai satu subjek yang penting di peringkat sekolah dan sebagainya. Pembangunan pemain-pemain golf di peringkat sekolah belum lagi diberi tumpuan yang besar.

Kemudiannya ada masalah dari segi persatuan-persatuan golf. Kita ada beberapa persatuan yang masih bermasalah. Persatuan profesional golf, kita cuba untuk menghidupkannya, belum lagi di peringkat yang stabil. Akan tetapi, *alhamdulillah* sehingga sekarang ada beberapa program yang dibuat oleh persatuan amatur golf, Persatuan MALGA untuk pemain golf wanita telah menunjukkan beberapa keputusan yang baik. Program-program yang dibuat di peringkat MSN juga *insya-Allah* akan memberikan keputusan yang baik.

Kita juga melihat tentang beberapa model yang digunakan oleh negara lain, misalnya di Amerika, di Korea dan sebagainya, golf telah dilihat sebagai satu industri yang besar di mana lahirnya K.J Choi, seperti Noh Seung-Yul yang menjadi juara *Malaysian Open* baru-baru ini, usianya baru 18 tahun. Kebanyakannya lebih merupakan usaha-usaha yang ditunjukkan oleh ibu bapa mereka, bukannya sistem. Apa yang membangunkan mereka ialah ibu bapa yang membangunkan mereka. Ini juga satu perkara yang menjadikan mereka lebih berjaya.

Ini kerana bagi mereka di Korea misalnya, mereka telah melihat bahawa untuk – kalau anak mereka pergi belajar rajin, menjadi *engineer*, menjadi doktor, mungkin umur 30 tahun, 40 tahun belum tahu lagi akan jadi jutawan. Akan tetapi, mereka telah melihat nama-nama seperti Park Shin Hye, nama seperti Michele Wie dan sebagainya, pada usia yang muda mereka boleh menjadi jutawan.

■1820

Ibu bapa sanggup melaburkan masa dan wang mereka untuk mendidik anak dalam bidang golf dan sanggup memberi tuisyen peribadi dan sebagainya dalam bidang ini supaya anak mereka dapat dibangunkan, dan mereka telah memperlihatkan kejayaan pada usia 18 atau 19 tahun sudah menjadi jutawan. Jadi, mereka kaitkan golf adalah satu profesion bukan lagi sebagai sukan biasa. Oleh sebab itulah kita katakan bahawa sekiranya kita mempunyai model yang sama, di mana ibu bapa sendiri mempunyai keyakinan bahawa anak mereka boleh maju

dalam bidang golf dengan menghantar anak mereka sendiri dan membangunkan anak sendiri ianya akan menjadi lebih baik.

Sekarang ini kita sendiri melalui beberapa program, misalnya apabila PGA datang ke sini dan LPGA datang ke sini, antara program sampingan yang mereka buat ialah membina akademi mereka. Ini adalah antara perkara yang kita lihat misalnya apabila PGA Action Tour yang pertama diadakan di Asia ialah di Malaysia dan salah satu daripada pakej mereka datang ialah untuk membangunkan akademi di sini dan akademinya dibuat di The Mines. Begitu juga LPGA akan membangunkan akademinya yang diadakan di Sime Darby KLGCC, kita harapkan akan dapat dimanfaatkan oleh pemain-pemain golf kita untuk belajar di sini. Jadi, sebab itulah saya katakan bahawa ia akan mengambil masa sedikit kerana golf adalah sukan yang memerlukan ketaatan atau *precession* dan kita harapkan satu masa nanti kita akan dapat melahirkan pemain.

Begitu juga tenis kita telah menganjurkan berapa kejohanan besar tenis, tetapi kita tidak melahirkan pemain tenis yang baik. Saya setuju dan perkara ini telah diambil oleh Persatuan Lawn Tennis Malaysia. Peruntukan telah diberi oleh kerajaan untuk mereka bangunkan tenis mereka sendiri. Akan tetapi kalau kita lihat ada negara misalnya United Kingdom terkenal dengan Kejohanan Wimbledon menganjurkan Wimbledon iaitu British Open – terkenal. Pun kalau kita tanya siapakah pemain tenis wanita England yang terkenal, pun tidak ada. Pemain lelakinya mungkin ada Andy Murray, misalnya tetapi tidak pernah menjadi juara. Itu seorang dan yang lain tidak begitu menjadi juga. Jadi, kita perlu dikaitkan, ia benar penganjuran besar tidak bermakna bahawa semestinya kita ada pemain yang besar. Akan tetapi setiap kali permainan, penganjuran yang besar diadakan di sini kita akan mendapat *exposure* atau pun pendedahan Malaysia di kaca mata dunia.

Jadi, bagi kita LPGA diadakan di Malaysia, PGA untuk lelaki diadakan di Malaysia itu adalah satu perkembangan yang baik. Saya setuju dengan Yang Berhormat Senator mengatakan Malaysia telah meletakkan dirinya sebagai salah sebuah *sporting nation* atau negara bersukan dan mampu untuk menganjurkan kejohanan-kejohanan besar seperti ini. Izinkan saya Yang Berhormat Tuan Yang di-pertua untuk meneruskan. Ada beberapa perkara yang lain, yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahima tadi ialah saya telah sebutkan tentang 19 sukan teras. Beliau menyebut tentang sekolah sukan. Kita ada 15 sekolah sukan iaitu satu setiap negeri di bawah Kementerian Pelajaran. Kita ada Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Bandar Penawar. Sehingga sekarang sekolah sukan telah melahirkan banyak juara dan nama-nama seperti Pandalela Renong, Brian Nickson, dan Azizul Hasni dalam bidang basikal telah menjadi salah seorang juara dunia sekarang ini, adalah merupakan hasil daripada lahirnya sekolah sukan kita. Beliau menimbulkan tentang bola sepak, saya setuju dengan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman. Terima kasih kerana telah mengucapkan tahniah kepada Malaysia.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli menyebutkan yang kita tidak begitu berjaya dalam bidang bola sepak. Saya akui bahawa ranking negara dalam bidang bola sepak masih rendah berbanding dengan ASEAN yang lain. Thailand dan Indonesia lebih baik daripada kita. Dahulu kita pernah kalah dengan Laos dan sebagainya. Kita rendah daripada Singapura, tetapi *alhamdulillah* sejak akhir-akhir ini kita katakan bahawa kemajuan telah dilihat. Misalnya tahun lepas Malaysia telah menjuarai mendapat Pingat Emas Sukan SEA di Laos. Ini adalah satu perkara yang baru. Satu sejarah telah lama, dan yang terakhir pada tahun 1990 kita telah dapat. Di luar Kuala Lumpur begitu lama sekali. Terakhir, 1990 ketika Sukan SEA di Kuala Lumpur. Baru-baru ini di Sukan Asia kita berjaya masuk pusingan kedua. Ini pun sejarah dan telah lama.

Terakhir, kita melihat dalam Piala AFF Suzuki yang dahulu di panggil Tiger Cup. Kita berjaya masuk peringkat akhir menentang Indonesia. Jadi, saya serulah Ahli-ahli Yang Berhormat semua ramai-ramai pergi ke sana dan beri sokongan. Tidak perlu minta tiket percuma. Kita beri sumbangan kepada FAM dan sebagainya untuk memberi sumbangan kepada pemain kita. Malahan ramai orang tanya, kalau menang berapa banyak kerajaan mahu beri ganjaran. Saya kata ada kerajaan beri, tetapi saya minta supaya rakyat pun memberi sumbangan janji. Oleh sebab itu ada satu Program Aku Janji bersama dengan Persatuan Penulis Sukan. Syarikat-syarikat swasta kalau di bawah KBS menjanjikan RM5,000 seorang kerana mahu ikut sama taraf sebagai mana kita beri kepada pemenang pingat emas di peringkat Sukan SEA. Kalau beri lebih nanti orang kata tidak adil kepada sukan lain. Akan tetapi dengan program itu telah banyak syarikat menawarkan - saya sanggup. Janji RM1,000 seorang. Maknanya 22 orang pemain dia menjanjikan RM22,000 kalau menang.

Sekarang ini telah banyak memberikan dan saya percaya ia akan menjadi modul baru di mana juara ataupun mereka yang melonjakkan nama negara melalui sukan ini di mana rakyat akan memberikan sokongan dan sumbangan. Individu pun ada yang menyumbangkan RM100 seorang. Maknanya untuk 22 orang ada yang mahu berikan, 25 orang termasuk *coach*, RM2,500 sanggup beri. Jadi, saya suka sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat pun termasuk dalam golongan yang sudi memberi sumbangan kepada pemain-pemain bola sepak dengan menjanjikan bahawa ini adalah suatu yang dimahukan oleh rakyat Malaysia, maruah negara kalau pemain sanggup dcederakan, letih, sanggup berlatih, jaga makan dan sebagainya. Kita sanggup memberi sumbangan untuk memastikan maruah negara dalam bidang sukan bola sepak akan terus naik.

Akhir sekali Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Yeow Chai Thiam ada menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan kemudahan sukan di peringkat MASSA. Disebutkan tentang kemudahan sukan di Kampung Baru misalnya. Perlu dimaklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan tidak mampu untuk menyediakan semua kemudahan sukan untuk seluruh negara. Ini kerana setiap kampung mahukan padang bola sepak. Satu padang bola sepak kosnya lebih kurang RM400,000 hingga RM500,000 dan tidak semua ada tanah. Kalau di Kuala

Lumpur mahukan tanah sebesar padang bola sepak tidak mampu. Apabila dibuat pada musim hujan berlaku soal *maintenance*, perparitan bawah tanah, dan sebagainya. Ia kos yang tinggi.

Oleh sebab itu program yang dibuat ialah membuat projek, membina gelanggang-gelanggang serba guna ataupun gelanggang futsal dipanggil sekarang ini di seluruh negara. Program yang dibuat ialah membuat dua gelanggang futsal bagi setiap DUN. Jadi 1,220 telah dibina ataupun ada beberapa sahaja yang belum siap lagi telah dibina di seluruh negara. Antaranya 10 daripada di kampung-kampung baru sebagaimana yang disebutkan oleh Senator kenapa Kampung Baru tidak diberi? Ada 10 kampung baru mendapat bekalan ataupun pembinaan gelanggang futsal ini.

Namun begitu, kita mengharapkan kerajaan negeri, kerajaan tempatan, dan sebagainya turut membantu dalam membina kemudahan-kemudahan sukan seperti ini. Bola keranjang kerajaan ada memberi sumbangan di bawah Program Cabaran 2007 hingga 2010 di bawah MSN telah menyumbang sebanyak RM2.6 juta di samping bantuan pentadbiran kepada setiausaha eksekutifnya. Petronas ada di bawah Program Rakan Sukan menyumbang sebanyak RM1 juta setahun daripada tahun 2010 hingga tahun 2015. Petronas juga ada membantu Persatuan Bola Keranjang Malaysia dalam kontrak selama 15 tahun, sekarang ini juga kita lihat berapa syarikat swasta AirAsia misalnya menaja ASEAN Basketball League (ABL), di mana ada kelab KL *Dragon* dan sebagainya. Ini adalah merupakan satu perkembangan yang baik di dalam pembangunan sukan bola keranjang dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih banyak...

■ 1830

Datuk Maijol Mahap: Yang Berhormat Menteri saya mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datuk Maijol.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada kementerian dan juga kepada Yang Berhormat Menteri di atas keprihatinan. Sekarang ini kita memang nampak bahawa kemajuan sukan begitu ketara sekali. Saya juga terima kasih kerana Yang Berhormat Menteri sentiasa prihatin dan saya juga terlibat dalam sukan bertindak sebagai Pengurus Pasukan Badminton Malaysia. Di mana kami seperti Sukan Komanwel, Sukan Asia dan kejohanan-kejohanan antarabangsa yang lain saya nampak beliau selalu datang berjumpa dengan kontinjen negara bersama-sama dengan semua atlet memberikan semangat kepada kami semua. Demikian juga timbalan beliau Yang Berhormat Timbalan Menteri Tuan Gan Ping Sieu ada juga bersama-sama kami ketika di New Delhi, Sukan Komanwel ketika *final* badminton, Yang Berhormat Timbalan Menteri Tuan Gan Ping Sieu bersama kami dan kami mendapat empat *gold* di dalam sukan badminton.

Apa yang saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ialah dengan pembangunan sukan kita di negara ini. Dahulunya kita mempunyai sistem yang diolah oleh kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan di mana kita membuat ataupun menubuhkan pusat-pusat latihan melalui Majlis Sukan Negara di seluruh negara. Hampir kesemua daerah

mempunyai pusat latihan sukan dan melalui pusat ini peruntukan diberikan kepada *coaches* dan juga kemudahan sukan, gelanggang, *shuttlecock* dan sebagainya bagi badminton. Akan tetapi setelah itu dua, tiga tahun selepas itu kita nampak bahawa ada perubahan pembangunan sukan di peringkat daerah ini diambil alih oleh Kementerian Pelajaran.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Dari situ saya nampak bahawa ada perubahan dalam segi kemajuannya yang saya nampak. Jikalau dahulu penglibatan begitu baik oleh semua atlet-atlet peringkat muda yang dibuat oleh persatuan sukan peringkat daerah tetapi sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, kami tidak nampak begitu. Pertama kami tidak nampak apa aktiviti-aktiviti yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran atau Jabatan Pelajaran di peringkat daerah, apa aktiviti atau program dibuat untuk menaikkan atau membangunkan sukan di peringkat daerah.

Kedua ialah amat ketara sekali bahawa tidak ada koordinasi yang dibuat di antara Jabatan Pelajaran ini dengan persatuan-persatuan sukan baik di peringkat daerah dan juga di peringkat negeri. Jadi oleh kerana itu kerjasama itu tidak ada, tidak ada koordinasi. Persoalan seterusnya ialah bagaimana pula dengan bakat-bakat yang kalau ada pun yang dikenal pasti apa seterusnya bagi mereka ini. Adakah ia terus dibuat, dipantau, dididik dan dilatih oleh jurulatih-jurulatih dari Kementerian Pelajaran ini ataupun nanti apabila dia mencapai umur 15 tahun, ada peningkatannya maka diserahkan kepada persatuan sukan peringkat daerah atau negeri atau kebangsaan. Saya tidak tahu. Jadi di situ ada kesinambungan itu tidak berapa ketara, tidak jelas maksud saya.

Saya merasakan bahawa sistem yang dahulu itu lebih baik. Sistem yang dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara kerana peningkatannya juga, hasilnya itu adalah lebih ketara dalam pemikiran saya. Apa yang penting ialah kita mahu perbanyakkan pemain-pemain muda di peringkat *base* seperti piramid yang atas itu adalah *elite players*, *elite athletes* tetapi di bawah piramid adalah dia punya *base* itu adalah bakat-bakat baru yang telah dicungkil. Jadi kita mahu perbanyakkan yang di *base* piramid itu untuk membolehkan kita mendapat sumber pemain-pemain atlet yang berkualiti di masa akan datang.

Kedua saya ingin minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai dengan kesan sekolah sukan ini, Sekolah Sukan Bukit Jalil memang baik. Melalui sekolah ini seperti Sekolah Sukan Bukit Jalil dan juga Sekolah Sukan Bandar Penawar, Johor dan juga negeri lain memang menjadi sumber atlet negara. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri memang banyak atlet yang berjaya hasil daripada latihan diperolehi di sekolah sukan tersebut.

Akan tetapi dalam masa yang sama saya perhatikan bahawa kesan negatifnya mungkin kecillah tetapi ia tetap ada ialah mengenai dengan apakah nanti harapan atlet-atlet yang di luar daripada sekolah sukan ini. Jangan lupa bahawa ada lagi bakat-bakat yang lebih baik di luar sana, di luar daripada sekolah ini tetapi tidak berkesempatan untuk mewakili negeri, tidak

berkesempatan untuk mewakili negara kerana mereka di luar sistem sekolah sukan ini. Jadi adakah harapan bagi mereka? Bagaimana kita masukkan mereka ini ke arus sukan negara ini supaya mereka juga mempunyai peluang untuk mewakili negara atau berlatih untuk mewakili negara. Saya nampak bahawa mereka-mereka yang baik dalam sukan ini apabila tidak terpilih masuk sekolah sukan maka rasa kecil hati lalu *give up*, lalu dia tidak lagi meneruskan minatnya dalam sukan dan hilang begitu sahaja, maka ini satu kehilanganlah bakat untuk sukan kita.

Terakhir saya minta penjelasan mengenai dengan penglibatan swasta. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa memang banyak swasta yang telah memberikan sumbangan sebagai *sponsor*, penaja persatuan-persatuan sukan adalah baik sekali. Akan tetapi bagaimana kita boleh memperbanyakkan lagi ini sebab saya tahu bahawa banyak persatuan yang ingin maju tetapi oleh kerana tidak ada dana yang mencukupi, tidak ada syarikat yang ingin *sponsor* untuk menaja maka program mereka tidak boleh sampai ke mana.

Jadi saya rasa usaha kita untuk memperbanyakkan, meningkatkan lagi minat syarikat-syarikat ini untuk membantu persatuan-persatuan sukan perlu dipertingkatkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya dipersilakan. Saya ada nampak, ada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus dan Yang Berhormat Senator Datuk Nor Hayati. Biar Yang Berhormat Menteri jawab dahulu selepas itu agaknya dua ini sahaja, cukuplah itu. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Majid di atas soalnya. Saya ucap tahniah juga kepada badminton di mana Yang Berhormat Senator sendiri secara langsung terlibat dan telah membuahkan keputusan yang baik walaupun tidak memenuhi hasrat rakyat di Sukan Asia tetapi menjadi antara penyumbang terbesar di Sukan Komanwel.

Dalam sejarah, tahun ini di Sukan Komanwel negara telah mencatatkan jumlah pingat emas yang terbaik 12 dan juga di Asean Games di Guangzhou negara juga mencatatkan rekod yang terbaik sebanyak sembilan emas dan ini pencapaian sukan negara. Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada atlet-atlet para *games* kita yang baru habis di sukan Para Games Asean di Guangzhou mendapat sembilan emas lebih pada sasaran lapan dan saya rasa sama-sama kita rakamkan ucapan tahniah kepada atlet para *games* kita di sana.

Jadi saya setuju tentang ada beberapa perkara yang perlu kita lihat kembali tentang model yang kita gunakan sebelum ini atau yang sekarang. Dahulunya kita katakan bahawa pembangunan sukan di peringkat daerah dan sebagainya dimainkan oleh sekolah dan juga dimainkan oleh persatuan-persatuan di peringkat tersebut. Sekarang ini kita lihat bahawa ada program di peringkat kerjasama kita dengan Kementerian Pelajaran misalnya dengan adanya sistem sekolah sukan, setiap negeri ada sekolah sukan dengan mengambil mereka yang dilihat berbakat di peringkat awal lagi untuk dihantar ke sekolah sukan sebagaimana disebutkan tadi

ada 15 di peringkat negeri, ada Sekolah Sukan Bukit Jalil, ada Sekolah Sukan Bandar Penawar dan sebagainya.

Akan tetapi soalnya apakah mereka yang tidak pergi ke sana bagaimana untuk dicungkil. Antara sebab kenapa perlunya ada sekolah sukan ini kerana perkara ini telah menjadi sebahagian daripada perkara yang telah dilihat sebelum ini ialah tentang apabila kita ingin menggalakkan anak-anak kita bersukan misalnya sekarang ini Kementerian Pelajaran telah menyatakan dasar baru ialah untuk setiap pelajar satu sukan.

■1840

Tetapi apabila dikatakan semua pelajar hendak bersukan, apakah kita mempunyai cukup jurulatih dan hendak tanya siapakah hendak jadi jurulatih? Banyak yang tanya bahawa di sekolah tidak cukup jurulatih kerana banyak cikgu adalah cikgu perempuan dan tidak banyak cikgu perempuan yang sudi untuk berada di tengah panas misalnya menjadi jurulatih.

Jadi ini antara sebabnya kenapa kita katakan sebelum ini okey, kalau sekolah tidak mampu maka diberikan pengkhususan sekolah-sekolah yang tertentu di mana sekolah sukan terbina di sana diberikan supaya pelajar yang berbakat di peringkat awal akan dapat di sana. Hendak kata ia tidak berkesan, saya setuju bahawa kesannya banyak. Apa yang kita lihat sekarang ini bahawa kemajuan sukan negara tidak lagi bergantung kepada satu dua sukan. Dahulunya kalau kita kata Malaysia hendak dapat pingat di Sukan Komanwel orang tanya, apa dia yang dapat? Boleh sebut badminton satu tetapi sudah pelbagai sekarang apabila disebutkan sembilan, sudah ada gimnastiknya, sudah ada terjun, sudah ada bidang bowling dan sebagainya, sudah banyak sekarang ini dan sebahagian besar mereka itu mendapat didikan daripada sekolah sukan, kesannya ada.

Jadi saya setuju kalau dilihat model bagaimanakah untuk bangunkan mereka yang tercicir di peringkat daerah dan sebagainya. Perkara ini kita akan bincangkan kembali dengan Kementerian Pelajaran walaupun sekarang ini sudah kita ada beberapa program misalnya badminton ada 16 pusat latihan negeri di seluruh negara, kita sudah ada, Jawatankuasa Kemajuan Sukan di peringkat negeri ada, di peringkat kebangsaan pun ada untuk melihat perkara ini secara terperinci.

Tentang penaja, kita setuju bahawa sukan adalah bukannya murah. Ia memerlukan penajaan, menganjur penajaan untuk membangunkan atlet adalah mahal dan kita perlu ramai yang terlibat dengan penajaan. Kerajaan tidak boleh hendak tampung semua malahan negara yang menggunakan modal segala-galanya kerajaan seperti China sekarang pun sudah berubah kepada modal seperti di Amerika.

Di Amerika melihat sukan bukannya sebagai satu aktiviti semata-mata untuk mendapatkan medal tetapi ia menjadi satu industri. Negara seperti Amerika misalnya ia tidak ada kementerian sukan, negeri seperti Jepun tidak ada kementerian sukan, negeri seperti Korea tidak ada kementerian sukan, negara seperti Philippine misalnya tidak ada kementerian sukan

tetapi sukan mereka boleh membangun dengan begitu baik kerana mereka sudah melihat sukan sebagai industri.

Kalau dilihat bahawa *baseball* adalah merupakan satu sukan yang diminati ramai, orang tubuh kelab dan kelab akan buat stadium dan minta pinjaman buat stadium. Dia kutip wang daripada tiket, dia jual hak siaran dan dia mendapat keuntungan dan keuntungan itu dibayar kepada pemain-pemain, mereka buat akademi kepada pemainnya dan pemainnya bayar duit kepada kerajaan melalui cukai.

Ertinya negara-negara maju menggunakan modal sukan sebagai satu industri. Mereka pemain itu akhirnya membayar kepada kerajaan, bukan kerajaan bayar kepada mereka. Misalnya orang tanya berapakah Kerajaan United Kingdom atau England membantu kepada kemajuan sukan kelab Manchester United, itu tidak ada. Bagaimana, berapa banyak kah kerajaan membantu untuk membangunkan Akademi Bola Sepak Everton misalnya, tidak ada.

Akan tetapi mereka membantu kerajaan dengan hasil mereka melahirkan pemain-pemain dan pemain itu dijual, *tax* nya diberi kepada kerajaan. EPL itu adalah merupakan satu syarikat besar di mana 20 kelab-kelab yang bermain itu sebagai pemegang sahamnya dan mereka mendapat keuntungan yang besar. Ertinya kerajaan di situ adalah terlalu minimum dan antara perkaranya kerana mereka melihat bahawa syarikat-syarikat swasta datang kerana melalui sukan mereka akan dapat menonjolkan jenama-jenama mereka dengan cara berkesan.

Nama seperti AIG misalnya menaja pemain Manchester United dianggap lebih menguntungkan bagi AIG untuk menaja daripada membeli iklan selama 1 jam setengah untuk ditonton oleh 600 juta penonton. Lebih murah mereka menaja seperti ETIHAD nama seperti Emirates dan sebagainya lebih murah mereka untuk menaja. Jadi dia ada kesannya kerana kalau pemain sukan itu dapat menjadikan dirinya sebagai model yang ditonton oleh orang ramai, penaja akan datang.

Sebab itu Petronas sanggup menaja Michael Schumacher misalnya kerana nama Petronas akan lebih masyhur selepas itu. Jadi ini juga perkara yang perlu kita lihat di dalam model sukan kita ialah sukan bukan sahaja dilihat dari segi kesihatan, sukan dilihat dari segi mengeluarkan medal untuk negara tetapi sukan sebagai suatu industri dan ini juga model yang sedang dibangunkan oleh kementerian sekarang. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: [*Bangun*]

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus dahulu dan selepas itu baru Datuk Nor Hayati.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri pertama kerana menyengajakan untuk datang ke Dewan Negara ini. Kedua saya ucapkan tahniah kerana semangat yang berkobar-kobar dan perancangan yang begitu komprehensif untuk memajukan sukan.

Akan tetapi di sebalik tahniah saya itu Tuan Yang di-Pertua, ada sesuatu yang rasanya terbuku di kalbu dan terkilan di hati iaitu kementerian ini Yang Berhormat adalah Kementerian Belia dan Sukan. Sepanjang huraian lebih setengah jam Yang Berhormat berikan saya rasa rujukan kepada pembangunan belia terlalu sedikit kalau ada.

Oleh kerana itulah saya ingin bertanya apakah aganya perancangan kementerian untuk memastikan bukan sahaja sukan terbangun tetapi juga terbangun? Dalam membentangkan bajet ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekalu Menteri Kewangan menyebut bajet ini digubal dengan penuh keazaman untuk mendukung perubahan besar kepada kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat.

Proses transformasi ini dilaksanakan secara holistik meliputi aspek ekonomi, sosial dan politik. Dalam perbahasan saya terhadap ucapan bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri ini saya menyebut juga peri perlunya diberi perhatian terhadap aspek *psychocultural* di samping aspek ekonomi, sosial dan politik itu.

Jadi dua serangkai soalan saya ialah pertama apakah agaknya perancangan kementerian untuk memastikan belia juga terbangun? Kedua apa input yang akan diberikan oleh kementerian dalam aspek *psychocultural* untuk melengkapkan lagi aspek ekonomi, sosial dan politik itu? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri bagi peluang bertanya agar senang Yang Berhormat jawab sekali. Silakan.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya dan rakan-rakan yang lain mengucapkan tahniah dan terima kasih di atas kesudian Yang Berhormat Menteri sendiri untuk datang menjawab soalan-soalan di Dewan Negara dan tidak ramai Menteri yang datang, saya nampak hari ini tiga sahaja, Menteri Pembangunan Wanita saya, Menteri Wilayah dan juga Menteri Belia.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah berjaya membawa turunnya Yang Berhormat Perdana Menteri untuk bersama-sama melepak dengan belia-belia di Jalan Bukit Bintang baru-baru ini untuk melihat kejohanan bola sepak di antara Vietnam dan Malaysia. Pertama kali kita lihat tanpa menghiraukan keselamatan Perdana Menteri bersama-sama melepak dekat Jalan Bukit Bintang pada tempoh dan *insya-Allah* bersama kita doakan semoga pasukan bola sepak kita akan menang di Jakarta pada 29 hari bulan ini.

Saya sebenarnya ingin juga menyentuh mengenai belia. Kita lihat ramai sudah belia balik kepada belia dengan program-program yang positif daripada Menteri Belia. Macam-macam telah dilakukan, kalau dahulu hendak melibatkan belia, kita kena keluarkan duit tetapi dengan menteri yang baru ini nampaknya sebab itu agaknya Perdana Menteri tidak bagi peruntukan yang banyak kerana dia percaya Yang Berhormat menteri boleh mendapatkan sumbangan dan juga

dana atau penaja daripada orang luar sehingga peruntukan sedikit tetapi masih aktiviti itu berjaya malah lebih berjaya daripada yang dahulu lagi.

Jadi saya ingin mengatakan dalam isu ini bahawa kita nampak ramai belia ini akan menjadi pengundi baru seramai 4 juta. Jadi apa langkah-langkah seterusnya yang dibuat oleh kementerian untuk menarik belia-beli ini supaya mendaftar sebagai pengundi, satu.

Kemudian saya juga tadi terdengar daripada Yang Berhormat Menteri mengenai sukan sebagai sebuah industri. Saya hendak tahu apa perancangan dan juga pelaksanaan kementerian dalam usaha untuk menyahut cabaran negara untuk menjadikan sukan ini sebagai sebuah industri dan bagaimana usaha ini juga boleh di dokong sama oleh kementerian-kementerian lain dan juga bekerjasama membangunkan usaha yang dilakukan oleh KBS contohnya peranan pihak media dan contoh lain juga seperti *golf tourism* yang melibatkan Kementerian Pelancongan? Terima kasih.

■1850

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus, guru saya, dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Nor Hayati. Tadi saya huraikan kerana – saya menjawab soalan. Kalau di kalangan Yang Berhormat semua tanya banyak soalan belia, sepatutnya saya akan tanya kenapakah Senator di Dewan Negara tidak begitu minat tentang belia. Hanya tiga soalan sahaja. Itu pun soalnya terlalu kecil. Jadi kalau saya hendak tanya siapa yang tidak berminat dan sebagainya, kalau daripada ucapan tidak banyak memberikan tumpuan pada belia, apakah saya hendak kata Dewan Negara tidak berminat tentang isu belia? Jadi saya bercakap tadi kerana saya hanya respons kepada soalan yang dikemukakan.

Namun begitu, saya akui bahawa apabila dikatakan bajet sedikit, bukanlah bermakna kerajaan tidak mementingkan belia. Akan tetapi kalau kita lihat pembangunan belia di sekolah – itu pembangunan belia – bajetnya besar. Di Kementerian Pengajian Tinggi, itu belia – semua pengajian belia. Daripada satu menjadi empat universiti awam, sekarang sudah ada 20 universiti awam yang menggunakan bajet daripada kerajaan yang begitu besar. Untuk bangunkan siapa itu kalau tidak bangunkan belia.

Kalau kita lihat orang nama Riat Asmad, saya ingat usianya 30-an tetapi menjadi CEO kepada pasukan Team Lotus F1 Racing. Walaupun *team* baru, belum lagi dapat menandingi *team* Ferrari ataupun Red Bulls, tetapi sudah menjadi *team* yang terbaik daripada tiga atau empat *team* yang baru masuk. Di bawahnya ada 220 orang *engineers* dari seluruh dunia dan mengemudikan pasukan ini pergi ke semua *racings* di dalam dunia misalnya. Ini satu kejayaan.

Berapa ramaikah di kalangan belia-belia kita waktu usia 30 tahun, 40 tahun sudah menjadi CEO kepada syarikat-syarikat korporat, *banking*, berada di tempat yang tinggi? Sudah ramai sekarang. Tony Fernandez misalnya, waktu usia 30-an sudah membuat sesuatu perkara yang baru di luar daripada pemikiran biasa contohnya. Ini kejayaan belia dalam negara kita.

Akan tetapi kalau kita mahu melihat yang negatif, tidak dinafikan, ada yang lepak, ada yang rempit dan sebagainya. Akan tetapi kalau dilihat di negara lain – di Amerika, *social problem* yang ada dalam negara mereka jauh lebih besar kalau dibandingkan dengan negara kita. Kalau lihat *percentage* mereka yang terlibat dalam perkara yang negatif dan sebagainya, saya rasa masih kecil kalau dibandingkan kejayaan sistem yang ada dalam negara kita keseluruhannya.

Sudah tentu kalau ditanya apa peranan yang dimainkan, peranan kami terbatas – satu, bajet terbatas dan skop kami juga kita bataskan di sini. Misalnya program usahawan belia. Saya kata kalau setakat peruntukan sebanyak RM40 juta untuk membantu semua usahawan belia, lebih baik kita serahkan kepada kementerian yang berkenaan. Kalau ada usahawan yang berminat dalam bidang pertanian, pergi ke Kementerian Pertanian. Mereka mempunyai kepakaran yang lebih untuk mendidik dan gunakan wang itu untuk mendidik belia dalam bidang pertanian. Begitu juga dalam bidang-bidang lain. Biar kementerian lain yang terbabit dan kita halakan ke sana.

Tumpuan kita sekarang ini lebih kita arahkan memainkan peranan *coordinating role* dengan izin, ataupun disebut peranan mengkoordinasi dengan kementerian-kementerian lain. Oleh sebab itulah pertama kali kita ada makmal belia dan kemudian kita ada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Belia, bersama dengan kami 12 kementerian lain yang berkaitan dengan belia. Bajet yang terbesar di Kementerian Pertahanan saya sebutkan tadi PLKN. Kesannya, kita lihat dan tengok apa yang boleh kita bantu. Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan dan sebagainya ini berkaitan dengan belia. Kementerian Sumber Manusia, sebahagian besarnya hendak cari pekerjaan juga untuk belia. Ini adalah merupakan di antara usaha yang dibuat.

Jadi fokus kita apa? Selain daripada memainkan peranan koordinasi, kita menekankan soal kepimpinan. Kepimpinan adalah satu perkara yang menjadi *key* ataupun kunci kepada pembangunan negara di masa depan. Di Amerika misalnya, kita lihat hari ini Barack Obama menjadi Presiden Amerika pada usia 47 tahun. Kalau ikut proses kita, dia hendak menjadi ketua cawangan dulu, pergi bahagian, di bahagian dia hendak bertanding MKT kah dan sebagainya. Tidak boleh umur 40 tahun hendak jadi presiden. Jadi Menteri pun susah sekarang ini kalau ikut sistem kita. Parti pembangkang lagi tidak bolehlah, balik-balik yang menjadi itu lebih tua daripada Perdana Menteri kita. Kita tengok orang nama Kit Siang, Haji Hadi, Nik Aziz – orang yang sama dari dahulu. Tidak ada peluang untuk orang muda menjadi pemimpin. Ketua pembangkang lebih tua daripada Perdana Menteri kita. Tidak ada tempat untuk orang muda.

Akan tetapi sistem kita ialah bagaimana untuk melatih orang muda untuk naik sebagaimana kita lihat trend dunia sekarang. Pergi ke United Kingdom, David Cameron jadi Perdana Menteri pada usia 44 tahun. Bila berlaku perubahan di sana, Parti Labour pun berubah, ketua dia *at mid-level* – umur 40 tahun jadi ketua pembangkang. Dia cepat untuk jadi lebih muda. Julia Gilliard, Perdana Menteri Australia, 48 tahun. Presiden Rusia umur 48 tahun.

Jadi kalau kita lihat, dunia sekarang sudah melihat bahawa orang berusia 50 tahun sudah dianggap tua. Kita masih lagi menggunakan kata 50 tahun masih muda lagi sebab waktu kita muda, kita tengok 50 tahun itu tua. Bila kita mencapai usia 50 tahun, kita kata selagi tidak 60 tahun, kita rasa muda. Bila kita 60 tahun, kita rasa – tidak ada orang yang boleh menggantikan dia, tetapi dunia sekarang sudah melihat bahawa – zaman sekarang, kepimpinan ialah orang muda.

Jadi kita lihat macam mana program di sana. Amerika tidak ada kementerian belia tetapi program – misalnya *White House Fellowship Programme*, sejak tahun 1967 – zaman Johnson. Presiden Johnson dahulu dia dah ada program *mentorship* untuk membawa orang-orang muda untuk berada di bawah mentor yang terdiri daripada tokoh-tokoh pemimpin, korporat, pemimpin negara untuk didik mereka ini, sebab pemimpin perlukan dipimpin. Macam atlet, dia perlukan jurulatih. Jurulatih itu bukan ajar *skills* sahaja tetapi pembinaan mentalnya, kesabarannya, bagaimana berhadapan dengan tekanan dan sebagainya. Begitu juga dari segi kepimpinan, dia kena belajar semua ini dan mesti ada mentornya. Kita belum ada program seperti yang saya sebutkan *White House Fellowship Programme*. Ini kita hendak tumpukan.

Kita hendak pilih bagaimana? Kita kena bantu persatuan-persatuan – mereka yang bergiat dalam persatuan. Oleh sebab itu, dalam perkara yang besar di dalam program ataupun dalam transformasi kementerian ini ialah mengubah akta belia yang lama kepada Akta Pembangunan Belia yang baru yang dibuat pada tahun 2007 dan tahun ini baru boleh dilaksanakan.

Antaranya, mensyaratkan bahawa semua persatuan belia mestilah ahlinya belia iaitu berumur 40 tahun ke bawah. Susah hendak buat, kerana pada waktu itu takrif belia, selagi dia rasa dia muda, dia boleh jadi walaupun umur 60 tahun. Akhirnya, orang muda tidak mahu. Dia kata kami dipimpin oleh orang yang tidak faham kami. Orang itu akan mengatakan bahawa saya dah lama dengan persatuan belia ini – saya tahulah – tetapi akhirnya tidak ada orang yang bersama dengan dia.

Jadi, ini antara *psycho cultural* yang ada dalam budaya kita di mana orang tua tidak mahu melepaskan jawatannya, dan baru sekarang kita katakan bahawa mahu tidak mahu, paksa bahawa persatuan belia mestilah anggotanya, pemimpinnya mesti belia – 40 tahun ke bawah. Baru tahun ini hendak bermula. Kita mesti didik mereka. Daripada sedikit persatuan, sekarang dah jadi 7,000 persatuan dan mereka didik. Selalunya mereka mengatakan bahawa kami tidak boleh – dahulunya pemimpin belia mesti Menteri, mesti Ketua Menteri, mesti Menteri Besar tetapi sekarang ini tidak ada Dato', tidak ada Tan Sri, kamu boleh memimpin. Macam mana kita hendak bantu mereka? Kalau kita katakan semuanya kerajaan bantu, berikan wang dan segala-galanya, kamu tidak latih untuk diri kamu bagaimana hidup berdikari dan sebagainya. Jadi, ini juga perkara transformasi besar yang perlu kita latih dan lalui.

Akan tetapi baru kita dapat latih yang umur 40 tahun, sekarang ini kita kena *adjust*. Mengikut definisi dunia, sebenarnya umur 40 tahun itu sudah tua. *United Nation* mengatakan belia usianya mesti bawah daripada 25 tahun. Itu peringkat kedua yang saya rasa lebih pedih yang akan dilalui oleh pemimpin-pemimpin belia. Akan tetapi, kita cuba hidup dengan cara yang sekarang dahulu dan *insya-Allah* suatu masa nanti kita hendak lihat bahawa usia 40 tahun itu bukan lagi *struggling* Tuan Yang di-Pertua untuk menjadi pemimpin persatuan belia tetapi mereka sudah berada di tahap untuk menjadi pemimpin negara. Ini yang kita perlu lihat.

■1900

Bagaimana David Cameron, dia sekarang berumur 42 – 43 sudah jadi Perdana Menteri. Sebab umur 32 tahun dia sudah jadi ketua pembangkang. Nama seperti Kevin Rudd di Australia, baru-baru ini dia kalah tetapi sebelum itu jadi Perdana Menteri usia 50 tahun. Waktu 32 – 34 dia sudah jadi ketua pembangkang. Bukan lagi dia bercakap tentang hendak jadi pemimpin persatuan belia tetapi menjadi pemimpin negara pada usia yang lebih muda. Jadi ini adalah merupakan *psycho cultural* yang mesti kita siapkan, bagaimana untuk memberi peluang kepada orang muda bukan berada dalam persatuan orang muda tetapi menjadi pemimpin negara. Itu cabaran yang terbesar.

Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati saya setuju. Pengundi! Terkejut kalau kita lihat senarai pengundi-pengundi muda di seluruh negara. Tidak banyak kawasan mengundi yang jumlah pengundi muda yang usia 21 – 40 tahun ke bawah, yang merupakan pengundi majoriti lebih daripada 50%. Kalau ada *top*, yang paling banyak, yang ada 53% kalau tidak silap saya ialah Kuala Nerus, Kuala Terengganu. Yang kedua ialah Setiu, negeri Terengganu. Yang ketiga kalau tidak silap saya Marang, negeri Terengganu. Yang keempat, kelima, keenam semua negeri Terengganu. Jadi saya ucap tahniah.

Tuan Yang di-Pertua: Pasal Menterinya dari Terengganu.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Menterinya dari Terengganu. *[Ketawa]*

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Ini program lama sudah ini. Orang muda di Terengganu lebih yakin dan mereka mendaftar. Kalau tengok patennya, Terengganu dan lepas itu nombor 10, Pekan masuk juga Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi yang paling rendah orang mudanya yang menjadi pengundi dalam Malaysia ialah Tanjong. Tanjong ialah, saya tahu siapa wakil rakyat daripada Tanjong. Tanjong, kalau tidak silap saya 27% daripada pengundi mudanya adalah Tanjong. Bukit Bintang dan Bandar Kuching yang rendah. Ini semua pembangkang. Kawasan pembangkang, yang namanya dia kata dapat menggerakkan orang muda tetapi orang muda di tempat mereka tidak berminat.

Orang muda di bandar tidak berminat untuk menjadi pengundi. Jadi kalau ditanya apa programnya, ada beberapa program yang telah dibuat. Antaranya pertama kali kita minta supaya Majlis Belia Malaysia diberikan kuasa menjadi penolong pendaftar kepada Suruhanjaya Pilihan

Raya untuk membantu menggerakkan mereka menggunakan hak mereka sebagai pengundi dan kita menggalakkan mereka untuk mendaftar.

Begitu juga dengan soal sukan sebagai industri. Ianya tidak akan berjaya pertamanya media. Saya setuju tetapi negara kita agak maju. Sekarang ini kita ada saluran-saluran swasta misalnya, Astro ada 10 kadang-kadang saluran sukan dan sudah ada saluran sukan tempatan. Cukup penting dan ia dianggap sebagai *revolutionary* kepada program sukan sebagai industri kerana penaja tidak akan menaja sekiranya mereka tidak dapat apa yang disebutkan *return of investment* ataupun pulangan daripada pelaburan mereka. Akan tetapi dengan adanya televisyen mereka taja, nama mereka terpampang, itu program penjenamaan yang mereka dapat. *Branding* kepada syarikat mereka akan dapat dibantu dengan adanya media dan sebagainya. Ini adalah satu perkembangan baru kerana televisyen kita sudah melalui proses perubahan.

Saya setuju berapa program seperti *golf and tourism*. Golf adalah dianggap sebagai satu bidang yang dikaitkan dengan sukan sebagai industri. Saya akui golf adalah merupakan bidang yang termaju dalam negara kita. Kalau tanya mana golf kerajaan? Tidak ada. Kalau ada pun mesti kelab itu tidak bagus kecuali KGPA lah kalau saya katakan tetapi kalau ditanya The Mines, KLGCC, Tropicana dan sebagainya begitu juga di negara lain. Kebanyakan yang maju sekiranya ia digerakkan sebagai industri bukannya sebagai jabatan kerajaan kerana kalau hari ini lepas hujan padang rosak kalau kerajaan hendak tunggu bajet kena mesyuarat dahulu, tunggu bajet tahun hadapan dan sebagainya sebagai industri ia akan respons dengan cepat dan sebagainya.

Perlukan *caddy*, latih *caddy* dia boleh respons dengan cepat, tidak perlu tunggu ada perjawatan, tidak ada perjawatan dan sebagainya. Jadi kita katakan bahawa sukan sebagai industri, kita berubah kepada model yang baru tetapi tidak semua bidang. Golf antara yang terbaik, boling antara yang terbaik. Kita katakan bola belum lagi. Ada campur-campur lagi tetapi ada juga bidang-bidang yang kita rasakan baik.

Terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang sudi mengambil bahagian dalam perbincangan kita dan khususnya menyebut tentang kepentingan belia dan sukan dalam negara kita. Sekian. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya mengalu-alukan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Ini pun Menteri sendiri jawab. Bagus, terima kasih.

7.05 mlm.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat anggota Dewan Negara yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar sepanjang perbincangan Rang undang-undang Perbekalan ataupun Bajet 2011. Keprihatinan dan ketelitian Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkara-perkara yang membabitkan kesejahteraan hidup dan kebajikan para warga Wilayah Persekutuan khususnya dan rakyat amnya sangat kami hargai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid telah membangkitkan isu mengenai kesesakan lalu lintas yang bakal berlaku apabila siap projek Menara Warisan Merdeka nanti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat hari ini DBKL masih belum menerima sebarang permohonan ataupun pelan-pelan cadangan mengenai projek pembangunan Menara Warisan Merdeka.

Walau bagaimanapun, sekiranya DBKL menerima permohonan kelulusan pembangunan tersebut salah satu perkara penting yang akan diberi perhatian adalah kesan lalu lintas kepada kawasan sekitar tapak projek pembangunan tersebut. Salah satu syarat untuk membangunkan skala besar ialah pemaju wajib mengemukakan Laporan Penilaian Kesan Trafik (TIA) untuk disemak dan diteliti bagi menentukan syarat-syarat yang akan dikenakan. Gambaran awal yang boleh dijangka adalah pemaju perlu menyediakan rangkaian pejalan kaki ke stesen monorel Maharajalela, stesen monorel Hang Tuah dan stesen LRT Hang Tuah. Menaikkan taraf rangkaian jalan raya di sekitar, penyediaan kemudahan tempat letak kereta yang menepati skala pembangunan dan menambah kemudahan perkhidmatan pengangkutan awam di kawasan pembangunan ini.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan membangkitkan mengenai lima persoalan mengenai jualan rumah kos rendah di bawah Program Penjualan Perumahan Rakyat, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (PPRM10) dan Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (PADBKL). Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penjualan rumah PPRM10 dan PADBKL adalah terbuka kepada semua penyewa yang layak, tidak kira sama ada mereka berketurunan Melayu, Cina ataupun India. Pihak kementerian dan DBKL tidak meletakkan sebarang kuota untuk pemilikan rumah PPR dan PA berdasarkan kaum.

Mengenai sambutan orang ramai setakat 15 Disember 2010, seramai 24,053 penyewa-penyewa telah menyatakan minat untuk membeli rumah PPR dan PADBKL. Mereka terdiri daripada 15,160 (Melayu) – 63%, Cina 4,782 – 20% dan India seramai 4,027 – 17%. Dari jumlah itu 11,908 telah bersetuju untuk menerima tawaran manakala 3,795 telah pun menandatangani perjanjian jual beli. Jadi sealiran dengan 1Malaysia mereka yang hendak membeli ini.

■1910

Berdasarkan statistik di atas penjualan rumah-rumah ini memang mengambil kira konsep 1Malaysia walaupun ini adalah penerimaan daripada mereka yang hendak beli, jadi adalah hasrat daripada rakyat sendiri. Dari segi semua yang sedang menyewa dan layak mendapat pinjaman bank akan dibenarkan membeli rumah yang mereka diami. Pasti di sesetengah kawasan sesatu kaum akan menjadi majoriti seperti di Kepong. Di mana majoritinya adalah kaum

Cina kerana penyewa-penyewa yang terdiri daripada para setinggan yang dipindahkan daripada kawasan-kawasan sekitar.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat mengenai kelewatan menyediakan pusat komuniti, surau dan pusat penjaja, dan PPR. Perkara ini berlaku kerana Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) lebih menumpukan pembinaan rumah sahaja. Ini berlaku kerana beberapa sebab antaranya kesukaran mendapat tapak sesuai dan kekurangan peruntukan kerajaan pada masa itu.

Berhubung kelewatan membina rumah kos rendah. Perkara ini sebenarnya terletak di bidang kuasa KPKT. Kementerian hanya menerima rumah yang telah siap untuk disewakan kepada orang ramai. Dalam pada itu DBKL juga merancang untuk membina rumah mampu milik di kawasan Kuala Lumpur iaitu di Kampung Semerah Padi, Kampung Pandan dan Kampung Wira Jaya, Setapak. Rumah mampu milik juga akan dibina oleh kementerian di Putrajaya. Harga yang dijangkakan adalah sekitar RM150,000 seunit.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid mengenai kekurangan tempat untuk para penjaja berniaga pada musim-musim perayaan di Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DBKL ada menyediakan banyak ruang untuk peniagaan sempena perayaan di beberapa lokasi di Kuala Lumpur. Umpamanya DBKL menyediakan sebanyak 8,509 lot di 120 lokasi untuk bazar Ramadan di waktu bulan Ramadan. DBKL juga sedang mengkaji untuk membuka lebih banyak lokasi bazar Ramadan di Kuala Lumpur pada masa akan datang. Manakala sejumlah 810 lot di 11 lokasi adalah dikhususkan untuk bazar perayaan Deepavali pada tahun 2010 yang kebanyakannya di kawasan *Little India* ataupun Brickfields.

Untuk perayaan Tahun Baru Cina penjualan barangan yang berkaitan dengan perayaan itu dilakukan di *Petaling Street*, Cheras dan Kepong. Perlu diambil kira bahawa dalam membuka lot-lot bazar untuk perayaan DBKL terpaksa memikirkan mengenai keselesaan pengguna-pengguna jalan dan orang ramai. DBKL pernah menawarkan untuk membuka bazar perayaan di Bukit Jalil namun lokasi itu dikatakan tidak sesuai dan kurang dapat sambutan oleh kerana jauh dan tidak strategik, terutama kepada mereka yang tidak mempunyai kenderaan sendiri. Berdasarkan statistik daripada bulan Januari hinggalah bulan November 2010, DBKL telah mengeluarkan sebanyak 1,506 lesen penjaja statik tepi jalan.

Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid juga membangkitkan status perbelanjaan peruntukan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama dan Kedua yang diumumkan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan I pada tahun lalu. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua, DBKL telah diperuntukkan sebanyak RM231 juta bagi melaksanakan enam projek pembangunan di Kuala Lumpur. Sehingga 16 Disember 2010 perbelanjaan terkumpul adalah sebanyak RM172.298 juta ataupun 74.59%. Kemajuan pelaksanaan semua projek adalah mengikut jadual

berdasarkan *milestone* yang telah ditetapkan dan dijangka siap selewat-lewatnya pada suku kedua 2011.

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM25 juta untuk projek membaik pulih dan menyediakan kemudahan awam di projek perumahan DBKL. Pada masa ini status projeknya adalah 98% siap, baki 2% melibatkan kerja-kerja mengecat yang giat dilakukan dan pembaikan lif yang dijangka siap pada akhir tahun. Manakala peruntukan khas sebanyak RM250 juta pula telah mencapai sasaran 96% untuk 38 kawasan perumahan sewa. Peruntukan ini menunjukkan bahawa kementerian amat mengambil berat tentang kualiti hidup dan sentiasa berusaha mengurangkan beban rakyat yang berpendapatan rendah.

Akhir sekali Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid membangkitkan isu kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur. Kementerian dan DBKL memang mengambil maklum mengenai kesesakan lalu lintas yang berlaku di kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat. iaitu berhampiran dengan lokasi Istana Negara yang baru - Jalan Tun Razak dan Bulatan Pahang. Akan tetapi penyelesaian kepada masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur perlu dilakukan secara komprehensif dan membabitkan pelbagai agensi seperti DBKL, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kerja Raya dan yang paling terbaru Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Bagi kerja-kerja pembinaan di Istana Negara di Jalan Duta, ia melibatkan pembinaan beberapa *ramp* susur masuk dan keluar. Semasa pembinaan dilakukan, sebahagian daripada lorong jalan terpaksa digunakan sebagai ruang kerja. Walau bagaimanapun, DBKL sentiasa memastikan pihak kontraktor menyediakan papan-papan tanda lalu lintas dan tunjuk arah serta tanda-tanda jalan seperti yang terkandung di dalam pelan pengurusan trafik yang telah diluluskan oleh DBKL. Kerja-kerja pembinaan dijangka siap pada penghujung bulan Februari 2011. Pengguna jalan raya diminta bersabar sehingga kerja-kerja pembinaan selesai dijalankan.

Dalam pada itu bagi menangani secara komprehensif masalah lalu lintas di Kuala Lumpur, kementerian dengan kerjasama DBKL sedang mengadakan *Lab* Pengurusan Lalulintas di Port Dickson pada masa ini iaitu daripada 20 Disember hingga 23 Disember. Ia membabitkan penglibatan pegawai-pegawai dari agensi seperti SPAD, LPKP, JPJ dan institut pengajian tinggi.

Tumpuan *lab* ini adalah kepada tiga perkara penting iaitu infrastruktur, pengurusan lalu lintas dan perundangan. Selain itu di bawah inisiatif *Greater KL / Klang Valley*, satu sistem *Mass Rapid Transport* (MRT) akan dilaksanakan bagi mencapai visi untuk mempertingkatkan *modal share* penggunaan pengangkutan awam dari 12% pada tahun atau tahun lepas kepada 50% menjelang 2020. Jadi 12% kepada 50% pada 2020. Sistem MRT ini akan diintegrasikan dengan perkhidmatan rel sedia ada iaitu KTM dan juga dengan PUTRA LRT dan STAR LRT dan juga *Monorail*.

Salah satu jalan penyelesaian jangka masa panjang terhadap masalah kesesakan lalu lintas membabitkan pembinaan rangkaian jalan kaki berbambung sepanjang 42 kilometer yang

akan dibina secara berperingkat di pusat bandar raya Kuala Lumpur. DBKL telah pun mulakan pembinaan dua laluan pejalan kaki berbumbung yang dijadual siap sepenuhnya pada suku ketiga 2011 iaitu laluan pejalan kaki berbumbung dari Berjaya Times Square ke Pavilion. Kedua, laluan pejalan kaki separa bertingkat dari Pavilion ke Crowne Plaza dan dari Jalan Sultan Ismail ke Jalan Pinang. Di bawah Bidang Keberhasilan Ekonomi Kebangsaan (NKEA), pengangkutan DBKL akan mengenal pasti dan menaik taraf *walkway* sedia ada dan rangkaian pejalan kaki tambahan.

Seterusnya Yang Berhormat Dr. Malasingam a/l Muthukumar telah membangkitkan dua perkara berkenaan dengan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

■1920

Pertama beliau menyeru agar tempat-tempat medan selera di Kuala Lumpur dinaiktarafkan serta bersih sejajar dengan pertumbuhan kedatangan pelancong. Kementerian mengalu-alukan saranan Ahli Yang Berhormat supaya ditingkatkan kebersihan dan keselesaan di tempat-tempat seperti medan selera. Usaha ke arah ini sebenarnya telah pun dimulakan dengan pembinaan medan-medan selera yang moden dan bersih di sekitar Kuala Lumpur.

Untuk makluman bagi tahun 2011, pertumbuhan penguatkuasaan akan dijuruskan kepada kebersihan dan saya telah amanahkan atau pun delegasikan kepada Timbalan Menteri saya iaitu Yang Berhormat Datuk Saravanan. Dalam pada itu sebanyak 13 buah pasar dan pusat penjaja yang dikendalikan oleh DBKL telah dicadangkan untuk dinaiktarafkan.

Keduanya, Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumar memohon agar lokasi seperti Taman Tasik Titiwangsa, Taman Tasik Perdana dan kawasan sekitarnya menyediakan kemudahan awam yang bersih dan selesa agar mencerminkan keindahan bandar raya kita. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, semua taman awam DBKL menyediakan suasana yang selamat, bersih dan selesa digunakan oleh orang ramai. Ini termasuklah kemudahan seperti tandas awam. Tandas di Taman Tasik Perdana atau sekarang dinamakan Taman Botani dan Taman Tasik Titiwangsa dibersihkan sekurang-kurangnya lima kali sehari.

Malahan di Taman Tasik Titiwangsa terdapat dua unit *automatic street toilet*, dengan izin. DBKL melalui Jabatan Kesihatan telah meningkatkan kekerapan pemeriksaan ke atas tandas-tandas awam untuk memastikan keadaan bersih dijaga dengan baik sejajar dengan status Bandar Raya Kuala Lumpur. Bagaimana pun tanggungjawab untuk menjaga kebersihan dan keindahan tempat-tempat awam bukan hanya terletak kepada kerajaan sahaja. Usaha ini memerlukan kerjasama orang ramai dari segi kesedaran sivik.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam turut mencadangkan agar kawasan-kawasan seperti Kampung Baharu dan Petaling Street dinaiktarafkan agar kebudayaan dan perpaduan kaum dapat diketengahkan bagi menyumbang kepada pertumbuhan kedatangan pelancong.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya turut mengucapkan terima kasih ke atas kehadiran Yang Berhormat Menteri. Sebelum Yang Berhormat Menteri *go to another point* sebab Yang Berhormat ada mengatakan berhubung dengan Kampung Baharu tadi, izinkan saya membuat sedikit komen berhubung dengan Kampung Baharu ini. Dalam pembentangan RMKe-10 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebutkan bahawa penubuhan Perbadanan Pembangunan Kampung Baharu akan dibuat pada awal tahun 2010.

Komen dan soalan saya ialah pertama, rang undang-undang yang berhubung kait dengan penubuhan saya difahamkan akan dibentangkan dan dibahaskan hanya dalam sesi Parlimen yang akan datang. Kalau begitu nampaknya penubuhan terpaksa ditunda sehingga pertengahan atau boleh jadi akhir tahun 2011. Nampaknya *priority* tidaklah begitu tinggi.

Keduanya, sementara menunggu penubuhan perbadanan ini, apakah perancangan kementerian berhubung dengan kerja-kerja lain yang sedang disediakan untuk memastikan pembangunan Kampung Baharu dapat dilaksanakan dengan *full commitment* daripada pihak kerajaan? Misalnya apakah *progress* yang telah dibuat di dalam penyediaan *master plan*? Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim. Berkenaan dengan Kampung Baharu, rang undang-undang bacaan pertama telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada minggu lepas. Jadi bacaan kedua dan seterusnya termasuklah di Dewan yang mulia ini akan dibuat pada Mac 2011. Seperti dijanjikan kepada rakyat dan khususnya warga Kampung Baharu, rang undang-undang itu akan dibentangkan pada penghujung tahun. Itu pihak kerajaan telah tunaikan.

Untuk penubuhan apabila rang undang-undang itu diterima pada awal tahun, saya rasa ia perlu juga sokongan yang padu daripada pemilik dan pewaris juga pemerhati Kampung Baharu. Jadi perlu ada *engagement*. Walaupun kita telah *engage* dengan pemilik dan pewaris juga peminat dan pemerhati Kampung Baharu tetapi masih banyak lagi baik dalam akhbar - pada hari ini pun ada. Juga dalam *internet* berkenaan dengan usaha pihak kerajaan untuk menubuhkan Perbadanan Kampung Baharu yang jelas mempertahankan hak dan milik khususnya orang Melayu di Kampung Baharu.

Walau bagaimana pun kita tidaklah nampak hendak begitu cepat dan bukan kita sengaja untuk melambatkan. Kalau boleh kita hendak cepat. Kalau boleh saya lebih sesuai rang undang-undang itu *disteamroll* dengan izin, pada sesi kali ini tetapi ia akan dikatakan oleh pemilik, pewaris, pemerhati dan peminat Kampung Baharu bahawa pihak kerajaan tidak mendengar pandangan-pandangan pada orang yang kita sasarkan.

Jadi dengan cara begini mereka ada masa, tiga atau empat bulan untuk menilai atau *go through*, dengan izin. Sebelum itu untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator khususnya

Dato' Haji Abdul Rahim yang telah pun bersama-sama, kita telah berkali-kali – saya sendiri pun saya rasa lebih kerap mungkin turun ke Kampung Baharu dari kawasan-kawasan yang lain dan saya lebih kerap berjumpa dengan baik persatuan-persatuan yang mewakili Kampung Baharu ataupun warga Kampung Baru itu sendiri. Akan tetapi oleh kerana sensitiviti pembangunan Kampung Baharu itu kita buat secara yang teliti. Oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu komited dan kita perlu komitmen yang sama daripada pihak yang sebaliknya, akhirnya yang membuat keputusan adalah pemilik dan pewaris Kampung Baru itu sendiri.

Memang pasukan dalam Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar begitu komited daripada Datuk Bandar, Ketua Setiausaha dan lain-lain dalam isu Kampung Baharu, mereka bersama-sama dengan saya. Baru-baru ini apabila saya turun berdialog di Kampung Periuk dan Pasir Panjang, jadi semua warga kementerian daripada atas ke bawah bersama dengan saya. Itu yang saya pun mengeluarkan ayat bahawa semua ada. Askar Melayu Diraja ada, komando-komando ada, semua ada bersama dengan saya untuk memastikan kejayaan Kampung Baharu itu sendiri.

Dengan izin Yang Berhormat, kementerian kita memang *fully committed* kepada pembangunan Kampung Baharu. Hanya sekarang adakah pemilik dan pewaris komited kepada apa yang kita buat ataupun masih ada pihak-pihak yang tertentu khususnya daripada pihak pembangkang yang meracun-racun mereka yang akhirnya kemungkinan - kerana kita perlu kelulusan atau keputusan majoriti. Akan tetapi kalau ada segelintir seperti baru-baru ini kita buat dialog, mengapi-apikan dan ada yang berkata dia tidak pernah dengar apa yang dikatakan Perbadanan Kampung Baharu. Ini bermakna beliau tidak hadir di masjid, tidak membaca surat khabar, tidak baca *internet*. Beliau berkata ini kali pertama dia mendengar Perbadanan Kampung Baharu dan beliau mewakili parti politik pembangkang.

Saya rasa kalau cara begitu daripada pemilik dan pewaris Kampung Baharu ada kemungkinan kita akan menghadapi kebuntuan-kebuntuan yang direka-reka. Jadi inilah komitmen kerajaan kepada Kampung Baharu dan kita akan teruskan. *Insyah-Allah* walaupun mungkin diluluskan pada bulan Mac, kita akan mempercepatkan dengan persetujuan iaitu pihak EPU dan pihak Kementerian Kewangan untuk memulakan Perbadanan Kampung Baharu secepat mungkin selepas itu, tetapi tarikh yang lebih praktikal mungkin pada pertengahan tahun depan.

■1930

Jadi inilah sedikit gambaran yang saya boleh beri berkenaan Kampung Baru dan saya yakin kalau komitmen kita dan persetujuan daripada pihak pemilik dan pewaris, *insyah-Allah* kali ini usaha yang banyak Menteri dah gagal, *insyah-Allah* kali ini kita akan berjaya untuk membangunkan Kampung Baru. Boleh saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Okey. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat iaitu Petaling Street telah pun selesai dinaik taraf dengan pembinaan pusat penjaja berbumbung, manakala pembangunan semula Kampung Baru sedang di peringkat perancangan seperti yang saya telah jawab tadi. Akhir sekali Yang Berhormat Senator Datuk Yeow Chai Thiam pula telah melahirkan rasa dukacita beliau terhadap beberapa isu yang membabitkan Kuala Lumpur. Pertama, beliau mendakwa bahawa keindahan dan kecantikan landskap telah merosot dan memalukan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2011 DBKL akan mempertingkatkan keindahan landskap di Bandar Raya Kuala Lumpur melalui beberapa program. Program pertama adalah program penghijauan di bawah Projek Greater KL-Klang Valley, di mana DBKL akan mengubah wajah Kuala Lumpur dengan memberi nafas baru kepada landskap-landskap yang sedia ada terutamanya di jalan-jalan protokol dan pusat bandar.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kerajaan telah memperuntukkan RM14 juta di bawah inisiatif penghijauan Projek Greater KL-Klang Valley bagi melaksanakan kerja-kerja pengindahan di sekitar Kuala Lumpur. Di bawah inisiatif penghijauan ini, tujuh buah *pocket park* akan dibina terutamanya di pusat-pusat bandar. Kawasan pintu masuk utama ke Kuala Lumpur iaitu dari Jalan Lebuhraya Persekutuan dari Pintu Gerbang Kota Darul Ehsan hingga ke Midvalley juga akan diperindahkan. Juru perunding bagi melaksanakan kerja-kerja pengindahan ini di kawasan tersebut sedang dalam peringkat pelantikan. Di samping itu DBKL akan turut menanam 30,000 batang pokok rendah yang bersaiz besar di sekitar Kuala Lumpur yang mendatangkan impak kehijauan serta-merta. Program kedua adalah membina kekotak bunga di pembahagi jalan yang akan dihiasi dengan tanaman pokok hiasan. DBKL akan menanam pelbagai jenis pokok renek yang dijadikan sebagai penampan kepada kawasan-kawasan bangunan. Pokok-pokok menjalar juga akan ditanam untuk melembutkan pemandangan di sekitar tiang-tiang LRT dan juga tiang-tiang lebuh raya. Di kawasan-kawasan tumpuan pelancong, DBKL juga akan menanam pokok-pokok bunga semusim yang berwarna-warni untuk menambah keserian dan kecantikan di kawasan-kawasan tersebut.

Reka bentuk landskap yang lama akan ditukar kepada reka bentuk-reka bentuk landskap yang berwajah baru. Akhir sekali Yang Berhormat Datuk Dr. Yeow Chai Thiam meminta supaya DBKL meneliti secara terperinci bagaimana menangani masalah banjir di Kuala Lumpur yang menurut beliau adalah serius. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, usaha merancang dan melaksanakan program-program tebatan banjir di Kuala Lumpur adalah tanggungjawab bersama DBKL dan juga Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Program-program ditumpukan kepada Sungai Batu, Sungai Gombak dan Sungai Kelang yang mengalir melalui Kuala Lumpur dengan memastikan sungai-sungai ini tidak melimpah di tebing-tebingnya. Manakala masalah banjir yang melanda jalan raya pula adalah

localize flooding, dengan izin yang tertumpu pada sistem perparitan tepi jalan yang mengalami kesukaran menampung aliran air hujan daripada jalan raya akibat intensiti hujan yang tinggi dalam masa yang singkat, dan mungkin sampah yang tersekat di sana.

Localize flooding ini akan surut dengan cepat apabila intensiti hujan reda. Pada masa yang sama, DBKL akan mengkaji semula sistem perparitan di tepi jalan di Kuala Lumpur supaya jalan raya tidak mengalami masalah banjir kilat ataupun *localize flooding*. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak sedianya atau siapnya Smart Tunnel dan juga Skim Takungan Air, banjir-banjir besar tidak berlaku yang biasanya pada masa-masa lepas enam kali setahun akan berlaku banjir-banjir besar ini. Jadi sekarang ini lebih kepada seperti yang saya sebut tadi *localize flooding*.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Dewan Negara yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2011 yang menyentuh bidang tugas Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Mana-mana isu yang tidak dapat dijawab di dalam Dewan ini akan dibekalkan secara bertulis.

Segala teguran dan pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid yang banyak tanya soalan amat kami hargai dalam usaha untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menjawab.

7.36 mlm.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2011 ke atas isu-isu yang berkait rapat dengan bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Isu perumahan. Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan hasrat kerajaan untuk memastikan setiap rakyat memiliki rumah yang selesa seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2011 yang lalu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan terus berusaha meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan membina rumah memenuhi keperluan golongan yang berpendapatan rendah.

Yang kedua, Program Perumahan Rakyat. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid telah membangkitkan kawasan yang diambil kira dalam melaksanakan pembangunan rumah PPR dan kelayakan individu mengikut kaum yang boleh memohon program

ini. Kementerian ingin menegaskan bahawa tujuan utama pelaksanaan PPR adalah untuk menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi, berkualiti, selesa dan mampu dibeli atau disewa bagi memenuhi keperluan tempat kediaman khususnya golongan berpendapatan rendah serta menyelesaikan masalah setinggan. Selaras dengan konsep 1Malaysia, pemilihan lokasi atau kawasan pembangunan sesuatu projek tidaklah mengambil kira faktor kaum tertentu kerana penyediaan rumah-rumah PPR adalah untuk semua kaum yang layak berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan iaitu warganegara Malaysia, berusia 18 tahun ke atas dan pendapatan isi rumah tidak melebihi daripada RM2,500 sebulan.

Mengenai kelewatan pembinaan kemudahan komuniti seperti surau yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, ingin saya jelaskan bahawa projek-projek PPR melibatkan kerjasama pelbagai pihak iaitu Kerajaan Persekutuan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kerajaan negeri dan pihak-pihak berkuasa tempatan berkaitan. Dalam keadaan tertentu di mana peruntukan bagi sesuatu projek adalah terhad, Kerajaan Persekutuan akan membina projek-projek dengan penyediaan kemudahan awam pada tahap minimum, manakala kerajaan-kerajaan negeri atau PBT yang berkenaan dipohon untuk membantu melengkapkan kemudahan awam yang diperlukan. Walau bagaimanapun, bagi projek-projek baru yang telah, sedang dan akan dilaksanakan, kemudahan awam seperti surau, dewan orang ramai, tadika, kedai runcit dan sebagainya merupakan komponen projek yang akan dilaksanakan secara serentak di sesuatu projek. Tuan Yang di-Pertua, ..

Datuk Maijol Mahap: Mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kerana kerajaan terus prihatin tentang perumahan yang diberikan kepada rakyat, tetapi saya juga maklum bahawa sekarang ini kita masih mempunyai lebih kurang 4,500 rakyat yang dianggap golongan termiskin, *hardcore poor* dengan izin. Mereka ini tidak mempunyai rumah yang boleh dianggap sebagai rumah, pendapatan yang amat rendah.

■ 1940

Akan tetapi dalam masa yang sama, kerajaan juga memberi bantuan perumahan kepada mereka sedangkan masih ada yang tidak mempunyai rumah walhal rumah adalah amat penting bagi keluarga mereka ini. Saya rasa ada dua sebab kenapa mereka tidak mempunyai rumah yang dianggap sebagai rumah.

Pertamanya ialah sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kita kena beli dan kita kena sewa. Barulah kita dapat rumah itu. Kedua ialah jumlah rumah yang diberikan secara percuma oleh kerajaan sekarang ini adalah amat terhad, dalam satu daerah contohnya ada 1,000 atau 2,000 orang yang perlukan rumah. Walhal jumlah rumah yang diberi secara percuma hanyalah sedikit sahaja. Jadi jurang itu masih tinggi lagi, masih besar lagi.

Jadi kita akan terus mengalami keadaan di mana ramai daripada kita yang tidak mempunyai rumah dan tidak mampu untuk membeli rumah.

Jadi dahulu saya sudah sarankan di Dewan yang mulia ini bahawa apa kata kalau kita memperbanyakkan hal rumah yang diberi secara percuma. Walau rumah yang sederhana, harganya dan kosnya rendah pun tidak apa asalkan diberi percuma. Ini sebab mereka ini memang tidak mampu membeli, tidak mampu untuk menyewa pun.

Jadi perbanyakkan jumlah perumahan ini, rumah ini kepada rakyat yang miskin ini kerana inilah satu tempat yang amat penting sekali bagi keluarga. Terima kasih.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Majjol. Untuk makluman Dewan yang mulia ini bahawa kementerian saya tidak dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan rumah *hard poor* ataupun rumah yang miskin. Ia dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah di mana setiap daerah kalau tidak silap saya melalui Ahli-ahli Parlimen akan diperuntukkan sebanyak 50 buah rumah setahun setiap daerah. Jadi kalau Ahli Parlimen itu mempunyai tiga daerah, maknanya dia akan mendapat 150 buah setahun. Rumah yang dimaksudkan adalah rumah PPRT dan juga rumah PBR yang mana harganya dan kos pembinaannya secara percuma diberikan kepada *hard poor* ini iaitu sebanyak RM40,000 sebuah ataupun seunit.

Ini dikelolakan oleh kementerian yang berbeza. Bukan di bawah Kementerian saya Yang Berhormat. Kementerian saya hanya menyediakan rumah PPR untuk disewa ataupun sekarang ini kita telah pun memulakan penjualan khusus kepada Wilayah Persekutuan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar sebentar tadi. Terima kasih..

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Yang Berhormat Menteri, satu soalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Ya, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, di Wilayah ada banyak rumah PPR dan juga golongan orang India terlalu ramai. Kadang-kadang 50% atau 40% ada. Akan tetapi mereka tidak ada satu kuil. Oleh sebab itu tidak ada peruntukan untuk kuil. Ada banyak kuil kecil yang muncul dan juga rumah mayat mereka tidak ada. Jadi mereka pun mengalami banyak masalah. Bolehkah dari segi polisi memperuntukkan satu tempat untuk kuil dan rumah mayat dan tidak muncul masalah-masalah lain? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya percaya ini juga bukan di bidang kuasa kementerian saya. Akan tetapi saya akan sebut di sini juga ada kemudahan-kemudahan yang akan disediakan seperti surau, tadika, dewan dan taman permainan kanak-kanak. Akan tetapi sementara kuil itu pada masa kini belum ada lagi pernah kita lakukan.

Namun demikian, oleh sebab, sekiranya majoriti kawasan itu diduduki oleh orang India ataupun majoriti daripada masyarakat orang Cina, maka saya percaya kerajaan akan memberikan pertimbangan melalui kementerian-kementerian seperti di Wilayah, Kementerian Wilayah dan di negeri-negeri di peringkat negeri yang berkenaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa prihatin dan berusaha menyediakan pelbagai kemudahan perumahan kepada setiap lapisan rakyat di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Dalam konteks penyediaan kemudahan-kemudahan perumahan kerajaan melalui agensi kerajaan berkaitan menyasarkan sebanyak 78,000 unit rumah mampu milik di seluruh negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kerajaan telah menyasarkan sebanyak 38,000 unit dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh yang merupakan projek-projek baru dan projek-projek sambungan.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia ak Brodi mengenai cadangan untuk menambah perumahan di Sabah dan Sarawak, terdapat satu projek PPR di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh yang akan dilaksanakan di kawasan Batu Sapi, Sandakan. Di dalam projek tersebut merangkumi pembinaan 500 unit buah rumah pangsa lima tingkat serta kemudahan-kemudahan awam seperti dewan serba guna, surau, kedai runcit, tadika, permainan kanak-kanak dan lain-lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama 2009, sebanyak RM200 juta telah diluluskan bagi tujuan penyelenggaraan dan meningkatkan kemudahan rumah PPR yang sedia ada di seluruh negara. Setakat ini sebanyak 64 pakej kerja yang telah dilaksanakan melibatkan 58 projek PPR di seluruh negara termasuk enam projek di negeri Sabah, dua projek di Sarawak. Sebanyak RM196,241,129.96 atau 98.12% telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan tersebut. Kerja-kerja penyelenggaraan dan peningkatan kemudahan yang dilaksanakan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama 2009 melibatkan kerja-kerja penambah baik unit-unit rumah yang rosak, mengecat semula bangunan, menaik taraf kemudahan awam sedia ada dan membina kemudahan-kemudahan yang baru seperti surau, dewan, taman permainan kanak-kanak, lain-lain kemudahan, tempat letak kereta dan juga pagar keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung telah meminta penjelasan mengenai dengan tapisan terhadap penjual rumah kos rendah yang menjual unit rumah PPR kepada orang lain untuk meraih keuntungan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian memandang berat akan perkara ini. Berdasarkan kepada kontrak penyewaan di antara kerajaan dengan penyewa rumah PPR, penyewa tersebut tidak dibenarkan untuk menyewa rumah tersebut kepada pihak lain. Tindakan tegas seperti amaran dan diusir keluar boleh diambil jika didapati bahawa penyewa rumah PPR telah pun menyewakan kepada orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fatimah binti Hamat pula meminta penjelasan mengenai dengan status semasa pelaksanaan pesuruhjaya bangunan COB dan juga badan pengurusan bersama GNB termasuk maklumat-maklumat mengenai jumlah dan bilangan. Garis panduan penyelenggaraan bangunan yang standard dan tindakan kerajaan telah memantapkan peranan COB. Kementerian menghargai keprihatinan Yang Berhormat terhadap fungsi COB dan GNB ini. Sehingga 30 Jun 2010, sebanyak 2,026 badan pengurusan bersama GNB telah ditubuhkan.

Terdapat empat kategori struktur unit COB utiliti yang ditubuhkan berdasarkan kepada bilangan petak bangunan berstrata yang terdapat di dalam kawasan PBT terlibat. Pihak Kementerian telah mengkaji kesesuaian struktur unit COB sedia ada dengan mengambil kira komposisi tugas dan kesesuaian perjawatan yang perlu dalam memastikan unit COB dapat menjalankan fungsinya dengan lebih teratur dan berkesan.

Berhubung dengan garis panduan penyelenggaraan bangunan yang standard, adalah dimaklumkan bahawa skop kementerian dalam aspek pengurusan dan penyelenggaraan bangunan berstrata lebih tertumpu pada aspek perundangan serta penyelarasan Akta 663 dengan pihak berkuasa negeri dan COB di PBT selaku agensi pelaksana. Walau bagaimanapun, pihak kementerian juga telah menganjurkan empat kali seminar pengurusan bangunan berstrata kepada GNB pada tahun 2010 yang turut memberikan penekanan dan pendidikan kepada GNB berhubung dengan kualiti penyelenggaraan bangunan yang perlu mereka laksanakan di kawasan pemajuan masing-masing.

Di dalam berusaha untuk memantapkan peranan COB, kementerian ini telah melaksanakan langkah-langkah perlu seperti berikut:-

- (i) Mencadangkan pindaan Akta 663. Di antara pindaan yang terlibat adalah dengan mewujudkan peruntukan yang jelas berhubung dengan kuasa dan peranan COB;
- (ii) menjalankan kajian pengurusan bangunan berstrata untuk memperoleh modal pengurusan yang terbaik bagi bangunan kos rendah dan kos sederhana dan juga kos tinggi;
- (iii) memantau pelaksanaan dan pengesanan Akta 663 oleh pihak COB, PBT sepanjang tahun; dan
- (iv) Mengadakan mesyuarat penyelarasan dengan semua unit COB di PBT secara berkala.

■1950

Cadangan kuota rumah. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan penepatan kuota...

Datuk Akbar bin Ali: Mohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini berkenaan dengan bangunan berstrata Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu

sebab saya tidak berapa faham tentang *strata title* ini. Katakanlah berlaku – ini hipotetikal. Keruntuhan seluruh bangunan itu atau kerosakan besar atau rumah itu sudah terlalu tua dan perlu dibina semula. Bagaimana keadaan, bagaimana cara, siapa punya tanggungjawab untuk membangunkan semula atau hendak *repair* dan sebagainya? Mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Maijol Mahap: Saya juga mohon penjelasan mengenai *strata title*. Tuan Yang di-Pertua, *strata title* ini adalah diberi kalau rumah itu bertingkat. Jadi apa yang saya nampak di sini, memang masalah. Masalah kerana pemaju itu tidak boleh mendapatkan *strata title* itu dengan cepat. Lainlah dengan lain-lain *title* yang bukan strata. Kebiasaannya dia lagi cepat diberi dan cepat bertukar milik. Akan tetapi kalau *strata title* ini, selagi pemaju itu tidak uruskannya dengan Jabatan Tanah, maka tidak ada *strata title*. Ini mendatangkan satu kesusahanlah saya rasa kepada pembeli-pembeli rumah ataupun kedai.

Selagi pemaju tidak dapat mengambil *strata title* dan mengurus dan mengeluarkan *strata title*, maka selagi itulah dia boleh memungut *management fee* dan sebagainya daripada pemilik. Jadi saya rasa pemaju mengambil kesempatan daripada ini dan mahu supaya ia – lebih lama lebih bagus untuk dia. Jadi saya rasa kerajaan harus pantau dan juga kerajaan harus mewajibkan mereka ini mendapatkan *strata title* dengan cepat. Bukan diserahkan kepada pemaju dengan sewenang-wenangnya hingga mendatangkan mudarat kepada pembeli-pembeli dan pemilik-pemilik tanah dan juga kedai-kedai tersebut. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Yang Berhormat Senator daripada Melaka dan Yang Berhormat Senator Sabah. Bagi jawapan untuk *strata title* sama ada dia masih *valid* atau tidak *valid* kalau sekiranya bangunan runtuh ataupun sebaliknya. Saya tidak ada pengetahuan sebenarnya kerana ini soalan baru. Akan tetapi saya akan menjawab secara bertulis kepada kedua-dua Yang Berhormat. Terima kasih.

Mengenai dengan cadangan penetapan kuota perumahan kos rendah dan sederhana dalam satu skim perumahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman. Ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa perkara ini adalah tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) secara amnya. PBN menetapkan kuota pembinaan rumah kos rendah sebanyak 30% bagi kawasan pemajuan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim telah menyarankan...

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Izin, minta laluan.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalaulah jawapannya ialah semua ini adalah kuasa majlis tempatan, jadi apakah tugas kementerian untuk mengatasi masalah yang

disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita faham bahawa *land is state authority*. Akan tetapi bolehkah Kementerian memberi satu kaedah di mana rumah pembinaan sederhana ini akan dapat dibina dan Kementerian boleh memberi *advise* ataupun satu cara di mana majlis-majlis tempatan dan kerajaan negeri dapat memberi kuota yang memuaskan. Kalaulah tiap-tiap kali mereka itu mengatakan ini adalah tugas majlis tempatan, bilakah masanya kita dapat mengatasi masalah ini secara keseluruhan sebagai satu negara? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Yang Berhormat. Memang benar bahawa setakat ini kementerian mempunyai kuasa hanya untuk meluluskan lesen sahaja iaitu lesen pemajuan. Sementara syarat-syarat untuk meluluskan bangunan, **levi** dan juga pelan bangunan adalah kuasa negeri. Dalam mereka menimbang untuk meluluskan kelulusan projek ataupun bangunan ini, maka mereka telah pun meminta kepada pihak pemaju untuk menyediakan kuota 30%. Itu syarat yang mesti dipatuhi oleh pihak pemaju.

Namun saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, apabila ada kuota 30% ini, maka ramai juga di kalangan bumiputera yang tidak berkemampuan untuk hendak beli rumah ini. Ini pun juga menjadi satu masalah kepada pemaju. Siapa yang akan harus dipertanggungjawabkan? Sama ada kerajaan negeri mempunyai satu dana untuk membeli kuota bumiputera ini dan jual kepada bumiputera dengan cara-cara yang lain. Sama ada mungkin subsidi daripada kerajaan negeri ataupun sebaliknya.

Jadi untuk setakat ini untuk makluman Yang Berhormat, kuota itu ditentukan oleh negeri. Kita di kementerian hanya meluluskan tentang lesen pemaju sahaja kepada pihak swasta. Namun kalau rumah seperti rumah PPR yang saya sebutkan tadi, itu adalah 100% untuk berpendapatan rendah. Tidak dikira sama ada dia bumiputera atau bukan bumiputera asalkan pendapatan dia tidak melebihi RM2,500. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat kalau ada satu cadangan supaya pihak kementerian juga mungkin Kerajaan Pusat untuk membuat satu peraturan yang perlu juga dipatuhi oleh pemaju supaya kuota 30% ditetapkan. Namun sekarang ini memang di peringkat negeri mereka mempunyai satu peraturan yang dimestikan *compulsory* oleh pemaju untuk dilaksanakan. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya berhubung dengan hari ini masih lagi terdapat banyak rumah setinggan. Masih terdapat di banyak kawasan-kawasan. Tidakkah kementerian bercadang untuk membina rumah kos rendah bagi membenarkan mereka supaya dapat pindah daripada rumah-rumah setinggan ini supaya kita jadikan dia *zero* setinggan di seluruh negara. Masih terdapat banyak rumah setinggan yang kita lihat sukar untuk kita menjadikan mereka sebagai – anak-anak pergi sekolah, hendak belajar, hendak itu ini. Duduk di rumah setinggan yang kadang-kadang tidak ada paip air, tidak ada elektrik dan sebagainya.

Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Kementerian bercadang membina rumah kos rendah bagi memberi peluang kepada pemilik rumah setinggan ini supaya dapat pindah dan kita jadikan *zero* setinggan? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Senator. Sebenarnya konsep rumah PPR itu adalah merupakan sebahagian daripada keperluannya adalah untuk menempatkan setinggan-setinggan sama ada setinggan di pinggiran bandar ataupun di mana sahaja setinggan. Akan itulah diberikan *priority*. *Priority* yang pertama ialah orang yang tidak berumah, berpendapatan RM2,500 sebulan.

Kemudian *priority* yang kedua ialah setinggan-setinggan yang tinggal di pinggiran bandar yang tidak mempunyai rumah yang selesa walaupun mereka ada rumah tetapi tandasnya tidak ada, air bersihnya tidak ada, kemudahan asasnya tidak ada. Di situlah sebenarnya hasrat kerajaan untuk menjadikan sifar setinggan supaya kita tidak lagi ada masyarakat yang tinggal di pinggiran bandar ini yang pada pandangan masyarakat khususnya para pelancong yang datang melihat dan merasa jijik dengan rumah yang tidak teratur. Itu sebenarnya Yang Berhormat tujuannya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim telah menyatakan supaya bilangan penguat kuasa PBT dapat ditambah bagi melaksanakan tugas-tugas menurunkan iklan-iklan haram secara berkesan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyambut baik cadangan ini dan sedang melaksanakan perkara ini dengan agensi-agensi yang berkaitan. Antaranya ialah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia yang akan mengambil nombor-nombor ini dan membatalkan nombor-nombor yang mengiklankan jenis-jenis perniagaan yang tidak dibenarkan terutama sekali skim-skim ah long. Pinjaman-pinjaman yang tidak berlesen, menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang tidak munasabah. Ini di antaranya akan diambil tindakan oleh pihak SKMM dan juga melalui PBT yang berkenaan.

■2000

Sehubungan dengan penggunaan bahasa kebangsaan dan papan-papan tanda iklan dalam memastikan bahasa kebangsaan diberikan penekanan dalam pemasangan papan iklan dan papan-papan iklan premis perniagaan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainon binti A. Bakar, Kementerian dalam menyediakan garis panduan perancangan papan iklan luar pada tahun 2009 dan garis panduan papan iklan premis perniagaan pada tahun 2005.

Dalam kedua-dua garis panduan tersebut, semua pihak berkuasa tempatan (PBT) telah diminta untuk memastikan bahasa kebangsaan digunakan dengan betul dan tepat. PBT boleh merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka berhubung dengan penggunaan bahasa kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Yau Chai Thiam telah menyarankan supaya kementerian menyediakan lampu-lampu jalan secukupnya di samping menaik taraf jalan-jalan di kawasan PBT. Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan lampu-lampu jalan dilakukan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan juga pihak berkuasa tempatan. PBT membantu jika dalam aspek mengenal pasti kawasan-kawasan yang perlu ditambah baik dan menaiktarafkan dari semasa ke semasa.

Berkaitan dengan galakan mewujudkan pusat-pusat penjaja seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah NKEA pemborong dan peruncit, pihak kementerian membantu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dalam menjayakan Program Pasar Komuniti dan Pasar Karavan dengan mengenal pasti lokasi-lokasi yang sesuai di kawasan PBT bagi mewujudkan pasar-pasar komuniti. Program ini bertujuan untuk mewujudkan proses pemodenan dan penempatan semula dalam semua dasar sedia ada termasuklah pasar bergerak di bawah satu bumbung di satu lokasi tetap dikenali sebagai pasar komuniti, yang mempunyai kemudahan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, Pengasingan Sisa Pepejal Dipunca belum dilaksanakan secara wajib mandatori. Ini kerana buat masa ini semua pengasingan sisa pepejal dipunca dilakukan secara sukarela oleh individu-individu mahupun pihak-pihak kepentingan seperti NGO.

Akan tetapi, untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi, apabila Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dikuatkuasakan kelak, semua isi rumah adalah diwajibkan mandatori untuk mengasingkan sisa pepejal dipunca. Dalam hal ini, di bawah penguatkuasaan penuh, kelak sistem kutipan sisa pepejal di rumah ke rumah akan mempunyai jadual kutipan khusus bagi barang-barang yang boleh di kitar semula termasuklah sisa pepejal, pukal dan sisa karbon.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan dasar pengurusan sisa pepejal dapat dilaksanakan secara kos efektif, mampan dan mesra alam, satu rangka kerja perundangan membolehkan pengurusan sisa pepejal oleh kerajaan secara bersepadu telah ditetapkan. Dalam hal ini, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) telah diwujudkan dengan perubahan dua institusi iaitu Jabatan Pengurusan dan Sisa Pepejal Negara dan juga Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi menyediakan dasar, membangunkan infrastruktur, menguatkuasakan akta berkenaan dan mengawal selia sektor pengurusan sisa pepejal di seluruh negara.

Selain daripada itu, bagi meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan sisa pepejal, perkhidmatan kutipan khususnya bagi sisa pepejal domestik telah diswastakan di mana perkhidmatan syarikat-syarikat konsesi akan dibantu berdasarkan mewujudkan prestasi utama KPI yang ketat. Di bawah program penswastan ini, kementerian akan memperkenalkan pendekatan kutipan 2x1 di mana kutipan sisa pepejal organik dikutip dua kali seminggu dan kutipan bahan kitar semula dan sisa pukal dilakukan sekali seminggu. Pendekatan 2x1 adalah

menggantikan kutipan yang sedia ada yang dibuat tiga kali seminggu. Usaha ini adalah sejajar dengan memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan tabiat mengasingkan sisa dipunca yang bakal dilaksanakan kelak. Dengan pemantauan KPI dan pemantauan yang berterusan, kerajaan percaya perkhidmatan pengurusan sistem pepejal yang menyeluruh, seragam, efisien, berkualiti dan kos efektif akan dapat disediakan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan pelaksanaan program kitar semula, Akta 672 telah memperuntukkan supaya pengasingan sisa pepejal dipunca dilaksanakan. Selain itu, sistem terima balik dan sistem pembayaran balik deposit akan diwujudkan bagi membolehkan pihak industri bersama-sama ke arah meningkatkan pelaksanaan Program 3R. Kerajaan akan menguatkuasakan pengasingan punca secara berperingkat apabila Akta 672 dikuatkuasakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun pada masa ini Akta 672 belum dikuatkuasakan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan dan organisasi-organisasi korporat sering mengadakan kempen kesedaran dan menyebarkan maklumat melalui risalah (*pamphlet*) kepada masyarakat.

Melalui program-program sedemikian, kementerian berharap masyarakat akan dapat lebih memahami pentingnya mengurus sisa pepejal dengan betul dan seterusnya menjadikan amalan 3R sebagai budaya rakyat Malaysia.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawî: Saya pohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawî: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Akta 672 belum dikuatkuasakan dan program-program kitar semula telah pun mula dijalankan oleh pihak-pihak NGO, saya ingin tanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan bercadang untuk membuat beberapa projek model yang boleh diikuti di bandar-bandar utama negara bagi menjadi contoh sebelum akta ini dikuatkuasakan sepenuhnya – sebagai model kepada seluruh negara? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Itulah di antara pendekatan kerajaan. Sebelum kita kuatkuasakan Akta 672 ini, kita akan ada satu model atau satu benda yang akan boleh diambil kira ataupun dicontohi oleh masyarakat secara keseluruhannya. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak ramai yang mengambil bahagian dan membahaskan tentang peruntukan ataupun bajet bagi kementerian ini, maka Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekali lagi saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Segala cadangan dan pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dan dijadikan input untuk kementerian menambahbaikkan segala pengurusan dan juga *delivery system* di masa yang akan datang.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, mana-mana perkara yang belum dapat saya jawab atau saya buat penggulungan pada petang ini, kita akan jawab secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta Kementerian Kewangan sebagai kementerian yang bertanggungjawab akan menggulung bagi perbahasan bagi di peringkat dasar. Silakan Yang Berhormat.

8.08 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2011 (Bajet 2011) di Dewan yang mulia ini. Semua cadangan dan pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung perkara yang telah dibentangkan dalam Bajet 2011 adalah amat-amat dihargai.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan ke atas beberapa perkara berkaitan Kementerian Kewangan yang telah dibangkitkan. Pertamanya mengenai isu mengenai defisit fiskal Kerajaan Persekutuan yang telah disebut secara khusus oleh Yang Berhormat Senator Syed Husin Ali dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ir. Zamri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, defisit fiskal Kerajaan Persekutuan dijangka dapat dikurangkan kepada 5.6% daripada keluaran dalam negara kasar pada akhir tahun 2010 berbanding 7% pada akhir tahun 2009 dan seterusnya kepada 5.45% pada tahun 2011 dan di bawah 3% pada akhir tahun 2015 iaitu Rancangan Malaysia Kesepuluh. Perlu juga diingatkan bahawa negara kita boleh dikatakan sentiasa mencatat *surplus* dalam *operating-operating* bajet dan defisitnya hanya berlaku dalam *overall account*.

■2010

Akan tetapi terdapat beberapa amalan bahkan diperlukan oleh akta supaya jumlah defisit ini dikawal supaya pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan untuk menampung defisit ini juga adalah pada tahap yang terkawal. Umpamanya jumlah maksimum pinjaman yang dibenarkan Kerajaan Persekutuan adalah 55% GDP. Jadi ini satu, sekarang ini kita berada pada tahap 52%, jadi sebab itu kita perlu turunkan pada tahun-tahun akan datang. Pada masa yang sama kita juga menghadkan pinjaman luar negara oleh Kerajaan Persekutuan kepada jumlah RM35 bilion, yang mana sekarang ini memang berada di bawah jumlah tersebut. Pada masa ini hutang luar negara adalah pada tahap 34% daripada GDP, yang sememangnya jauh lebih tinggi daripada sesetengah negara seperti UK – 230%, US – 62% dan Indonesia – 85%.

Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali mencadangkan supaya Buku Anggaran Persekutuan dibuat berdasarkan *output*, *outcome*, *impact* dan bukannya seperti yang dilakukan sekarang. Cadangan Yang Berhormat ini memang satu cadangan yang penting dan kerajaan

telah pun mengumumkan dalam Belanjawan 2010 mengenai pelaksanaan cara baru dan penyediaan belanjawan melalui kaedah *Outcome Based Budgeting* yang akan dimulakan sepenuhnya mulai tahun 2013 dan secara *pilot*, secara rintis dalam tahun 2012. Melalui kaedah *Outcome Based Budgeting* (OBB) ini, penekanan akan diberi dalam menilai *output*, *outcome* dan impak sesuatu projek berbanding input yang disediakan. Jadi ini satu perubahan yang besar dan memang ini adalah lebih baik daripada yang sentiasa dilakukan.

Kita berharap kita akan dapat melihat perubahan yang besar dalam penyediaan bajet dan barangkali Yang Berhormat tidak lagi perlu melihat buku bajet yang begitu tebal, yang sentiasa kita lihat tahun demi tahun sebelum ini. Yang Berhormat Senator Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim telah mempersoalkan sama ada Bajet 2011 telah mengambil langkah-langkah yang mencukupi untuk mengurangkan jurang pendapatan rakyat miskin dan sederhana. Untuk makluman Yang Berhormat, Bajet 2011 merupakan bajet yang *inclusive* di mana ia mengambil kira usaha untuk menambah baik kesejahteraan pelbagai lapisan masyarakat. Usaha dan langkah yang dicadangkan secara tidak langsung meningkatkan pendapatan rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Kerajaan telah mengumumkan kenaikan gaji kepada golongan tertentu umpamanya Elaun Bulanan Guru KAFA dinaikkan daripada RM500 sebulan kepada RM800 sebulan, elaun Imam dinaikkan daripada RM450 sebulan kepada RM750 sebulan, elaun Pengerusi JKK dan Tok Batin, Pengerusi JKK Orang Asli, Pengerusi Kampung Baru daripada RM450 sebulan dinaikkan kepada RM800 sebulan dan gaji minimum pengawal keselamatan dan posmen juga dikaji semula supaya lebih tinggi daripada paras kemiskinan.

Selain itu Majlis Konsultasi Gaji ditubuhkan sebagai platform untuk menentukan kadar gaji minimum pekerja, selaras dengan peningkatan produktiviti. Pada masa yang sama, langkah-langkah mengurangkan jurang kemiskinan termasuklah belanjawan sebanyak RM1.2 bilion untuk bantuan kebajikan warga emas, kanak-kanak dan OKU, RM100 juta untuk program pengedaran barang perlu seperti beras, minyak masak diperkenalkan untuk meringankan beban rakyat di kawasan pedalaman.

RM50 bilion bagi memperkasa pendidikan rendah, menengah dan tinggi, RM15.2 bilion bagi membina hospital baru serta menambah bilangan jururawat, doktor. RM6.9 bilion untuk pembinaan kemudahan infrastruktur asas seperti bekalan air, elektrik dan jalan luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak. RM23.7 bilion untuk pembiayaan biasiswa, insentif dan bantuan kebajikan termasuk subsidi petrol, diesel, gas, cecair dan juga keperluan makanan asas seperti gula, beras dan minyak masak.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof menyatakan bahawa pelaburan swasta domestik perlu ditingkatkan bagi pertumbuhan ekonomi negara, namun begitu pelabur domestik tidak yakin dengan ekonomi negara dan telah menjalankan pelaburan di luar negara. Untuk makluman Yang Berhormat, peningkatan *trend* pelabur Malaysia melabur ke luar negara

merupakan satu proses biasa yang dialami sesebuah negara yang semakin maju. Antara faktor yang mendorong pelabur Malaysia untuk melabur di luar negara adalah untuk memperluaskan pasaran produk, mengambil peluang perniagaan dalam industri yang sedang berkembang pesat di luar negara, mendapatkan teknologi terkini dan menjadi peneraju perniagaan serantau dan global.

Berhubung dengan pelabur domestik seperti mana yang telah diketahui umum dalam 12 bidang NKEA yang telah dikenal pasti, jumlah pelaburan swasta domestik dijangka berjumlah sebanyak RM1.3 trilion, sehingga tahun 2020. Pada masa yang sama sebagai tanda kepada keyakinan pelabur dalam negara kita. Sebenarnya dalam tahun 2010, kita telah melihat peningkatan ketara dalam pelaburan asing berbanding pada tahun 2009. Ini kita lihat seperti di Sarawak dan Sabah, peningkatan RM5.7 bilion di Sarawak, RM5.2 bilion di Sabah, RM4 bilion di Selangor, Johor RM2 bilion dan di Pulau Pinang RM1.5 bilion.

Jadi semua ini adalah lebih besar daripada yang terdapat dalam tahun 2009. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid telah meminta Menteri Kewangan membuat ulasan berhubung cadangan PNB untuk membina Menara Warisan. Sebenarnya jawapan kepada persoalan ini telah pun dibuat melalui jawapan lisan yang saya sendiri telah menyampaikannya. Namun begitu kita tahu bahawa Menara Warisan ini adalah projek PNB dan bukan dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan. Ia dijangka memberi faedah besar, kesan limpahan dan peluang pekerjaan dijangka, proses pembinaan, jumlah peluang pekerjaan yang tinggi akan dihasilkan dan sumbangan kepada ekonomi negara juga dijangka tinggi.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin menyatakan bahawa pembinaan Menara Warisan akan mengakibatkan negara menghadapi lambakan ruang dan bangunan perniagaan. Sebenarnya kajian yang telah dibuat menunjukkan bahawa ianya tidaklah seperti mana yang dibimbangkan, bahkan buat masa ini kompleks membeli belah di sekitar Kuala Lumpur dari segi kadar *occupancy* melebihi 80%.

Dari segi ruang pejabat, PNB sendiri mempunyai anak-anak syarikat yang akan mengguna pakai ruang-ruang pejabat ini, 60% daripadanya dijangkakan untuk diduduki oleh anak-anak syarikat PNB dan selebihnya untuk disewa. Perlu juga diingat, menjelang 2015 apabila projek ini dijangka siap, negara kita juga akan membebaskan sektor *services*. Ini akan menarik syarikat-syarikat untuk menubuhkan syarikat-syarikat di sini seperti syarikat guaman, *accountancy* dan audit yang mana memerlukan pejabat-pejabat yang baik dari segi – yang mempunyai prestij, *address*, pejabat-pejabat yang boleh menarik minat mereka untuk menempatkan di kawasan seperti KLCC dan juga di Wisma Warisan

Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin telah membangkitkan isu mengenai kajian, peruntukan bagi memajukan industri kreatif seperti diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Peruntukan tersebut perlu disalurkan melalui FINAS bagi industri perfileman dan bukan melalui BSN.

■2020

Cadangan ini telah pun disampaikan kepada pihak kerajaan. Cuma buat masa ini, pinjaman Industri Kreatif yang disalurkan melalui Bank Simpanan Nasional bertujuan memacu pembangunan industri kreatif yang bukan hanya terhad untuk industri perfileman sahaja. Ia merangkumi semua elemen industri kreatif seperti kandungan digital untuk media baru, kandungan analog, rekaan serta seni dan kraf tangan dan seumpamanya.

Pencapaian setakat 30 November 2010 boleh diringkaskan sebagai permohonan diterima sebanyak RM212 juta; permohonan yang diluluskan buat masa ini RM48.9 juta. Semua permohonan dinilai secara profesional mengikut garis panduan dan kriteria penilaian dan objektif pinjaman. Jawatankuasa di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) menilai dan meluluskan daripada segi aspek teknikal. Manakala jawatankuasa di bawah BSN, menilai dan meluluskan berkaitan kedudukan kewangan dan risiko pendedahan kredit.

Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī telah mencadangkan agar Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) membuat potongan terus zakat ataupun menyediakan borang pemotongan zakat bagi akaun caruman KWSP dan agar KWSP mengkaji bagi mengeluarkan pengeluaran untuk mengerjakan haji. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencarum tidak mempunyai hak sepenuhnya ke atas wang caruman KWSP kerana ia termasuk sumbangan majikan. Bahkan sumbangan majikan adalah lebih besar. Kadang-kadang 17%, ada yang 12%. Termasuk sumbangan majikan yang hanya menjadi milik pencarum selepas sampai masa persaraan. Ini kaedah KWSP.

Walaupun pencarum itu menyumbang dan majikan dikehendaki menyumbang tetapi ia tidak memberikan milik penuh kepada – sebab itu ia disimpan dengan KWSP. Hanya boleh dikeluarkan pada umur-umur tertentu, apabila sudah sampai umur 50 tahun atau 55 tahun dan untuk tujuan-tujuan tertentu. Tujuan yang diberikan setakat ini ialah untuk tujuan yang menyumbang pada kebajikan seseorang ahli untuk mendapat pendapatan yang lebih tinggi, persaraan yang lebih baik. Umpamanya kesihatan, supaya ia sihat boleh bekerja, dapat gaji supaya ia boleh belajar. Sambung lagi belajar, dapat gaji yang tinggi. Itu menambahkan pendapatannya ataupun perumahan. Ini kebajikan apabila bersara, ia sudah ada rumah yang baik. Ini dibenarkan tetapi buat masa ini EPF belum membenarkan pengeluaran wang simpanan untuk menunaikan haji, kerana ia tidak dilihat sebagai menyumbang secara langsung pada faedah persaraan. Memang menunaikan haji itu penting daripada segi agama tetapi daripada segi kedudukan persaraan. Itu satu.

Keduanya, Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan dua fatwa pada tahun yang berbeza dan *reinforced* kembali dalam tahun 2006 iaitu simpanan ahli-ahli dalam KWSP ini tidak perlu dikeluarkan zakat. Ia diperlukan apabila ia mengeluarkan duit itu daripada EPF ataupun KWSP. Semasa dalam itu kerana ini adalah soal milik sempurna, ia belum lagi. Ini kerana komponen majikan itu ada. Majikan itu tidak membolehkan ia haknya kerana itu hak persaraan

yang hanya boleh dimiliki apabila ia sampai tahun persaraan. Ini asasnya. Jadi sebab itu tidak perlu dikeluarkan zakat secara bulanan seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Cuma perlu dikeluarkan apabila ia dikeluarkan pada tarikh-tarikh tertentu, apabila sudah sampai umur 50 tahun atau 55 tahun.

Perlu juga diingatkan bahawa kadangkala kita merasakan wang EPF ini banyak yang disimpan oleh ahli. Saya hendak beri dua statistik. Pertamanya 55% daripada ahli KWSP mempunyai wang simpanan kurang daripada RM10,000 - 55%. Kalau kita tingkatkan ia sedikit RM50,000, 85% daripada jumlah pencarum memiliki simpanan kurang daripada RM50,000. Jadi bermakna masih ramai pencarum yang mempunyai simpanan yang agak kecil - RM10,000 pun ada. Jadi ini sebabnya EPF memberikan penekanan pada usaha untuk memastikan wang yang tersimpan dalam KWSP ini lebih dimanfaatkan oleh mereka apabila sampai tahun persaraan.

Ini saya hendak beritahu supaya kita - sudah memang kalau orang kaya memang bolehlah. Memang orang kaya boleh tetapi orang kaya barangkali hendak pergi ke Mekah tidak perlulah menggunakan EPF. Yang Berhormat, ia pun ada duit sendiri bukan? Jadi yang kita hendak ini, orang tidak ada duit, kita kata tidak bolehlah gunakan wang itu. Akan tetapi, saya hendak sebut ini ramai yang tidak ada duit itu, memang tidak ada duit. Kalau kita benarkan ia pergi Mekah, tidak tahu yang RM10,000 ini mungkin hendak bayar pun tidak cukup. Sekarang ini hendak pergi ke Mekah pun bukan murah. Ini yang menjadi kebimbangan KWSP. Ini disebabkan kadang-kadang semasa orang hendak pergi ke Mekah pun susah. Akan tetapi sebenarnya ia ada asas-asas, jadi pun bimbang. Jadi saya harap Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz boleh terima.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya mohon sedikit penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberikan jawapan yang begitu baik. Saya berasa lega apabila mengetahui bahawa 55% pencarum negara kita hanya mempunyai tidak sampai RM10,000. Sekurang-kurangnya daripada segi tanggungjawab sebagai kerajaan, kita tidak mendera orang daripada menggunakan wang yang sepatutnya mereka gunakan untuk pergi ke Mekah.

Akan tetapi dalam kes yang melibatkan - ataupun milikan sempurna itu tadi, apabila disebutkan bahawa caruman yang diberikan oleh majikan, maknanya tidak boleh diambil. Dalam konteks ini dari segi *legal implications* ataupun kesan dari segi undang-undang, adakah bermaksud selagi belum sampai tarikh persaraan, majikan berhak untuk mengeluarkan semula duit tersebut dan duit itu bukan milik pencarum yang memang atas namanya di carum duit tersebut? Itu yang pertama.

Kedua, saya ingin perbetulkan bahawa dalam konteks yang saya cadangkan, saya tidak mencadangkan untuk dibuat caruman pemotongan zakat secara bulanan, kerana zakat memang

berdasarkan pada *haul* iaitu mesti setahun baru boleh mengeluarkan zakat, bukan setiap bulan. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Okey, yang bulanan itu saya silap. Saya silap. Minta maaf, setahun. Akan tetapi apabila saya kata milik tidak sempurna itu bukan ertinya majikan boleh ambil semula. Dalam undang-undang EPF memang tidak boleh. Bahkan kalau ia tidak sumbangkan, ia kena denda pula. Ia tidak boleh kata saya simpan dahulu, saya tidak sumbangkan pada KWSP memang sudah ada pun, sudah ia *mark for it*, tidak cukup. Memang perlu menyumbang. Perlu ada di KWSP.

Tidak cukup milik ataupun tidak sempurna milik kerana ia tidak boleh dikeluarkan oleh pencarum sewenang-wenangnya. Ia mesti mengikuti syarat-syarat EPF. Jadi syaratnya ialah apabila sampai umurnya dan dibolehkan untuk tujuan-tujuan tertentu seperti yang saya sebutkan tadi. Jadi terima kasih. Saya rasa kita tidak ada perbezaan pandangan sangat, cuma penjelasan.

Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah telah meminta kerajaan menyatakan langkah-langkah untuk mengurangkan jumlah hutang tertunggak oleh kerajaan negeri dan badan berkanun atau syarikat kerajaan kepada Kerajaan Persekutuan. Memang soalan ini pun sudah dijawab dalam soalan lisan. Jadi memang ada langkah-langkah untuk –satunya ialah pengeluaran pinjaman baru akan ditahan kepada kerajaan negeri akan ditahan pinjaman ini kepada kerajaan negeri, badan berkanun dan syarikat kerajaan yang mempunyai tunggakan tinggi sehingga cadangan penyelesaian dikemukakan ataupun bayaran balik tunggakan pinjaman dibuat. Kalau tidak boleh bayar balik pun, perlu dicadangkan bagaimana hendak selesaikan jumlah yang tertunggak tersebut.

Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah binti Hamat membangkitkan beberapa isu mengenai syarikat Menteri Kewangan diperbadankan. Keputusan kerajaan untuk mengurangkan pegangan dalam beberapa syarikat berkaitan kerana ini pun saya sudah jawab.

■2030

Saya ingat semalam ke, dua hari yang lepas mengapa Khazanah Nasional Berhad mengurangkan pegangan, ini untuk meningkatkan kadar apungan *liquidity* pada masa yang sama menarik pelabur luar supaya dapat melabur lebih banyak dalam saham-saham syarikat-syarikat yang besar seperti TNB, Telekom dan sebagainya dan saya telah berikan angka-angka mengenai soalan ini. Oleh sebab malam ini pun kita hendak menjimatkan masa, saya tidak perlu semualah.

Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal bin Mohd Yusoff menyatakan tawaran pembelian projek Empangan Bakun lebih rendah daripada kos keseluruhan. Pagi tadi juga saya telah jawab dengan terperinci mengenai Bakun ini. Ini masih lagi di peringkat *due diligence*, harganya mestilah adil dan dibuat secara telus. Perbelanjaan sekarang ini sudah pun melebihi RM6 bilion, manakala 97% telah siap projek Bakun ini. Dalam masa terdekat ini proses *due diligence* akan dikendalikan oleh pakar-pakar yang akan menasihati Kerajaan Persekutuan dan

juga kerajaan negeri dan saya yakin satu urusan niaga yang adil untuk kedua-dua pihak akan dapat dicapai pada harga yang berpatutan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz baru keluar tetapi telah bertanya agar Lembaga Hasil Dalam Negeri mengembangkan pengecualian cukai bukan sahaja kepada anak-anak yang menjaga ibu bapa yang uzur tetapi juga kepada anak-anak yang menjaga ibu bapa yang tua. Sebenarnya ini telah pun dibuat di dalam Belanjawan 2011 ini di mana sekarang ini bukan sahaja anak-anak boleh membuat tuntutan kepada perbelanjaan hospital, ubat-ubatan tetapi juga kalau anak yang membayar seorang penjaga ibu bapanya pun boleh, bayaran untuk *maid* juga boleh dipotong peruntukan RM5000 tadi.

Yang Berhormat Senator Datuk Datin Paduka Nor Hayati meminta input galakan cukai yang diberikan kepada kenderaan *hybrid*. Memang saya pun tadi berbincang tentang kereta *hybrid* ini, kerana galakan yang diberikan oleh kerajaan bukan sahaja dipanjangkan tempoh setahun lagi, yang sepatutnya berakhir pada Disember tahun ini dipanjangkan setahun lagi. Akan tetapi dari segi galakan duti import dikekalkan 100% dan duti eksais, *excise tax* dipotong 100%, dahulu kita berikan 50%, jadi 200% lah jika dikira. Jadi setelah saya kira-kira tadi, harga kereta-kereta *hybrid* ini telah menjadi cukup menarik sebenarnya. Jadi saya pun rasa kalau saya hendak membeli kereta, saya akan membeli kereta *hybrid* kerana tidak perlu membayar duti import dan *excise tax*. Ini jarang kita hendak mendapatkan insentif seperti ini kerana selalunya kalau hendak membayar cukai jika Ahli Dewan Negara pun ada pengecualian duti import dan *excise tax* kena bayar, kalau beli kan? Jadi jika membeli *hybrid* ini tidak perlu AP, kedua-duanya dikecualikan. Ini kepada Yang Berhormat Senator Mariani yang baru menjadi Ahli Dewan Negara, tidak perlu hendak mencari AP, beli sahaja *hybrid* kerana harganya murah. Saya tidak lah menjadi agen kepada kereta *hybrid* ini. *[Ketawa]*

Yang Berhormat Senator S. Ramakrishnan al Suppiah mencadangkan supaya dikenakan *windfall tax* ke atas galian dan juga pembalakan dan *windfall tax* ini kalau boleh berikan setengahnya kepada Orang Penan kerana kawasannya diadakan kegiatan tersebut. Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mengenakan *windfall tax* kepada mana-mana kegiatan lain selain daripada pengeluaran minyak sawit yang memang dikenakan *windfall tax* ini apabila harganya melebihi RM2500 satu tan di Semenanjung Malaysia dan RM3000 satu tan di Sabah dan Sarawak.

Kerajaan tidak bercadang untuk mengenakan *windfall tax* yang baru ke atas kegiatan-kegiatan lain khususnya kalau galian minyak dan gas kerana ini adalah satu kegiatan yang agak kritikal untuk negara. Cuma dari segi penggunaannya hendak diberikan kepada siapa itu, menurut Perlembagaan sebarang kutipan cukai hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan sebelum diperuntukkan bagi satu-satu tujuan perbelanjaan melalui proses belanjawan. Ia tidak boleh masuk hendak diberikan kepada kumpulan-kumpulan tertentu, jadi susah sedikitlah. Jadi jika hendak diberikan kepada Orang Penan pun, kita membuat bajetnya,

apa program Orang Penan yang kita hendak beri belanjawan. Jadi kita boleh membuat sedemikian, setidaknya mengenakan *windfall tax* dan *direct* kepada satu-satu kumpulan.

Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok memohon supaya cukai pendapatan individu dikurangkan 1%, barangkali supaya selaras dengan cukai korporat. Memang dari segi logiknya nampak ada tetapi kerajaan masih lagi tidak bercadang untuk berbuat sedemikian, satunya apabila 1% dikurangkan ia akan mengurangkan hasil kerajaan sebanyak RM1 bilion, jadi ini banyak 1% RM1 bilion. Keduanya, pada tahap 26% ini kita merasakan bahawa kita agak kompetitif kecuali *Singapore* dan Hong Kong. Itu pun *Singapore* dan Hong Kong, kalau dari segi pelepasan cukai yang kita berikan kepada individu kiat lebih banyak, kita memberi 18 pelepasan cukai kepada individu termasuklah yang ada anak istimewa, membeli komputer dan buku, menjaga ibu bapa yang uzur dan sebagainya. Jadi kalau dikira-kira memang banyak jugalah yang dikecualikan.

Jadi Yang Berhormat Senator Puan Chew juga mencadangkan supaya duti hiburan dikurangkan kepada 20% bagi filem-filem tempatan dan filem-filem lain, barangkali disokong oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Jins Samsudin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan ini masih dianggap tidak sesuai oleh kerajaan, kerana orang hendak pergi melihat filem itu barangkali tidak berapa kisah cukai hiburannya 20% atau tidak. Dia lebih pergi untuk mendapatkan hiburan dan mereka yang pergi itu barangkali yang mampu untuk melihatnya. Jadi belum lagi dianggap penting untuk kerajaan menurunkan cukai hiburan. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian...

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua saya minta maaf. Saya terlepas pandang Yang Berhormat Menteri, soalan saya ini Menteri Kerja Raya tidak jawab, Menteri Kewangan pun tidak jawab, agaknya soalan ini mungkin tidak penting, minta maaf saya. Saya ada membangkitkan isu mengenai jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor, ia tidak dijawab terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Oh, itu memang soalan kementerian mana itu? Jambatan itu barangkali Kementerian Pengangkutan atau JKR. Itu JKR. Kementerian Kewangan malangnya tidaklah terlibat sangat di dalam projek ini. Kalau kementerian lain rasa hendak buat, hendak meminta peruntukan, kita boleh mempertimbangkan, itu soal kita. Akan tetapi hendak menentukan jambatan mana, hendak dibina atau tidak itu bukan Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan hanya memperuntukkan apabila keputusan dibuat oleh Kabinet berdasarkan saranan oleh kementerian-kementerian berkenaan. Jadi bukan tidak mahu jawab tetapi hendak bercerita pasal hal anak orang ini susah, kalau anak sendiri boleh. Nanti orang kata yang *busy body* buat apa, dengan izin, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan sekarang kita seterusnya kita pergi kepada acara seterusnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka badi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua.

BACAAN KALI YANG KETIGA

▪2040

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2011 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu telah dipersetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan iaitu mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2) rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG AGENSI INOVASI MALAYSIA 2010

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.42 mlm.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk memperbadankan Agensi Inovasi Malaysia untuk merangsang dan membangunkan ekosistem inovasi di Malaysia ke arah mencapai Wawasan 2020 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan buat kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila huraikan dahulu, silakan.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah berjaya mencatatkan kemajuan besar dalam pembangunan ekonomi dan sosial semenjak mencapai kemerdekaan 53 tahun yang lalu. Walau bagaimanapun negara kita berhadapan dengan pelbagai cabaran baru dan perlu mengambil pendekatan yang berbeza untuk keluar daripada perangkap pendapatan sederhana ataupun dengan izin *middle income track* dan mencapai status negara maju menjelang 2020.

Untuk mencapai status negara maju, kita mesti berupaya bersaing di peringkat serantau dan juga global dan ini memerlukan kita melipatgandakan usaha untuk menarik pelaburan, memacu inovasi dan produktiviti. Pendekatan semasa tidak lagi memadai untuk mencapai objektif Wawasan 2020. Negara perlu berani membuat perubahan ekonomi dan ekosistem secara radikal.

Tumpuan kepada aktiviti-aktiviti yang menjana pendapatan tinggi di mana model ekonomi berasaskan tenaga buruh berkos rendah dan sektor pembuatan perlu beralih kepada satu modul berasaskan pengetahuan, kreativiti dan inovasi. Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Model Ekonomi Baru ataupun NEM telah mengenal pasti inovasi sebagai pemangkin atau *catalyst* dengan izin untuk merealisasikan transformasi ekonomi.

Secara am, inovasi boleh ditakrifkan sebagai idea baru pengetahuan atau proses yang dapat memudahkan serta menyebabkan perubahan positif dalam bentuk produk-produk baru perkhidmatan atau idea-idea yang bernas. Inovasi berperanan sebagai penjana ilmu pengetahuan, kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat. Inovasi juga bersifat multidisiplin, multidimensi serta merentasi sains dan teknologi.

Menyedari kepentingan inovasi sebagai faktor pelonjak dan kemapanan ekonomi, banyak negara termasuk Amerika Syarikat, Singapura, Australia, Taiwan, India, Hong Kong, Sweden dan Switzerland serta Kanada dan Itali telah memperkasakan ekosistem inovasi masing-masing dengan memperkenalkan undang-undang berkaitan inovasi dan menubuhkan agensi khusus mengenai inovasi.

Sungguhpun kesedaran masyarakat Malaysia mengenai inovasi semakin meningkat, kerajaan sedar bahawa ekosistem inovasi negara perlu diperkasa ke arah tahap yang lebih kondusif untuk inovasi berkembang lebih cergas.

Cabaran-cabaran perlu diatasi berhubung inovasi termasuklah:

- (i) kewujudan model intelektual domestik yang tersembunyi di kalangan institusi pengajian tinggi dan institusi pendidikan tempatan;
- (ii) kesulitan yang dihadapi oleh pencipta, penyelidik dan institusi untuk membangun dan memasarkan produk-produk berinovatif termasuk di pasaran domestik;
- (iii) perkongsian maklumat dan jalinan kerjasama yang terhad antara institusi pengajian tinggi dan penyelidikan dengan sektor swasta; dan

- (iv) pulangan pelaburan yang masih rendah daripada projek-projek R&D pembiayaan kerajaan.

Menyedari bahawa agenda inovasi negara memerlukan lonjakan yang besar atau *big push*, kerajaan komited untuk mengambil tindakan berterusan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk memperkukuhkan sistem inovasi Malaysia. Pendekatan ini adalah lebih efektif apabila diterajui oleh satu agensi khusus yang diberi mandat untuk memacu agenda inovasi negara. Sehubungan itu, kerajaan memutuskan untuk menubuhkan sebuah badan berkanun yang dikenali sebagai Agensi Inovasi Malaysia sebagai agensi peneraju ke arah memperkasa ekosistem inovasi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Agensi Inovasi Malaysia 2010 yang dicadangkan ini terdiri daripada tujuh bahagian dan 46 fasal. Izinkan saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini pada bahagian-bahagian dan fasal-fasal penting dalam rang undang-undang ini.

Bahagian I Pendahuluan. Fasal 2 mengehendkan kuat kuasa akta ini sehingga 31 Disember 2020 selaras dengan penubuhan Agensi Inovasi Malaysia iaitu untuk memacu agenda inovasi ke arah mencapai objektif Wawasan 2020. Fasal 46 menyatakan setelah akta ini dinyatakan luput, semua hak, kepentingan, kewajipan dan liabiliti yang timbul atau diperolehi akan diletakhakkan ke atas Menteri Kewangan. Kuasa untuk melanjutkan tempoh kuasa akta, walau bagaimanapun diberi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Bahagian II Agensi Inovasi Malaysia. Fasal 4 rang undang-undang ini memperuntukkan penubuhan Agensi Inovasi Malaysia sebagai badan berkanun yang boleh menyaman atau disaman. Fasal 5 menyenaraikan fungsi dan mandat Agensi Inovasi Malaysia yang mana termasuklah:

- (i) menggubal polisi, strategi dan hala tuju berhubung inovasi;
- (ii) menganjur, bekerjasama dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti dengan sektor awam dan swasta untuk merangsang inovasi di Malaysia;
- (iii) menjalankan kaji selidik berhubung inovasi dan ekosistem inovasi negara;
- (iv) mempromosi dan memudah cara aktiviti-aktiviti pelaburan berhubung inovasi oleh sektor awam dan swasta;
- (v) mempromosi selanjutnya budaya inovasi di kalangan sektor awam, swasta dan pendidikan;
- (vi) menasihati kerajaan di dalam perkara-perkara berhubung inovasi;
- (vii) mencadangkan komponen inovasi di dalam projek-projek strategik nasional ke arah mempertingkatkan nilai tambah dan kemampanan ataupun *sustainability* projek-projek tersebut.

Fasal 6 menyatakan kuasa Agensi Inovasi Malaysia, melaksanakan perkara-perkara yang perlu yang berkaitan dengan fungsi dan mandat yang diberikan. Ini termasuklah melaksanakan aktiviti-aktiviti bersifat komersial, mendapatkan maklumat dan mengenakan fi.

Fasal 7 menyatakan Agensi Inovasi Malaysia ditadbir oleh Majlis Tadbir Urus ataupun *Governance Council* yang terdiri daripada:

- (i) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Pengerusi;
- (ii) Menteri yang bertanggungjawab ke atas portfolio sains, teknologi dan inovasi;
- (iii) Menteri yang bertanggungjawab ke atas portfolio perdagangan dalam negeri, koperasi dan kepenggunaan;
- (iv) Menteri yang bertanggungjawab ke atas portfolio pendidikan tinggi;
- (v) Menteri yang bertanggungjawab ke atas portfolio kewangan;
- (vi) Menteri yang bertanggungjawab ke atas portfolio Unit Perancangan Ekonomi;
- (vii) Ketua Pegawai Eksekutif; dan
- (viii) Sepuluh ahli yang lain yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terdiri daripada individu-individu yang berkeelayakan atau berpengalaman dalam subjek inovasi, sains, teknologi, perniagaan, ekonomi atau polisi kerajaan.

Bahagian III Ketua Eksekutif, Pegawai dan kakitangan Agensi. Fasal 19 memperuntukkan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berdasarkan terma-terma yang ditentukan oleh beliau. Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab ke atas perjalanan pentadbiran harian Agensi Inovasi Malaysia dan perkara-perkara berhubung polisi dan hala tuju strategik tidak boleh diputuskan melainkan dengan kebenaran Majlis Tadbir Urus.

Bahagian IV Kewangan. Fasal 22 dan fasal 23 menyentuh mengenai perwujudan dana operasi bagi tujuan pembayaran perbelanjaan operasi organisasi dan dana inovasi untuk membiayai projek-projek atau aktiviti-aktiviti berhubung inovasi.

■2050

Fasal 27 mewajibkan kedua-dua penyata kewangan agensi dan pernyataan aktiviti disahkan oleh juru audit negara yang kemudiannya dikemukakan kepada Parlimen.

Bahagian V peruntukan berkaitan harta intelek. Fasal 28 menyatakan Agensi Inovasi Malaysia akan mewujudkan suatu Khazanah Pusat Harta Intelek Negara atau dengan izin, *National Intellectual Property Central Depository*. Sistem depository berpusat ini mengandungi data komprehensif atas semua jenis harta intelek yang terhasil dari semua aktiviti R&D pembiayaan kerajaan. Hak milik harta intelek tersebut walau bagaimanapun masih dipunyai oleh pemilik asal.

Maklumat di dalam sistem ini membolehkan agensi membuat penilaian untuk membangun atau mengkomersialkan harta intelek yang strategik dan mempunyai potensi pasaran. Peranan Agensi Inovasi Malaysia dalam konteks ini tidak akan bertindih dengan peranan Perbadanan Harta Intelek Malaysia. Tertakluk pada perjanjian yang dimeterai oleh pihak-pihak yang terlibat.

Fasal 29 membenarkan Agensi Inovasi Malaysia untuk memperoleh harta intelek hasil daripada pembiayaan kerajaan dan individu awam atau sektor swasta. Bagi harta intelek yang dimiliki sepenuhnya oleh individu atau sektor swasta, agensi dibenarkan untuk memperoleh harta intelek tersebut tertakluk pada perjanjian antara pihak-pihak yang terlibat.

Fasal 30 memberi hak kepada Agensi Inovasi Malaysia untuk mempromosi, membangun atau memasarkan harta intelek yang didaftarkan di dalam sistem depository dengan persetujuan Majlis Tadbir Urus dan pemilik harta intelek tersebut.

Bahagian VI, kuasa-kuasa lain agensi. Fasal 31, memperuntukkan kuasa pada Agensi Inovasi Nasional untuk melantik duta inovasi ataupun *innovation ambassador* dengan izin, bagi menasihati kementerian, institusi kerajaan dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan persekutuan atau *federal government link companies (GLC's)* berhubung inovasi, dan melaksanakan fungsinya.

Agensi Inovasi Malaysia dibenarkan di bawah fasal 33 untuk menubuhkan syarikat, memasuki perkongsian serta memegang ekuiti atau *security* dalam syarikat-syarikat yang terlibat dengan pengkomersialan inovasi.

Fasal ke 37 membolehkan Agensi Inovasi Malaysia memperaku produk atau perkhidmatan yang memenuhi kriteria-kriteria tertentu sebagai produk atau perkhidmatan berinovatif bagi tempoh maksimum dua tahun. Peruntukan ini bertujuan untuk memberi sokongan pada produk dan perkhidmatan tempatan yang berinovatif.

Pengiktirafan ini walau bagaimanapun tidak mengikat kerajaan atau agensi kepada jaminan faedah perniagaan atau keistimewaan undang-undang ke atas produk atau perkhidmatan tersebut. Agensi berhak menarik balik pengiktirafan tanpa sebarang ikatan pada kerajaan. Semua kementerian, institusi dan agensi kerajaan serta GLC's diwajibkan untuk memberi pertimbangan terhadap produk-produk tersebut dalam proses perolehan masing-masing.

Bahagian VII, pelbagai. Bahagian terakhir menyentuh tentang perkara-perkara am seperti kerahsiaan maklumat, kuasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang berkaitan serta kesalahan memberi maklumat palsu. Jadi Tuan Yang di-Pertua kita hanya mempunyai tempoh sembilan tahun lagi sebelum menjelang tahun 2020.

Penubuhan Agensi Inovasi Malaysia melalui rang undang-undang agensi inovasi Malaysia merupakan langkah pertama dan utama yang tentunya akan memberi lonjakan segera ataupun *jump start* ke arah menambah baik ekosistem inovasi negara untuk membuat anjakan

pada sebuah ekonomi negara maju menjelang 2020. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Siapa menyokong?

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memperbadankan Agensi Inovasi Malaysia untuk merangsang dan membangunkan ekosistem inovasi di Malaysia ke arah mencapai Wawasan 2020 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Datuk Akbar Ali.

8.54 mlm.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah malam ini semua. [Ketawa]

Datuk Akbar bin Ali: Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah di atas usaha kerajaan dalam menubuhkan AIM ini. Pada hemat saya kalau dilihat secara keseluruhan adalah merupakan satu prakarsa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melengkapkan lagi segala usaha, daya usaha yang beliau ingin lakukan. Di sinilah kekuatan saya rasa kerajaan sekarang, di mana idea-idea besar disokong oleh mekanisme atau institusi pelaksanaan dan dibantu oleh mekanisme atau institusi pemantauan.

Ini yang saya melihat AIM dalam konteks itu Tuan Yang di-Pertua, bagi menjayakan MBE, GTP dan sebagainya. Sehubungan itu, saya ingin merayulah kepada Obama contohnya **Sacuzzi** kalau untuk berjaya melaksanakan apa yang dibuat di sana yang dalam kacau bilau itu datanglah belajar ke Malaysia. Satu lagi kekuatan AIM ini apabila diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Kekuatannya ialah ia boleh merentasi semua kementerian yang ada. Kerana kita faham dari segi birokrasi yang ada. Kerana kita faham dari segi birokrasi kalau ada 28 buah kementerian seolah-olah ada 28 kerajaan. Ini yang kita lihat contoh tadi apabila sesuatu yang di bawah kementerian lain Menteri lain tidak bersedia atau *not gentleman* kalau hendak menjawabnya ini. Itu contoh.

Seterusnya saya setuju bahawa inovasi ini merentasi semua sektor, semua bidang kehidupan. Bermakna dia menyentuh prosedur, peraturan, pendekatan bekerja, *software*, *hardware* termasuk teknologi dan apa yang sering diperkatakan sekarang, GTP, ETP dan PTP itu sendiri adalah sebahagian daripada inovasi. Cuma yang satu perkataan *the key words* perkataan kunci yang berapa kali disebut oleh Datuk yang saya ingin juga menyorotnya kekuatannya ialah sebenarnya terletak kepada ekosistem inovasi itu sendiri.

Ekosistem ini ingin saya tegaskan ia mestilah dengan izin, kedua-duanya *vertically and horizontally integrated and connected*. Kalau ia tidak dalam ekosistem ini, kalau ia tidak mempunyai unsur *vertical and horizontal* integrasi dia akan menemui kegagalan. Kalau tidak keseluruhannya sebahagian. Saya ingin menarik perhatian apabila kerajaan ingin melaksanakan Malaysia sebagai hab pendidikan, *the center of excellent* dengan izin, contohnya mewujudkan sistem *twinning* akan tetapi oleh kerana tidak ada *vertical integration* contohnya biasiswa tidak diberikan kepada penuntut yang mengikuti *twinning program* untuk tahun dua atau tahun tiga tidak ada biasiswa untuk penuntut yang hanya memerlukan tahun ketiga.

Biasiswa disediakan untuk dari tahun pertama hingga tahun akhir. Akan tetapi untuk satu tahun, tahun terakhir tidak ada dasar untuk itu maka *student* yang mengikuti *twinning program* seperti ini telah mengalami masalah apabila tidak mendapat biasiswa. Jadi itu sebab kepentingan adanya *horizontal and vertical integration*.

Seterusnya saya ingin menarik perhatian sekurang-kurang dalam ekosistem ini ada sepuluh sub komponen dengan izin iaitu:

- (i) R&D;
- (ii) pengkomersialan;
- (iii) pengurusan - R&D tadi termasuklah penjanaannya;
- (iv) aktiviti sokongan seperti perbankan, perlesenan dan sekuriti yang menyokong ke arah inovasi;
- (v) sistem perlindungan untuk menjaga hak intelek tadi;
- (vi) pembangunan modal insan yang berkaitan;
- (vii) kesedaran awam juga supaya boleh berlaku *buy in* dengan izin, ;
- (viii) pelaburan;
- (ix) pemindahan teknologi kerana kita juga mungkin memerlukan harta intelek dari luar dan;
- (x) pembudayaan inovasi dan harta intelek.

Jadi saya berterima kasih kerana sebahagian daripada ini contohnya R&D, pengkomersialan dan juga pengurusan terdapat dalam bahagian V rang undang-undang ini.

■2100

Apa yang cuma saya ingin bertanya di sini, di bawah Bab V itu, apakah jaminan yang boleh diberikan? Sejauh mana keberkesanan usaha-usaha yang hendak dilakukan di bawah Bahagian V itu? Apakah perancangan kerajaan untuk menggalakkan misalnya penghasilan? Dalam hal ini, prasyarat yang penting di peringkat penghasilan ialah berapa banyak peruntukan disediakan untuk R&D. Ini kerana negara-negara maju, kekuatan ekonominya ialah antara lain terletak kepada R&D, bermakna *dollar and cent*.

Di Malaysia, saya ingin tanya Yang Berhormat sebab saya tidak dapat angka yang menyeluruh, berapa banyak kah peruntukan R&D di sektor swasta dan di sektor kerajaan yang

telah diperuntukkan? Kalau tidak ada tahun semasa, mungkin tahun 2009. Kalau tidak ada tahun semasa, mungkin tahun 2009 dan berapa peratus dari segi GDP?

Seterusnya dari segi usaha ini, tujuannya ialah tidak lain dan tidak bukan untuk meningkatkan kecekapan, *efficiency*, untuk melonjakkan produktiviti, untuk menurunkan kos yang mana *the net result* di peringkat itu ialah untuk mengukuhkan daya saing. Apabila mantapnya daya saing, maka kita boleh melonjakkan lagi pertumbuhan ekonomi terutama sekarang dalam konteks memajukan negara di bawah model MBE. Kekuatannya terletak bukan pada P-Ekonomi tetapi terletak di bawah K-Ekonomi yang mana sekarang kalau boleh dikenali dengan digital ekonomi. Jadi, saya ingin tahu untuk menjayakan ini semua, berapakah peruntukan di bawah Bajet 2011 yang kalau dilihat *in totality* dengan izin, berapakah peruntukan yang disediakan untuk menyuntik dan melonjakkan digital ekonomi ini?

Seterusnya di bawah fasal 32 di mana ada kuasa diberi untuk melantik khidmat agen dan pakar runding, saya mohonlah agar keutamaan diberi pada agen dan pakar runding tempatan. Janganlah kera di hutan disusukan, anak di pangkuan diletakkan. Kita harus mencontohi roh dan semangat apa yang dilakukan oleh mantan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir dahulu di mana beliau berani melakukan pembedahan jantung di hospital HKL sebelum adanya IJN dahulu. Oleh kerana keberanian beliau itu dan kerana sikap patriotisme beliau itu, maka dalam masa yang sama telah memberikan kekuatan kepada pakar-pakar kita dan negara kita menjadi lebih terkenal kerana kejayaan membedah jantung Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu. Kita harus mengikut langkah sedemikian, bukan mengutamakan pakar-pakar luar.

Dalam konteks peranan AIM ini, saya ingin tahu bagaimana ia berurusan dengan ada tiga agensi lain yang saya rasa agak penting iaitu pertama Jabatan Standard Malaysia (JSM), kedua SIRIM QA dan yang ketiga MPC. Saya lihat ia berkaitan tetapi bagaimana nanti hendak mengurus supaya dapat berlaku proses dengan izin, *complementarily*?

Seterusnya saya ingin menarik – penghabisan memandangkan masa pun tidak banyak. Saya haraplah akan ada *database* bukan sahaja berkenaan harta intelek ini tetapi *database* apabila dana-dana diberikan kepada pemohon-pemohon yang lengkap mengikut warganegara, mengikut kaum, mengikut sosioekonomi dan sebagainya. Saya harap *database* ini diwujudkan. Jangan berlaku seperti mana sekarang, apabila saya minta maklumat, Oh! Maklumat ini tidak dipungut. Ini berlaku. Contohnya, di PSMB, apabila saya minta maklumat dana yang diberikan kepada syarikat-syarikat, tidak ada maklumat mengikut misal kata hak milik. Ini pada saya kurang munasabah.

Begitu juga *Tourism Malaysia*, apabila kita minta maklumat kepada kontraktor kontrak mana yang diberikan sumbangan atau mendapat kontrak, juga dikatakan tidak ada maklumat. Ini agak meragui. Jadi, saya haraplah awal-awal lagi perkara-perkara seperti ini dapat dielakkan. Saya dengan bangga diri, dengan sepenuh sukacita menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

9.05 mlm.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut sama membahaskan Rang Undang-undang Agensi Inovasi Malaysia 2010. Saya ada lebih kurang dalam 11 isu yang pendek-pendek saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri menjawab.

Pertama, berkaitan dengan bila mana kita menubuhkan sebuah agensi, kita namakan Agensi Inovasi Malaysia. Saya percaya agensi ini bukanlah satu agensi pemasaran tetapi lebih bersifat kepada satu agensi untuk kita *consult*, untuk kita dapatkan rujukan ataupun pengesahan tentang mana-mana harta intelek yang kita dapati di Malaysia. Saya pohon dibuat pengesahan tentang perkara ini. Itu yang pertama.

Kedua, apakah *international relation* ataupun hubungan antarabangsa kita dengan Agensi Inovasi Antarabangsa? Kebanyakan kita lihat di dalam Internet, kita dapat lihat di seluruh dunia sudah ada *innovation agency*. Jadi, selepas pada ini bagaimana link yang akan kita buat di peringkat internasional tentang *innovation agency* ini? Ini kerana kita percaya inovasi ini perkara yang berkembang tiap-tiap hari dan ia berkembang cepat. Jadi, kalau link ini tidak dibuat dalam bentuk ASEAN, dalam bentuk Asia, dalam bentuk Asia Pasifik dan sebagainya, kita mungkin akan terlambat dan mungkin harta intelek itu akan disahkan oleh pihak lain terlebih dahulu.

Ketiga, tadi Yang Berhormat Menteri sebut tentang bahawa terdapat perbezaan antara Perbadanan Harta Intelek Negara dengan Khazanah Harta Intelek. Saya pohon dijelaskan sedikit apa perbezaan antara keduanya.

Keempat, berkaitan dengan Duta Inovasi. Bila disebut Duta Inovasi di bawah seksyen 31 dan di bawah seksyen 31(7), dengan jelas menyatakan bahawa sekiranya dilantik Duta Inovasi tersebut - Di bawah 31(7), "*jika seseorang Duta Inovasi dilantik di bawah subseksyen (1), kementerian, institusi atau agensi kerajaan dan syarikat berkenaan berkaitan Kerajaan Persekutuan hendaklah bekerjasama dengan Duta Inovasi itu*". Saya hendak tanya di sini, dalam konteks ini siapa yang lebih besar? Duta Inovasi lebih besar atau kementerian lebih besar? Ini kerana dalam konteks ini, kita lihat kementerian agensi kerajaan ini diminta bekerjasama dengan Duta Inovasi. Sekarang yang lantik Duta Inovasi kita. Jadi, kenapa pula kita yang perlu bekerjasama. Sepatutnya dibuat ayat, Duta Inovasi hendaklah bekerjasama dengan kementerian, agensi. Jadi, sekarang ini lebih nampak macam dia lebih besar dari kita selepas kita lantik dia.

Berapa jumlah had Duta Inovasi ini kita boleh lantik? Ini kerana kita hendaklah memberi saraan dan elaun kepada mereka sebagaimana yang disebut dalam seksyen 31(2). Begitu juga dengan apabila disebut segala-galanya akan dikumpulkan, di kolaborasi di bawah Agensi Inovasi Malaysia. Ini bererti kita memerlukan ramai pakar yang benar-benar pakar, *full of expertise* yang mungkin sesetengah inovasi ini memerlukan lebih **label trial** yang tertentu. Di dalam konteks ini,

bagaimanakah prasarana serta infrastruktur untuk pengesahan inovasi-inovasi ini dapat dibuat sedangkan kita mempunyai inovasi yang berbeza yang akan dikumpulkan di bawah satu agensi seperti ini.

Keenam, berkaitan dengan apabila disebut Agensi Inovasi ini akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri. Jadi dalam jangkaan sekarang, berapa kerap kah kita agak boleh mereka ini berkumpul? Ini kerana segala-galanya – kita lihat Perdana Menteri amat sibuk. Jadi kalau dalam konteks ini, bagaimana kita hendak pastikan benar-benar Agensi Inovasi ini akan jadi kenyataan? Mengapa tidak diletakkan di bawah Kementerian Inovasi? Saya rasa walaupun ada 28 kementerian, kalau kita percaya kepada Menteri yang berkenaan yang mampu, tidak perlu kita letak bawah Perdana Menteri semua. Kalau hendak kira macam ini, hendak memudahkan, semua agensi perlu letak bawah Perdana Menteri lah, baru semua berjalan. Kemudian berkenaan dengan agensi di peringkat negeri. Bila disebut Agensi Inovasi Malaysia, akan adakah agensi seperti ini di peringkat negeri untuk melancarkan mungkin juga harta intelek di peringkat negeri?

Berkenaan dengan seksyen 37(1), terdapat kesilapan ejaan. Seksyen 37(1) perkataan perkhidmatan dieja 'perkhidmtan'. Jadi ini perlu pindaan sebelum kita luluskan dalam mungkin dalam pihak jawatankuasa. Di bawah seksyen 37(1), perkataan perkhidmatan.

Isu yang seterusnya berkenaan 37(6). Disebut seksyen 37(6)(b) berkaitan dengan bahawa pengendorsan di bawah seksyen ini tidaklah memberi apa-apa manfaat perniagaan ataupun apa-apa layanan istimewa di bawah undang-undang bertulis.

■2110

Jadi, apa perlunya kita mendapat pengendorsan daripada Agensi Inovasi Malaysia sedangkan tiada apa-apa jangkaan manfaat perniagaan mahupun apa-apa – dan ia bertulis, di bawah undang-undang bertulis yang kita tidak akan dapat daripada pengendorsan. Seperti SIRIM, apabila kita dapat perakuan SIRIM, dengan sendirinya kita akan dapat satu tempat yang istimewa. Dalam kes ini, apabila kita endors, *endorsement* kita tidak memberi apa-apa impak. Saya mahu tanya di sini kepada Yang Berhormat Menteri, apa maksud di sini?

Di bawah seksyen 37(8), disebut pula semua kementerian, institut atau agensi kerajaan hendaklah mempertimbangkan produk atau pun perkhidmatan inovatif yang diendors di bawah seksyen ini semasa membuat aktiviti perolehan mereka. Seksyen 37(6) kata tidak ada benda yang istimewa tetapi di bawah seksyen 37(8) – maknanya bila kerajaan mahu buat apa-apa *procurement* atau perolehan, hendaklah mempertimbangkan *endorsement* di bawah seksyen ini. Jadi, saya mahu tanya, kenapa seolah-olahnya ada sedikit pertelingkahan atau percanggahan antara kedua-dua seksyen ini?

Di bawah seksyen 29(1), disebut bahawa harta intelek itu dalam mana-mana dapatan penyelidikan dibiayai sepenuhnya atau sebahagiannya oleh kerajaan, maka ianya boleh diperolehi oleh agensi ini tertakluk kepada terma-terma perjanjian antara agensi dengan badan

atau pun organisasi tersebut. Saya mahu tanya di sini ialah bila mana harta intelek ini didapati oleh sesuatu dapatan yang dibuat atau dibiayai oleh kerajaan, adakah secara automatik agensi ini berhak? Maknanya, tidak perlu ada sebarang permohonan. Seolah-olahnya kalau kita lihat di bawah seksyen 29 ini, ia akan jadi secara automatik. Maknanya tidak perlu permohonan atau prosedur lain dan terus dapat kepada Pusat Harta Intelek Negara ini untuk terus mempunyai kuasa ke atas dapatan daripada harta intelek tersebut. Saya pohon penjelasan.

Terakhir, bagaimanakah kerajaan bercadang untuk menjadikan Agensi Inovasi Malaysia ini untuk benar-benar kondusif untuk menjamin bahawa segala *business* yang ada dalam negara kita ini, agensi kerajaan dan juga rakyat akan dapat manfaat yang sepenuhnya daripada penubuhan Agensi Inovasi Malaysia ini? Saya dengan demikian mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kerana tidak ada lagi ahli-ahli mahu...

Dato' Zaitun binti Mat: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Okey, silakan.

9.12 mlm.

Dato' Zaitun binti Mat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana beri kesempatan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Agensi Inovasi Malaysia 2010. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana perkenalkan Rang Undang-undang Agensi Inovasi Malaysia 2010 ini.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan memperkenalkan Rang Undang-undang Agensi Inovasi Malaysia 2010 ini adalah selari dengan strategi dan matlamat Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi mencapai negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Dalam hubungan ini, inovasi merupakan faktor utama untuk meningkatkan produktiviti khususnya, bagi meningkatkan daya saing, eksploitasi idea baru dan tambah nilai. Dalam hubungan ini, kerajaan perlu membentuk persekitaran yang menyokong inovasi kepada syarikat organisasi penyelidikan dan individu bagi menceburi aktiviti inovatif dengan lebih baik termasuklah pembangunan sumber manusia dan modal insan, pelaburan dalam infrastruktur inovasi dan memupuk penerokaan bidang baru melalui inkubator. Malah, langkah kerajaan untuk mewujudkan Agensi Inovasi Malaysia adalah inisiatif yang tepat pada masanya untuk menggembeng segala daya usaha merealisasikan Dasar Inovasi Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh seksyen 5 berhubung dengan fungsi Agensi Inovasi Malaysia ini. Dalam usaha mengalih tumpuan negara kepada pertumbuhan berasaskan produktiviti yang dipacu inovasi, kerajaan telah menubuhkan Unit Inovasi Khas di bawah Jabatan Perdana Menteri yang akan memandu dan mengarah keberkesanan Sistem Inovasi Negara serta program pembangunan inovasi sedia ada. Unit Inovasi Khas telah diumumkan penubuhannya oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak pada 16 Julai 2010 lalu dan sepatutnya

telah beroperasi dalam tempoh dua minggu dari tarikh penubuhannya. Asas penubuhan UNIK ini adalah untuk memperkasakan strategi dan dasar yang akan memupuk inovasi di negara ini.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah peranan dan fungsi Agensi Inovasi Malaysia berbanding Unit Inovasi Khas supaya tidak bertindih dari segi peranan dan fungsi untuk memacu pertumbuhan inovasi negara?

Kedua, adakah AIM akan juga bertanggungjawab mengenal pasti kaedah penyelesaian bagi mengatasi jurang yang wujud dalam menghasilkan ekosistem inovasi termasuk membuat penilaian kepada semua bidang dalam ekosistem iaitu membabitkan kerajaan, sistem pendidikan, pembiayaan, dan kemahiran?

Ketiga, adakah perkembangan Model Inovasi Negara yang telah diwujudkan tahun 2005 dan diluluskan pada tahun 2007 dan Majlis Inovasi Negara yang telah dilancarkan dua tahun lalu dalam merintis untuk membangunkan dan menggubal Dasar Inovasi Negara – sudahkah Dasar Inovasi Negara ini siap disempurnakan? Sejauh manakah AIM akan bekerjasama dengan Pusat Inovasi Negara yang telah ditubuhkan Oktober 2009 sebagai badan yang bertanggungjawab melaksanakan inovasi, bukan sahaja dari segi produk tetapi juga dari segi pemrosesan, penghantaran dan pemasaran?

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2010 telah diisytiharkan oleh kerajaan sebagai Tahun Inovasi dan Kreativiti, dikenali sebagai Malaysia Inovatif 2010 sebagai inisiatif untuk melakukan perubahan melalui inovasi secara menyeluruh untuk membawa negara ke tahap ekonomi yang lebih maju. Malaysia Inovatif 2010 telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 27 Januari 2010 dengan tema 'Meraikan Kreativiti'. Sambutan Malaysia Inovatif 2010 ini telah memeriahkan dengan beberapa acara di Kangar iaitu di negeri Perlis; Keningau, Sabah; Kuala Terengganu, Terengganu; Pagoh, Johor; Sibul, Sarawak; dan Melaka, selain Program Jiran Muda di Sabah dan Sarawak yang Kreatif Asean, pertandingan inovasi dan Festival Inovasi Malaysia.

Persoalannya, sejauh manakah keseluruhan usaha ini telah berjaya menimbulkan kesedaran ke atas kepentingan inovasi dan kreativiti dari segi ekonomi dan peningkatan produktiviti serta eksploitasi atau penjanaaan idea baru? Sejauh manakah program-program dalam Malaysia Inovatif 2010 ini telah membantu pertumbuhan inovasi negara?

Tuan Yang di-pertua, saya ingin menyentuh seksyen 7 akta ini berhubung dengan anggota Majlis Tadbir Urus Agensi Inovasi Negara yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang menunjukkan iltizam kerajaan untuk membangun dan menggalakkan inovasi negara. Selain itu, Majlis Tadbir Urus AIM juga akan dianggotai oleh Menteri berkaitan pembangunan inovasi seperti Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan, Menteri Pengajian Tinggi, Menteri Kewangan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dan sepuluh anggota yang memiliki kelayakan pengetahuan dan berpengalaman berkaitan.

Langkah kerajaan memilih anggota Majlis Tadbir Urus AIM ini secara teliti dan menyeluruh dari segi bidang inovasi ini adalah wajar memandangkan inovasi terhasil daripada penambahbaikan produk, proses, dan struktur organisasi.

■2120

Inovasi ini juga melibatkan pembentukan dan penyerapan pengetahuan. Sebahagian besar inovasi dalam ekonomi terhasil daripada usaha berterusan oleh syarikat, institusi dan individu dalam menambahbaikkan produk dan proses serta mengenal pasti atau meneroka pasaran. Dalam hubungan ini kerajaan perlu menyediakan persekitaran perniagaan yang cekap, fleksibel dan rancak. Selain itu pelaburan dalam bidang sains, penyelidikan dan pendidikan juga berperanan sebagai jentera penggerak inovasi negara.

Tuan Yang di-Pertua dalam memacu pertumbuhan inovasi, AIM perlu mengurus dan bekerjasama dalam menyelaraskan pelaksanaan aktiviti inovasi antara sektor awam dan swasta untuk merangsang inovasi. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan untuk mengambil tindakan berterusan bagi memperkukuhkan sistem inovasi negara khususnya melalui bentuk persekitaran yang menyokong inovasi, mewujudkan peluang inovasi, menyediakan pemboleh inovasi dan membiayai inovasi? Sehubungan dengan itu saya ingin membangkitkan peranan penting yang dimainkan oleh perusahaan kecil dan sederhana sebagai jentera pertumbuhan dan inovasi. Antara langkah penting yang perlu dilaksanakan ialah menambah baik kaedah pembiayaan bagi syarikat modal teroka awam.

Pada masa ini pembiayaan kerajaan kepada syarikat modal teroka awam seperti Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia dan Malaysian Venture Capital disediakan melalui pinjaman jangka panjang. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan sejauh manakah pencapaian dan kejayaan cadangan kerajaan dalam RMKe-10 ini akan melaksanakan pembiayaan bentuk ekuiti dan bukan pinjaman iaitu pembiayaan ekuiti dipadankan dengan profil risiko pelaburan modal teroka. Sejauh manakah Dana Inovasi Murabahah (MIS) dengan peruntukan RM500 juta yang telah diperkenalkan bagi menyediakan modal berisiko kepada syarikat modal teroka kerajaan dapat meningkatkan pertumbuhan inovasi negara.

Kerajaan akan menubuhkan dana perkembangan perniagaan dengan peruntukan permulaan RM150 juta. Sejauh manakah dana ini dapat merapatkan jurang pembiayaan antara pengkomersialan peringkat awal dan pembiayaan modal teroka bagi produk berteknologi tinggi khususnya bagi memacu inovasi negara?

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan akan terus menyokong pembangunan perusahaan kecil dan sederhana termasuk syarikat kecil yang masih pada peringkat awal berkembang sehingga ke tahap global. Kerajaan juga sepatutnya turut menggalakkan PKS asing bekerjasama dengan PKS tempatan supaya mendapat manfaat bersama khususnya dalam bidang inovasi. Sehubungan dengan itu kerajaan hendaklah memastikan PKS mendapat akses yang mudah kepada pembiayaan. Pada masa kini kerajaan ada menyediakan Skim Jaminan

Modal Kerja berjumlah RM7 bilion dan Skim Jaminan Penstrukturan Semula Industri berjumlah RM3 bilion yang diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, sejauh manakah kedua-dua skim berjaya melonjakkan pertumbuhan inovasi negara? Sejauh manakah PKS yang memperoleh pengiktirafan tempatan atau anugerah antarabangsa akan diberi akses atau keutamaan dalam proses bidaan perolehan kerajaan atau syarikat berkaitan kerajaan GLC. Apakah langkah kerajaan untuk mempertingkatkan lagi sumber kewangan PKS atau Agrobank supaya dapat memberi perkhidmatan yang efektif kepada usahawan PKS khususnya untuk membangunkan perniagaan yang inovatif?

Apakah jaminan kerajaan bagi memastikan SME Group akan diberi peruntukan yang secukupnya bagi memastikan PKS berpotensi untuk berjaya dapat dibantu dalam bidang inovasi. Sehubungan dengan itu apakah peranan dan fungsi Agensi Inovasi Malaysia ini akan menyediakan jumlah dana yang sesuai untuk PKS, khususnya yang terlibat secara langsung dalam membangunkan perniagaan yang berbentuk inovasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh betapa pentingnya dalam memaju pertumbuhan inovasi negara, kerajaan sewajarnya pada masa yang sama perlu mengkaji undang-undang kemuflian negara ini supaya tidak sewenang-wenangnya digunakan oleh institusi kewangan. Kerajaan perlu mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk menyokong budaya mengambil risiko terhitung, menghapuskan stigma kegagalan dan membenarkan usahawan berkaliber yang pernah gagal untuk kembali aktif.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh seksyen 2(1), akta ini yang mengatakan ia terpakai sehingga 31 Disember 2020 iaitu sembilan tahun sahaja lagi. Adalah menjadi cabaran Agensi Inovasi Malaysia ini untuk membangun, memacu dan memperkukuhkan pelbagai aspek aktiviti inovasi negara menjelang 2020. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Menteri jawab.

9.27 mlm.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada tiga Ahli Yang Berhormat Senator yang telah terlibat dalam perbahasan bagi Akta Rang Undang-undang Agensi Inovasi Malaysia. Saya akan cuba menghuraikan satu-persatu, cuma ada beberapa perkara saya kira mungkin tidak dapat saya jawab secara spesifik sebab ia terkeluar sedikit daripada apa yang dibincangkan di bawah AIM ini ataupun Agensi Inovasi Malaysia. Saya akan cuba mendapat maklumat dan akan memberi penjelasan setakat apa yang saya termampu.

Berkaitan dengan Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali yang bertanyakan berkaitan dengan – saya amat bersetujulah dengan pandangan bahawa secara keseluruhannya

kita ada lebih kurang sepuluh yang disebutkan oleh Yang Berhormat, ekosistem untuk kita berkaitan dengan inovasi. Akan tetapi kita juga melihat kepada beberapa perkara lain, selain daripada apa yang telah disebutkan tadi.

Saya bersetuju dengan sepuluh itu tetapi ada beberapa perkara yang kita perlu fokuskan dan berkaitan dengan apa Yang Berhormat katakan iaitu memang saya amat bersetuju bahawa bila kita tubuhkan AIM ini dan juga inovasi, kita kena melihat pada ekosistem. Oleh sebab itu komitmen kerajaan dengan adanya GTP, ETP dan sebagainya sebenarnya menunjukkan pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif untuk kita menangani persaingan yang kita hadapi dan apa kedudukan kita sekarang ini.

Oleh sebab itu kita melihat bahawa dengan wujudnya PEMANDU misalnya, dengan adanya *lab* yang kita lakukan dan akhirnya bila kita tubuhkan UNIK maka lahirah apa yang disarankan iaitu Agensi Inovasi Malaysia ini. Dengan adanya agensi ini hasil daripada perbincangan di peringkat UNIK maka nanti bila tertubuhnya agensi ini maka UNIK tidak akan berperanan lagi tetapi agensi inilah yang akan memainkan peranan keseluruhannya. Sebagaimana saya katakan dalam pembukaan tadi bahawa fungsi agensi ini ialah untuk kita melihat kepada keseluruhan ekosistem. Untuk kita melihat dasar dan strategi bagaimana kita dapat merapatkan jurang keseluruhan ekosistem yang ada.

■2130

Kita hendak melihat, bagaimana kita hendak dapat mempercepatkan R&D yang ada sekarang. Bagaimana kita hendak bawakan *commercialization* misalnya. Bagaimana kita hendak aplikasikan kepada rakyat dan bagaimana kita hendak menghubungkan antara modal insan. Bagaimana kita hendak hubungkan pada keseluruhan dana yang ada begitu banyak sekarang ini ditadbir uruskan oleh banyak kementerian. Dengan ada agensi ini, sekurang-kurangnya ada agensi yang dapat melihat kepada keseluruhan ini dan akhirnya akan dapat memberi kepada cadangan apakah pendekatan yang lebih sesuai untuk kita lakukan supaya apa yang kita berikan sekarang ini dengan dana yang begitu besar akhirnya dapat diterjemahkan kepada pulangan. Bukan sahaja kepada kerajaan, bukan sahaja kepada negara tetapi keseluruhannya pada rakyat.

Jadi persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Akbar misalnya, apa pencapaian kita setakat ini berkaitan dengan GED berbanding dengan GTP? Sasaran kita memang 100% tetapi setakat ini pencapaiannya kita belum sampai ke tahap 100%. Dua tahun 2004 kita hanya mencapai 0.64% dari segi *allocation*, 2006 0.69% dan 2009 kalau kita bandingkan GED dan GTP hanya 0.25%. Sebab itu kita kena melihat dengan dana yang terhad ini bagaimana dengan dana ini kita dapat urus tadbir dengan lebih efektif dan efisien. Sebab itu saya kira AIM akan memainkan peranan yang amat besar dalam konteks ini.

Saya amat bersetuju Yang Berhormat menyentuh juga berkaitan dengan fasal 32 untuk memberi keutamaan kepada orang atau konsultan tempatan dan memang benar kita akan memberi keutamaan. Sebab itu kalau kita melihat dalam semangat akta ataupun Agensi Inovasi

Malaysia ini. Ada satu peruntukan di mana kita bagi peruntukan berkaitan dengan *endorsement product* sekalipun, *endorsement services*. Ini di mana kalau agen sini memberi *endorsement* maknanya mengesahkan bahawa produk ini adalah produk inovatif yang telah dikeluarkan oleh Malaysia.

Kerajaan sama ada kementerian, agensi, jabatan mahupun GLC perlu memberi keutamaan ataupun memberi pertimbangan yang lebih utama kepada produk-produk yang dihasilkan. Walaupun mereka mungkin tidak terikat tetapi memberi pertimbangan itu memadai, saya kira untuk kita memperuntukkan bahawa apa-apa produk yang telah di *endorsed* ini mesti diberi pertimbangan oleh syarikat-syarikat ataupun agensi ataupun jabatan di bawah kerajaan.

Berkaitan dengan *database* harta intelek supaya ia lengkap, merangkumi bukan sahaja dari segi berapa dana yang diberikan, siapa yang mendapat dana, apa bidang R&D yang dilakukan. *Insyaa-Allah*, dengan adanya tertubuhnya AIM ini dan juga pusat khazanah yang akan ditubuhkan di bawah agensi ini ia akan merangkumi lebih terperinci lagi apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat.

Saya kira saya sudah menjawab Yang Berhormat Datuk Akbar dan saya beralih kepada Yang Berhormat Mumtaz ada 11 lebih kurang isu yang dibangkitkan. Daripada isu-isu yang dibangkitkan tadi, apa peranan agensi. Saya katakan tadi di bawah fasal 5 menerangkan dengan jelas apakah fungsi yang dimainkan oleh Agensi Inovasi Malaysia iaitu merumuskan dasar, strategi dan haluan negara. Berhubung dengan inovasi, menguruskan, bekerjasama dan menyelaraskan semua aktiviti berkaitan dengan inovasi, berkaitan dengan sektor awam dan juga bagaimana kita hendak merangsang sektor swasta berkaitan dengan inovasi dan semua perkara yang termaktub di dalam fasal 5. Yang Berhormat Mumtaz, saya kira boleh kita rujuk berkaitan dengan peranan yang dimainkan oleh AIM.

Bagaimana kita hendak *link* pula dengan agensi-agensinya yang ditubuhkan di peringkat antarabangsa? Dengan adanya agensi ini saya kira ia akan dapat kita rapatkan jalinan ataupun jaringan dengan antarabangsa. Sekarang ini pun sudah ada cuma sekarang ini kita akan pindahkan supaya ianya lebih fokus kepada jaringan-jaringan di peringkat antarabangsa berkaitan dengan apa aktiviti, bukan sahaja dari segi *research and development* tetapi kita boleh *recommend* ataupun mengusulkan kepada universiti dan *research institute* dan pelbagai bagaimana kita hendak hubungkan dengan pusat atau *research institute* yang berada di luar negara. Jadi ini lebih efektif saya kira hubungan adanya agensi yang lebih fokus

Juga, apa beza *MyIPO* dan Khazanah Pusat IP Negara? Yang termaktub di dalam perundangan yang kita bentangkan tadi *MyIPO* adalah badan yang ditubuhkan yang ada hubung kait dengan WIPO - *international body*. Ini di mana kalau kita ada *pattern* misalnya, ada *ideas* yang kita hendak daftarkan, kita kena daftarkan dengan *MyIPO*. Akan tetapi daftar yang ada di Khazanah Pusat IP Negara ini lebih mendaftarkan apa yang telah didaftarkan tadi kita boleh

scan, supaya kalau misalnya kalau didanakan oleh kerajaan maka ia wajib mesti didaftarkan dengan Pusat Khazanah IP Negara.

Dengan adanya itu kita akan lebih terancang untuk melihat apa-apa dana yang ada *research and development* yang diberikan dana oleh kerajaan maka kita akan ada satu *data based* yang lengkap maknanya. Akan tetapi dari segi hak harta intelek masih tetap kepunyaan pencipta harta intelek tersebut, yang mesti didaftarkan juga dengan *MyIPO*. Sebab *MyIPO* yang bertanggungjawab di bawah perbadanan bukan sahaja Malaysia dan antarabangsa bahawa mesti didaftarkan di situ.

Kita lebih bertujuan untuk urus tadbir segala harta intelek itu lebih untuk tujuan urus tadbir misalnya kalau nanti dapat dikenal pasti melalui Pusat Khazanah tersebut, ada IP yang belum di bawa ke pasaran misalnya ataupun ada potensi untuk di bawa ke pasaran maka AIM inilah akan mempromosikan tetapi sebelum dibawa mereka akan berbincang dengan pemilik harta intelek itu supaya dapat dilakukan rundingan dari segi *return*, perkongsian *return* dan sebagainya. Ia akan dilakukan secara perundingan, ia tidak akan ambil terus jadi kepunyaan AIM semata-mata tidak.

Ia mesti dilakukan sebab itu dalam peruntukan akta rang undang-undang ini memang dinyatakan dengan jelas bahawa kita mesti mendaftarkan apa-apa *research development* yang *funded by government* dengan izin. Ia mesti didaftarkan supaya senang kita ada *database* yang lengkap dan kita akan dapat menguruskan dan memastikan apa-apa yang diberi dana oleh kerajaan akan dapat dibawa sama ada ke pasaran, diaplikasikan kepada masyarakat dan kita dapat buat pelbagai perkara dengan adanya *database* yang lebih lengkap.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Sedikit penjelasan. So dalam konteks ini yang saya hendak tanyakan adakah ini termasuk juga GLC? Apabila disebut tidak dibiayai kerajaan, adakah ia terlibat dengan GLC dan yang kedua kalau dibiayai kerajaan maknanya Agensi Inovasi akan mendaftarkan mereka serta simpan maklumat dan promosi. Sekiranya mereka ini pihak swasta maknanya ada kemungkinan kalau mereka tidak mendaftar dengan perbadanan tadi, benda ini tidak tahu ke mana-mana dan sudah tidak dapat dikesan dan maknanya mereka tidak boleh didaftarkan *direct* dengan agensi ini.

Datuk Fadillah bin Yusof: Apa yang kita hendak lakukan ialah satu dengan adanya Pusat Khazanah IP Negara ini ialah untuk mentadbir urus berkaitan dengan segala IP atau *research development* yang didanakan oleh kerajaan. Kalau ia melibatkan individu yang bukan diberi *funding* oleh kerajaan, maka mereka bolehlah hendak mendaftar secara sukarela ataupun tidak. Akan tetapi kita tidak akan melihat kepada perkara tersebut, tetapi itu secara *volunteer*. Kalau mereka hendak daftarkan maka mereka boleh untuk mendapat bantuan khidmat daripada AIM untuk memasarkan misalnya maka itu sebahagian daripada peranan yang boleh dimainkan oleh AIM.

Seterusnya berkaitan dengan prasarana atau infrastruktur untuk pengesahan. Tadi saya sudah sentuh pengesahan atau *endorsement* apa-apa IP ataupun produk yang telah disahkan oleh AIM. Ia bertujuan - mengapa timbul seolah-olah ada percanggahan? Satu, apabila kita *endorse* tetapi ia tidak akan memberi sebarang tanggungan ataupun liabiliti kepada AIM. Apabila kita mengesahkan tidak semestinya bahawa kita mengesahkan produk ini adalah produk yang mengikut *standard* misalnya, tidak. Kita hanya mengesahkan bahawa okey *research development* dan apa-apa yang dilakukan memang kita melihat bahawa produk ini adalah hasil idea ciptaan tempatan.

■2140

Maka kita *endorse* kan dari segi itu tetapi sama ada ianya ada implikasi lain termasuklah dari segi jaminan dari segi produk bukan AIM yang beri, itu mesti ditanggung oleh pencipta tersebut. Keduanya, mengapa kita memberi pula kepada kementerian, agensi-agensi kerajaan untuk memberi pertimbangan. Ini untuk menunjukkan bahawa untuk kita menggalakkan inovasi tempatan ini diberi pertimbangan sewajarnya. Akan tetapi kita tidak boleh mewajibkan sebab *procurement system* kita kena berikan hak kepada penilai-penilai di kementerian, jabatan dan agensi untuk menilai adakah produk ini kompetitif, adakah ianya mengikut *spec* dan sebagainya. Jadi kita kena bagi perimbangan dari segi tersebut. Oleh sebab itu saya melihat tiada percanggahan sebenarnya peruntukan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Akhirnya saya beralih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun. Banyak perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Ada perkara saya mohon untuk menjawab secara bertulis, saya akan menyentuh berkaitan dengan apa bezanya UNIK dan AIM. UNIK saya katakan tadi adalah satu unit yang telah ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri, sudah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan hasil daripada penubuhan UNIK inilah maka mereka telah membuat perbincangan. Hasil daripada perbincangan, tinjauan dan sebagainya, maka dicadangkanlah setelah berbincang dengan kementerian, kami sebagai penaja dan sebagainya untuk kita tubuhkan Agensi Inovasi Malaysia ini. Bila tertubuhnya Agensi Inovasi Malaysia ini nanti, maka UNIK ini pun habislah peranannya sebab peranan ini akan diambil alih oleh AIM yang akan melihat kepada semua inisiatif yang diperuntukkan di bawah rang undang-undang ini tadi untuk memainkan peranan sama ada dari segi penyelarasan, promosi dan juga segala kaitan yang dimaksudkan di dalam fasal 5 rang undang-undang tadi.

Yang lain-lain saya mohon untuk menjawab secara bertulis. Saya boleh menjawab sebenarnya berkaitan Malaysia Inovatif 2010 tetapi ianya mungkin terkeluar sedikit daripada tajuk yang kita bincangkan hari ini berkaitan dengan Agensi Inovasi Malaysia tetapi saya akan memberi laporan kepada Yang Berhormat secara bertulis segala yang ditimbulkan selain daripada Agensi Inovasi Malaysia ini. Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah memberi sokongan kepada rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 46 -

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita pergi ke perkara tersebut. Tadi ada dibincangkan, dibahaskan oleh Yang Berhormat Mumtaz bahawa seksyen ...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: 37(1).

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Ya, 37(1). Kalau kita melihat 37(1) barisan yang terakhir iaitu perkhidmatan di baris yang terakhir tertinggal ejaan 'a' dalam teks bahasa Malaysia tetapi tidak melibatkan teks asal bahasa Inggeris. Jadi saya mohon mencadangkan bahawa seksyen 37, subseksyen 1 'perkhidmatan' di baris yang ketiga, 'perkhidmatan' yang kedua itu dipinda dengan menambah perkataan 'a' dalam ejaan tersebut. Hanya pindaan kecil yang tidak substantif, saya mohon pindaan ini dipersetujui.

Fasal-fasal 1 hingga 46 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG FI (JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA)
(PENGESAHAN) 2010**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

9.47 mlm.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta bagi mengesahkan pemungutan fi berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan dan penerbitan meteorologi oleh Jabatan Meteorologi Malaysia selamat tempoh mulai 1 Januari 1973 sehingga 31 Disember 2009 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, mohon untuk saya memberikan sedikit latar belakang berkaitan kewujudan Jabatan Meteorologi Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Pencerapan tekanan udara, suhu dan hujan telah mula dibuat pada tahun 1883 di Melaka dan Pulau Pinang oleh Jabatan Kesihatan. Di antara tahun 1906 sehingga 1926, stesen-stesen kaji cuaca didirikan di hospital-hospital di dalam Persekutuan Tanah Melayu bertujuan untuk menjalankan pencerapan secara rutin. Pada tahun 1924, Jabatan Muzium telah mengambil alih fungsi pencerapan cuaca dan pada tahun 1927, Jabatan Ukur pula yang menjalankan fungsi ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1946 Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaya telah ditubuhkan secara rasmi di Singapura. Pada tahun 1965 dengan terpisahnya Singapura dari Malaysia, Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia telah ditubuhkan dan diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan. Pada 1984, Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia telah dipindahkan ke Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang kini dikenali sebagai Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Nama Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia telah ditukarkan kepada Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) pada tahun 2005 selaras dengan peranan luas yang dimainkan oleh jabatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, latar belakang atau fi pengesahan JMM. Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia (PKM) nama jabatan pada masa itu mula mengutip fi perkhidmatan dan penerbitan mengikut warta Kerajaan Persekutuan No. 4623 yang diwartakan pada 21 Disember 1972 dan berkuat kuasa pada 1 Januari 1973. Pertukaran nama ke jabatan baru, Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) terus mengutip fi perkhidmatan dan penerbitan tersebut mulai tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, kadar fi untuk perkhidmatan dan pembekalan penerbitan meteorologi telah disediakan berasaskan pemungutan semula kos perbelanjaan atau dengan izin *cost recovery* yang termasuk peratusan gaji perkhidmatan dan perbelanjaan pentadbiran. Fi yang dikenakan dikaji dari semasa ke semasa dan kajian yang terakhir adalah dibuat pada tahun 1997.

■2150

Pada tahun 2007, JMM memulakan satu lagi proses untuk mengkaji semula fi dan mewartakan Jadual Fi Perkhidmatan dan Penerbitan selaras dengan keperluan semasa. Pada masa yang sama JMM, sememangnya sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan meteorologi dan geofizik yang berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan sosial, ekonomi dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan meteorologi yang dikenakan caj adalah seperti berikut:-

- (i) Perkhidmatan Ramalan Cuaca - ramalan dan amaran cuaca untuk operasi komersial. Pelanggan yang terlibat termasuklah syarikat minyak,

kilang, syarikat pembinaan, syarikat tenaga dan Sepang International Circuit;

- (ii) Perkhidmatan Meteorologi Marin - ramalan dan amaran cuaca buruk marin untuk operasi komersial di laut seperti perkapalan, perikanan dan cari gali. Pelanggan yang terlibat antaranya ialah Petronas, syarikat perkapalan dan nelayan;
- (iii) Perkhidmatan Data, kaji iklim, meteorologi alam sekitar dan seismologi, maklumat data cuaca termasuk cerapan radar dan satelit iklim dan seismologi untuk pelbagai aktiviti am, perancangan, analisa dan penyelidikan. Pelanggan yang terlibat adalah terdiri daripada syarikat-syarikat pembinaan, pertanian, juru runding, perundangan dan industri insurans; dan
- (iv) Penerbitan Meteorologi - penerbitan yang diterbitkan jabatan ialah seperti ringkasan tahunan pemerhatian meteorologi, ringkasan bulanan pemerhatian meteorologi, ringkasan bulanan pencerapan meteorologi marin, ringkasan iklim tahunan, laporan seismologi tahunan dan ringkasan kualiti udara tahunan. Pelanggan yang terlibat adalah terdiri daripada syarikat dan perunding swasta, agensi kerajaan, perpustakaan dan pusat pengajian tinggi.

Kutipan hasil daripada pembekalan perkhidmatan ramalan cuaca, data dan penerbitan meteorologi untuk tahun 1999 hingga 2009 didapati meningkat selaras dengan perkhidmatan yang diberikan. Antaranya ialah perkhidmatan ramalan cuaca marin yang dibekalkan kepada syarikat cari gali petroleum mulai tahun 2005. Pada tahun 2009 jabatan telah memungut RM924,000. Walaupun jabatan mengutip fi berasaskan warta Kerajaan Persekutuan yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 1973, namun fi yang dikenakan dan dipungut tidak diwartakan di bawah Akta Fi 1951, melalui satu perintah fi yang sepatutnya dibuat dan dijadikan berkuat kuasa mulai 1 Januari 1973. Maka kerajaan berhasrat dan membuat satu Akta Fi (Pengesahan) bagi mengesahkan segala kutipan fi yang telah dibuat dalam tempoh tersebut iaitu dari 1 Januari 1973 hingga 31 Disember 2009.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang telah diambil oleh kerajaan adalah seperti berikut:-

- (i) Pembatalan warta Kerajaan Persekutuan No. 4623. Warta Kerajaan Persekutuan No. 4623 dibatalkan mulai 1 Januari 2010, melalui warta Kerajaan Persekutuan P.W No. 26365/2009 yang diwartakan pada 31 Disember 2009; dan
- (ii) Pewartaan Perintah Fi (Perkhidmatan dan Penerbitan) Jabatan Meteorologi 2010. Perintah Fi (Perkhidmatan dan Penerbitan) Jabatan Meteorologi Malaysia 2010 di bawah Akta Fi 1951 (Akta 209) berkuat

kuasa pada 1 Januari 2010 melalui warta kerajaan, Seri Paduka Baginda [P.U(A)1/2010)] yang telah diwartakan pada 1 Januari 2010. Perintah fi ini juga telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 15 Mac 2010.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Rang Undang-undang Fi (Jabatan Meteorologi Malaysia) (Pengesahan) 2010. Rang Undang-undang Fi (Jabatan Meteorologi Malaysia)(Pengesahan) 2010 ini bertujuan untuk mengesahkan pemungutan fi yang telah dikenakan dan dipungut berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan dan penerbitan meteorologi dalam tempoh mulai 1 Januari 1973 iaitu dari hari yang fi mula dipungut hingga 31 Disember 2009 iaitu hari sebelum tarikh mula berkuat kuasanya Perintah Fi (Perkhidmatan dan Penerbitan) Jabatan Meteorologi Malaysia 2010 [(P.U (A)1/2010)]. Fi itu telah dibayar dan dipungut oleh Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia mulai 1 Januari 1973 sehingga 12 April 2005 dan oleh JMM mulai 13 April 2005 sehingga 31 Disember 2009 seperti mana yang dikehendaki di bawah Akta Fi 1951.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk pengesahan dan pemungutan fi berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan dan penerbitan meteorologi oleh Jabatan Meteorologi Malaysia selama tempoh mula 1 Januari 1973 hingga 31 Disember 2009 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum itu saya ingin tahu berapa orangkah Ahli Yang Berhormat ingin turut berbahas rang undang-undang ini?

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Seorang sahaja? Okey, silakan Yang Berhormat Ir. Haji Zamri.

9.56 mlm.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan saya ruang untuk sama-sama turut terlibat sedikit memberikan pandangan tentang rang undang-undang yang dibentangkan, yang diberikan sebagai pengesahan kepada pungutan fi perkhidmatan dan penerbitan meteorologi oleh JMM (Jabatan Meteorologi Malaysia). Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam mendengarkan penjelasan yang diberikan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kita begitu yakin bahawa PKM (Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia) sebelum ini dan sekarang dipanggil JMM (Jabatan Meteorologi Malaysia) peranannya mula dihargai dan diberi perhatian khususnya selepas berlaku kejadian 26 Disember 2004, iaitu pada satu petang hari Ahad yang berlaku tsunami di pantai utara Malaysia akibat gegaran 9.0 skala

Richter. Tragedi itu menyebabkan JMM semakin dihargai peranannya oleh umum walaupun konsultan swasta dan kontraktor selalu telah membeli beberapa maklumat daripada JMM untuk tujuan perancangan kita bagi projek-projek masa depan.

Jadi sebagai beberapa persoalan yang ingin saya timbulkan di sini Tuan Yang di-Pertua dalam kita hendak mengesahkan pungutan fi ini, kita inginkan penjelasan daripada pihak kementerian tentang berapakah jumlah banyaknya fi yang telah diterima oleh JMM ini sejak 1973 hinggalah 31 Disember 2009. Yang disebutkan kepada kita tadi hanyalah fi yang dipungut pada tahun 2009 iaitu RM924,000 berbanding dengan bayaran yang telah pun dibuat oleh beberapa pihak yang terlibat melalui empat perkhidmatan yang menyebabkan caj tadi, kita ingin tahu berapa banyakkah yang telah diterima oleh pihak JMM ini dan yang pentingnya kita hendak tahu juga berapakah anggaran yang mungkin akan diterima selepas penguatkuasaan ini kerana mungkin sebelum ini pembayaran yang dibuat hanyalah sekadar secara rela ataupun rela paksa bagi kita mendapatkan perkhidmatan daripada JMM ini, tetapi dengan pengesahan fi kali ini akan diadakan had tertentu dan akan dikutip dengan secara lebih agresif dan juga kita ingin tahu sama ada pihak JMM ini melalui pengesahan yang akan dibuat pada hari ini, adakah kerana ianya melibatkan ada beberapa pihak yang ingkar untuk membayar sebelum ini walaupun sepanjang pengetahuan saya tidak ada yang ingkar kerana memang diperlukan perkhidmatan itu, tapi kita hendak tahu kalau ada.

Bersangkutan dengan JMM juga Tuan Yang di-Pertua, kita ingin tahu ialah susulan kepada peristiwa tsunami 26 Disember 2004 kita difahamkan JMM juga melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah pun memasang alat yang dipanggil sistem amaran awal tsunami nasional Malaysia yang telah dipasang di laut sebelah luar daripada Malaysia. Kita ingin tahu apakah *monitoringnya* ataupun penyelenggaraannya dibuat dengan baik dan apakah ianya masih berfungsi dengan perbelanjaan yang begitu tinggi, kerana kita bimbang baru-baru ini bila negara jiran kita dilanda tsunami kali yang kedua rupanya tsunami itu datang alat itu tidak berfungsi. Jadi kita hendak tahu apakah alat kita masih berfungsi dan yang ketiganya Tuan Yang di-Pertua kita ingin tahu juga daripada JMM ini kerana kita melihatkan daripada *track record* JMM dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, JMM telah merancang untuk melakukan banyak perkara, banyak inovasi, banyak pemasangan sistem-sistem baru yang memberikan satu perkhidmatan yang cukup baik pada ramalan cuaca kita.

■ 2200

Di antaranya peningkatan sistem radar cuaca dan di antaranya juga peningkatan sistem penerimaan data satelit yang begitu belanja tinggi, AWS, *weather cam* dengan izin, penubuhan pejabat ramalan cuaca bergerak dan beberapa perkara lagi yang telah dirancang dan didapatkan perbelanjaan dari RMKe-9. Jadi saya ingin tahu apakah semua perkara yang dirancang ini telah pun dilaksanakan dalam RMKe-9? Saya ingin pastikan supaya kita semua berada dalam

keadaan yang aman tenang biar semua alat kaji cuaca ini berjalan dengan baik berfungsi dengan sempurna.

Kelima Tuan Yang di-Pertua ialah saya ingin dapatkan juga penjelasan pihak JMM ialah kerana saya melihat JMM juga telah merangka hala tuju 2007-2015. Satu perancangan yang cukup rapi untuk kita bergerak ke hadapan, satu perancangan cukup rapi untuk kita mengawal Malaysia perairan dan juga tanah air kita ini, dari segi bencana alam yang perlu kita dapat baca lebih awal. Di antara yang penting saya perlu sebut di sini adalah melalui rangka hala tuju 2007-2015 JMM telah merancang untuk memberikan perkhidmatan secara komprehensif mengeluarkan dan menyebarkan nasihat serta amaran berhubung bencana alam berkaitan meteorologi, sesmologi, tsunami dan juga alam sekitar. Jadi kita ingin tahu sejauh manakah hala tuju 2007-2015 ini boleh kita ukur pencapaiannya daripada sejak ianya mula dirancang dan kita telah pun hampir separuh kedua daripada hala tuju JMM yang telah dibentangkan sebelum ini.

Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua kita ingin menyokong supaya fi ini kita perkenankan untuk dapat kita buat kutipan yang terbaik. Dengan ingatan kita ialah sekali lagi pihak JMM dan juga piak kementerian menjalankan tugas ini dengan telus, mendapatkan balik tunggakan-tunggakan yang telah berlaku sebelum ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Secara rasminya kerajaan menanggungkan dengan menyiarkan maklumat mengenai jerebu-jerebu yang sering kali melanda Semenanjung Malaysia. Di sini saya ingin menyatakan bahawa pengiystiharan Rio 1993 mengakui hak akses kepada maklumat berkenaan alam sekitar dan ia disokong oleh syarat-syarat dalam perjanjian antarabangsa, antara kedua-dua sifat umum iaitu *general nature* dan berkenaan topik-topik tertentu seperti kepelbagaian biologi, biologikal diversiti, kawasan paya *wetland*, spesies yang terancam dan perubahan cuaca. Walaupun begitu Malaysia masih tidak mengguna pakai hak untuk mengetahui penggubalan undang-undang atau undang-undang dengan pendedahan peraturan yang ketat berkaitan maklumat alam sekitar sebaliknya Akta Rahsia Rasmi yang diketatkan.

Baru-baru ini saya ingin nyatakan di sini bahawa pada 20 Oktober 2010 sebanyak 204 buah sekolah rendah di Muar dengan jumlah pelajar seramai 80,000 orang, di mana sekolah ditutup oleh sebab kemerosotan kualiti air udara. Kualitinya kadarnya bertambah ke 432. Kerajaan juga tidak mengeluarkan apa-apa amaran berkenaan penurunan kualiti udara tersebut. Saya di sini menggesa kerajaan bahawa dalam keadaan begitu berilah amaran kepada rakyat Malaysia bahawa kita boleh ambil tindakan-tindakan untuk memperbaiki keadaan kesihatan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf dan juga Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

Terlebih dahulu untuk makuman Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah berkaitan dengan alam sekitar iaitu jerebu dan sebagainya. Sebenarnya bukan di bawah bidang kuasa kementerian kami sebab ianya di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Jadi saya tidak akan menjawab soalan yang tidak berkaitan dengan apa yang bidang kuasa kementerian kami dan tambahan pula kita hari ini membincangkan berkaitan dengan Akta Fi.

Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf ingin mendapat makluman berkaitan dengan jumlah keseluruhan kutipan daripada 1973 hingga 2009. Tadi saya sudah bacakan 2009. Untuk 1973 sehingga 1998 untuk makluman Yang Berhormat saya tidak ada jumlah tersebut. Bukan sebab apa, sebab di bawah pekelilig kerajaan apa-apa fail yang lebih tempoh tujuh tahun, maka kita boleh hapuskan sebab tempoh hayat fail itu sudah boleh dihapuskan. Oleh sebab itu data itu kita tidak ada yang saya ada hanyalah bermula 1999 iaitu kutipannya daripada 1999 ke 2009 keseluruhan kutipan yang ada pada saya ialah lebih kurang RM4.754231 juta. Itu keseluruhan yang ada jadi jumlahnya kecil.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum *fees* bagi setiap khidmat pun tidak besar daripada RM30 sehinggalah RM200 satu khidmat nasihat. Itu sebenarnya telah dipamerkan ataupun diwartakan di bawah Akta Fi. Jadi untuk itu saya kira sebab itu kita memerlukan sebagaimana saya katakan tadi dari segi teknikalnya, dahulu kutipan pada waktu itu dikutip berasaskan warta kerajaan. Akan tetapi bila sekarang ini kita dimaklumkan dari segi *technicality*, perundangannya kita mesti gazetkan dahulu Akta Fi baru kita boleh kutip. Akan tetapi memandangkan kutipan itu telah dilakukan di bawah pada waktu itu diyakini dan dipercayai bahawa proses itu adalah betul, maka dikutiplah berasaskan pada warta kerajaan yang telah digazetkan maka kutipan dibuat.

Akan tetapi bila menyedari bahawa perkara ini sebenarnya dari segi teknikal perundangannya kita perlu gazetkan Akta Fi. Oleh sebab itulah kita perkenalkan Akta Fi tahun 2010 tetapi fi yang dahulu yang dikutip di bawah warta kerajaan dikutip dan terpaksa kita sahkan sebab ianya telah dikutip. Akan tetapi kalau kita hendak bagi balik ianya tidak praktikal dan tidak realistik.

Pertama kebanyakan fail sudah dihapuskan. Kedua ada juga syarikat yang tidak wujud lagi jadi bagaimana kita hendak kembalikan wang. Oleh sebab itu cara yang paling praktikal selepas kita bincang dan sebagainya maka kita cara yang paling mudah untuk kita gazetkan atau maknanya disahkan di bawah Akta Fi yang kita perkenalkan.

Jadi itulah tujuan akta yang kita perkenalkan untuk pengesahan segala *fees* yang telah dikutip daripada 1973 sehingga 2009 seperti yang saya terangkan tadi supaya disahkan di bawah Akta Fi ini. Untuk itu Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Maslah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemuka kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

■2210

RANG UNDANG-UNDANG PEMBERI PINJAM WANG (PINDAAN) 2010

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

10.12 mlm.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Memberikan Pinjaman Wang 1951 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Pindaan ke atas Akta Pemberi Pinjaman Wang 1951 amatlah penting bagi membolehkan kerajaan membanteras secara menyeluruh masalah pinjaman wang haram yang menimbulkan ketidaktenteraman awam. Pindaan Akta PPW ini akan membolehkan kerajaan memantapkan lagi usaha penguatkuasaan dan pengawal seliaan bagi memerangi serta menjaga aktiviti-aktiviti pemberi pinjaman haram atau yang dikenali sebagai ceti haram atau ah long di seluruh negara. Sehubungan dengan itu bagi melindungi dan menjaga orang ramai daripada terperangkap dengan ceti haram dan ah long, rang undang-undang ini mencadangkan Akta 400 dipinda bagi membolehkan perniagaan pemberi pinjaman wang dipantau dan dikawal selia dengan lebih menyeluruh. Pada masa yang sama ia juga membolehkan penguatkuasaan yang berkesan dan

seumpama sempurna dilakukan untuk membendung pemberi pinjaman wang daripada mengancam keselamatan peminjam.

Pindaan ini secara amnya akan membolehkan keseluruhan akta ini dikuatkuasakan di seluruh Malaysia. Menjelaskan dengan lebih terperinci definisi pemegang lesen, lesen dan juga memberikan pinjaman (*money lender*), meningkatkan hukuman terhadap kesalahan-kesalahan di bawah akta ini serta meningkatkan peruntukan untuk menguatkuasakan kawal selia kegiatan pemberi peminjam wang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Akta 400 yang telah dipinda akan berupaya mencapai tahap empat objektif utama seperti berikut:-

- (i) ruang lingkup akta dapat diperjelaskan;
- (ii) pengawal seliaan perjalanan perniagaan pemberi pinjaman wang oleh pemegang lesen dapat diperketatkan oleh tambahan kesediaan dan evolusi yang baru;
- (iii) memantapkan lagi peranan pendaftar pemberi pinjaman wang, inspektor pemberi pinjaman wang serta anggota PDRM berhubung dengan penguatkuasaan Akta 400; dan
- (iv) membanteras memberikan pinjaman wang yang menyalahi undang-undang dengan memasukkan peruntukan kesalahan yang baru dan meningkatkan penalti bagi kesalahan yang serius iaitu menjalankan perniagaan pemberi pinjaman wang tanpa lesen dan melakukan gangguan serta ugutan terhadap peminjam.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan bagi memperjelaskan skop Akta 400 adalah seperti diperuntukkan dalam fasal 4 dan fasal 5 rang undang-undang ini. Pindaan bagi memperketatkan pengawalseliaan, perjalanan dan perniagaan pemberi pinjaman wang oleh pemegang lesen adalah diperuntukkan di dalam fasal 9, 14, 31, 38 dan 39 rang undang-undang ini. Bagi memantapkan lagi pegawai penguatkuasaan pindaan adalah diperuntukkan dalam fasal 17 dan fasal 20 rang undang-undang. Pindaan-pindaan yang dicadangkan di dalam fasal 38 dan fasal 40 rang undang-undang memperuntukkan kesalahan-kesalahan di bawah kaedah baru di bawah Akta 400 untuk menentang pemberi pinjaman wang yang tidak berlesen.

Penambahan penalti bagi kesalahan di bawah Akta 400 adalah seperti yang dinyatakan di dalam fasal 8 dan fasal 41 rang undang-undang. Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan adalah untuk memperkemas Akta 400 supaya selaras dengan empat objektif utama pindaan yang dinyatakan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa rang undang-undang ini tidak akan melibatkan apa-apa perbelanjaan tambahan kepada kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pemberian Pinjaman Wang 1951 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat.

10.16 mlm.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: *Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh*, selamat sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang membahas rang undang-undang pindaan Akta Memberi Pinjam Wang 2010 ini. Saya mengucapkan tahniah atas usaha kerajaan meminda akta ini untuk memastikan kepentingan rakyat dalam aspek pinjaman wang ini terpelihara dan semua hak serta tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat dalam transaksi pinjaman wang ini terpelihara dan terjaga.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan memperluas ruang lingkup akta ini dan bertujuan memperketatkan pengawalseliaan perjalanan perniagaan pemberi pinjam wang berlesen dengan memasukkan peruntukan dan obligasi yang baru, menambahbaik kuasa pendaftar pemberi pinjam wang dan inspektor pemberi pinjam wang serta anggota PDRM berhubung penguatkuasaan akta ini. Akta ini juga membanteras pemberi pinjam wang yang menyalahi undang-undang dengan memasukkan peruntukan kesalahan baru dan menaikkan hukuman denda dan kompaun bagi kesalahan seperti beroperasi tanpa lesen dan melakukan ugutan dan gangguan kepada peminjam.

Selain itu masanya amat sesuai dan tepat sekali akta ini dipinda seperti mana fasal 1 untuk terpakai ke seluruh Malaysia, Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Bermakna undang-undang antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak diselaraskan untuk mewujudkan lebih rasa kebersamaan dan kesatuan selaras dengan kemerdekaan Malaysia yang telah menjangkau lebih 53 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, memberi pinjam wang secara formal atau tidak formal memang wujud di kalangan masyarakat kita dan ia memang telah menjadi budaya kita semenjak dahulu. Kemudian budaya ceti atau ah long adalah gelaran yang biasa diberi kepada orang yang memberi pinjam wang yang mengenakan kadar faedah yang tinggi yang tidak dapat kita bayangkan dibandingkan dengan faedah yang ditetapkan sebanyak 18% atau 12% dalam seksyen 17A Akta 1951.

Kegiatan mereka telah berleluasa dan menyebabkan masalah sosial seperti bunuh diri, perceraian dan sebagainya. Apa yang membimbangkan ialah perbuatan ah long yang berusaha untuk mendapatkan balik wang pinjaman itu memang menakutkan. Kita lihat laporan media masa

ada mangsa yang diikat, kurung dan tidak diberi makan, ugutan bunuh, rumah kena simbah cat, ugutan-ugutan kepada keluarga dan sebagainya.

Pada tahun 2009 PDRM mencatatkan 483 kes melibatkan peminjam tidak berlesen ini dan kes ini sebenarnya meningkat jika dibandingkan pada tahun 2008 yang melibatkan 256 kes sahaja. PDRM mencatat 483 kes namun kita lihat masih ramai yang pergi kepada ah long untuk menyelesaikan masalah kewangan mereka. Mungkin disebabkan iklan-iklan yang berleluasa dan senang sangat untuk ah long-ah long yang tidak berdaftar ini menampal iklan-iklan tersebut dan rakyat terdorong dengan melihat cara mudah dan senang untuk mendapatkan wang bagi menyelesaikan masalah mereka pada masa itu tanpa menghiraukan kesan buruk akibat meminjam wang daripada ah long pada masa akan datang.

■2220

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan iklan ini, apakah tindakan yang dibuat oleh kementerian untuk memastikan iklan-iklan 'ah long' tak berdaftar ini dapat dihapuskan? Sejauh manakah penguatkuasaan undang-undang ke atas iklan-iklan daripada peminjam yang tidak berlesen ini dilaksanakan dan dicadangkan agar denda yang lebih tinggi dikenakan ke atas mereka?

Mohon kementerian memberi statistik pemberi pinjam wang berlesen di Malaysia mengikut negeri dan berapakah jumlah kes untuk kesalahan-kesalahan yang biasa dilakukan di bawah akta ini dan berapakah jumlah kes tersebut yang didakwa selesai dan telah dijatuhkan hukuman. Daripada jumlah tersebut, adakah mereka ini disenaraihitamkan, dan jika tidak, kenapa?

Berkaitan kes-kes jenayah akibat daripada aktiviti peminjam wang tak berlesen, difahamkan bahawa pasukan khas menangani kegiatan pemberi pinjam wang tanpa lesen telah ditubuhkan pada 28 Disember 2006. Saya nak tanya, sejauh manakah pasukan ini telah berfungsi dan dapat menangani isu pemberi pinjam wang tanpa lesen ini?

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian, penyebab kepada peminjaman wang adalah akibat perbelanjaan perubatan, kegagalan perniagaan, kehilangan pekerjaan, kegagalan pelaburan, kematian atau kehilangan pencari nafkah. Saya berharap kementerian membuat kempen *advocacy* dengan lebih kerap dan lebih menyeluruh terutamanya dalam media massa, dengan memberi lebih pemahaman dan pendidikan berkaitan akta ini agar rakyat lebih sedar tentang wujudnya tempat meminjam wang yang berdaftar dan membantu mereka daripada segi kewangan dan hak-hak lain yang termaktub di dalamnya, dan bukannya perkhidmatan 'ah long' yang tak boleh menolong.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya ingin merujuk kepada seksyen 10E rang undang-undang dan ingin bertanya, sejauh manakah kementerian boleh memberi jaminan bahawa hak-hak asasi manusia akan dijaga terhadap mereka yang ditangkap? Ini kerana, dalam hal penangkapan tanpa waran ini, kita takut kemungkinan menangkap orang yang bukan dalangnya

dan boleh mengakibatkan pelanggaran hak asasi. Jadi, sejauh manakah kementerian akan memastikan prinsip hak asasi itu terpelihara dan dijaga?

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan.

10.22 mlm.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pemberi Pinjam Wang sedang dibentangkan oleh KPKT dan bukan Kementerian Kewangan. Keraguan saya adalah, adakah KPKT mempunyai kemampuan daripada segi penguatkuasaan dengan kuasa yang mencukupi untuk menangkap pesalah seperti 'ah long'? Ini kerana, ini ialah perkara untuk pinjam dan hutang wang.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta bahawa berapakah bilangan pemberi pinjaman wang yang berdaftar dengan KPKT? Apakah pecahan statistik daripada segi kaum dan kawasan yang mereka berada?

Selain daripada itu, saya nak perhatian kepada beberapa perkara. Satu ialah perlu lebih banyak perkhidmatan sokongan kepada mangsa-mangsa 'ah long'. Rakyat harus tahu ke mana mereka boleh mengadu apabila menghadapi masalah – contohnya sokongan undang-undang dan perlindungan keselamatan daripada kekejaman 'ah long'. Di sini saya cadangkan bahawa NGO boleh memainkan satu peranan yang positif.

Kedua, lesen hendaklah diberi kepada mereka yang mempunyai rekod integrasi dan kewangan yang kukuh. Misalnya, syarikat pinjaman wang mesti ada wang deposit lebih daripada RM1 juta.

Ketiga, semua operasi perniagaan pemberi pinjaman wang haruslah menggunakan sistem komputer – harus ada laman web pemberi pinjaman wang yang mengiklankan perkhidmatan dan kadar bunga yang ditawarkan – akan berubah imej industri. Ia boleh mengandungi pendaftaran yang mempunyai maklumat seperti nombor lesen sama ada lesen itu masih hidup ataupun dibatalkan atau tergantung.

Keempat, penerbit ataupun pencetak harus memastikan iklan, *flyer*, *leaflet*, *brochure* dan sebarang iklan yang diterbitkan atau dicetak mengandungi butiran nombor lesen, nombor permit iklan, nama dan alamat pemberi pinjaman wang dan tempoh laku lesen itu dan kadar faedah yang dikenakan dan juga hukuman denda yang harus dikenakan ke atas sesiapa yang melanggar peruntukan ini.

Kelima, pemberi pinjaman wang mesti memberitahu peminjam wang dengan syarat-syarat pinjaman sebelum memberi pinjaman. Untuk tujuan ini, perjanjian pinjaman harus disediakan dalam bahasa Malaysia, bahasa Cina dan bahasa Tamil. Pemberi pinjaman wang harus menerangkan klausa-klausa di dalam perjanjian pinjaman kepada peminjam wang. Ini adalah bertujuan supaya peminjam wang faham dan tahu hak mereka.

Terakhir sekali, untuk memastikan akta ini berkesan, pegawai-pegawai yang bertugas terutama pegawai-pegawai KPKT haruslah dilatih dan diberi ganjaran yang wajar serta mereka dilatih dengan bahasa-bahasa peminjam bahawa mereka boleh menerangkan dan berhubung dan saling baik dengan peminjam. Itulah cadangan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar.

10.26 mlm.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang memperkenalkan pindaan Rang Undang-undang Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400). Pindaan akta ini amat dialu-alukan bagi memperkemaskan dan memperkasakan lagi skop akta ini bagi melindungi hak dan kepentingan peminjam.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memperkenalkan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400) bagi memantau dan mengawasi aktiviti pemberi pinjaman wang supaya perniagaan ini menjadi perniagaan yang kondusif, beretika dan terkawal. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bertanggungjawab mengawal selia aktiviti pemberi wang melalui pelesenan dan penguatkuasaan undang-undang secara telus, cekap dan berkesan. Bagaimanapun, syarikat-syarikat peminjam wang berlesen ini juga didapati sebahagiannya menjalankan aktiviti pinjaman dan bertindak agresif seperti 'ah long' atau ceti haram dan hakikatnya berselindung di sebalik nama syarikat peminjam wang berlesen untuk menjalankan aktiviti pinjaman wang tidak beretika.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pindaan seksyen 1 iaitu subseksyen 1(2) yang meminda Akta Ibu dengan menggantikan perkataan 'negeri-negeri Semenanjung Malaysia sahaja' dengan 'seluruh Malaysia', sekali gus memberi implikasi bahawa akta ini boleh dikuatkuasakan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Penyeragaman perundangan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak amatlah wajar bagi melindungi peminjam dengan lebih meluas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan pindaan akta ini yang memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 9H selepas seksyen 9G bagi memperkemaskan akta ini iaitu mensyaratkan pemegang lesen supaya mendapat kelulusan pendaftar sebelum menukarkan nama perniagaan, melantik pekerja atau mana-mana individu bagi menguruskan perniagaan pinjaman wang dan sebelum melantik mana-mana orang sebagai pengarah atau rakan kongsi. Tindakan ini adalah wajar bagi memantau lesen yang telah diberikan tidak diselewengkan dan syarikat peminjam wang sewenang-wenangnya melantik individu sebagai pekerja atau pengarah dan rakan kongsi tanpa pengawasan dan pemantauan pendaftar.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga mengakui daripada 365 pemantauan yang dijalankan sepanjang tahun 2009, sebanyak 2,005 kesalahan telah dilakukan termasuklah antaranya tidak mempamerkan lesen, mengguna pakai borang perjanjian yang salah, tiada rekod lazim, mengenakan faedah yang tinggi dan tidak menghantar lapor urus niaga.

■2230

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan:-

- (i) apakah langkah yang diambil bagi mengawasi dan memantau urus niaga syarikat peminjam wang ini supaya senantiasa mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah disediakan? Adakah kerajaan khususnya PBT senantiasa memantau sedara rutin dan berkala bagi memastikan syarikat peminjam wang ini tidak menindas peminjam?
- (ii) berapakah bilangan lesen pemberi pinjaman wang yang telah dikeluarkan oleh KPKT atau PBT seluruh negara mengikut negeri dan jumlah lesen yang telah ditarik balik atau dibatalkan kerana melanggar undang-undang dan peraturan pemberi pinjaman wang dan pemegang pajak gadai? Apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan kesedaran awam berkaitan perundangan dan aktiviti pemberi pinjaman wang dan pemegang pajak gadai ini supaya orang awam tidak terjerumus dalam aktiviti peminjam wang haram, tanpa lesen atau ah long ini?

Selain itu, saya ingin membangkitkan iklan peminjam wang haram ini yang dipasang di merata-rata tempat termasuk di papan-papan tanda, pokok dan sebagainya. Perkara ini telah sering dibangkit tetapi tindakan yang tegas dan berkesan masih belum diambil oleh PBT. Saya berharap PBT memandang serius keadaan pemasangan iklan tidak terkawal ini kerana bukan sahaja menjejaskan imej kawasan PBT tetapi juga merugikan PBT sendiri.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan pindaan peruntukan seksyen 29B akta ibu yang dipinda dengan menaikkan denda daripada RM100,000 kepada RM250,000 bagi pelbagai kesalahan yang dilakukan oleh syarikat pemberi pinjaman wang ini. Selain denda, hukuman penjara juga dinaikkan daripada 15 bulan kepada tiga tahun. Denda yang lebih tinggi dan hukuman penjara yang lebih lama ini adalah penting bagi membendung syarikat peminjam wang agar tidak berlagak seperti ceti haram atau ah long.

Saya juga percaya pindaan akta ini mampu untuk mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap ceti haram dan yang sebagainya berlindung di sebalik syarikat pemberi pinjaman wang berlesen terutamanya mengenakan kadar faedah yang tinggi sehingga 18% sebulan dan

tindakan agresif sekiranya peminjam gagal menjelaskan pinjaman. Oleh itu saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk ikut serta berbahas Rang Undang-Undang Pemberi Pinjam Wang (Pindaan) 2010 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk melindungi hak dan kepentingan peminjam. Selain itu, syarat-syarat untuk memberi pinjaman wang berlesen diperketat. Secara prinsipnya saya menyokong akta ini dipinda kerana banyak kepincangan di bawah Akta 400 sehingga ah long dan ceti haram berleluasa di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan akta ini dilihat untuk memperketatkan kesedaran mengenai pemberi pinjam wang. Malahan pindaan 2003 telah menaikkan hukuman denda dari RM1,000 ke RM100,000 tetapi tindakan ini masih kurang berkesan bagi menangani gejala negatif pemberi pinjam wang. Malahan pemberi pinjam wang tidak berlesen menjadi lebih kejam. Ada yang sanggup merantai peminjam wang serta pelbagai tindakan gila mereka untuk mendapatkan balik pinjaman. Sesungguhnya saya kira hukuman denda yang tinggi sebegini tidak menyelesaikan masalah keganasan ah long serta ceti haram ini.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali rakyat yang melakukan aktiviti pinjaman wang untuk pelbagai tujuan juga harus diambil kira supaya dapat didalami isu dan dasar berhubung dengan rang undang-undang ini. Rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah tidak akan meminjam dari ah long atau ceti haram sekiranya pihak institusi kewangan dapat melonggarkan sedikit syarat pinjaman kepada peniaga kecil, petani, penternak, pelajar dan sesiapa yang berkelayakan.

Peniaga kecil yang memulakan perniagaan kecil dan sederhana juga berhadapan dengan masalah mendapatkan pinjaman perniagaan mereka. Ada yang berpendapat bahawa *bank always lend money for people who do not need money* dengan izin. Hal ini adalah kerana golongan yang berada berkemampuan untuk menawarkan cagaran sebagai jaminan manakala peniaga-peniaga kecil yang sedang membina perniagaan mereka tidak memiliki apa-apa pun untuk dicagarkan.

Bagi bank, pinjaman wang kepada mereka merupakan sesuatu yang cukup berisiko tinggi kerana perniagaan sedemikian sensitif dengan persekitaran ekonomi yang tidak menentu. Bagaimana pula dengan peminjam-peminjam wang yang sah? Golongan ini juga berhadapan dengan masalah besar. Contohnya, peminjam Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) di Johor baru, yang enggan membayar pinjaman mereka akan diheret ke mahkamah.

Bagi peminjam wang berlesen mereka juga turut menerima tempiasnya apabila pelanggan-pelanggan mereka beralih arah kepada peminjam wang haram dan tidak berlesen bagi mendapatkan pinjaman. Hal ini berpunca mungkin daripada kerenah birokrasi yang wujud

dalam Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 terutamanya apabila melibatkan proses untuk meluluskan permit yang rumit dan lambat. Menurut Persatuan Peminjam Wang Berlesen Malaysia, hampir 2,811 peminjam berlesen yang ada di negara ini mengalami risiko kerana birokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada beberapa pindaan dalam akta ini. Selain daripada Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan) 2010, adakah kerajaan bersetuju sekiranya nama akta ini diganti dengan nama yang lebih bersifat kepenggunaan? Hal ini saya kira selaras dengan objektif pindaan akta yang menekankan kawalan serta pematuhan oleh pemberi pinjam wang dan peminjam wang. Akta ini haruslah lebih mesra dan membawa maksud yang lebih segar berbanding dengan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951.

Fasal 3 rang undang-undang ini menyentuh kepada perluasan skop akta ini sehingga ke Sabah dan Sarawak iaitu meliputi seluruh negara. Sebelum ini di Sarawak misalnya, aktiviti pinjaman wang adalah di bawah ordinan pinjaman wang Sarawak 1914 dan semua hasilnya akan dipulangkan kepada Kerajaan Persekutuan. Namun begitu, menurut pindaan terbaru ini sesiapa yang ingin memohon lesen dan permit pinjam wang harus mengemukakan modal berbayar sebanyak RM1 juta dan membayar RM2,000 untuk memberi lesen selama dua tahun. Berbanding dengan ordinan lama, para pemohon yang hendak lesen hanya perlu membayar RM50 sahaja.

Persoalannya apakah dengan menaikkan kadar yuran berlesen ini akan menyebabkan lebih ramai lagi peminjam wang haram akan beroperasi? Berhubung dengan fasal 6, fasal 7, fasal 10 dan fasal 41 rang undang-undang, untuk meminda seksyen 4, seksyen 4A, seksyen 6 dan seksyen 29F, Akta 400 memperuntukkan peluasan kawasan seluruh Malaysia.

Adakah ini bermakna apabila peluasan kuasa ini berlaku maka kuasa yang dimiliki oleh pendaftar juga akan lebih berkesan? Hal ini adalah berikutan tidak perbezaan fungsi yang jelas kepada pendaftar, penolong pendaftar, pegawai kanan polis untuk menjalankan tugas mereka. Secara kesimpulannya, saya menyokong rang undang-undang ini namun soal pelaksanaan dan penguatkuasaan hendaklah diberi keutamaan, jika tidak negara kita akan terus mengalami kerugian dan ketirisan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat.

■2240

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ambil secara ringkas sahaja. Sebagaimana yang kita maklum, hutang ialah jalan untuk meneruskan hidup tetapi hutang tidak boleh dijadikan budaya hidup. Daripada data yang ada pada saya, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit telah memberi kaunseling kepada lebih kurang 36,848 orang, dan punca-puncanya ialah:

Punca Membuat Pinjaman	Peratus (%)
Kos perubatan yang tinggi	26
Pengurusan kewangan yang lemah	25
Kurang kawalan penggunaan kad kredit	15
Kegagalan atau kelembapan perniagaan	12
Kehilangan pekerjaan	12
Kegagalan pelaburan	2
Kematian ataupun kehilangan pencari nafkah	2

Jadi masalah yang berlaku sekarang di mana seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Mustafa tadi, 2,811 agensi kewangan yang diberi lesen. Jumlah ini terlalu besar kalau hendak dibandingkan dengan jumlah bank yang ada dalam negara kita. Saya tidak tahulah jumlah bank sebanyak mana - terlalu kecil kalau hendak dibandingkan. Jadi agensi ini diberikan kebenaran untuk pinjaman tanpa cagaran 18% dan yang ada cagaran 12%.

Sebenarnya yang berlaku ini, peratus ataupun faedah yang dikenakan kepada peminjam yang kesempitan - mereka yang saya sebutkan tadi ini terlalu tinggi, kalau hendak dibandingkan pinjaman di bank yang biasanya tidak lebih daripada 5%. Ini adalah punca kejadian yang sebenarnya. Ini kita tidak ambil kira lagi Ah Long yang tidak berlesen. Berapakah jumlahnya dan kadar faedah yang dikenakan oleh Ah Long tidak berlesen ini antara 30% hingga 50%. Ini yang berlaku dalam masyarakat kita.

Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang dipertanggungjawabkan dalam hal ini. Pertama, haruslah mewujudkan bahagian pengawasan dan pemantauan pemberi pinjam wang yang berlesen ini pun di setiap negeri bagi memudahkan pemantauan. Pada masa sekarang saya difahamkan bahagian ini hanya dikendalikan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja.

Kedua, mengehadkan pengeluaran lesen yang telah begitu banyak. 2,000 lebih yang diluluskan sekarang ini dan memantau yang sudah diberi lesen adakah mereka ini menjalankan pinjaman kepada peminjam-peminjam ini mengikut peraturan yang telah kita tetapkan sebelum ini.

Akhir sekali, saya cadangkan supaya pegawai-pegawai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini haruslah diberi satu latihan yang profesional agar mereka ini dapat mengendalikan permasalahan Ah Long ini dan pemberi pinjam yang tidak mematuhi peraturan dan mereka ini juga diberikan elaun khas dan keselamatan mereka ini dilindungi.

Terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada dua orang sahaja lagi. Selepas itu kita tutup. Cukuplah. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Maijol.

10.45 mlm.

Datuk Majid Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk sama-sama turut berbahas walaupun secara ringkas sahaja.

Pertama, saya ingin menyatakan bahawa saya gembira kerana akhirnya kita mempunyai undang-undang baru berbentuk *amendments*. Pindaan kepada Akta Ibu, Akta Pemberi Pinjam Wang 1991. Cuma saya ingin bertanya kenapa mengambil masa begitu lama untuk membawa rang undang-undang ini, sedangkan kita sudah lama berdepan dengan masalah Ah Long di negara kita.

Saya bertanya juga walaupun kerajaan menyediakan banyak kemudahan pinjaman yang berbentuk mesra rakyat seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, TEKUN, SME Bank, MARA dan sebagainya, namun begitu pinjaman secara tidak sah ini masih berleluasa. Adakah syarat-syarat pinjaman ataupun syarat-syarat dikenakan oleh bank-bank yang disebutkan tadi itu tidak begitu mesra kepada rakyat? Adakah begitu ketat sekali syarat-syaratnya sehinggakan rakyat terpaksa, ada orang yang terpaksa meminjam wang dari Ah Long di negara kita? Secara keseluruhannya saya memang menyokong rang undang-undang ini kerana ini adalah baik untuk rakyat kita dan kepada negara kita.

Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, amat mudah bagi Ah Long untuk menjalankan aktiviti mereka. Kita sedia nampak dan selalu nampak bahawa kalau kita tengok di sana-sini Ah Long akan sediakan iklan-iklan untuk kertas dan sebagainya di edar di sana sini termasuklah diletakkan di kereta - *car screen* kita. Saya sendiri pun bila saya turun dari pejabat, bila mahu balik saya nampak kereta saya penuh dengan ada dua, tiga. Lebih daripada itu sebenarnya iklan-iklan yang diletakkan di skrin kereta saya. Akhirnya menjadi sampah sebenarnya. Tidak tengok pun sebab kita tahu itu adalah aktiviti Ah Long.

Kalau kita mengambil duit di ATM Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ada dua, tiga orang yang berbaris itu ia mengambil duit begitu banyak. Bukan mengambil tetapi memasukan duit begitu banyak dan juga mengambil duit sebenarnya. Saya diberitahu bahawa yang mereka ambil itu adalah kad kredit yang dipegang oleh mereka dari peminjam-peminjam yang sudah dipegang oleh Ah Long ini dan setiap bulan akan diambil daripada akaun peminjam tadi. Jadi berbaris mereka itu untuk mengambil wang di ATM. Kita ini yang hendak mengambil pun terpaksa tunggu begitu lama. Jadi satu keadaan yang tidak selesa bagi kita kerja Ah Long ini.

Sahabat-sahabat saya tadi telah pun berbahas bahawa aktiviti Ah Long ini amat berbahaya sekali. Masih teringat saya tentang gambar Ah Long telah mengikat kaki si penghutang itu begitu lama dalam rumah. Sangat dahsyat dan juga menyusahkan kepada si peminjam. Sekarang ini memang ada *Debtors Act* dan yang penting sekarang adalah pelaksanaan yang harus dibuat. *Enforcement* dengan izin, yang dibuat oleh kerajaan. Saya setuju dengan pendapat rakan Yang Berhormat bahawa kita harus memperbanyakkan pegawai-

pegawai untuk melaksanakan, *to enforce the law* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dan juga memberikan latihan dan seminar kepada mereka-mereka yang mengendalikan kerja ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada akta ini. Ia memang bertujuan untuk memperketat pengawalseliaan perjalanan perniagaan pemberi pinjam wang oleh pemegang lesen dengan memasukkan peruntukan kesalahan dan obligasi yang baru. Saya ingin merujuk kepada seksyen 10GA yang disebutkan dalam artikel 20. Di sini terdapat satu kuasa baru diberikan kepada polis untuk dengan izin, “(a) *to visit, enter, inspect and examine with or without notice any premises where a moneylender is or is believed to be caring on business.*”

Ini adalah bertepatan kerana kalau kita memberikan notis kepada si peminjam tadi, maka sudah tentu dia akan lari ataupun membuat sesuatu supaya ia tidak dapat dikesan.

■2250

Akan tetapi, dengan adanya peruntukan seperti ini tambah notis seorang polis itu boleh masuk premis berkenaan maka ia akan boleh membanteras jenayah yang dibuat oleh ah long-ah long tadi. Seksyen 10E yang disebut dalam Artikel 17 ini yang mengatakan bahawa dengan izin “*An Inspector or a police officer may arrest without warrant*”. Ini penting Tuan Yang di-Pertua, “*May arrest without warrant any person who commits or attempts to commit, or whom the Inspectors or police officer reasonably suspects of committing or attempting to commit, any offence under this act.*”

Ini penting Tuan Yang di-Pertua sebab kalau seorang polis itu memerlukan waran sebelum dia menangkap seseorang itu, maka ia perlukan banyak prosedur terpaksa berjumpa dengan majlis lain bagi mendapatkan waran. Itu memakan masa dan tidak cekap perjalanannya. Dengan adanya undang-undang baru seperti ini maka polis mempunyai kuasa yang lebih, mempunyai waran yang diperlukan untuk menangkap penjenayah tadi. Juga saya merujuk kepada seksyen 10OA yang disebut dalam Artikel 24 yang mengatakan bahawa, “*Where in any proceedings against any person, it is alleged that such person is a moneylender, the proof of a single loan at interest made by such person shall raise a presumption...*”

Ini penting Tuan Yang di-Pertua, ‘*presumption.*’ Kalau seorang itu memberi pinjaman kalau sekalipun dengan *interest* dengan faedah maka timbullah satu *presumption*. Dalam undang-undang jenayahnya *presumption* ini amat penting dan kalau seorang itu sudah memberi pinjam sekali pun, maka *presumption* itu sudah timbul dan dia haruslah *rebutte to the presumption* dengan izin. Dia mesti mengatakan sebaliknya bahawa dia ini bukan ah long. Jadi untuk menidakkan *presumption* ini bukan senang dalam mahkamah, seseorang itu mesti memberi hujah-hujah, memberi bukti-bukti yang kukuh bahawa dia ini bukan pemberi pinjam wang.

Jadi satu peruntukan yang baik dan saya sokong kerana ianya memberikan satu *weapon* lagi dengan izin kepada *prosecution* untuk membanteras jenayah seperti ini. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua yang terakhir juga ini, terakhir ialah tentang kesedaran peminjam wang. Selama

ini kita salahkan pemberi pinjam wang sahaja. Bagaimana dengan yang meminjam itu. Ada kita sudah memberikan kesedaran, sudah kita berikan larangan kepada mereka dalam bentuk motivasi bahawa, janganlah meminjam wang seperti ini. Ini kerana akhirnya akan memudaratkan kedudukan mereka, memberikan kesusahan kepada mereka bukan sahaja kepada si pemiutang itu tetapi kepada keluarga dia juga.

Jadi saya ingin menyarankan kepada kementerian supaya kita memperbanyakkan lagi seminar ataupun *road show* memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang bahayanya 'ah long' ini dan tentang pentingnya kita mematuhi undang-undang yang baru ini apabila kita meminjam wang daripada mana-mana pihak. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua yang saya ingin hujahkan. Saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Akhir sekali saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz.

10.54 mlm.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya untuk terus membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Pemberi Pinjam Wang 1951. Pertama yang saya ingin tanyakan kepada pihak kerajaan ialah bila mana disebut berlaku pindaan kepada Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 apa yang saya harapkan sebagai peguam pengamal undang-undang di dalam kes ini ialah pihak kerajaan akan *mendetailkan* atau memperincikan tentang prosedur pengutipan wang yang telah diberi pinjam oleh pemberi pinjam berlesen.

Masalah yang timbul sekarang ialah kerana dalam Akta Pemberi Pinjam Wang tidak *mendetailkan* secara terperinci prosedur pengutipan wang yang standard yang boleh kita uar-uarkan kepada masyarakat sekiranya benda ini tidak dipatuhi sebegini inilah yang akan berlaku. Ini cara begini sahajalah yang akan dibenarkan oleh kerajaan atau pun oleh Parlimen. Jadi saya nampak dalam akta ini tidak diperincikan juga cara untuk mengutip ataupun untuk mengutip wang yang akan dibuat oleh tuan punya syarikat pemberi pinjam wang daripada – ini bergantung pada syarikat tersebut. Jadi bagi saya ini masih lagi membuka ruang kepada mana-mana 'ah long' yang kreatif untuk mendera atau pun terus menganiaya peminjam yang meminjam daripada pemberi pinjam wang tersebut, itu yang pertama.

Kedua, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan bila mana kita meminda akta pada hari ini iaitu untuk melesenkan bukan hanya pemberi pinjam wang tetapi pengutip ataupun sesiapa sahaja yang akan bekerja untuk memungut balik pinjaman wang tadi. Dalam kes ini kalau kita kata kalau mereka mengutip dia akan jadi kira agen dan dikira salah. Jadi dalam konteks ini bila mereka tidak kutip bagaimana cara mereka hendak pungut duit? So, dalam konteks ini boleh tidak pihak kerajaan fikirkan bagaimana cara untuk mengorganisasikan dan

melesenkan semua pengutip-pengutip wang ini agar mereka ini boleh kita kesan, kita kenal dan cara mengutip pun akan dapat kita sahkan ataupun *legitimize* dengan cara yang lebih baik.

Ketiga, bila mana disebut pemberi pinjam wang ada pemberi pinjam wang yang konvensional, ada yang berbentuk *Islamic*. Jadi dalam konteks ini saya ingin tanya kepada pihak kerajaan setakat ini apakah galakkan serta insentif yang telah diberikan kepada pihak kerajaan khususnya bagi menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat pemberi pinjam wang yang menjalan urusan secara Islam yang telah pun dibuat oleh pihak kerajaan?

Berapakah jumlah syarikat pemberi pinjam wang konvensional berbanding dengan pemberi pinjam wang yang mengamalkan cara *Islamic*? Setakat ini di negara kita adakah terdapat syarikat yang mengamalkan pinjaman secara *qardhul hassan* (*pinjaman ihsan*) ataupun terdapat mana-mana agensi di bawah kerajaan yang memberi pinjaman secara *qardhul hassan* iaitu memberikan pinjaman tanpa mengambil untung sedikit pun.

Seterusnya, berkaitan dengan *money lending agreement* di bawah seksyen 27B disebut tentang *money lending agreement* bahawa mana-mana pihak yang menandatangani pinjaman dia mesti menulis berapakah jumlah bunga yang akan dia kenakan.

Jadi dalam konteks ini apabila disebut dalam 27B saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar memasukkan ataupun memastikan dalam prosedur ataupun dalam surat pekeliling agar tempat di mana bunga tersebut hendaklah ditulis. Itu mesti juga ditandatangani sebagai contohnya dia mesti dimasukkan sebagai item di bawah jadual kalau dalam mana-mana *agreement* yang dibuat. Jadi kalau sekarang ini walaupun kita tulis macam ini terdapat juga *tendency* ataupun kecenderungan oleh mana-mana pihak yang menyediakan *agreement* untuk mungkin mengosongkan pada masa ditandatangani tetapi buat balik. Jadi kalau kita terus tandatangan di tempat yang di mana perkataan tersebut diletakkan bagi saya ia lebih menyelamatkan para peminjam yang mungkin terlibat dalam *money lending agreement* seperti ini.

Begitu juga saya ingin bertanya apabila disebut tentang seksyen ini mana-mana pihak yang melanggar seksyen ini akan dikenakan tindakan ataupun dikira *offence* bila membuat perkara-perkara sebagaimana di bawah seksyen 27A. Jadi saya ingin bertanya adakah dalam Akta Pemberi Pinjam Wang ini dia akan boleh dibaca bersama dengan mana-mana *Penal Code* supaya kes ini lebih kukuh dan memberi alternatif yang lebih banyak kepada pihak pendakwa raya untuk menyaman ataupun untuk menuduh yang membuat kesalahan ini di mahkamah. Maknanya sekarang ini di bawah seksyen 27A, dia mungkin salah. Ada tidak yang dibaca sama dengan seksyen-seksyen lain di bawah *Penal Code*.

Begitu juga dengan bila mana kita sebut apabila orang ini meminjam duit. Kebanyakan yang meminjam mungkin jumlahnya tidak banyak, mungkin ada dalam RM10,000, RM1,000 mungkin dalam RM15,000. Dalam konteks ini, pagi tadi kita mendengar bagaimana Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memberitahu bahawa kita

ada daftar e-Kasih daripada miskin tegar boleh turun kepada miskin, boleh turun kepada mudah miskin.

Dalam konteks ini, ada tidak kita mencadangkan bila mana premis yang akan digunakan sebagai tempat pemberi pinjam wang ini, kita berikan mesti diletakkan satu kaunter sebagai alternatif kepada peminjam supaya segala rekod pinjaman oleh semua syarikat pemberi pinjam wang ini akan terus dihantar kepada kementerian supaya terdapat rekod. Maknanya kalau orang ini telah pinjam tiga kali mungkin dalam jumlah RM3,000, RM3000, RM3,000, kita dapat kenal pasti orang ini mungkin dalam masuk kategori miskin tegar ataupun mudah miskin.

■2300

Jadi, supaya rekod seperti ini akan boleh pihak kerajaan guna pakai untuk membantu kerana kita lihat ini adalah orang yang sama dan mungkin meminjam untuk kadar yang sama. Begitu juga dengan syarikat pemberi pinjam wang, saya tidak tahu dari segi prosedur, tetapi kalau melibatkan Ar-Rahnu dan juga yang melibatkan urus niaga yang melibatkan dengan emas, semua ahli lembaga pengarah mesti datang ke Bukit Aman, letak jari dan dia akan ambil semua cap jari. Dalam konteks pemberi pinjam wang ini, adakah semua kakitangan dan kalau dia ada pengutip ataupun kerani dan sebagainya, adakah mereka juga terpaksa hadir ke Bukit Aman bagi memastikan perkara ini, sebab kalau dalam kes ini, sekiranya kita ada biometrik yang lengkap seperti ini, saya rasa pengesanan untuk kita tengok siapa yang menganiayai peminjam ini lebih mudah kita kesan.

Seterusnya, sekarang ini kita cakap tentang Akta Pemberi Pinjam Wang, so, sebagaimana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Tuan Maijol Mahap tadi berkenaan dengan bagaimana pula kalau peminjam tadi memang tidak bayar? So, apa perlindungan yang diberikan kepada pemberi pinjam wang untuk dia dapat balik duit, di samping *agreement* dia dapat tadi – dari segi perundangan undang-undang, ada tidak kita berikan sebarang perlindungan kepada pemberi pinjam wang untuk dengan kata lain, dia tidak akan menzalimi orang lain kerana dia memang telah pun dilindungi oleh undang-undang untuk mendapatkan pinjaman tersebut. Seterusnya saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan mewajibkan pemaparan, promosi serta undang-undang berkait dengan pemberi pinjam wang ini di semua premis peminjam wang, mesti ditampal di tempat tersebut supaya mana-mana peminjam yang mahu meminjam, mengetahui hak mereka.

Ini mesti diletakkan seolah-olah macam lesen juga, jadi mungkin boleh dimudahkan dengan piagam-piagam tertentu, tetapi ini wajib dipaparkan oleh banyak premis dan kalau tidak papar, saya cadangkan lesen tidak akan diberikan kepada syarikat tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada ketujuh-tujuh Ahli Yang Berhormat Dewan Negara yang telah bangun memberikan perhatian terhadap rang undang-undang yang telah saya bentangkan sebentar tadi.

Pertamanya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat mengenai dengan soal mencadangkan agar kementerian dan juga PBT untuk menanggalkan iklan-iklan.

Ini merupakan satu tanggung jawab yang memang ada pada kementerian dan juga kepada SKMM, itu adalah jawapan saya di atas Rang Undang-undang Perbekalan sebentar tadi. Saya telah menyebut bahawa SKMM telah pun menawarkan perkhidmatan mereka dan mereka akan mendapat aduan nombor-nombor yang tertera mengenai dengan iklan-iklan dan sebagainya akan ditamatkan dengan serta-merta. Ini adalah satu langkah yang cukup baik yang akan dapat membantu kementerian dan juga PBT. Mengenai dengan jaminan hak asasi manusia, undang-undang dibuat untuk memberi kuasa kepada pegawai penguat kuasa membuat tangkapan tanpa waran. Walau bagaimanapun, kuasa ini hanya boleh dilaksanakan jika seorang pegawai penguat kuasa itu dengan bilangan munasabah, menyaki atau seseorang itu telah atau cuba untuk melakukan mana-mana kesalahan di bawah undang-undang.

Maknanya tidak ada tindakan yang diambil secara tidak mempunyai bukti yang jelas tentang undang-undang yang kita akan bentangkan ini. Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah membangkitkan soal dengan akta, kenapa bukan Kementerian Kewangan yang membentangkan akta ini, kenapa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sebenarnya Akta Pemberi Pinjam Wang 1991 ataupun (Akta 400) yang terpakai di Semenanjung Malaysia ini adalah memang dahulunya pemberi pinjam ini tidak berlesen, tapi apabila kerajaan memikirkan bahawa perlu dilesenkan, maka kerajaan memutuskan pada ketika itu untuk pinjaman-pinjaman seperti ini diletakkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Di samping itu, Yang Berhormat juga telah menyentuh soal, apakah kriteria asas untuk memberikan pinjaman dan sebagainya, itu di antara perkara-perkara yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dan perkara-perkara asas yang amat penting ialah mereka ini orang yang mempunyai *capital* ataupun modal yang secukupnya.

Keduanya, mereka juga harus mematuhi dan tidak melanggar mana-mana akta yang telah diperuntukkan khususnya dalam peruntukan akta-akta yang telah kita pinda ini, supaya ianya memberikan keselesaan kepada peminjam-peminjam yang berkenaan.

Mengenai dengan pemberian lesen, syarat yang dikenakan untuk baharu ialah satu juta. Inilah yang disebut tadi supaya mereka ini mempunyai modal yang secukupnya, dan mereka tidak akan menggunakan lesen ini sewenang-wenangnya iaitu untuk menjadi ah long dan sebagainya. Inilah di antara cadangan-cadangan supaya dikenakan denda-denda yang besar ataupun denda-denda yang tinggi kepada mereka yang melanggar undang-undang dan akta-akta seperti yang kita pinda sekarang.

Mengenai dengan cadangan Yang Berhormat Puan Hajah Zainun mengenai dengan program untuk memasukkan ataupun mengadakan kesedaran kepada orang awam. Memang kita akan menyediakan beberapa program di antaranya ialah untuk menyiarkan temu bual, berbincang dengan stesen RTM, seminar dan juga lain-lain seperti yang diberikan tentang hak-hak pengguna terhadap pemberi pinjam wang.

Saya juga ingin menjawab tentang persoalan Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff mengenai dengan proses pelesenan yang lambat. Kementerian pada masa ini memproses semua lesen permit iklan peminjam wang di dalam 14 hari sahaja setelah menerima dokumen yang lengkap daripada pihak pemohon.

Seterusnya kepada Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin, kerajaan telah menyediakan pelbagai skim kredit mikro dengan kadar faedah yang rendah seperti BSN, Agro Bank, Yayasan Ekonomi Islam, TEKUN, Amanah Ikhtiar Malaysia dan semua agensi ini ada menyediakan pinjaman untuk mereka yang memerlukan pinjaman khususnya untuk memulakan perniagaan dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap juga telah mencadangkan supaya mencetak risalah-risalah dalam pelbagai bahasa. Ini pun akan kita ambil kira dalam soal untuk kita menentukan bahawa peminjam-peminjam ini faham. Kita percaya bahawa ada peminjam-peminjam tidak faham sama ada dalam bahasa Malaysia atau dalam bahasa Inggeris. Jadi kemungkinan kementerian akan meminta pelesen-pelesen ini supaya – di antaranya borang-borang ini dicatat dalam beberapa bahasa. Yang Berhormat juga mengatakan bahawa, apakah langkah-langkah dan tindakan perlu diambil sekiranya pihak pemberi pinjaman ini tidak menentukan kaedah-kaedah dan sebagainya. Sebenarnya dalam rang undang-undang ini cukup ketat, di mana seseorang peminjam tidak boleh menandatangani borang yang kosong, ia mesti dicetak berapa pinjaman yang dipinjam dan kalau didapati peminjam ini mengisi borang yang kosong, pemberi pinjam ini akan diambil tindakan di bawah satu undang-undang ataupun di bawah akta ini.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, tidak perlu ada apa-apa keraguan dan saya mengucapkan terima kasih. Satu lagi daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz sebentar tadi bahawa ini saya akan jawab secara bertulis kerana ini adalah hubung kait dengan soal undang-undang, sama ada ia boleh dibaca bersama dalam satu *penal code* dan sebagainya. Ini kita akan jawab secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 47 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sekarang menunjukkan pukul 11.13 malam, maka Ahli Yang Berhormat semua, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan juga Menteri-menteri dan akhir sekali mesyuarat Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Rabu, 22 Disember 2010. Sekian, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 11.13 malam.